05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENANDA PRAGMATIK *YA* SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HUSNA FAREDZA MOHAMED REDZWAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENANDA PRAGMATIK *YA* SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN

HUSNA FAREDZA MOHAMED REDZWAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAPORAN TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: PENANDA PRAGMATIK YA SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN

No. Matrik /*Matric's No.*: P20122001994

Saya / *I* : HUSNA FAREDZA BINTI MOHAMED REDZWAN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 31/12/2020

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)
Prof Madya Dr. Anida Sarudin
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD.**

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00
m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN

SISWAZAH PERAKUAN

KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...15.....(hari bulan).....12..... (bulan) .....2020.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, HUSNA FAREDZA BINTI MOHAMED REDZWAN, P20122001994, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENANDA PRAGMATIK *YA* SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. ANIDA BINTI SARUDIN dengan ini mengesahkan bahasa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENANDA PRAGMATIK *YA* SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN BAHASA MELAYU.

31/12/2020

Tarikh.

Tandatangan Penyelia
Prof Madya Dr. Anida Sarudin
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Segala puji ke hadrat Allah SWT dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya juga tesis ini berjaya disempurnakan.

Penghargaan khusus dan jutaan terima kasih ingin saya ungkapkan buat Profesor Madya Dr. Anida Sarudin dan Profesor Madya Dr. Norliza Jamaluddin atas kesabaran, kegigihan dan komitmen mereka membimbing, menunjuk ajar dan membantu serta menyuluh jalan sehingga tesis ini dapat dihasilkan. Kepada Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdul, Profesor Dr. Noriah Mohamed dan Profesor Madya Dr. Norazlina Mohd. Kiram, terima kasih kerana menilai tesis ini dengan penuh hikmah. Sekalung penghargaan juga ingin saya tujukan kepada Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Profesor Emeritus Dr. Abdul Hamid Mahmood, Profesor Madya Dr. Dahlia Janan, Profesor Madya Dr. Adenan Ayob, Profesor Madya Dr. Zulkifli Osman kerana sudi berkongsi ilmu, memberi pandangan dan nasihat yang memotivasikan. Terima kasih juga buat Dr. Miranda Stewart atas perkongsian ilmu dan sudi menghadiahkan buku beliau bertajuk *Politeness in Europe* yang menjadi antara sumber inspirasi untuk saya mendalami bidang ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Institut Pengajian Siswazah dan Perpustakaan Tuanku Bainun khususnya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris umumnya kerana menawarkan prasarana dan iklim yang positif sepanjang pengajian saya. Kepada rakan-rakan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, budi kalian akan terus dikenang.

Kepada suami tercinta, Khairul Azam Bahari dan anakanda tersayang, Nur Alisya Adriana Khairul Azam, terima kasih tidak terhingga kerana memahami kesibukan, sentiasa mendoakan yang baik-baik dan berterusan menyuntik semangat. Tidak pernah dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan ditujukan buat bonda dan ayahanda yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan ini. Begitu juga buat arwah bonda dan ayahanda mertua atas doa semasa mereka masih ada dan didoakan semoga mereka damai di sana. Sekalung penghargaan juga ditujukan buat semua ahli keluarga atas sokongan yang diberikan.

Didoakan semoga semua insan yang mendoakan, menghulurkan bantuan dan pertolongan dalam usaha menyempurnakan tesis ini sentiasa dirahmati Allah SWT.

Akhir sekali, diharapkan agar secebis ilmu yang terkandung dalam penulisan tesis ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan dapat dimanfaatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pola kesantunan berbahasa dalam posisi yang diduduki oleh penanda pragmatik *ya* dan fungsi penanda pragmatik *ya* berdasarkan makna pragmatik berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun. Selain itu, tujuan kajian ini dilakukan untuk memperlihatkan kesan kehadiran penanda pragmatik *ya t*erhadap daya ilokusi lakuan tuturan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berasaskan analisis kandungan rakaman rancangan wawancara di televisyen, iaitu *Selami Jiwa* bertajuk *Pasangan Kuat Merajuk*. Saiz korpus adalah sebanyak 3589 perkataan dengan kehadiran 110 penanda pragmatik *ya.* Instrumen kajian yang digunakan bagi mencapai objektif ialah senarai semak dan jadual pencerapan. Selain itu, perisian AntConc. 3.5.8 digunakan untuk memproses data dalam bentuk konkordans yang seterusnya ditranskripsikan sebelum dianalisis. Kerangka Amalgamasi Santun yang menggabungkan Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) diaplikasikan bagi menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam 18 pola teras amalgamasi santun menerusi Kerangka Amalgamasi Santun. Selain itu, penanda pragmatik *ya* juga didapati hadir menerusi tiga taksonomi lakuan tuturan yang dianjurkan oleh Searle (1969), iaitu lakuan asertif (41.82%), lakuan direktif (48.18%) dan lakuan ekspresif (10.00%). Secara umumnya, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan sebagai intensifier yang menguatkan daya ilokusi lakuan tuturan asertif dan ekspresif. Penanda pragmatik *ya* juga didapati berperanan sebagai mitigator yang melemahkan daya ilokusi lakuan ancaman muka direktif. Secara khususnya, berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, sejumlah 16 fungsi interpersonal penanda pragmatik *ya* dapat diserlahkan. Jelasnya, kajian ini diyakini memberi nilai tambah menerusi dapatan baharu dalam mendeskripsi fungsi penanda pragmatik *ya* sebagai peranti kesantunan berbahasa menerusi mod interaksional dan mod sikap. Turut sama penting, Kerangka Amalgamasi Santun didapati berupaya menyerlahkan fungsi penanda pragmatik *ya* yang autentik dengan pendeskripsian secara teoretikal. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan kehadiran penanda pragmatik *ya* semasa berinteraksi turut menyumbang sebagai salah satu nilai santun berbahasa yang wujud dalam bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PRAGMATIC MARKER YA AS A LANGUAGE POLITENESS DEVICE BASED ON POLITENESS AMALGAMATION FRAMEWORK

ABSTRACT

This research was carried out to identify the language politeness patterns by studying the position of pragmatic marker *ya* and its functions, which is based on its pragmatic meaning under the Politeness Amalgamation Framework. The research also examined the effect of its presence on the implication of the illocutionary force of speech act. The qualitative design method was employed by running a content analysis approach on a television talk show called *Selami Jiwa*. The title for that particular talk show program was *Pasangan Kuat Merajuk*. The size of the corpus data was 3589 words with the presence of 110 pragmatic markers *ya*. The instruments that were used to achieve the objectives were checklist and observation table. AntConc. 3.5.8 was utilised to process the collected data in the form of concordance properties which was later transcribed before they were analysed. The Politeness Amalgamation Framework was applied in completing the analysis by combining Grice's Cooperative Principle (1975), Leech's Politeness Principle (1983, 2014), and Brown and Levinson's Politeness Strategy (1987).The findings of the research showed that the pragmatic marker *ya* were present in 18 fundamental patterns through the Politeness Amalgamation Framework. Additionally, the pragmatic marker *ya* was also present through three speech act taxonomy which was introduced by Searle (1969). They can be categorized as assertive speech act (41.82%), directive speech act (48.18%), and expressive speech act (10.00%). In general, the pragmatic marker *ya* was found to act as an intensifier, which strengthens the illocutionary force of the assertive and expressive speech act. The pragmatic marker *ya* was also observed as a mitigator, which function is to soften the illocutionary force of a directive face threatening act. Specifically, 16 interpersonal functions of pragmatic marker *ya* were highlighted based on the Politeness Amalgamation Framework. Clearly, the research adds to the new findings in describing the functions of the pragmatic marker *ya* as a language politeness device through interactional and attitudinal modes. Equally important, the Politeness Amalgamation Framework is able to describe the functions of pragmatic marker *ya* in its authentic forms and theoretically describes its usage. It can be concluded that the existence of pragmatic marker *ya* during interaction contributes to one of the language politeness values in the Malay language.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Persoalan Kajian	21
1.6 Kerangka Konseptual	22
1.7 Definisi Operasional	25
1.7.1 Kesantunan Berbahasa	25

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Kerangka Amalgamasi Santun 26

1.7.3 Penanda Pragmatik 27

1.7.4 Lakuan Tuturan 28

1.7.5 Daya Ilokusi 30

1.7.6 Implikatur 31

1.8 Batasan Kajian 31

1.9 Kepentingan Kajian 33

1.10 Rumusan 37

BAB 2: SOROTAN LITERATUR 38

2.1 Pendahuluan 38

2.2 Definisi Kesantunan Berbahasa 38

2.3 Kajian Kesantunan Berbahasa dari Pelbagai Perspektif 41

2.3.1 Perspektif Norma Sosial 42

2.3.2 Perspektif Maksim Pertuturan 44

2.3.2.1 Lakoff (1973, 1975) 45

2.3.2.2 Prinsip Kerjasama Grice (1975) 47

2.3.2.3 Prinsip Kesantunan Leech (1983) 52

2.3.3 Perspektif Penjagaan Muka 57

2.3.3.1 Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987) Berasaskan Penjagaan Muka 57

2.3.3.2 Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987) Berasaskan Lakuan Ancaman Muka 59

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4 Perspektif Pematuhan Peraturan Bahasa 64

2.3.5 Perspektif Ihsan dan Ibadah dalam Islam 68

2.3.6 Perspektif Ekspresi Pragmatik Berperantikan Penanda Pragmatik 72

2.3.6.1 Terminologi Penanda Pragmatik 72

2.3.6.2 Definisi Penanda Pragmatik 75

2.3.6.3 Pendekatan dan Teori Berkaitan Penanda Pragmatik 78

2.3.6.3.1 Kajian Berasaskan Teori Relevans 79

2.3.6.3.2 Kajian Berasaskan Teori Koherens 80

2.3.6.3.3 Kajian Berasaskan Teori Lakuan Bahasa 81

2.3.6.3.4 Kajian Berasaskan Teori Kesantunan Berbahasa 83

2.3.6.3.5 Kajian Berasaskan Pendekatan Linguistik Korpus 85

2.3.6.4 Fitur Penanda Pragmatik 87

2.3.6.4.1 Kandungan Proposisi Ujaran 87

2.3.6.4.2 Pilihan Secara Sintaktik 88

2.3.6.4.3 Indeksikaliti 89

2.3.6.4.4 Kepelbagaian Fungsi 90

2.3.6.4.5 Posisi 93

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.4.6 Kepelbagaian Sintaktik 93

2.3.6.4.7 Bercirikan Lisan (Orality) 94

2.3.6.5 Fungsi Penanda Pragmatik 95

2.3.6.5.1 Domain Interpersonal Mod Interaktif 96

2.3.6.5.2 Domain Interpersonal Mod Sikap 97

2.3.6.6 Kajian Penanda Pragmatik *Lah* 98

2.3.6.7 Kajian Penanda Pragmatik *Ya* 105

2.3.6.8 Kajian Varian Penanda Pragmatik 109

2.4 Rumusan 112

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN 115

3.1 Pendahuluan 115

3.2 Reka Bentuk Kajian 116

3.3 Sampel Kajian 117

3.3.1 Pemilihan Saiz dan Jumlah Data Korpus 121

3.3.2 Kepadaan Saiz Data Korpus 122

3.3.3 Pewajaran Pemilihan Data Korpus 124

3.3.4 Pewajaran Pemilihan Data Korpus Bersumberkan Genre Wawancara di Televisyen 125

3.4 Instrumen Kajian 131

3.5 Prosedur Pengumpulan Data 135

3.6 Kaedah Penganalisisan Data 137

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Landasan Teori 147

3.7.1 Teori Kesantunan 147

3.7.1.1 Prinsip Kerjasama Grice (1975) SK1 147

3.7.1.2 Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014) SK2 151

3.7.1.3 Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) SK3 156

3.7.2 Pembentukan Kerangka Amalgamasi Santun 162

3.8 Rumusan 163

BAB 4 PENANDA PRAGMATIK YA SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN 165

4.1 Pendahuluan 165

4.2 Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Amalgamasi Santun 166

4.2.1 Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Asas Amalgamasi Santun 167

4.2.2 Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Teras Amalgamasi Santun 168

4.2.3 Representasi Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Teras dan Pola Khusus Amalgamasi Santun 169

4.3 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* 201

4.3.1 Penanda Penegasan 203

4.3.2 Penanda Mesra 206

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Penanda Basa-Basi, Fatis, *Backchanneling* 209

4.3.4 Penanda Pembatas, Pelunak, Mitagasi, *Hedge* 211

4.3.5 Penanda Persetujuan 213

4.3.6 Penanda Penarik Perhatian 216

4.3.7 Penanda Pengorganisasian Giliran Berbicara 218

4.3.8 Penanda Mengumpama dan Mengendahkan Pendengar 221

4.3.9 Penanda Ketulusan dan Keikhlasan 224

4.3.10 Penanda Optimis 227

4.3.11 Penanda Memandu Kefahaman Pendengar 228

4.3.12 Penanda Memperbesarkan Perhatian, Penghargaan atau Persetujuan 229

4.3.13 Penanda Penghargaan 232

4.3.14 Penanda Spontan 235

4.3.15 Penanda Simpati 237

4.3.16 Penanda Fasilitatif, Menyenangi, Menyedari Kesukaan Pendengar 238

4.4 Kemultifungsian Penanda Pragmatik *ya* 241

4.5 Fungsi Interpersonal Penanda Pragmatik *ya* 246

4.5.1 Mod Interaksional 246

4.5.2 Mod Sikap 250

4.6 Fungsi Penanda Pragmatik ya dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Taksonomi Lakuan Tuturan 253

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.1 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Asertif 255

4.6.2 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif 257

4.6.3 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif 261

4.7 Rumusan 263

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN 265

5.1 Pendahuluan 265

5.2 Pola Kesantunan Bahasa yang Diduduki oleh Penanda Pragmatik *ya* Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun 266

5.3 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun 267

5.4 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun 270

5.5 Saranan Masa Hadapan 279

5.6 Rumusan 280

RUJUKAN 282

LAMPIRAN 308

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Penanda Pragmatik dan Istilah Lain yang Diterima	75
3.1	Frekuensi Kehadiran Penanda Pragmatik ya dan Saiz Korpus Mengikut Episod dalam Genre Wawancara *Selami Jiwa*	120
3.2	Frekuensi Kehadiran Penanda Pragmatik dan Saiz Korpus Mengikut Episod dalam Genre Ceramah Agama *Tanyalah Ustazah*	120
4.1	Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Asas Kesantunan	167
4.2	Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Teras Amalgamasi Santun	168
4.3	Pola A – SK1(1), SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	170
4.4	Pola B - SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP)	173
4.5	Pola C – SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	175
4.6	Pola D – SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP)	176
4.7	Pola E - SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP), (KN)	178
4.8	Pola F - SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP)	179
4.9	Pola G - SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	181
4.10	Pola H - SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP)	183
4.11	Pola I - SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	185
4.12	Pola J – SK1(3) + SK2(1) + SK3(KN)	187
4.13	Pola K – SK1(3) + SK2(3) + SK3(KP)	189
4.14	Pola L – SK1(3) + SK2(5) + SK3(KP)	191

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.15	Pola M - SK1(3) + SK3(KP)	192
4.16	Pola N - SK1(4) + SK2(1) + SK3(KP)	194
4.17	Pola O – SK1(4) + SK2(4) + SK3(KN)	195
4.18	Pola P – SK1(4) + SK2(5) + SK3(KP)	197
4.19	Pola Q - SK1(4) + SK2(6) + SK3(KP)	198
4.20	Pola R – SK2(1) + SK3(KP)	200
4.21	Fungsi Penanda Pragmatik *ya* mengikut Taksonomi Lakuan Tuturan	202
4.22	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Penegas	204
4.23	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Mesra	207
4.24	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Basa-Basi	209
4.25	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Mitigasi	211
4.26	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Persetujuan	214
4.27	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Penarik Perhatian	216
4.28	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Pengorganisasian Giliran	219
4.29	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Mengumpamakan Pendengar	222
4.30	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Ketulusan	224
4.31	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Optimis	227

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.32	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Memandu Kefahaman Pendengar	228
4.33	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Memperbesarkan Perhatian, Penghargaan dan Persetujuan	230
4.34	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Penghargaan	232
4.35	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Spontan	235
4.36	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Simpati	237
4.37	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* sebagai Penanda Fasilitatif	239
4.38	Representasi Kemultifungsian Penanda Pragmatik *ya* dalam Lakuan Tuturan Asertif	243
4.39	Representasi Kemultifungsian Penanda Pragmatik *ya* dalam Lakuan Tuturan Direktif	244
4.40	Representasi Kemultifungsian Penanda Pragmatik *ya* dalam Lakuan Tuturan Ekspresif	245
4.41	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dalam Mod Interaksional Lakuan Tuturan Asertif	247
4.42	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dalam Mod Interaksional Lakuan Tuturan Direktif	248
4.43	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dalam Mod Interaksional Lakuan Tuturan Ekspresif	249
4.44	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dalam Mod Sikap Lakuan Tuturan Asertif	250
4.45	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dalam Mod Sikap Lakuan Tuturan Direktif	251
4.46	Representasi Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dalam Mod Sikap Lakuan Tuturan Ekspresif	252

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.47	Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* mengikut Taksonomi dan Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	253
4.48	Representasi Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Asertif	255
4.49	Representasi Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif	258
4.50	Representasi Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif	261

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual	24
Rajah 2.1	Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987)	58
Rajah 3.1	Struktur Genre Wawancara	136
Rajah 3.2	Sampel penganalisisan data menggunakan perisisan AntConc 3.5.8	139
Rajah 3.3	Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Kesantunan Berbahasa Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun	140
Rajah 3.4	Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Lakuan Tuturan Searle (1969)	141
Rajah 3.5	Fasa Penganalisisan Data	146
Rajah 3.6	Prinsip Kerjasama Grice (1975)	150
Rajah 3.7	Prinsip Kesantunan Leech (1983)	155
Rajah 3.8	Empat Skala Kesantunan Leech (1983)	156
Rajah 3.9	Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987)	157
Rajah 3.10	Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang Diaplikasi dalam Kajian Ini	158
Rajah 3.11	Strategi Kesantunan Positif dan Strategi Kesantunan Negatif Brown dan Levinson (1987)	161
Rajah 3.12	Pola Asas Kesantunan Bahasa dalam Kerangka Amalgamasi Santun	163
Rajah 4.1	Pola Asas, Pola Teras dan Pola Khusus Kesantunan Berbahasa Penanda Pragmatik ya Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun	166

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2	Jaringan Interstrategi dan Intrastrategi Menerusi Kerangka Amalgamasi Santun	242
Rajah 5.1	Peratusan Penanda Pragmatik *ya* Mengikut Fungsi	268
Rajah 5.2	Kekerapan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Taksonomi Lakuan Tuturan Mengikut Kategori Fungsi	269
Rajah 5.3	Peratus Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* Mengikut Taksonomi Lakuan Tuturan	271
Rajah 5.4	Kekerapan dan Peratusan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Taksonomi Lakuan Tuturan Mengikut Kategori Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	272
Rajah 5.5	Kesan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Asertif	275
Rajah 5.6	Kesan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif	276
Rajah 5.7	Kesan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif	277
Rajah 5.8	Kesan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Asertif, Ekspresif dan Direktif	278

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

A	Asertif
D	Direktif
DILT	Daya Ilokusi Lakuan Tuturan
E	Ekspresif
F	Fungsi
INT	Intensifier
IPT	Institut Pengajian Tinggi
KN	Kesantunan Negatif
KP	Kesantunan Positif
LAM	Lakuan Ancaman Muka
LT	Lakuan Tuturan
MIT	Mitigator
P	Pola
PP	Penanda Pragmatik
SJY	Selami Jiwa
SK	Strategi Kesantunan
SK1	Prinsip Kerjasama Grice (1975)
SK2	Prinsip Kesantunan Leech (1983)
SK3	Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987)
UA	Universiti Awam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

1	Transkripsi Data Wawancara Selami Jiwa Episod 10 Bertajuk Pasangan Kuat Merajuk
2	Eksplikator Lokusi Ujaran SJY1-SJY110
3	Instrumen 1: Senarai Semak Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Teori (SK1) Prinsip Kerjasama Grice (1975)
4	Instrumen 2: Senarai Semak Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Teori (SK2) Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014)
5	Instrumen 3: Senarai Semak Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Teori (SK3) Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987)
6	Instrumen 4: Jadual Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Teori Amalgamasi Santun
7	Instrumen 5: Jadual Analisis Fungsi Penanda Pragmatik *ya* Berasaskan Teori Amalgamasi Santun
8	Instrumen 6: Jadual Analisis Pencerapan Komprehensif Kesan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Berasaskan Fungsi Menerusi Aplikasi Teori Amalgamasi Santun
9	Jadual Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Teras dan Pola Khusus Amalgamasi Santun
10	Jadual Penanda Pragmatik *ya* dan Eksplikator Lokusi Ujaran Mengikut Fungsi Secara Monofungsional
11	Jadual Fungsi Penanda Pragmatik *ya* Mengikut Taksonomi Lakuan Tuturan Secara Monofungsional dan Multifungsional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

12 Jadual Komprehensif Analisis Data SJY1-110 Berasaskan Pola dan Strategi Kesantunan, Fungsi dan Taksonomi Lakuan Tuturan

13 Jadual Fungsi Penanda Pragmatik *ya* Berdasarkan Taksonomi Lakuan Tuturan

14 Jadual Eksplikatur Lokusi Ujaran dalam Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Asertif

15 Jadual Eksplikatur Lokusi Ujaran dalam Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif

16 Jadual Eksplikatur Lokusi Ujaran dalam Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kesantunan berbahasa merupakan adab dan tertib berbahasa yang menjadi amalan sesebuah masyarakat secara konvensi dalam memelihara hubungan sesama manusia semasa berkomunikasi. Kesantunan berbahasa penting dan harus dipelihara, dilestari dan dipergiatkan lagi amalannya demi membentuk keperibadian bangsa. Keperluan untuk memberikan perhatian kepada kesantunan berbahasa Melayu menjadi lebih penting kerana kedudukan dan peranannya sebagai salah satu teras jati diri dan citra negara dan ciri kebangsaan. Tradisi santun dan indah bertutur kata semasa mengungkapkan buah fikiran dan bicara sedaya mungkin dalam melahirkan atau mencetuskan interaksi atau komunikasi lisan bercirikan bebas konflik khususnya, perlu dipertahankan dan ditingkatkan. Usaha ini perlu diteruskan lebih-lebih lagi dalam zaman globalisasi yang menuntut manusia supaya lebih berhemah dan berhikmah dalam rangka melestarikan sifat, ciri kebangsaan dan jati diri, dalam masa yang sama memanfaatkan unsur-unsur positif tamadun lain menempuh cabaran globalisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesantunan berbahasa berasosiasi dengan elemen mendidik. Pendidikan santun berbahasa bermula dari rumah dalam konteks yang tidak formal, diikuti pula di sekolah dalam konteks formal dan tidak formal dan kemudiannya terdidik secara tidak langsung dalam proses sosialisasi dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh yang demikian, tidak hairanlah ramai pengkaji tempatan turut mengkaji aspek kesantunan dalam konteks formal atau tidak formal sama ada di rumah, di sekolah, dan di pusat pengajian tinggi. Kajian kesantunan berbahasa dalam konteks tidak formal di rumah khususnya dalam kalangan ahli keluarga dilaksanakan oleh Stefani Pillai (2008), Zuraidah Mat Don (2008) dan Kuang Ching Hei (2008). Kajian kesantunan di sekolah dalam konteks rasmi dan tidak rasmi pernah dilaksanakan oleh Husna Faredza Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin dan Zulkifli Osman (2020); Zulkifley Hamid dan Naidatul (2013); Zaitul Azma Zainon (2012); Zaitul Azma Zainon, Ahmad Fuad dan Mohd Nor Hafizudin (2011); Marlyna Maros, Aslinda John dan Mohd Baharim (2010); dan Zuraini Ramli, Dahlia Janan, Husna Faredza Mohamed Redzwan dan Khairul Azam Bahari (2009). Kajian kesantunan di peringkat pengajian tinggi pula juga telah menarik perhatian pengkaji tempatan dan pernah dilaksanakan oleh Wan Robiah Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab (2018); Nurul Jamilah Rosly (2013); Mohammad Fadzeli Jaafar (2012); dan Nasariah Mansor, Faizah Ahmad dan Yusniza Yaakub (2010). Jelasnya, secara keseluruhannya kajian kesantunan berbahasa dalam konteks pendidikan perlu dipergiat dengan tidak terbatas kepada pendidikan formal semata-mata. Proses pemindahan nilai luhur dan budaya murni berteraskan kesantunan yang mempunyai keteladanan yang tinggi perlu disebarkan menerusi medium lain juga seperti melalui media penyiaran contohnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, pengkaji mengambil inisiatif untuk melaksanakan kajian kesantunan berbahasa dalam konteks berunsurkan pendidikan juga tetapi secara tidak formal, iaitu dalam wawancara di televisyen. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, aspek kesantunan yang diteliti adalah bersumberkan data korpus berasaskan media dalam genre wawancara dengan memberi tumpuan terhadap penggunaan penanda pragmatik yang diyakini berupaya mendidik dan mengadabkan insan.

Berdasarkan rentas kajian tersebut, kesantunan mendapat perhatian yang serius dalam fenomena linguistik mahupun bukan linguistik. Minat terhadap bidang ini terbukti dengan tertubuhnya *Inter-university Linguistic Politeness Research Group* pada tahun 1999 di United Kingdom. Secara umumnya, kesantunan telah menjadi satu bidang kajian yang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji di Barat sejak tiga dekad kebelakangan ini. Hubung kait kesantunan dengan bidang lain seperti sosiolinguistik, sosiopragmatik, etnografi komunikasi, pengajaran bahasa kedua, psikologi, kaunseling, perniagaan, antropologi sosial, budaya, sosiologi dan gender telah menyumbang kepada berkembangnya minat terhadap pelbagai aspek kesantunan sebagai satu bidang kajian.

Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam usaha melestarikan amalan kesantunan dalam kalangan warganegaranya melalui dasar-dasar yang digubal. Melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) misalnya, kesantunan bahasa yang menggambarkan kehalusan budi, pemikiran, falsafah, sistem nilai, sistem masyarakat dan seluruh aspek kebudayaan itu sendiri diletakkan sebagai aspek pertama kebudayaan Melayu yang menjadi asas kebudayaan negara (Awang Sariyan, 2012, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesedaran tentang pentingnya aspek penyerapan nilai murni yang menjadi unsur kesantunan dan adab sopan mencetuskan pernyataan Falsafah Pendidikan Negara 1987 yang berbunyi:

> Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untu mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Semua ungkapan dalam Falsafah Pendidikan Negara itu sebenarnya membayangkan nilai-nilai murni yang perlu dipindahkan atau diperturunkan kepada anak didik melalui sistem pendidikan (Awang Sariyan, 2014). Sewajarnya, usaha ini tidak berhenti di situ sahaja. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) juga menunjukkan kesedaran akan pentingnya aspek kesantunan dalam melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak mulia. Jelasnya, aspek kesantunan ini perlu diberi perhatian serius dalam dunia pendidikan dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi kerana elemen penting dalam kemahiran insaniah ini perlu dikuasai oleh pelajar sekolah dan seterusnya pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau Universiti Awam (UA) sebagai persediaan menghadapi dunia berkerjaya dan kehidupan bermasyarakat dengan sejahtera dan harmoni. Titik tolak kepada kesejahteraan dan keharmonian negara berbilang kaum dan budaya ini adalah berteraskan Rukun Negara yang ke-5 (Kesopanan dan Kesusilaan). Kerajaan Malaysia sendiri terus menunjukkan keperihatinan yang tinggi terhadap amalan ini dengan melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni pada 11 Januari 2005. Ini menunjukkan bahawa amalan kesantunan berbahasa sangat relevan dipergiatkan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disemarakkan penggunaannya dalam pelbagai ranah, iaitu tidak terbatas dalam konteks pendidikan formal secara eksplisit sahaja malah menjangkau aspek pendidikan secara tidak formal, iaitu secara implisit juga.

Jelasnya, amalan kesantunan harus disokong, dilanjutkan dan disepadukan melalui pelestariannya melalui pendidikan yang boleh dipindahkan bukan sahaja melalui aliran perdana sistem pendidikan formal di sekolah, malahan boleh diluaskan cakupannya dalam konteks tidak formal juga, iaitu luar daripada sistem pendidikan sedia ada seperti melalui media penyiaran misalnya yang menjadi salah satu wadah atau sumber utama dalam mendidik masyarakat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang santun. Raja Masittah Raja Ariffin (2013) menegaskan bahawa media penyiaran bukan sahaja berfungsi sebagai penyebar maklumat dan ilmu kepada pendengar dan penonton malah media penyiaran berfungsi dalam mendidik mereka menggunakan bahasa kebangsaan secara bersantun.

Seterusnya, elemen pendidikan dilihat sebagai elemen penting yang digabungjalinkan bersama elemen ekonomi dan politik oleh pihak kerajaan Malaysia melalui *National Key Result Area* (NKRA) dalam usaha dan hasrat untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat dengan menggalakkan rakyatnya untuk bersosialisasi. Kesemua elemen tersebut dapat diharmonikan dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan mengamalkan kesantunan berbahasa. Hasilnya, negara kita bukan sahaja maju dalam aspek ekonomi, sains dan teknologi, tetapi dihormati sebagai bangsa yang bermaruah dan berkeperibadian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terkini, dalam hala tuju perancangan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), Pendidikan Tinggi misalnya, jelas menyatakan aspek generasi akan datang yang hendak dilahirkan. Ternyata generasi yang seimbang dari segi akhlak dan adab dengan ilmulah yang hendak dicapai. Lonjakan daripada menghasilkan *human capital* kepada *human being (talent)* jelas menunjukkan keseriusan peri pentingnya aspek kesantunan digiatkan amalannya dalam kalangan masyarakat khususnya dalam dunia pendidikan.

Secara khususnya, penyelidikan kesantunan bahasa di Malaysia boleh diteliti dan ditelusuri berdasarkan pengukuran kepatuhan pengguna bahasa terhadap peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat dengan mengambil kira norma sosial dan amalan beragama kerana pastinya kesantunan berbahasa bercirikan spesifik dan sensitif budaya. Setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa masing-masing. Asmah Omar (2002) misalnya telah merumuskan bahawa terdapat tiga jenis peraturan penggunaan bahasa, iaitu peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik dan peraturan pragmatik.

Jelasnya, penyelidikan berkaitan kesantunan berbahasa mendapat tempat dalam kalangan penyelidik di Malaysia, namun aspek penggunaan penanda pragmatik khususnya *ya* dari sudut kesantunan berbahasa baru menapak dengan terlaksananya penyelidikan ini. Penyelidikan ini memerihalkan aspek kesantunan secara deskriptif dengan berteraskan data korpus lisan yang kontemporari dan autentik sifatnya melalui gambaran penggunaan sebenar bahasa oleh masyarakat penuturnya dalam genre wawancara dari sudut pragmatik dengan memberi tumpuan terhadap penggunaan penanda pragmatik. Penanda pragmatik dipilih untuk dikaji kerana partikel ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasosiasi dengan prinsip kesantunan (Aijmer, 2015). Justeru, penyelidikan ini berfokuskan penggunaan penanda pragmatik dari sudut kesantunan berbahasa berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian penanda pragmatik di Malaysia didapati telah diteliti sebelum ini tetapi pendeskripsiannya adalah secara permukaan sahaja. Antara penelitian tersebut adalah terhadap *ya* dan *lah* yang telah dilaksanakan oleh Asmah Omar (2014, 2008); Nik Safiah Karim et al. (2009); Abdullah Hassan (2006); dan Za'ba (2000) dari aspek nahuan. Dalam kajian ini, pengkaji ingin memfokuskan kajian terhadap penanda pragmatik *ya* dalam komunikasi lisan kerana *ya* kurang dikaji dan dihuraikan secara teoretikal. Kajian ini akan memberi tumpuan terhadap *ya* sebagai penanda pragmatik dari sudut pragmatik. Nik Safiah Karim et al. (2015, 1997); Asmah Omar (2014, 2008, 1993); dan Abdullah Hassan (2006) sepakat mengatakan bahawa penanda pragmatik atau istilah yang mereka gunakan adalah partikel khususnya *lah* tidak mempunyai makna dan tidak boleh berdiri sendiri tetapi mempunyai tugas tertentu dalam ayat, iaitu memberi kesan santun seperti melembutkan ayat perintah.

Penanda pragmatik *ya* yang menjadi tumpuan dalam kajian ini telah dideskripsikan oleh ahli bahasa terdahulu dari segi ketatabahasaan dan dari segi konseptualnya (semantik) mempunyai fungsi sebagai kata pembenar (Asmah Omar, 2008), iaitu perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan (Nik Safiah Karim et al., 2015) atau kata yang digunakan dalam menyatakan persetujuan. Perkataan *ya* juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendukung makna mengiyakan (Nik Safiah Karim et al., 2009) dan merupakan jawapan pendek yang diperlukan dalam ayat tanya tertutup (Abdullah Hassan, 2005; Asmah Omar, 2008). Selain itu, *ya* juga dilihat mempunyai fungsi sosiopragmatik seperti fungsi menyenangkan, fungsi pelentur daya ilokusi, fungsi persetujuan dan pengiktirafan, fungsi memancing tindak balas pendengar dan fungsi penguji tahap kefahaman pendengar (Husna Faredza Mohamed Redzwan, 2013). Kajian ini bersifat teoretikal namun perlu diperdalami dan diperluaskan.

Oleh yang demikian, kajian ini akan menumpukan aspek *ya* yang dikategorikan sebagai penanda pragmatik. Kajian dilakukan dari sudut hubung kaitnya dengan kesantunan berbahasa dalam korpus lisan formal dari perspektif pragmalinguistik dan sosiopragmatik yang tidak berfokuskan aspek tatabahasa sebaliknya merujuk aspek tatabahasa sosial yang sifatnya lebih praktis, deskriptif dan sensitif konteks. Kajian ini difikirkan signifikan kerana mampu menyumbang kepada pengembangan ilmu kesantunan berbahasa secara lebih mendalam, sekali gus meningkatkan kemahiran komunikatif yang bukan sahaja betul dari segi tatabahasanya malah mantap dari segi kecekapan pragmatik bahasanya dan tinggi nilai santunnya.

Oleh kerana penanda pragmatik *ya* kerap dan banyak digunakan dalam komunikasi harian dan ditambah pula penanda pragmatik turut hadir dalam data korpus kajian ini, justeru adalah munasabah untuk membuat hipotesis bahawa penanda pragmatik mempunyai peranan dan fungsi tertentu yang dianggap penting dalam komunikasi termasuklah komunikasi lisan formal khususnya dalam genre wawancara di televisyen. Perbincangan yang meneliti secara umum sahaja tentang aspek penanda pragmatik *ya* disifatkan sebagai kajian secara permukaan sahaja ini yang secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rasionalnya perlu didalami dan diperincikan lagi kajiannya, telah mencetuskan permasalahan dalam kajian ini. Jelasnya, dalam bahasa Melayu, penanda pragmatik *ya* hanya dilihat sekadar sebagai kata tugas dari aspek ketatabahasaan. Hakikatnya, penanda pragmatik *ya* berperanan lebih daripada itu, khususnya dari aspek kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, kajian ini akan membawa perspektif baru tentang penanda pragmatik *ya* khususnya dari segi pola, makna dan fungsinya berasaskan ekspresi pragmatik.

Dalam konteks di Malaysia, selain penanda pragmatik *ya* yang menjadi tumpuan kajian ini, penanda pragmatik *lah* juga didapati telah dihuraikan secara ringkas sahaja seperti dalam buku tatabahasa oleh Nik Safiah Karim et al. (2015, 1995); Asmah Omar (2014, 2008, 1993); dan Abdullah Hassan (2005b). Melalui penelitian deskriptif terhadap buku tatabahasa, *lah* mengandungi fungsi nahuan, iaitu partikel tersebut mengandungi unsur melembutkan ayat perintah (Nik Safiah Karim et al., 2009; Asmah Omar, 2008; Za'ba, 2000) yang secara tidak langsung ada kaitannya dengan aspek kesantunan bahasa. *lah* juga berfungsi sebagai kata tugas, iaitu kata penegas (Asmah Omar 2014; 2008; Nik Safiah Karim et al., 2009). Selain itu, Asmah Omar (2008) melihat *lah* sebagai unsur gesaan dalam modalitas kemestian. Selain itu, *lah* juga berfungsi sebagai penanda subjek. Za'ba (2000) pula melihat *lah* mempunyai fungsi menguatkan makna atau kehendak perkataan. Selain fungsi nahuan, *lah* juga ada dilihat fungsinya secara pragmatik dalam kalangan kanak-kanak dan telah dihuraikan secara ringkas oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sungguhpun aspek partikel dibincangkan dan dikaji dari aspek fungsinya secara nahuan dan pragmatik, namun kajian tersebut didapati kurang mendapat perhatian dalam kalangan ahli bahasa berbanding tiga kategori kata yang lain seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Oleh yang demikian pengkaji mengambil inisiatif mengkaji aspek penanda pragmatik secara lebih mendalam dan secara teoritikal khususnya dari segi pragmatik, iaitu dari sudut pragmalinguistik dan sosiopragmatik. Begitu juga yang berlaku melalui pengamatan terhadap bahasa Inggeris oleh Brown dan Levinson (1987: ms.146) sebelum ini misalnya terhadap partikel, yang menyatakan bahawa '*particles often constitute among the most commonly used words in a language, but are typically omitted from dictionaries and given little theoretical attention*'. Fenomena ini juga berlaku dalam partikel bahasa Melayu memandangkan partikel bahasa Melayu dianggap 'colloquial' kerana partikel digunakan secara basahan dalam komunikasi seharian. Sungguhpun begitu, berdasarkan data korpus kajian ini, masih terdapat penggunaan *ya* dalam konteks formal.

Sewajarnya, penanda pragmatik yang hadir secara produktif dalam komunikasi lisan tidak diremehkan fungsinya memandangkan kehadiran penanda pragmatik mempunyai peranan penting dalam sesebuah bahasa. Namun, kepentingan penanda pragmatik disangkal melalui stigma atau imej negatif yang didukunginya sedangkan ketiadaan penanda pragmatik memberi kesan negatif dalam interaksi sesebuah komunikasi. Hal ini dapat dijelaskan melalui fungsi penanda pragmatik itu sendiri.

Dalam konteks di Barat pula, seawal tahun 1950-an, Quirk (1955) penggunaan *you know, you see* dan *well* telah dibincangkan sebagai alat berkongsi kefahaman dan penanda keintiman hubungan dalam komunikasi seharian. Ini turut dinyatakan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watts (1988) yang menyebut bahawa penanda pragmatik ialah alat yang penting bagi memudahkan proses menterjemah maksud dan penglibatan sosial dalam interaksi lisan. Leech dan Svartvik (2002) turut menekankan bahawa kerjasama dalam perbualan adalah terhasil banyak daripada penggunaan penanda pragmatik.

Walaupun pengguguran penanda pragmatik tidak menjejaskan ketepatan dari segi ketatabahasaan, namun ayat boleh menjadi tidak jelas dan tidak koheren apabila penanda pragmatik digugurkan sehingga menyebabkan kegagalan dalam berkomunikasi (Fraser, 1990). Kepentingan penanda pragmatik juga dapat diserlahkan dengan melihat kesan pengguguran penanda pragmatik dalam konteks komunikasi, iaitu boleh menyebabkan sesebuah wacana menjadi tidak natural, ganjil, tidak mesra atau kaku (Brinton, 1996). Pandangan yang disampaikan di atas mencerminkan bahawa kehadiran penanda pragmatik tidak berlaku dalam keadaan yang tidak teratur atau tanpa disengajakan atau tanpa kerasionalannya. Sebaliknya, penggunaan penanda pragmatik menjadi ciri penting bagi melancarkan proses interaksi khususnya dari domain interpersonal, iaitu mod interaksional. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kewujudan penanda pragmatik bukanlah sesuatu yang muncul atau digunakan tanpa peranan atau fungsi.

Salah satu daripada ciri penanda pragmatik ialah tidak mendukung makna leksikal dalam ayat dan tidak mempunyai fungsi yang menonjol serta menjalankan fungsi yang tertentu sahaja. Dengan perkataan lain, kehadiran penanda pragmatik dalam sesuatu ujaran tidak memberi kesan kepada makna dalam kandungan ayat. Fitur semantik ini berkemungkinan berlaku akibat daripada reputasi sedia ada yang menyatakan bahawa penanda pragmatik adalah tidak berfungsi dan bertindan. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

contoh yang diberikan oleh Östman (1982), satu daripada prinsip penting bagi menunjukkan bahawa elemen berkenaan boleh disebut sebagai penanda pragmatik ialah penanda pragmatik tidak perlu terlibat secara langsung dalam kandungan ayat ujaran tetapi berfungsi secara implisit dalam makna ayat tersebut.

Pandangan ini turut disokong oleh Schiffrin's (1987) yang menegaskan bahawa penanda pragmatik membantu pendengar memilih, dan memapar struktur hubungan dalam sesebuah interaksi. Walaupun pegangan ini menjadi salah satu kriteria utama dalam memilih penanda pragmatik (lihat Schourup, 1999; Fraser, 1988; Jucker dan Ziv, 1998; Lenk, 1998), pandangan demikian tidak diterima secara sepakat. Erman (1987) sebagai contohnya mempersoalkan bahawa makna literal bagi sesuatu penanda pragmatik mungkin wujud secara sebahagian sahaja dan tidak pula bermakna bahawa maknanya tiada. Wierzbicka (1986) pula telah memberi pandangan yang lebih jauh dengan menyatakan bahawa dengan memegang pendirian tersebut menggambarkan kegagalan seseorang pengkaji untuk menganalisis.

Dalam kajian penanda pragmatik, didapati pelbagai teori dan pendekatan telah digunakan oleh para pengkaji. Ini menunjukkan bahawa para pengkaji berminat untuk merungkai isu berkaitan penanda pragmatik dengan menjalankan eksplorasi melalui penyelidikan tentang penanda pragmatik secara lebih mendalam berasaskan pelbagai teori dan pendekatan yang relevan dengan persoalan yang hendak dijawab seperti Teori Relevans oleh Vivien (2006), Anderson (1998) dan Aijmer (1996); Teori Koheren oleh Lam (2007) dan Lenk (1995); Teori Lakuan Tuturan oleh Aijmer (2002) dan Holmes (1995); Teori Kesantunan Bahasa oleh Romero-Trillo (2002) dan Meyerhoff (1992); dan pendekatan linguistik korpus oleh Müller (2005) dan Aijmer (2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang berlegar dalam konteks kajian penanda pragmatik yang berhubung kait dengan aspek kesantunan berbahasa boleh ditonjolkan melalui empat isu yang terdiri daripada isu kurangnya perbendaharaan khazanah ilmu dalam bidang kesantunan berbahasa dari perspektif pragmatik yang berperantikan penanda pragmatik *ya* (1.3.1); isu kontradiksi kepelbagaian fungsi pencetus ketidaksepakatan dalam peristilahan dan pengkonseptualisasian penanda pragmatik (1.3.2); isu stigma dan imej negatif yang didukungi penanda pragmatik berbanding kepentingan dan kemutifungsiannya (1.3.3); dan isu pemilihan metodologi menerusi aplikasi teori dan strategi yang sesuai dan tekal dalam menyerlahkan fungsi penanda pragmatik (1.3.4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3.1 Isu kurangnya perbendaharaan khazanah ilmu dalam bidang kesantunan berbahasa dari perspektif pragmatik yang berperantikan penanda pragmatik *ya*

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak kajian dan perbincangan berkaitan topik kesantunan berbahasa dilakukan dengan meneliti hubung kaitannya dengan suatu bentuk pematuhan yang berlandaskan hukum, iaitu kehidupan beragama dan pematuhan peraturan berbahasa dalam konteks sosial secara pragmatik. Namun, setelah diamati, kebanyakan kajian kesantunan berbahasa meliputi perspektif norma sosial (Rujuk 2.3.1), perspektif maksim pertuturan (Rujuk 2.3.2), dan perspektif penjagaan muka (Rujuk 2.3.3), perspektif pematuhan peraturan bahasa (Rujuk 2.3.4), perspektif ihsan dan ibadah dalam Islam (Rujuk 2.3.5). Kajian ini membincangkan eleman kesantunan berbahasa pada peringkat frasa, ayat mahupun wacana. Oleh yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

demikian, didapati kajian kesantunan berbahasa masih kurang memberi tumpuan dari perspektif ekspresi pragmatik berperantikan penanda pragmatik sebagai fungsi leksis dengan melihat hubung kaitan antara leksis dengan fungsi tuturan. Ekoran daripada permasalahan ini, kajian ini cuba meneroka aspek penggunaan penanda pragmatik khususnya *ya* sebagai peranti kesantunan berbahasa secara kritis, mendalam dan berlandaskan teori, iaitu dengan menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun.

1.3.2 Isu kontradiksi kepelbagaian fungsi pencetus ketidaksepakatan dalam peristilahan dan pengkonseptualisasian penanda pragmatik

Isu berkaitan ketidaksepakatan dalam penggunaan istilah dan pengkonseptualisasian definisi penanda pragmatik secara konvensi dalam kalangan penyelidik itu sendiri telah menimbulkan kontroversi. Terdapat kepelbagaian dari segi penggunaan terma atau istilah merujuk kepada penanda pragmatik. Misalnya, terma partikel pragmatik digunakan oleh Miskovic-Lukovic (2009) dan King (2007); penanda pragmatik oleh Beeching (2016), Babanoğlu (2014), Feng (2011) dan Han (2011), partikel wacana oleh Ramón (2015) dan Vivien (2001) dan penanda wacana oleh Yeh dan Huang (2016), Marmorstein (2016) dan Blakemore dan Gallai (2014). Kepelbagaian dari segi penggunaan terma ini ada hubung kait dengan kontradiksi dalam pencirian penanda pragmatik itu sendiri (Dér, 2010). Selain itu, fungsi yang didukunginya dan bidang kajian yang mencakupinya turut menyumbang kepada kontroversi seperti dalam aspek *asstigmatization, orality, optionality* dan *fuzzy* (Furkó, 2009; & Lam, 2007) ini sehingga mencetus minat pengkaji untuk mendalami aspek ini. Pencirian penanda pragmatik yang dilakukan melalui kajian-kajian lalu berasaskan tatabudaya, tatasosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan tatabahasa melalui fungsi yang didukunginya dan direpresentasikan dalam bentuk tekstual, interpersonal, interaksional dan interaksi sosial. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti pencirian penanda pragmatik dan fungsinya dengan menghubungkan peranan penanda pragmatik dari sudut pencirian leksis secara berpola dan pencirian fungsi berasaskan lakuan komunikatif. Seterusnya, pengkaji juga ingin menelusuri aspek penanda pragmatik khususnya *ya* yang dihipotesiskan sebagai multifungsional. *Ya* dalam Bahasa Melayu dikategorikan sebagai kata pembenar secara nahu. Dalam kajian ini pula *ya* diketengahkan sebagai penanda pragmatik melalui ekspresi pragmatik.

1.3.3 Isu stigma dan imej negatif yang didukungi penanda pragmatik berbanding kepentingan dan kemultifungsiannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imej negatif di sebalik penggunaan penanda pragmatik antaranya digambarkan melalui kritikan terhadap penggunaan penanda pragmatik seperti yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Peperiksaan Hong Kong misalnya, iaitu penanda pragmatik dilihat sebagai suatu perkara yang menyusahkan dan tidak perlu diberikan perhatian oleh penutur asli (Stubbed dan Holmes, 1953). Selain itu, Zwicky (1985) menyatakan bahawa partikel, atau dalam kajian ini merujuk kepada penanda pragmatik sering dilihat sebagai satu unsur negatif, iaitu lebihan atau pembaziran perkataan berbeza dengan perkataan lain yang membawa makna dalam kategori sintaktik. Schourup (1999) juga sependapat dengan menyatakan bahawa penanda pragmatik ialah satu bentuk pembaziran linguistik yang tidak perlu diberikan perhatian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, sesetengah ahli linguistik menganggap penanda pragmatik merupakan satu bentuk penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan penutur (O'Keeffe, McCarthy dan Carter, 2007). Sebagai contohnya, penanda pragmatik *I mean* dan *you know* digunakan sebagai alat memanjangkan fasa pemprosesan maklumat supaya dalam tempoh tersebut penutur mampu menghasilkan idea dan percakapannya tidak berhenti begitu sahaja. Namun, penggunaan penanda pragmatik *I mean* dan *you know* dengan kekerapan yang tinggi juga menunjukkan seolah-olah penutur menghadapi masalah dalam usaha mencari perkataan yang betul atau struktur ayat yang gramatis dalam mengungkapkan idea (Erman, 2001). Dalam perbualan seharian misalnya, penanda pragmatik sering dikaitkan dengan kelemahan berbahasa. Ditambah pula, masyarakat awam berpandangan bahawa penggunaan penanda pragmatik turut diisyaratkan sebagai bentuk pertuturan yang tidak tepat yang mencerminkan ketidakpastian penutur semasa berkomunikasi terutamanya dalam kalangan golongan yang tidak berpendidikan dan golongan kelas rendah (Stubbe dan Holmes, 1995).

Berdasarkan penyataan-penyataan negatif terhadap penanda pragmatik di atas pada peringkat awalnya, jelas menunjukkan bahawa penanda pragmatik dari sudut pandangan sesetengah pihak tidak membawa makna malah dilihat sebagai sesuatu yang tidak perlu, bersifat mubazir, mencerminkan penguasaan bahasa yang lemah dan status rendah dan berpendidikan rendah dalam kalangan penutur. Pandangan negatif tersebut telah dibidas dan dibahaskan melalui penyelidikan yang dijalankan oleh ahli linguistik. Bagi kebanyakan sarjana yang mengkaji elemen-elemen ini secara mendalam khususnya dalam penyelidikan linguistik, tentu sahaja itu bukanlah isunya malah para penyelidik lebih giat dan berminat meneruskan usaha menjalankan penyelidikan berkaitan penggunaan penanda pragmatik yang membuktikan bahawa penanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pragmatik penting bagi melancarkan interaksi dan kewujudannya bukanlah tanpa peranan atau fungsi. Bukti menyatakan bahawa penanda pragmatik bukan merupakan kata mubazir dapat diteliti dengan baik apabila penanda pragmatik dijelaskan dari sudut penelitian saintifik berasaskan teori yang dapat menyerlahkan penanda pragmatik sebagai indikator pelembut, indikator penguat, indikator pelancar komunikasi dan indikator penarik perhatian yang berhubung kait dengan strategi kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, satu kajian lanjut perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa penanda pragmatik merupakan elemen prolifik yang terserlah dari sudut pencirian nahu dan fungsinya dalam tuturan komunikatif secara pragmatik juga.

1.3.4 Isu pemilihan metodologi menerusi aplikasi teori dan strategi yang sesuai dan tekal dalam menyerlahkan fungsi penanda pragmatik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, kajian penanda pragmatik dari sudut kesantunan berbahasa berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun yang terdiri daripada tiga teori kesantunan, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (2014, 1993, 1983) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) digunakan secara kombinasi berbantukan pendekatan linguistik korpus. Dalam kajian kesantunan berbahasa di Malaysia, terdapat pengaplikasian pelbagai teori kesantunan berbahasa secara tunggalan dan secara berkombinasi. Kajian kesantunan berbahasa secara tunggulan melibatkan pengaplikasian teori secara autonomi, manakala kajian kesantunan berbahasa secara berkombinasi pula melibatkan pengaplikasian teori secara berintergrasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kesantunan di Malaysia yang melibatkan teori kesantunan secara tunggalan termasuklah kajian oleh Indirawati Zahid (2020) tentang kesantunan positif dalam iklan komersial yang mengaplikasikan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987); Wan Robiah Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab (2018) tentang kesantunan berbahasa kaunselor pelatih dalam sesi kaunseling yang mengaplikasikan prinsip kesopanan yang dikemukakan oleh Leech (1983); kajian oleh Abdul Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim dan Riduan Makhtar (2018) tentang ungkapan rabbani sebagai lambang kesantunan bahasa yang menggunakan kerangka teori Noriati A. Rashid (2005); kajian tentang strategi kesantunan dalam ceramah motivasi oleh Abdul Ganing Laengkang (2015) yang menggunakan satu kerangka sahaja, iaitu model Grice (1975); dan kajian oleh Siti Hajar et al. (2012) tentang sumbangan model Brown dan Levinson (1987) dalam kajiannya berkaitan amalan kesantunan dalam kalangan remaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kesantunan berbahasa yang mengaplikasikan teori atau pendekatan secara berkombinasi seperti kajian oleh Sara Beden (2019) tentang prinsip dan strategi kesantunan penulisan dalam artikel Ruangan Agenda Bahasa dalam Majalah Dewan Bahasa yang mengaplikasikan tiga model kesantunan, iaitu Leech (1983), Grice (1975) dan Asmah Omar (2000); kajian oleh Indirawati Zahid dan Nasihah Hashim (2018) tentang strategi dan struktur kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor yang mengaplikasikan teori Brown dan Levinson (1987) dan Asmah Omar (2000); kajian oleh Indirawati Zahid dan Arina Johari (2018) tentang kesantunan Melayu dalam konteks perbualan dalam rancangan bual bicara yang mengaplikasikan model Asmah (2000), Awang Sariyan (2007) dan Tenas Effandy (2011); kajian oleh Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016) tentang manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat yang mengaplikasikan model pola kombinasi strategi dan maksim,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975); dan kajian oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015) tentang pemetaan struktur peristiwa bahasa dalam komunikasi bebas konflik yang mengaplikasikan gabungan dua teori iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Prinsip Kerjasama Leech (1983).

Dalam kajian ini, pengkaji tidak berhasrat untuk mengkritik dan mencari kelemahan mahupun kekuatan teori yang dipilih oleh pengkaji lalu dalam kajian mereka sama ada aplikasi teori secara tunggalan atau secara kombinasi. Dalam erti kata lain, pengkaji bukanlah bertujuan secara mutlak memperdebatkan teori, strategi atau maksim kesantunan sedia ada, tetapi lebih kepada merungkai atau menyingkap kesesuaian teori, strategi atau maksim kesantunan yang lebih tepat yang boleh digunakan dalam memenuhi tujuan atau objektif kajian yang hendak dicapai. Sebaliknya, isu pemilihan teori perlu ditangani dengan rasional sehingga teori yang dipilih benar-benar sesuai dan serasi dengan data yang hendak dianalisis dan menepati keperluan dan objektif kajian selagi tidak bercanggah dengan norma sosial, budaya dan agama. Penyepaduan elemen-elemen ini akan memberikan wahana pencirian dan fungsian elemen santun yang persis. Oleh yang demikian, berdasarkan isu ini kaedah yang paling sesuai perlu dipilih bagi menyerlahkan fungsi penanda pragmatik.

Tuntasnya, bertitik tolak daripada semua isu dan permasalahan di atas, maka penelitian yang mendalam terhadap penanda pragmatik perlu dilaksanakan. Bagi menjelaskan persoalan atau permasalahan ini, maka fungsi yang dijalankan oleh penanda pragmatik perlu diteliti. Fungsi ini perlu diteliti kerana istilah dan definisi serta kekompleksan penanda pragmatik adalah berdasarkan fungsi yang dijalankan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda pragmatik. Bagi meneliti fungsi penanda pragmatik yang mendukung makna tertentu, sejumlah data korpus diperlukan kerana daripada data ini akan diperoleh perilaku atau gelagat penanda pragmatik apabila hadir di dalam ujaran dalam bentuk hadirnya bersama dalam pola strategi kesantunan berbahasa dalam taksonomi lakuan tuturan tertentu. Dengan meneliti pemetaan pola kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam lokusi ujaran, maklumat berkaitan fungsi penanda pragmatik dari sudut komponen pragmalinguistik dan sosiopragmatik diperoleh. Bagi menangani isu memantapkan pendeskripsian unit kecil linguistik, iaitu penanda pragmatik *ya,* Kerangka Amalgamasi Santun diaplikasi atas keperluan menyerlahkan fungsinya dari perspektif kesantunan berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Dalam bahasa Melayu, *ya* hanya dilihat sekadar sebagai kata tugas dari aspek kenahuan. Hakikatnya, *ya* dari sudut kajian ini dikategorikan sebagai penanda pragmatik, iaitu sebagai unsur yang mempunyai peranan yang melangkaui kata tugas, khususnya dalam aspek kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, kajian ini akan membawa perspektif baharu tentang penanda pragmatik *ya*. Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti pola, bentuk dan fungsi penanda pragmatik *ya* serta hubung kaitannya dengan aspek kesantunan berbahasa berdasarkan data yang diperoleh daripada genre wawancara di televisyen. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. mengenal pasti pola kesantunan berbahasa berdasarkan posisi yang diduduki oleh penanda pragmatik *ya* dalam genre wawancara di televisyen berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun.

ii. menganalisis fungsi penanda pragmatik *ya* berdasarkan makna dan ekspresi pragmatik dalam genre wawancara di televisyen berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun.

iii. menghuraikan fungsi penanda pragmatik *ya* berdasarkan kesan kehadirannya dalam genre wawancara di televisyen terhadap daya ilokusi implikatur lakuan tuturan berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun.

1.5 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian bagi kajian ini adalah seperti yang berikut:

i. Bagaimanakah pola kesantunan berbahasa dalam posisi yang diduduki oleh penanda pragmatik *ya* terbentuk dalam genre wawancara di televisyen berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun?

ii. Bagaimanakah penanda pragmatik *ya* berfungsi berdasarkan makna dan ekspresi pragmatik dalam genre wawancara di televisyen berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun?

iii. Bagaimanakah kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam genre wawancara di televisyen memberi kesan terhadap daya ilokusi implikatur lakuan tuturan berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini membolehkan dapatan kajian dipersembahkan dengan jelas, ringkas dan padat serta menjawab soalan kajian bagi kajian ini yang bertajuk *Penanda Pragmatik ya Sebagai Peranti Kesantunan Berbahasa Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun*.

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa fokus kajian adalah terhadap penanda pragmatik khususnya penanda pragmatik *ya*. Penanda pragmatik tersebut yang terdapat dalam korpus kajian sama ada secara hadir bersama dengan lakuan tuturan, iaitu lakuan ilokusi asertif, direktif, ekspresif, komisif dan deklaratif. Seterusnya penanda pragmatik dikenal pasti kehadirannya berdasarkan Kerangka Amalgamasi Santun yang telah dibentuk daripada tiga teori secara kombinasi, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang terdiri daripada empat maksim; Prinsip Kesantunan Leech (1983) yang terdiri daripada enam maksim; dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang terdiri daripada dua strategi. Kemudian pola kesantunan berbahasa yang terdiri daripada tujuh pola kesantunan dapat dikenal pasti sehingga membentuk pola teras dan pola khusus amalgamasi santun. Akhirnya, fungsi penanda pragmatik *ya* menerusi makna dan ekspresi pragmatik dalam genre wawancara di televisyen dapat diinterpretasikan melalui gelagat yang ditonjolkan secara berpola tersebut dalam ujaran berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya fungsi penanda pragmatik *ya* dalam domain interpersonal yang terbahagi kepada mod sikap dan mod interpersonal dikenal pasti dan dideskripsi secara terperinci. Fungsi penanda pragmatik *ya* juga diserlahkan melalui penelitian terhadap daya ilokusi implikator lakuan tuturan sama ada sebagai intensifier atau mitigator.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Definisi Operasional

Beberapa maklumat mengenai konsep-konsep dalam bidang kesantunan linguistik dan pragmatik yang digunakan dalam kajian ini akan dijelaskan sebagai informasi.

1.7.1 Kesantunan Berbahasa

Pendefinisian kesantunan mencabar dan perdebatan mengenainya berterusan (Liu dan Allen, 2014) dan terus berkembang melalui pelbagai pendekatan dan kajian tentang kesantunan (Fareed dan Musaab, 2016). Kesantunan merujuk kepada penggunaan strategi komunikasi yang bertujuan untuk mengekalkan muka dan untuk mencapai kelancaran sesebuah komunikasi dengan mengambil kira aspek hubungan dalam menonjolkan tingkah laku yang sesuai. Kesesuaian gelagat dan tingkah laku yang sesuai berbeza mengikut situasi dan budaya, nilai personal dan rasa (Fukushima, 2003). Kesantunan berbahasa boleh didefinisikan dari pelbagai perspektif, iaitu norma sosial, maksim pertuturan, penjagaan muka, pematuhan peraturan bahasa, ihsan dan ibadah dalam Islam, ekspresi pragmatik.

Kesantunan ialah cara bagaimana manusia mengekalkan hubungan interpersonal. Kesantunan tidak terhad kepada lakuan komunikatif yang bersandarkan etika berbahasa seperti permohonan maaf dan penggunaan kata panggilan dan sapaan semata-mata. Lebih tepat lagi, kesantunan merangkumi semua jenis tingkah laku interpersonal dengan mengambil kira perasaan orang lain, iaitu dengan mengandaikan bahawa mereka sepertimana kita juga menginginkan diri kita diperlakukan atau dilayan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan cara mengekalkan hubungan interpersonal dan mengutamakan aspek kemanusiaan (Kadar dan Haugh, 2013).

Dalam kajian ini aspek kesantunan berbahasa yang diberi penekanan adalah dari sudut maksim pertuturan yang melibatkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Prinsip Kesantunan Leech (2014, 1983); dan penjagaan muka yang melibatkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978). Kombinasi ketiga-tiga teori yang tersebut akan menghasilkan Kerangka Amalgamasi Santun yang akan menjadi teras utama kajian berdasarkan keberadaan data penanda pragmatik *ya* dalam korpus yang dikaji. Dalam kajian ini, penanda pragmatik *ya* dikaji dalam spektrum kesantunan berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Kerangka Amalgamasi Santun

Kerangka Amalgamasi Santun ialah kombinasi tiga teori kesantunan, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (2014, 1983) dan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978). Kombinasi ketiga-tiga teori ini sehingga terbentuknya Kerangka Amalgamasi Santun bukanlah berlaku secara sewenang-wenangnya, sebaliknya atas faktor keperluan dan kesesuaiannya dengan data yang dianalisis serta tidak bercanggah dengan amalan budaya dan beragama (Rujuk 3.7.2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 **Penanda Pragmatik**

Pendefinisian penanda pragmatik berhubung kait dengan ciri yang dimilikinya. Secara eksplisitnya, penanda pragmatik bercirikan lisan berbanding wacana penulisan, berasosiasi dengan ketidakformalan dan berstigmakan stilistik (Beeching, 2002; Brinton, 1996). Penanda pragmatik boleh hadir pada posisi awal, tengah dan akhir ujaran (Beeching, 2016; 2002) dan kehadirannya adalah di luar struktur sintaktik (Brinton, 1996). Kehadirannya juga tidak menyumbang kepada proposisi dan tidak juga memberi kesan kepada *'truth-conditional content'* (Aijmer, Foolen dan Simon-Vandenbergen, 2006; dan Holker, 1991 diterjemah dalam Jucker, 1993). Penanda pragmatik juga boleh digugurkan tanpa menghilangkan kandungan semantik sesuatu ujaran (Beeching, 2002) dan bersifat pilihan (Brinton, 1996). Namun, secara implisitnya, penanda pragmatik ialah pengikat (*anchor*) ujaran mengikut situasi (Östman, 1981) dan bahagian utama yang menjadi asas kelancaran dalam bahasa pertuturan (Beeching, 2016). Penanda pragmatik juga mengisyaratkan sikap (Östman, 1995, 1986, 1982, 1981), fungsi ekspresif berbanding fungsi referential, denotatif dan kognitif (Beeching, 2002; Holker, 1991 diterjemah dalam Jucker, 1993).

Penanda pragmatik juga berasosiasi dengan kesantunan dan lakuan yang berhubung kait dengan lakuan menyelamatkan muka (Östman, 1995, 1986, 1982, 1981; Beeching, 2002), melembutkan ujaran berbentuk penegasan apabila menyatakan sesuatu pandangan (Beeching, 2016). Penanda pragmatik juga ialah partikel yang berfungsi dalam mengisyaratkan interaksi dalam *turn-taking* (Beeching, 2016); bercirikan sosial misalnya penanda pragmatik dilihat berasosiasi dengan ujaran yang bercirikan semulajadi atau spontan, mengandungi nilai persahabatan dan kemesraan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Beeching, 2016). Penanda pragmatik bertindak sebagai petunjuk kepada pendengar tentang bagaimana untuk menginterpretasi tujuan penutur melalui ujarannya (Blakemore, 1987). Jelasnya, penanda pragmatik mempunyai ekspresi pragmatik (Hansen, 2006; Fraser, 1996; Foolen, 1996).

Jelasnya, penanda pragmatik menonjolkan aspek interpersonal berbanding kegunaannya secara tekstual, iaitu melalui pengiktirafan penanda pragmatik yang mempunyai makna prosedural yang memandu dalam penginterpretasian berbanding mempunyai makna proposisi (Aijmer dan Vandenbergen, 2006; Erman, 2001; Andersen, 2001).

Dalam kajian ini penanda pragmatik didefinisikan sebagai penanda yang bercirikan multifungsional walau dalam keadaan tertentu penanda pragmatik *ya* misalnya berfungsi secara referensial. Namun dalam kajian ini, fungsi interaksi sosial diutamakan menjurus kepada makna pragmatik berbanding makna semantik. Kesimpulannya, penanda pragmatik tidak hanya berasosiasi dengan fungsi wacana dan fungsi tekstual tetapi penanda pragmatik juga mengisyaratkan situasi komunikasi dalam memandu pendengar membuat interpretasi yang bertunjangkan aspek interpersonal khususnya merujuk aspek kesantunan berbahasa.

1.7.4 **Lakuan Tuturan**

Semua ujaran yang mempersembahkan lakuan tuturan mempunyai tiga gerak laku yang berlainan, iaitu: i) lakuan pengucapan (*locutionary act*), iaitu gerak laku menuturkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu ujaran dengan makna yang tertentu. ii) lakuan niat pengucapan (*illocutionary act*), iaitu menuturkan sesuatu ujaran dengan niat yang tertentu, misalnya memuji, mengkritik, memberi amaran dan sebagainya. iii) lakuan tindak balas pengucapan (*perlocutionary act*), iaitu kesan sebenar ujaran penutur kepada pendengar, misalnya, menggerakkan pendengar melakukan sesuatu (Austin, 1962).

Dalam kajian ini, aspek ilokusi lakuan tuturan difokuskan dalam menyerlahkan ekspresi dan makna pragmatik sesuatu lakuan tuturan dalam ujaran yang mengandungi penanda pragmatik *ya* di dalamnya. Selain itu, taksonomi lakuan tuturan *(speech act)* yang turut dianjurkan oleh Searle (1969) dijadikan landasan dalam kajian ini, iaitu lakuan tuturan menurut beliau boleh dikelompokkan kepada lima jenis lakuan tuturan, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif diaplikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui lakuan tuturan asertif, penutur bertanggungjawab atas kebenaran proposisi ujarannya, tidak mengujarkan sesuatu yang palsu dan tidak benar. Lakuan tuturan asertif yang dikenali juga sebagai representatif dan konstatif antaranya termasuklah lakuan tuturan seperti menyimpulkan, merumuskan, menyatakan, menegaskan, mengadu, menafikan, membuat pengakuan, melaporkan dan mengandaikan. Melalui lakuan tuturan direktif, penutur berusaha membuatkan pendengar melakukan sesuatu tindakan. Antara contoh lakuan direktif termasuklah, meminta, menasihat, mencadangkan, mengarah, mengesyorkan, melarang, mendesak. Lakuan tuturan komisif merupakan ujaran yang memberikan tanggungjawab ke atas penutur untuk melaksanakan sesuatu tindakan pada masa akan datang. Antara contoh lakuan tuturan komisif termasuklah berjanji, bersumpah, berikrar, akad, memberikan jaminan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengugut. Lakuan tuturan ekspresif merupakan ujaran yang menggambarkan sikap dan keadaan psikologi, emosi atau *mood* penutur terhadap pendengar seperti bahagia, suka dan duka. Antara contoh lakuan tuturan ekspresif termasuklah memohon maaf, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah, mengucapkan takziah, mengucapkan selamat datang. Lakuan tuturan deklaratif pula merupakan ujaran yang digunakan untuk mengubah status sesuatu entiti atau memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa. Sebagai contoh termasuklah lakuan melantik, menamakan calon, meletak jawatan, menyerah kalah, mengisytiharkan, menyingkirkan, menjatuhkan hukuman dan memecat daripada jawatan.

Dalam kajian ini, kelima-lima lakuan tuturan (Searle, 1969), iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif cuba dikenal pasti kehadirannya bersama penanda pragmatik *ya* dalam ujaran bagi menyerlahkan fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut.

1.7.5 **Daya Ilokusi**

Daya ilokusi diterima secara konseptualnya sebagai kesan secara konvensi darjah kekuatan sesuatu lakuan tuturan. Lakuan oleh penutur kesan daripada lakuan ilokusi tidak lagi terikat dan menjadi cerminan terhadap ketidakjelasan hasrat penutur. Kewujudan hubungan interpersonal berupaya memberi kesan konvensional dalam bentuk penyesuaian secara halus. Secara konsepsinya, walaupun daya ilokusi tidak disertai dengan niat komunikatif penutur secara eksplisit, namun sesuatu ujaran mampu memberi kesan konvensional, iaitu memberi kesan daya ilokusi terhadap lakuan tuturan sebagai alat mitigasi ataupun sebagai penegas (Sbisà, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, daya ilokusi dikaitkan dengan darjah kekuatan sesuatu lakuan tuturan dengan kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam ujaran sebagai peranti kesantunan berbahasa sama ada berfungsi sebagai mitigator atau sebagai intensifier.

1.7.6 **Implikatur**

Implikatur tidak sama dengan makna ayat secara literal. Berdasarkan terma yang diperkenalkan oleh Grice (1975), implikatur diimplikasikan luar daripada apa-apa yang diujarkan. Dalam erti kata lain, penutur mengharapkan pendengar memahami kedua-dua makna, iaitu makna literal disertai implikaturnya yang bergantung kepada konteks, iaitu melewati makna literal sesuatu ujaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, implikatur berupaya menyerlahkan makna yang terselindung atau tersirat melangkaui makna literal bagi penanda pragmatik *ya* melalui implikasi dan ekspresi pragmatik dalam konteks santun berbahasa yang dirungkai dengan menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun.

1.8 **Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada aspek penanda pragmatik *ya* bagi menjelaskan pola, makna dan kemultifungsian penanda pragmatik tersebut. Kajian ini menggunakan genre wawancara yang dihoskan oleh Dato' Dr. Hj. Mohd Fadzilah Kamsah sebagai data kajian bagi membolehkan kajian ini bercirikan empirikal. Rancangan wawancara di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

televisyen ini adalah di bawah terbitan Astro Oasis berjudul *Selami Jiwa Musim Kedua yang ditayangkan pada tahun 2013*. Wawancara ini bertemakan *Rawat Rohani Perkasa Peribadi*. Siaran ini berlangsung selama 30 minit setiap episod dengan pemeran yang berbeza setiap minggu. Tujuan rancangan ini adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman untuk mendidik. Satu siri rancangan wawancara di televisyen yang bertajuk *Pasangan Kuat Merajuk* bersaiz korpus 3598 perkataan dengan kekerapan penanda pragmatik *ya* adalah sebanyak 110 dijadikan data korpus kajian.

Genre wawancara dipilih kerana genre ini tergolong dalam komunikasi lisan. Komunikasi lisan menjadi asas pengkajian terhadap penanda pragmatik berdasarkan beberapa kajian dalam bahasa Inggeris, iaitu penanda pragmatik bercirikan lisan (*orality)* yang kerap hadir dalam komunikasi lisan berbanding tulisan (lihat Lam, 2008; Leech, Rayson dan Wilson, 2001). Jelasnya, asas pemilihan data ini adalah bertujuan mendapatkan data yang autentik dan berkualiti untuk diteliti.

Selain itu, rancangan wawancara ini juga dipilih berdasarkan profiliti hos atau pengacaranya yang merupakan pakar komunikasi dan pakar motivasi dan mempunyai Ph.D. dalam bidang Organisational Communication dari Winsconsin USA tahun 1984. Rancangan wawancara ini juga dipilih kerana rancangan ini pernah dicalonkan dalam Anugerah Skrin pada tahun 2011 dan tahun 2013 di bawah kategori Penerbitan Dalaman Rancangan Bual Bicara Terbaik. Rancangan ini telah mendapat tempat pertama pada tahun 2013. Jelasnya, asas pemilihan data ini adalah bertujuan mendapatkan data yang berkualiti untuk dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, penanda pragmatik dari segi pola dan fungsinya ditentukan berdasarkan kriteria pragmalinguistik dan sosiopragmatik dan hubung kaitannya dengan aspek kesantunan berbahasa. Kajian ini hanya terbatas kepada pola dan fungsi penanda pragmatik dari segi mekanisme yang dimainkan oleh penanda pragmatik dan bukan sumbangan dan kesan penanda pragmatik kepada masyarakat. Kesimpulan kajian ini akhirnya adalah berkaitan dengan kemultifungsian penanda pragmatik yang berkait dengan data korpus yang bersumberkan satu siri rancangan televisyen berbentuk wawancara ini sahaja dan kesimpulan ini bagaimanapun tidak menggambarkan keseluruhan penanda pragmatik bahasa Melayu. Oleh itu, wawancara ini merupakan model penggunaan penanda pragmatik berserta makna dan fungsinya yang hanya berdasarkan data korpus ini sahaja dan tidak menjelaskan penanda pragmatik dalam bahasa Melayu seluruhnya. Hal ini demikian kerana aspek penanda pragmatik yang diteliti adalah berdasarkan data korpus ini sahaja dan data ini tidak mampu menggambarkan keseluruhan penanda pragmatik Bahasa Melayu yang hadir dalam pelbagai genre (lihat Norliza Jamaluddin, 2011; Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006).

1.9 Kepentingan Kajian

Secara intuitifnya dapat disimpulkan bahawa tidak banyak pemerian mengenai penanda pragmatik *ya* dalam Bahasa Melayu. Malah pemerian penanda pragmatik *ya* sedia ada juga tidaklah secara komprehensif dan teoretikal. Bertitik tolak daripada pernyataan ini, maka kajian ini dilaksanakan demi memperbanyakkan kosa ilmu dan penyelidikan tentang penanda pragmatik *ya* bahasa Melayu dalam memenuhi kepentingan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumen dan mekanisme pengukuran dalam aspek kesantunan berbahasa (1.9.1); korpora dalam media penyiaran berteraskan budaya tinggi santun berbahasa (1.9.2); dan pengayaan khazanah ilmu menerusi penggunaan penanda pragmatik *ya* sebagai peranti santun berbahasa (1.9.3) seperti berikut:

1.9.1 Instrumen dan mekanisme pengukuran dalam aspek kesantunan berbahasa

Perkembangan ilmu telah memungkinkan penyelidikan kesantunan berbahasa berperantikan penanda pragmatik *ya* sedia ada berkembang. Kemunculan teori kesantunan berbahasa secara amalgamasi yang dikenali sebagai Kerangka Amalgamasi Santun memperlihatkan bagaimana bahasa yang santun beroperasi secara sistematik. Kaedah pengukuran dengan menggunakan instrumen yang telus dalam mengkaji penanda pragmatik *ya* menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun diyakini mampu menjadi medan dan wahana penyelidikan berteraskan santun masyarakat Melayu serta memberi pemahaman baharu melalui pendeskripsian penanda pragmatik *ya* dengan analisis terkini. Amalan santun berbahasa tidak berlaku secara sewenang-wenangnya malah terbina atas dasar pertimbangan berasaskan kerohanian, pemikiran dan keilmuan penutur. Kajian ini menggunakan data korpus yang terdiri daripada genre wawancara yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Data korpus ini berupaya menunjukkan representasi realiti penggunaan bahasa yang sebenar yang bercirikan autentik yang tidak boleh disangkal kesahihan dan kebolehpercayaannya berbanding data bikinan. Oleh yang demikian, data korpus ini berupaya membantu penyelidik meneliti dan menerokai pola, rumus, gelagat, fungsi dan impak pragmatik yang didukungi oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda pragmatik *ya* secara empirikal dalam interaksi komunikatif khususnya genre wawancara. Kajian ini mampu menampilkan penemuan baharu secara empirikal dan memberi nafas baharu dalam kajian kesantunan berbahasa yang berhubung kait dengan penggunaan penanda pragmatik *ya* sekali gus menjadi ukuran indeksikaliti peranti kesantunan berbahasa.

1.9.2 Korpora dalam media penyiaran berteraskan budaya tinggi santun berbahasa

Selain itu, kesedaran akan kepentingan amalan kesantunan berbahasa dipraktikkan dalam kehidupan seharian, pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja sama ada dalam situasi rasmi mahupun tidak rasmi perlu dipertingkatkan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pihak tertentu, khususnya yang terlibat dengan dunia penyiaran. Diharapkan kajian ini dapat memberikan maklumat yang diperlukan tentang amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam rancangan wawancara. Jelasnya, pemilihan bahasa yang sopan sangat penting untuk mendidik dan membina moral bangsa serta membentuk akhlak mulia. Media penyiaran mampu mempengaruhi corak penggunaan bahasa generasi muda yang mengandungi keperibadian dan peradaban tinggi dengan mengamalkan kesantunan berbahasa. Mendidik tidak semestinya bermula dari rumah dan secara formal di sekolah, malah tanggungjawab ini juga perlu dipikul oleh semua pihak termasuklah individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam dunia atau media penyiaran. Jelasnya, korpora media penyiaran dalam genre wawancara yang mengandungi penanda pragmatik *ya* diyakini menjadi sumber dan model positif amalan santun berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Perbendaharaan khazanah ilmu menerusi penggunaan penanda pragmatik *ya* sebagai peranti santun berbahasa

Kajian ini diharapkan dapat menambah perbendaharaan khazanah ilmu dalam bidang sosiolinguistik dan pragmatik khususnya bersangkutan dengan penanda pragmatik sebagai peranti kesantunan berbahasa. Keterbatasan dan kekurangan kajian ini perlu diberi perhatian supaya dapat memperkasa amalan berbahasa yang santun walaupun berperantikan unit linguistik diminutif seperti penanda pragmatik *ya*. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka jalan kepada para pengkaji menumpukan atau memberikan perhatian dan minat terhadap kajian tentang unit linguistik terkecil, iaitu penanda pragmatik dalam bahasa Melayu yang lain juga yang biasanya hanya dikaji secara permukaan sahaja. Kajian ini diyakini memberi nilai tambah dalam mendeskripsikan penanda pragmatik *ya* sebagai peranti kesantunan berbahasa menerusi penggunaan Kerangka Amalgamasi Santun. Kajian yang berasaskan teori kesantunan secara beramalgamasi berupaya mewajarkan kehadiran penanda pragmatik *ya* secara autentik dan terbukti boleh dilaksanakan secara empirikal dan teoretikal dan bukan melalui pendedahan pada peringkat permukaan sahaja.

Kajian ini juga mengukuhkan lagi kajian terdahulu tentang kemampuan unit linguistik terkecil ini, iaitu penanda pragmatik *ya* yang tidak wajar dikesampingkan atau diremehkan kerana terdapat nilai santun dalam penggunaannya (Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin, Khairul Azam Bahari, 2019). Tambahan pula, kelestarian amalan santun berbahasa perlu diteruskan agar hasrat untuk menjadi agen penggerak budaya tinggi dapat direalisasikan (Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Norliza Jamaluddin, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Rumusan

Kesimpulannya, penanda pragmatik *ya* yang selama ini dilihat sebagai unit kecil dalam linguistik yang menjalankan fungsi sebagai kata tugas, kini perlu diteliti dan dikaji fungsinya secara mendalam khususnya dari sudut pragmatik dan hubung kaitannya dengan kesantunan berbahasa. Hadirnya penanda pragmatik dalam genre wawancara yang bertajuk *Selami Jiwa* secara produktif bukan sewenang-wenangnya tanpa tujuan atau fungsi tertentu. Sungguhpun penanda pragmatik *ya* merupakan unit kecil linguistik tetapi fungsinya tidak harus dinafikan atau dikesampingkan. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilakukan dari perspektif pragmatik yang tidak berfokuskan aspek tatabahasa sebaliknya merujuk aspek tatabahasa sosial yang sifatnya lebih praktis, deskriptif dan sensitif konteks. Kajian ini difikirkan signifikan kerana mampu menyumbang kepada pengembangan ilmu kesantunan berbahasa secara lebih mendalam, sekali gus meningkatkan kemahiran komunikatif yang bukan sahaja betul dari segi tatabahasanya malah mantap dari segi kecekapan pragmatik bahasanya dan tinggi nilai santunnya. Upaya berbahasa dengan santun ini mampu mewujudkan komunikasi bebas konflik dalam pembentukan masyarakat yang harmoni, berbudi bahasa tinggi dan berakhlak terpuji. Justeru itu, kajian ini akan membawa perspektif baharu tentang penanda pragmatik *ya* khususnya dari segi pola, makna dan fungsinya berasaskan ekspresi pragmatik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini merupakan bahagian yang memperincikan tentang kajian lepas. Sorotan literatur ini mampu membantu pengkaji meneliti kekurangan kajian lampau dan dalam masa yang sama menambah, memperkaya dan menyumbang kepada bidang yang dikaji. Bahagian ini terbahagi kepada empat, iaitu (2.1) pendahuluan, (2.2) definisi kesantunan berbahasa, (2.3) kajian kesantunan berbahasa dari pelbagai perspektif, dan (2.4) rumusan.

2.2 Definisi Kesantunan Berbahasa

Para sarjana telah mendefinisikan kesantunan dari sudut pragmatik dikemukakan oleh Lakoff; Leech, Ardnt dan Janney; Brown dan Levinson; Ide; Kasper; Thomas; Sifianou; Eelen; Wang; Al-Hindawi dan Alkhazaali; dan Cabellero, Vergis, Jiang dan Pell:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A notion developed by societies in order to reduce friction in personal communication.

(Lakoff, 1975, ms.64)

A strategic conflict avoidance that can be measured in terms of the degree of effort put into the avoidance of a conflict situation.

(Leech, 1983, ms.19)

An interpersonal supportiveness.

(Arndt & Janney, 1985, ms. 282)

A complex system for softening face threats base on 'face theory' which is originally seeded by Goffman (1967).

(Brown & Levinson, 1987, ms.1)

A language associated with smooth communication.

(Ide, 1989, ms.22)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A part of human efforts to make their communication more successful and courteous.

(Kasper, 1990, ms.194)

The appropriate or acceptable use of language in a given situation.

*(*Thomas, 1995, ms.156).

A set of social values which instructs interactants to consider each other by satisfying shared expectations.

(Sifianou, 1992, ms.86)

An appropriate act which always perform according to the hearer's expectations.

(Eelen, 2001, ms.128)

A sociocultural phenomenon, roughly to be defined as showing, consideration of others.

(Wang, 2014, ms.271).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Polite is when the verbal or non-verbal behaviour does not offend other people.*
>
> *(Al-Hindawi & Alkhazaali, 2016, ms.1537).*

> *Politeness is fundamental for human communication insofar as it regulates social interaction and allows a smooth. Easy communication, as well as avoiding interpersonal problems and establishing close relationships.*
>
> *(Caballero, Vergis, Jiang & Pell, 2018, ms.39)*

Jelasnya, definisi di atas mempunyai hubung kait dengan maksud asal kesantunan, iaitu yang berkaitan dengan upaya menjadikan sesuatu urusan berjalan dengan lancar khususnya melalui hubungan antara ahli masyarakat dengan berfokuskan komunikasi interpersonal yang lancar (Haugh, 2004). Berdasarkan definisi kesantunan menurut sarjana-sarjana di atas secara konsensusnya jelas menyatakan cara dan upaya dalam mencapai komunikasi yang bebas konflik dan menitikberatkan kelancaran sesebuah komunikasi interpersonal.

Mendefinisikan kesantunan merupakan tugas yang mencabar dan perdebatan tentang aspek tersebut masih berterusan hingga kini (Liu dan Allen, 2014). Perdebatan mahupun perbincangan tentang aspek kesantunan terus berkembang melalui kewujudan perbezaan dan persamaan pendapat bersama-sama wujudnya pendekatan dan kajian secara berterusan yang dilaksanakan hingga kini. Antaranya termasuklah teori-teori kesantunan yang berpengaruh dan masih mendapat tempat dalam kalangan pengkaji kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa seperti yang diketengahkan oleh Grice (1975), Lakoff (1975), Leech (1983), Brown dan Levinson (1987) yang akan diulas lanjut dalam bahagian seterusnya (Lihat 2.3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian Kesantunan Berbahasa dari Pelbagai Perspektif

Bagi menghuraikan kerasionalan dalam melaksanakan kajian berkaitan kesantunan berbahasa dengan lebih lanjut, perbincangan dibahagikan kepada dua aspek, iaitu kesantunan berbahasa yang dilihat sebagai satu tuntutan dan digalakkan untuk diamalkan dalam Islam dan kesantunan yang dilihat sebagai lakuan yang berasosiasi dengan pematuhan peraturan berbahasa. Kedua-dua aspek tersebut masing-masing mempunyai hubung kaitan dengan suatu bentuk pematuhan yang berlandaskan hukum, iaitu kehidupan beragama dan pematuhan peraturan berbahasa dalam konteks sosial secara pragmatik.

Kandungan berkaitan perspektif kajian kesantunan berbahasa berasaskan pendekatan dan teori kesantunan ini bukanlah bertujuan secara mutlak memperdebatkan teori, model atau pendekatan kesantunan sedia ada, tetapi lebih kepada merungkai atau menyingkap kesesuaian teori, model atau pendekatan kesantunan yang lebih tepat yang boleh digunakan dalam memenuhi tujuan atau objektif kajian yang hendak dicapai (Rujuk 1.4). Teori dan spekulasi yang berbeza telah dikemukakan dalam menangani tugas dan peranan dalam pembinaan teori kesantunan secara linguistik, pragmatik dan sosiolinguistik (Al Hindawi dan Alkhaazali, 2016). Teori kesantunan ialah satu set teori linguistik yang menghubungkan gelagat atau tingkah laku linguistik terhadap gelagat sosial dalam usaha memformulasikan secara konseptual dan saintifik terhadap '*commonsense notion of politeness'* (ibid, 2016). Model dan teori kesantunan yang berpengaruh dalam bab ini boleh disoroti dan ditelusuri daripada enam perspektif, iaitu perspektif norma sosial (2.3.1), perspektif maksim pertuturan (2.3.2), perspektif penjagaan muka (2.3.3), perspektif pematuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peraturan berbahasa (2.3.4), perspektif ihsan dan ibadah dalam Islam (2.3.5) dan perspektif ekspresi pragmatik berperantikan penanda pragmatik (2.3.6).

2.3.1 Perspektif Norma Sosial

Pengkonseptualisasian kesantunan bermula dengan kerangka nonlinguistik yang dianggap sebagai perlakuan yang santun mengikut amalan tradisi dan norma atau kesesuaian sosial serta tidak bersifat teoritis. Amat Juhari Moain (1992) misalnya mendefinisikan kesantunan berbahasa secara normatif sebagai kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan mahupun tulisan. Kesantunan bahasa secara normatifnya juga ialah bentuk penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi lawan bicaranya (Awang Sariyan, 2007). Selain Awang Sariyan (2007) dan Amat Juhari Moain (1992), dalam konteks penelitian kesantunan di Malaysia, masih ramai pengkaji yang menggunakan pendekatan norma sosial, antaranya termasuklah Jamaliah Ali (2002,1995); Teo Kok Seong (2001, 1996); dan Asmah Omar (1992) (Lihat Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslinda Yusof, 2012).

Menurut Fraser (1990) kesantunan dari perspektif norma sosial mengandaikan bahawa setiap kelompok masyarakat mempunyai set norma sosial berkaitan peraturan eksplisit yang mempreskripsikan tingkah laku tertentu, tahap hubungan dan cara berfikir mengikut konteks. Hal ini agak berbeza dengan Barat, iaitu perspektif normatif ini mengambil kira kesantunan yang berasosiasi dengan gaya pengucapan, iaitu lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi darjah keformalan sesuatu pengucapan menunjukkan lebih tinggi tahap kesantunan (Fraser, 1990).

Selain itu, penilaian yang positif terhadap aspek kesantunan juga dikatakan meningkat apabila pengucapan seseorang sepadan dan sesuai dengan norma sosial. Penilaian yang negatif pula bersangkutan dengan tingkah laku yang tidak bersesuaian dengan norma sosial. Menurut Masnur Muslich (2007) dalam Rusydi Room (2013), tatacara berbahasa seseorang yang tidak sesuai dengan norma sosial dan budaya akan memperlihatkan nilai negatif, misalnya dikatakan orang yang tidak santun, sombong, angkuh, egois, tidak beradat, bahkan tidak berbudaya. Pelanggaran peraturan pertuturan atas dasar kecuaian atau kelalaian juga dianggap tidak beradat atau kurang tahu tentang tatakarma Darwis (2009) dalam Rusydi Room (2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesantunan dari perspektif norma sosial merangkumi aspek etik, adab, atau peraturan sosial yang berkaitan dengan perkara yang boleh dilakukan dan perkara yang tidak boleh dilakukan yang ternyata berkaitan dengan peraturan khususnya peraturan bahasa yang perlu dipatuhi dalam sesebuah masyarakat (Lihat juga 2.3.2). Kesantunan dari perspektif norma sosial mempunyai kesejajaran dengan *first-order politeness* yang dikemukakan oleh Watts et al. (1992a). Menurut Watts et al. (1992a), *first order politeness* sejajar dengan pelbagai kaedah memahami dan dalam membicarakan tingkah laku santun dalam kalangan ahli-ahli yang menjurus dalam bidang sosiobudaya. Dalam erti kata lain, kesantunan kategori ini disebut sebagai kesantunan yang berasaskan logik pemikiran atau *commonsense notion of politeness*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norma sosial atau budaya turut menyumbang dalam pembentukan ketertiban moral yang menguatkan atau menyokong penilaian aspek kesantunan (Kádár dan Haugh, 2013). Namun, menurut Fraser (1990), tidak ramai dalam kalangan pengkaji semasa yang mendokong pendekatan norma sosial ini. Hal ini demikian kerana seperti yang dinyatakan oleh Watts et al., pendekatan norma sosial lebih menjurus kepada kewarasan akal sahaja yang ternyata berbeza daripada *second-order politeness*, yang dibina secara teoretikal. Watts (1992) turut mengatakan bahawa dengan meneliti kesantunan melalui perspektif norma sosial hasil yang diperoleh adalah tidak begitu jelas. Berikutan itu, dalam kajian ini pengkaji juga tidak melihat secara mendalam aspek kesantunan berbahasa dari perspektif norma sosial semata-mata, sebaliknya kajian ini berteraskan aspek kesantunan berbahasa yang berasaskan teori dengan tidak menafikan sumbangan dan peranan norma sosial dalam mengukuhkan penilaian aspek kesantunan. Disebabkan kajian ini tidak meneliti aspek kesantunan dari sudut sosial dan budaya penutur semata-mata, maka kajian ini tidak meneliti kesantunan dari perspektif norma sosial, walaupun norma sosial ini memainkan peranan dalam aspek kesantunan.

2.3.2 Perspektif Maksim Pertuturan

Maksim Pertuturan secara prinsipnya bergantung kepada hasil kerja Lakoff (1973, 1975) (2.3.2.1); Grice (1975) yang berasaskan Prinsip Kerjasama (2.3.2.2); dan Leech (1983) berasaskan Prinsip Kesantunan (2.3.2.3) yang menjadi pelengkap kepada Prinsip Kerjasama Grice.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.1 Lakoff (1973, 1975)

Robin T. Lakoff merupakan perintis teori kesantunan moden kerana telah memulakan kajian kesantunan dengan menelitinya secara pragmatik. Lakoff (1973), pada peringkat awalnya telah memperkenalkan tiga prinsip dalam mengekalkan keharmonian dalam perbualan, iaitu (i) Tidak Memaksa '*don't impose',* (ii) Berikan Pilihan '*give options*', dan (iii) Jadikan Pendengar Selesa *'make A feel good - be friendly)*. 'Tidak memaksa' merupakan satu peraturan yang digunakan dalam situasi wujudnya jarak sosial antara penutur dengan pendengar. Seorang pelajar yang ingin bertemu pensyarahnya tidak wajar mengucapkan "*Can I come in?*". Sebaliknya ujaran "*I'm sorry to bother you, but may I come to ask some questions about my paper*?" lebih wajar diucapkan kerana lebih santun dan lebif formal serta tiada elemen paksaan. 'Berikan pilihan' pula merupakan peraturan yang digunakan dalam situasi yang tidak formal. Cara ini memberi peluang kepada pendengar untuk membuat pilihan sama ada mahu menerima sebarang permintaan atau menolaknya. Pendengar juga mempunyai peluang untuk berfikir dan bertindak balas terhadap permintaan tersebut bersesuaian dengan kehendaknya. Melalui cara ini permintaan tersebut tidak dirasakan berat dan membebankan pendengar. Dalam hal ini penutur boleh membina ujarannya dengan menggunakan ayat tanya. 'Jadikan pendengar selesa' pula dijangkakan dapat merapatkan hubungan baik antara penutur dengan pendengar. Kaedah ini akan menonjolkan perasaan dan sikap positif penutur terhadap pendengar. Cara ini juga kerap digunakan dalam kalangan mereka yang sudah menjalinkan hubungan rapat.

Dalam penerbitannya yang seterusnya, Lakoff (1990) mengemukakan tiga prinsip yang berbeza, iaitu jarak '*distance*', penghormatan '*deference'* dan keakraban

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'*camaraderie*' dengan mengambil kira perbezaan dari segi darjah kepentingannya dalam budaya. Menurut Leech (2014) prinsip yang dikemukakan oleh Lakoff tidak cukup terperinci tetapi prinsip Lakoff tersebut masih dalam ruang lingkup impak kesantunan terhadap tingkah laku linguistik secara konvensi, iaitu mengikut kebiasaan sesuai dengan norma hasil daripada kesepakatan sosial.

Model ini juga tertumpu hanya pada kepentingan pendengar dan bersifat egosentrik. Ini bererti, dalam sesuatu perbualan, penutur perlu melakukan apa sahaja demi kebaikan dan kepuasan pendengar. Hakikatnya, dalam kehidupan masih banyak topik perbualan yang akan memaksa penutur menyatakan sesuatu yang mungkin tidak disenangi oleh pendengar. Model ini hanya mengutamakan kepentingan pendengar tidak akan dapat dipertahankan dalam semua peristiwa bahasa yang mempunyai matlamat yang berbeza (Noriati A. Rashid, 2012).

Seterusnya di Barat juga kritikan turut diterima oleh Lakoff memandangkan terdapat kelemahan teoritikal. Fraser (1990) berpandangan bahawa Lakoff tidak menyatakan pemahamannya terhadap kesantunan secara eksplisit, manakala Sifianou (1992) menyatakan bahawa Lakoff tidak mendefinisikan terma yang digunakan sehingga mudah disalahtafsirkan. Yeung (1997) pula mengkritik Lakoff kerana beliau tidak memerihalkan bagaimana pilihan di bawah prinsip yang dikemukakannya itu dibuat. Jelasnya, berdasarkan kritikan-kritikan yang di atas, prinsip yang dikemukakan oleh Lakoff menunjukkan bahawa formulasinya agak lemah untuk dijadikan asas bagi kajian ini. Teori ini bermanfaat, namun pengkaji tidak memilih teori ini kerana kandungannya sudah diliputi oleh teori Brown dan Levinson (1987) yang mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keserasian dengan data kajian dalam mendeskripsikan fungsi penanda pragmatik *ya* dari sudut kesantunan berbahasa.

2.3.2.2 Prinsip Kerjasama Grice (1975)

Kertas kerja Grice (1975) berjudul *Logic and Conversation* telah menyumbang pembangunan bidang kesantunan linguistik dalam rangka kerja pragmatik Anglo-Amerika dan seterusnya cuba dibangunkan lagi sebagai konsep *second-order politeness* (Watts et al., 1992a).

Prinsip kerjasama ini adalah berasaskan penggunaan implikatur perbualan dalam menerokai maksud sesuatu ujaran. Melalui prinsip ini, Grice (1975) telah mengemukakan empat maksim yang menjadi gagasannya, iaitu:

a. **Maksim kuantiti**: memberi maklumat yang sempurna, iaitu (i) memberi maklumat yang cukup informatif, dan (ii) tidak memberi maklumat melebihi daripada apa yang diperlukan.
b. **Maksim kualiti**: memberi maklumat yang betul, iaitu (i) tidak menyebut sesuatu yang dirasakan tidak betul, dan (ii) tidak menyebut sesuatu yang tidak cukup dalil atau bukti.
c. **Maksim relevan**: menyatakan maklumat yang relevan.
d. **Maksim cara**: menyatakan sesuatu dengan cara yang betul dan mudah difahami, iaitu mengelakkan kekaburan ekspresi dan keraguan, pernyataan yang singkat dan tidak meleret-leret, dan teratur).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Grice juga tidak terlepas daripada kritikan. Antaranya, Sifianou (1992) mengkritik bahawa bahasa secara praktisnya tidaklah sepanjang masa mencapai tujuan memaksimumkan komunikasi bertimbal balas secara efektif. Selain itu, prinsip kerjasama juga dikritik dari segi keuniversalan maksim tersebut (contohnya, Hymes, 1986; Eades, 1982; Keenan, 1976). Wierzbicka bercanggah pendapat tentang keuniversalan maksim, iaitu menurutnya *logic of conversation* cenderung bercirikan etnosentrik. Seterusnya, kritikan ke atas prinsip kerjasama berlegar dalam isu salah tafsir terma *kerjasama* atau *cooperation* dalam prinsip kerjasama kerana secara hakikatnya apa yang diperhatikan dalam kehidupan sehari-hari cenderung dan secara realitinya banyak mempamerkan tingkah laku *'highly uncooperative'* seperti bergaduh, menipu dan mendera (Thomas, 1994).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Walaupun terdapat beberapa batasan dalam Prinsip Kerjasama Grice, di sebalik kekurangan yang diutarakan oleh pengkaji lain, namun tiada pengkaji yang dapat menggantikan prinsip kerjasama dengan yang lain. Thomas (1994) dan Sifianou (1992) juga berpandangan bahawa pengkritik Grice gagal untuk mengiktiraf sumbangannya yang sebenarnya signifikan terhadap kajian yang berkaitan dengan interpretasi pertuturan atau ujaran. Brown dan Levinson (1987) juga mengakui kepentingan maksim Grice, iaitu maksim Grice bukan sekadar pernyataan tentang pola tingkah laku lazim, tetapi maksim Grice melatari andaian yang menyebabkan maksim tersebut dianggap teguh, jelas, nyata dan sukar disangkal. Jelasnya, walaupun sumbangan Grice melalui maksimnya mendapat kritikan, namun maksim Grice (1975) telah menyediakan asas aspek kesantunan dari perspektif maksim pertuturan dan juga telah menyediakan asas bagi Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan mengambil kira kritikan terhadap kerangka Grice, seolah-olah Prinsip Kerjasama Grice (1975) tidak sesuai digunakan sebagai asas penelitian terhadap kajian kesantunan. Dalam kajian ini, model ini digunakan kerana keserasiannya dengan konteks di Malaysia. Noriati A. Rashid (2012) misalnya, berpendapat bahawa Maksim Kuantiti dan Maksim Kualiti Grice mempunyai persamaan dengan ajaran Islam yang menekankan tentang kejelasan dan kebenaran kata. Hal demikian ini dapat diteliti di dalam surah al Nahl ayat 125, iaitu:

> Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk.

Antara pengkaji di Malaysia yang menggunakan model ini dalam kajian mereka ialah seperti Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016); Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015); dan Abdul Ganing Laengkang (2015). Namun, mereka menggunakan Prinsip Kerjasama secara kombinasi dengan menggabungkan Prinsip Kerjasama Grice dengan teori atau model lain seperti yang berikut:

Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016) pula mengkaji manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat turut menggunakan atau mengambil pendekatan dengan menggunakan Prinsip Kerjasama Grice (1975) bagi memperlihatkan penggunaan strategi kesantunan secara terperinci dalam rancangan bual bicara radio dalam rancangan bertajuk *Celik Mata Reset Minda Orang yang Tenang* di radio IKIMfm secara kombinasi, iaitu dengan mengkombinasikan Model Prinsip Kerjasama Grice (1975) dengan Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) bagi memantapkan lagi kajian mereka. Kedua-dua teori tersebut dikombinasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk membentuk Model Pola Kombinasi Strategi dan Maksim (MPKSM) dan digunakan untuk menganalisis 33 dialog daripada satu konteks perbualan dengan berfokuskan struktur isi bual bicara.

Meminta dan memberi nasihat merupakan tindakan linguistik yang kompleks serta memerlukan pengamatan terhadap norma-norma kesantunan budaya tertentu ketika melaksanakannya lebih-lebih lagi dalam rancangan bual bicara radio berorentasikan panggilan masuk (*phone-in*). Ketidakfahaman terhadap aspek ini akan mengakibatkan nasihat sering kali tidak dialu-alukan, malah boleh menimbulkan konflik antara penutur dan penerima semasa berkomunikasi. Justeru, analisis ini dilakukan untuk mengenal pasti pola kesantunan berbahasa bual bicara.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Sara Beden dan Indirawati (2015) juga mengaplikasikan teori kesantunan secara berkombinasi, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975) digabungkan dengan Prinsip Kesantunan Leech (1983) dalam kajian mereka yang berjudul *Analisis Kesopanan bahasa Leech (1983) dan Grice (1975): Manifestasi pola dan struktur kesopanan bahasa dalam novel "Melunas Rindu".* Kajian oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015) menunjukkan bahawa maksim-maksim dalam Prinsip Kerjasama Leech (1983) tidak dapat berdiri sendiri dalam memperlihatkan kesopanan berbahasa, sebaliknya memerlukan kombinasi maksim-maksim yang lain, iaitu maksim Kerjasama Grice (1975) dalam sesuatu peristiwa perbualan. Maksim kuantiti dan maksim relevan dalam Prinsip Kerjasama Grice misalnya, wujud dalam kasus tertentu bagi melengkapkan maksim-maksim Leech. Justeru, Prinsip Kerjasama Grice dapat melengkapi kekurangan yang terdapat dalam Prinsip Kesantunan Leech kerana tidak semua dialog dapat dipadankan dengan maksim-maksim Leech (Lihat juga 2.10.2.3). Impaknya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wujudlah pola-pola tertentu bagi maksim-maksim berkenaan dalam peristiwa-peristiwa yang berbeza. Lanjutan daripada itu, perbualan dalam setiap peristiwa bukan sahaja memperlihatkan darjah kesopanan yang tinggi malahan lebih bermakna, teratur dan berkesan (Sara Beden dan Indirawati Zahid, 2015).

Abdul Ganing Laengkang (2015) mengkaji strategi kesantunan dalam ceramah motivasi oleh Mohd. Fadzilah Kamsah menggunakan korpus daripada ceramah motivasi berbahasa Melayu. Abdul Ganing Laengkang (2015) yang menggunakan kerangka model kesantunan terdahulu secara kombinasi, iaitu *Prinsip Kerjasama* Grice (1975), Model Kesantunan Sanat Md. Nasir (2000), iaitu *Kesantunan Paling Luas* dan Model Kesantunan Noriati A. Rashid (2005) dan terbentuklah Model Pindaan dan Tambahan dengan memberi tumpuan terhadap dua kategori kesantunan, iaitu Kategori Rujukan Sumber dan Kategori Ungkapan Rabbani. Dua kategori kesantunan ini terdiri daripada tujuh strategi kesantunan yang mampu menggambarkan kesantunan penceramah.

Jelasnya, setelah mengambil kira aspek keserasian dalam pengaplikasian teori dalam kajian terdahulu, Prinsip Kerjasama Grice (1975) akan turut digunakan dalam kajian ini dalam mendeskripsi makna dan fungsi penanda pragmatik mengikut maksimnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.3 Prinsip Kesantunan Leech (1983)

Model prinsip kesantunan Leech (1983: 158) menekankan enam maksim, iaitu:

a. **Maksim berhemah** (*tact maxim*), iaitu (i) meminimumkan kos kepada orang lain dan (ii) memaksimumkan faedah kepada orang lain. (dalam impositif dan komisif),

b. **Maksim budiman atau kedermawanan** *(generosity maxim*), iaitu (i) meminimumkan faedah atau manfaat bagi diri sendiri dan (ii) memaksimumkan kos ke atas diri sendiri. (dalam impositif dan komisif),

c. **Maksim persetujuan** (*approbation maxim*), iaitu (i) meminimumkan cacian terhadap diri sendiri dan (ii) memaksimumkan pujian ke atas orang lain. (dalam ekspresif dan penegasan),

d. **Maksim merendah diri** (*modesty maxim*), iaitu meminimumkan pujian ke atas diri sendiri dan memaksimumkan kata-kata kurang memuji (cacian) ke atas diri sendiri. (dalam ekspresif dan penegasan),

e. **Maksim persetujuan** (*agreement maxim*), iaitu (i) meminimumkan perselisihan faham/ perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan (ii) memaksimumkan persepakatan/persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain (dalam penegasan).

f. **Maksim simpati** (*sympathy maxim*) iaitu (i) meminimumkan antipati atau kebencian terhadap orang lain dan (ii) memaksimumkan simpati terhadap orang lain.

Prinsip Kesantunan Leech (1983) juga tidak terlepas daripada menerima kritikan oleh pengkaji lain. Salah satu daripada kritikan terhadap Leech ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesantunan tidak didefinisikannya secara eksplisit (Watts et al., 1992a). Selain itu, terdapat juga kritikan berkaitan kesukaran dan membuat pengujian secara empirikal dengan menggunakan prinsip kesantunan Leech (1983) ke atas penggunaan bahasa sebenar, contohnya, Yeung (1997); Watts et al. (1992a:); Fraser (1990). Atas beberapa alasan ini juga, Fukushima (2003) berpendirian untuk tidak menggunakan kerangka model Leech (1983) dalam kajiannya yang diterbit dalam bukunya yang bertajuk *Research and Culture: Politeness in British English and Japanese.*

Berdasarkan kritikan di atas, kelihatannya seperti kerangka Leech tidak sesuai atau tidak berpada untuk dijadikan asas bagi kajian ini. Namun begitu, dari sisi lain, Prinsip Kesantunan Leech (1983) dilihat sebagai pelengkap kepada penggunaan teori atau model kesantunan yang lain atau dalam erti kata yang lain penerapan teori kesantunan secara berkombinasi dalam kerangka melengkapkan kekurangan dalam teori tertentu seperti dalam kajian kesantunan yang dijalankan oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015, 2014); Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011); dan Noriati A. Rashid (2013, 2012, 2007).

Penggunaan teori Grice (1975) dalam kajian Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015, 2014) dilengkapkan lagi oleh teori Leech (1983) dalam mencapai tujuan kajian mereka untuk mengklasifikasi dan menstrukturkan pola kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*, iaitu Komponen Sastera (Komsas) yang digunakan oleh murid tingkatan empat di Zon 4 (Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Novel tersebut dianalisis berdasarkan dialog watak utama dan watak sampingannya dengan berfokus pada dialog dalam bab 12 novel tersebut. Dialog yang menjadi data kajian akan dianalisis dengan menggunakan model kesopanan Leech (1983) dan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerjasama Grice (1975). Berdasarkan analisis, dapatan kajian memperlihatkan hanya empat maksim Leech dan dua maksim Grice dipatuhi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa maksim-maksim Leech (1983) tidak dapat berdiri sendiri bagi menggambarkan kesopanan berbahasa dalam beberapa peristiwa sebaliknya memerlukan kombinasi maksim sehingga membentuk pola-pola tertentu. Kehadiran maksim Grice dalam kasus tertentu telah melengkapkan maksim Leech. Dapatan analisis turut menunjukkan bahawa struktur yang digunakan dalam pola kesopanan bahasa bagi setiap peristiwa adalah bervariasi (Lihat Sara Beden dan Indirawati Zahid, 2016; 2015; 2014).

Ada kajian yang dilaksanakan menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (1983) secara tunggalan kerana dianggap teori ini boleh berdiri sendiri seperti kajian oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011) mengenai kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah yang bertujuan mengenal pasti dan menganalisis penggunaan kata dan ujaran santun oleh remaja sekolah seramai 154 orang daripada enam buah sekolah dengan menggunakan pendekatan pragmatik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja sekolah paling kerap menggunakan maksim santun dan maksim kerendahan hati dalam perbualan mereka, dan ujaran yang terlalu berterus terang yang digunakan oleh remaja didapati telah melanggar Prinsip Kesopanan Leech (1983).

Selain itu, kajian yang turut dilaksanakan menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (1983) secara tunggalan kerana keupayaan teori ini untuk berdiri sendiri dan berpada serta sesuai dengan tujuan kajian yang hendak dicapai adalah seperti kajian yang dilaksanakan oleh Wan Robiah Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab (2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang kesantunan berbahasa kaunselor pelatih dalam sesi kaunseling. Kajian ini menggunakan prinsip kesopanan Leech dan berupaya menonjolkan bahawa keenam-enam maksim di bawah Prinsip Kesantunan Leech didapati diaplikasikan dalam kalangan 30 orang kaunselor pelatih program Kaunseling UNIMAS dan didapati suasana selesa, kelancaran dan kejayaan sesebuah sesi kaunseling yang dijalankan dapat diwujudkan.

Selain itu, Noriati A. Rashid (2013, 2012 dan 2007) turut menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (1983) dalam kajiannya berkaitan kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan secara mengkombinasikan teori kerana menurut beliau penggunaan pelbagai model kesantunan dalam proses rundingan didapati saling berkaitan dan saling menyokong antara satu sama lain (ibid., 2012). Model Leech (1983) yang memperkenalkan maksim kesantunan yang antaranya ialah maksim berhemah, iaitu mengurangkan kos dan menambah faedah kepada pihak lain begitu ketara wujud dalam data kajian. Penggunaan maksim ini ditunjukkan apabila pihak perempuan mengambil keputusan untuk tidak membebankan pihak lelaki dengan mengabaikan amalan masyarakat Negeri Sembilan dalam urusan meminang demi meringankan tanggungan pihak lelaki. Selain Model Leech (1983), Maksim Kerjasama Grice (1975) juga muncul dalam data seperti Maksim Kuantiti dalam rundingan misalnya kerana maklumat yang mencukupi penting bagi memastikan proses rundingan dalam majlis pertunangan berjalan lancar.

Jelasnya, menggabungkan teori dalam mengisi atau menampung kekurangan sesuatu teori atau pendekatan atau model demi memantapkan, mengukuhkan antara satu dengan lain bergantung kepada keperluan kajian dalam memenuhi tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaan sesebuah kajian adalah wajar. Oleh yang demikian, dalam kajian ini Prinsip Kerjasama Leech (1983) digunakan di samping Prinsip Kesantunan Grice (1975) dan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) kerana cirinya yang saling melengkapi dan mencukupkan atau menambah baik kekurangan yang ada dalam teori yang lain kerana unsur-unsur kesantunan dalam Leech tidak sentiasa muncul atau hadir sepanjang berlangsungnya proses komunikasi khususnya dalam penggunaan penanda pragmatik *ya*. Implikasinya, melaksanakan kajian dengan mengaplikasikan beberapa teori secara eklektik adalah wajar kerana cirinya yang saling melengkapi.

Maksim Kerjasama Grice misalnya akan menyeimbangkan tindakan yang santun seperti yang dianjurkan oleh Maksim Leech bagi melahirkan kerjasama yang berterusan dalam sesebuah komunikasi. Tambahan pula, menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012) maksim-maksim Leech boleh dianggap serasi dengan Islam memandangkan pembinaan maksimnya berkaitan dengan keluhuran hati dan budi. Maksim yang dikemukakan oleh Leech seperti Maksim Berhemah, Maksim Budiman dan Maksim Merendah Diri merupakan peribadi yang santun yang dituntut oleh Islam. Noriati A. Rashid (2012) juga berpandangan yang sama, iaitu menurut beliau maksim bipolar, iaitu mengurangkan kos dan menambahkan faedah kepada pihak lain yang dinamakan strategi ‘memudahkan’ dalam Model Noriati (2004) adalah amalan yang digalakkan dalam Islam. Menurut beliau lagi (2007) maksim-maksim Leech boleh dianggap serasi dengan Islam memandangkan pembinaan maksimnya berkaitan dengan keluhuran hati dan budi. Aspek yang dikemukakan oleh Leech seperti Maksim Berhemah, Maksim Budiman dan Maksim Merendah Diri merupakan peribadi yang santun seperti yang dituntut oleh Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Perspektif Penjagaan Muka (*The face saving view*)

Kesantunan linguistik juga dikaji dari sudut muka, iaitu berasaskan muka positif dan muka negatif melalui strategi dan substrategi kesantunan di bawah Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) (Lihat 2.3.3.1); serta berasaskan darjah lakuan ancaman muka yang turut dibincangkan oleh Brown dan Levinson (1987, 1978) (Lihat 2.3.3.2) seperti yang berikut:

2.3.3.1 Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) Berasaskan Penjagaan Muka


Antara sarjana Barat yang mengkaji fenomena kesantunan linguistik berasaskan muka ialah Brown and Levinson (1987). Mereka membincangkan fenomena kesantunan dari sudut sosiolinguistik dan pragmatik tentang *muka,* iaitu *muka positif* dan *muka negatif*. Mengikut Brown and Levinson (1987, ms. 68) "*Based on this notion of face, there are positive and negative politeness. Positive politeness is the one directed to the addressee's positive face wants, whereas negative politeness is the one addressed to the addressee's negative face wants."*

Brown dan Levinson (1987) juga mengaitkan kesantunan sebagai usaha untuk mengurangkan kesan Lakuan Ancaman Muka (*Face Threatening Act)* kepada 5 strategi utama, iaitu berterus terang (*Bald on Record),* kesantunan positif *(Positive Politeness),* kesantunan negatif *(Negative Politeness),* tidak berterus terang *(Off Record)* dan memilih untuk tidak melakukan sebarang lakuan ancaman muka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Brown dan Levinson, antara strategi kesantunan dalam perkaitannya dengan aspek Lakuan Ancaman Muka (LAM) adalah seperti yang berikut:



Disesuaikan daripada Brown dan Levinson (1987, ms.69)

Rajah 2.1. Strategi Kesantunan Berbahasa Brown dan Levinson (1987)

Menurut Brown dan Levinson (1987, ms. 60) "*Given the following set of strategies, the more an act threatens S's or H's face, the S will want to choose a higher-numbered-strategy; this by virtue of the fact that these strategies afford payoffs of increasingly minimized risk.* Jelasnya, semakin tinggi risiko ancaman muka apabila melakukan sesuatu lakuan, maka lebih tinggi tahap strategi kesantunan yang akan dipilih oleh penutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3.2 Teori Kesantunan Berbahasa Brown dan Levinson (1978, 1987) Berasaskan Lakuan Ancaman Muka (LAM)

Mengukur Lakuan Ancaman muka (FTA) (Brown dan Levinson, 1987, 1978), dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jarak sosial, kuasa dan darjah imposisi seperti yang ditunjukkan dalam formula yang berikut:

$$Wx = D(s,H) + P(H,S) + Rx$$

- Wx ialah nilai pemberatan lakuan ancaman muka
- D(S,H) ialah nilai mengukur jarak sosial antara penutur (S) dengan pendengar (H).
- P(H,S) ialah nilai mengukur kuasa yang dimiliki oleh pendengar mengatasi penutur.
- Rx ialah nilai yang mengukur darjah di mana lakuan ancaman muka berdasarkan imposisi dalam sesebuah budaya.

Terdapat dua jenis lakuan ancaman muka, itu ancaman muka positif dan muka negatif. Lakuan ancaman muka positif meliputi lakuan seperti tidak memperakukan, mengkritik, membuat aduan, mengejek, mencela dan menuduh (Brown dan Levinson, 1987). Lakuan ancaman muka negatif pula meliputi lakuan seperti memberi arahan, membuat permintaan, memberikan cadangan, memberikan nasihat, mengingatkan, mengancam, memberi amaran dan mencabar (Brown dan Levinson, 1987).

Faktor pemberatan lakuan ancaman muka berdasarkan Brown dan Levinson (1987, 1978) yang menandai kesantunan melibatkan faktor-faktor seperti jarak sosial,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuasa dan darjah atau tingkat imposisi. Selain Brown dan Levinson (1987, 1978), konsep jarak sosial (lihat Asmah Omar, 2010), kuasa (lihat Asmah Omar, 2000) dan tingkat imposisi (lihat Noriati A. Rashid, 2012; Asmah Omar, 1992; dan Jamaliah, 1991) turut dibincangkan oleh pengkaji di Malaysia sebagai strategi komunikasi yang menandai kesopanan.

Walaupun Asmah Omar tidak menggunakan istilah jarak sosial seperti yang dikemukakan oleh Brown dan Levinson tetapi beliau merujuk konsep tersebut sebagai taraf sosial (Asmah Omar, 2000). Konsep imposisi seperti yang diutarakan oleh Brown dan Levinson sebagai salah satu faktor darjah lakuan ancaman muka turut dibicarakan oleh pengkaji di Malaysia seperti Noriati A. Rashid (2012), Asmah Omar (1992), dan Jamaliah (1991). Amalan strategi '*beating about the bush'* (Asmah Omar, 1992) dan melalui dapatan Jamaliah (1991) misalnya berhubung dengan sikap orang Melayu yang segan dan malu menyatakan dengan terus terang tentang sesuatu yang berkaitan dengan wang, juga terdapat dalam rundingan pertunangan dalam kajian Noriati A. Rashid (2012), iaitu orang Melayu malu atau segan dalam menyebutkan harga atau wang hantaran yang dikenakan ke atas pihak lelaki. Strategi '*beating about the bush'* yang dinyatakan oleh Asmah Omar (1992) sebagai satu strategi komunikasi dalam kalangan masyarakat Melayu yang mengambil masa dan berlegar-legar seketika untuk menyebutkan sesuatu pernyataan, apatah lagi berhubung dengan sesuatu yang dirasakan akan membebankan pihak yang mendengar juga turut menjadi aspek penilitian yang penting dalam budaya Melayu.

Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) juga tidak terlepas daripada kritikan oleh pengkaji lain. Mao (1994), Gu (1990), Ide (1989), dan Matsumoto (1989,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1988), mengkritik tentang keuniversalan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987). Pada pendapat mereka, teori tersebut tidak sesuai diaplikasikan dalam masyarakat Jepun (lihat Matsumoto, 1989, 1988; Ide, 1989) dan dalam masyarakat China (lihat Mao, 1994; Gu,1990). Mereka menekankan keunikan budaya masing-masing. Matsumoto (1989, 1988) dan Ide (1989) menekankan keunikan fahaman mereka terhadap imposisi atau *wakimae*, namun Fukushima (2003) tidak bersetuju dengan kenyataan mereka kerana *wakimae* bukanlah budaya Jepun yang unik memandangkan dalam budaya lain juga mempunyai fahaman sedemikian.

Selain itu, Mao (1994), Gu (1990), Matsumoto (1989, 1988) dan Ide (1989) turut mengabaikan kepentingan kehendak muka positif. Mao (1994) dan Gu (1990) membicarakan aspek pematuhan terhadap konvensi sosial bagi mengelak daripada sekatan atau halangan sosial (*social sanction*) sedangkan aspek ini merupakan subkategori muka positif seperti yang diutarakan oleh Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Menurut Matsumoto (1989, 1988) dan Ide (1989) muka positif dalam Brown dan Levinson bersifat individualistik, sedangkan menurut Fukushima (2003) konsep muka positif wujud dalam masyarakat Jepun bukan sahaja dalam masyarakat individual malah dalam masyarakat secara kolektif (collectivist) juga.

Sungguhpun mendapat pelbagai kritikan, teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) didapati telah digunakan secara meluas (Locher, 2015) dan sangat berpengaruh serta terkenal dalam kalangan ahli linguistik (Ferenčik, Milan, 2017). Sifatnya yang teoritis (Watts, 1992a) tidak dinafikan menjadi faktor teori tersebut mendapat tempat dalam kalangan pengkaji dalam kajian mereka berkaitan kesantunan dan ketidaksantuan berbahasa kerana Model Brown dan Levinson (1987) didapati paling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak diketengahkan terutamanya yang berkaitan dengan pendekatan '*face saving'* atau menjaga muka (lihat Watts, 2003). Dalam masa yang sama, pengkaji di Malaysia juga sudah mula menggunakan teori Brown dan Levinson selain Grice dan Leech sebelumnya seperti dalam kajian kesantunan oleh Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016); Marlyna Maros (2011); dan Zuraidah Mohd. Don (2008). Pengkaji dari Indonesia, iaitu Agung Pramujiono (2011) juga dilihat menggunakan teori yang sama dalam kajiannya.

Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016) seperti yang dinyatakan sebelum ini (Lihat 2.3.2.3) menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dalam mengkaji manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat secara kombinasi, iaitu menggabungkannya dengan Model Grice (1975).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Marlyna Maros (2011) turut mengkaji aspek kesantunan berbahasa dengan menggunakan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) secara tunggalan dalam mengkaji strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran dalam kalangan profesional muda ke atas data dalam bentuk rakaman interaksi yang mengandungi teguran dengan berpandukan stimulus, dan wawancara separa terancang setelah selesai rakaman. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan strategi yang digunakan dalam menyampaikan teguran oleh penutur bahasa dari budaya Timur, iaitu penutur bahasa Melayu dengan penutur asli bahasa China yang menetap di Amerika Utara. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penutur asli budaya Timur amnya, dan Melayu khasnya, masih berpegang kepada nilai budaya mereka, meskipun telah melalui proses urbanisasi, modernisasi dan globalisasi yang memberikan mereka pendedahan yang banyak kepada bahasa dan budaya yang asing, terutamanya dari Barat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zuraidah Mohd. Don (2008) melalui kajiannya bertajuk *Family Politeness: Requests in Unequal Relationships* turut menggunakan teori Brown dan Levinson (1978,1987) secara tunggalan. Zuraidah Mohd. Don (2008) mengkaji tentang kesantunan dalam hubungan keluarga yang melibatkan ketidaksamaan taraf dalam hubungan antara suami dengan isteri dan hubungan antara bapa dengan anak dengan menggunakan pendekatan dan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang menyentuh aspek parameter sosial PDI (kuasa relatif atau *relative power (P)*; jarak sosial atau *social distance* (D); dan darjah imposisi relatif atau *relative degree of imposition (I*) yang dianggapnya sebagai alat yang terbaik dalam meneliti hubungan sosial daripada perbualan harian, iaitu perbualan yang bersifat kasual di rumah khususnya dalam lakuan permintaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agung Pramujiono (2011) juga menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) secara tunggalan dalam mengkaji dan mendeskripsi serta menemukan representasi kesantunan positif dan kesantunan negatif berasaskan teori yang diperkenalkan oleh Brown dan Levinson dalam wacana dialog di televisyen. Data penelitian ini diambil daripada tiga stesyen televisyen, iaitu tvOne, MetroTV, dan TVRI.

Jelasnya, konsep air muka sama sekali tidak dapat menyangkal gagasan dalam kesantunan walaupun terdapat perbezaan interpretasi konsep air muka, misalnya antara Goffman (1967), Grice (1975), Brown dan Levinson (1987), Asmah Omar (2000), Noriati A. Rashid (2004) dan Fukushima (2003), tetapi kesemuanya itu akan menjadi kekuatan dalam bidang kesantunan dan apabila dikombinasikan secara eklektik, setiap satunya akan saling melengkapi dan menjadikan bidang kesantunan lebih mantap,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

holistik dan jelas. (lihat Noriati A. Rashid, 2012). Hal ini demikian kerana kesantunan tinggi nilainya dalam masyarakat Melayu tetapi ekspresi dan persepsi kesantunan kemungkinannya berbeza mengikut masyarakat atau komuniti penutur bahasa (Suraiya Mohd Ali, 2004).

Kesimpulannya, dalam kajian ini, teori kesantunan secara berkombinasi digunakan dalam mendeskripsi makna dan fungsi penanda pragmatik *ya* secara holistik dari parameter dan spektrum kesantunan berbahasa, iaitu melibatkan gabungan tiga teori yang terdiri daripada Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (1983) dan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) sehingga membentuk Kerangka Amalgamasi Santun yang dijelaskan pembinaannya dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya yang berkaitan dengan kerangka konseptual (Lihat Rajah 1.1). Kerangka Amalgamasi Santun ini seterusnya akan diaplikasikan dalam mengkaji penggunaan penanda pragmatik *ya*.

2.3.4 Perspektif Pematuhan Peraturan Berbahasa

Dalam sesebuah masyarakat terdapat peraturan-peraturan tertentu dalam perhubungan antara ahli-ahlinya. Peraturan dan bentuk perhubungan ini tergambar dalam penggunaan bahasa (Nik Safiah Karim, 2013). Semua masyarakat mempunyai peraturan bahasanya sama ada dari segi peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik mahupun peraturan pragmatik. Kepatuhan peraturan linguistik dari segi keperluan nahu, peraturan sosiolinguitik dan peraturan pragmatik perlu dititikberatkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usaha mencapai bahasa yang rapi, baik dan santun dalam wacana berbudaya tinggi (Asmah Omar, 2002).

Sungguhpun begitu, bahasa yang patuh dari segi keperluan nahu tidak dianggap berdaya tinggi dan santun selagi penggunaan bahasa tidak halus dari segi sosiolinguistik kerana ketiadaan upaya dalam membawa kesan yang positif dari segi pragmatik. Oleh yang demikian, dalam erti kata lain, peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik perlu diberi penekanan dan perlu dipatuhi secara bersepadu dan eklektik bagi melahirkan wacana yang berdaya tinggi dan bernilai santun (lihat Asmah Omar, 2002).

Peraturan sosiolinguistik berkaitan dengan penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara penutur dengan pendengar dalam konteks komunikasi lisan dan antara penulis dengan pembaca dalam konteks komunikasi tulisan. Hubungan ini boleh dalam bentuk suasana berbahasa formal mahupun tidak formal. Kajian kesantunan berbahasa yang telah dijalankan oleh para sarjana di Malaysia dari sudut sosiolinguistik antaranya termasuklah dari perspektif penggunaan kata ganti nama. Menurut Nik Safiah Karim (2013) kata ganti nama kelihatan sederhana dan senang difahami, namun aspek penggunaannya agak rumit, dan kerap kali berlaku kesilapan dan perselisihan faham akibat daripada penggunaan kata ganti nama yang salah atau kurang tepat. Lebih serius lagi, implikasi daripada kegagalan menggunakan kata ganti nama yang tepat boleh menggugat keharmonian dalam hubungan antara etnik (Zulkifley Hamid dan Naidatul Zamrizam Abu, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara kajian kesantunan berbahasa yang dilihat dari perspektif sosiolinguistik yang menyentuh aspek penggunaan kata ganti nama dan sistem sapaan ialah kajian yang dijalankan oleh Zulkifley Hamid dan Naidatul Zamrizam Abu (2013); Nik Safiah Karim (2012); Awang Sariyan dan Laila @ Liang Yan (2012). Antara aspek kajian tersebut termasuklah kajian dalam konteks pekerjaan khususnya suasana di sekolah, pejabat dan perniagaan terhad kepada bentuk-bentuk bahasa baku (Nik Safiah Karim, 2012); sistem sapaan dan ungkapan fatis secara perbandingan antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina sebagai bangsa bertamadun tinggi (Awang Sariyan dan Laila @ Liang Yan, 2012); dan penggunaan kata ganti nama diri dalam kalangan 72 orang murid pelbagai etnik di Sekolah Kebangsaan Sri Tebrau, Johor Bahru (Zulkifley Hamid dan Naidatul, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain kajian kesantunan berbahasa yang diteliti dari perspektif sosiolinguistik yang menyentuh aspek penggunaan kata ganti nama dan sistem sapaan, pengkaji lain seperti Asmiaty Amat dan Saidatul Nornis Mahali (2015) aspek kesantunan berbahasa dari perspektif sosiolinguistik mengenai eufemisme sebagai kesantunan berbahasa. Selain itu, Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz dan Hasnah Mohamad (2013) mengkaji faktor kesopanan dan strategi komunikasi dalam genre perbincangan di televisyen.

Peraturan pragmatik pula menekankan aspek penggunaan bahasa yang perlu disesuaikan dengan tujuan komunikasi yang berkaitan dengan pencapaian hasrat dan kehendak, pada masa yang sama memelihara kesopanan dalam berbahasa supaya aib, maruah atau air muka seseorang dipelihara, tidak menyakiti hati, tidak mengundang kebencian dan tidak menerbitkan kemarahan orang lain. Menurut Indirawati Zahid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2013) masyarakat pengguna bahasa di mana-mana pun di dunia ini akan berasa selesa dan 'selamat' apabila amalan penjagaan air muka menjadi sebahagian daripada gaya hidup sehari-hari. Situasi ini bertitik tolak daripada keinginan semula jadi manusia yang tidak mahu diri mereka diaibkan. Situasi yang sama juga berlaku dalam masyarakat Melayu, iaitu kesantunan amat ditekankan kerana air muka dapat dianggap sinonim dengan maruah diri seseorang (ibid.: 188).

Kajian kesantunan berbahasa dari sudut pragmatik di Malaysia dilakukan oleh Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019), Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa (2016), Marlyna Maros (2012), Maslida Yusof (2012), Mohamed Fadzeli Jaafar (2012) dan Indirawati Zahid (2012). Kajian dari sudut pragmatik ini diteliti khususnya dari perspektif lakuan bahasa. Antara aspek kajian tersebut termasuklah kajian tentang pengungkapan bahasa kiasan dalam konflik semasa mengujarkan ketidakpuasan hati, kekecewaan dan perkelahian dalam plot konflik filem *Lancang Kuning, Semerah Padi, Hang Jebat* dan *Seri Mersing* (Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2019). Kajian seterusnya pula tentang penggunaan implikatur dalam melahirkan ujaran yang mengandungi elemen kesantunan berbahasa menggunakan Teori Relevans menggunakan data korpus bersumberkan teks klasik *Sulalatus Salatin* (Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa, 2016), kajian sindiran sebagai lakuan bahasa yang dari segi pragmatiknya dikenali juga sebagai gurauan bersantun atau ironi dalam lakuan lisan yang bersifat mengancam air muka positif dan negatif si pendengar (Marlyna Maros, 2012); lakuan maaf sebagai lakuan ekspresif berbentuk strategi menebus kesalahan dan seterusnya memulihkan hubungan penutur-pendengar (Maslida Yusof, 2012); lakuan permintaan langsung dan tidak langsung yang dihasilkan oleh pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia berdasarkan lima domain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berbeza-beza dengan berlatarbelakangkan suasana di universiti, iaitu di pejabat, perpustakaan, bilik atau dewan kuliah, kafeteria dan kolej (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2012); dan kajian penggunaan strategi langsung dan tidak langsung kesantunan Melayu ke arah situasi bebas konflik yang dilihat sebagai penghubung interaksi sesama anggota masyarakat yang mementingkan gaya hidup yang harmoni, aman dan damai dengan menekankan penjagaan air muka individu yang menjadi sasaran (Indirawati Zahid, 2012).

Kajian yang menggabungkan aspek sosiolinguistik dan pragmatik pula antaranya pernah dijalankan, iaitu kajian tentang *Amalan Kesantunan Berbahasa di Sekolah* yang telah dilaksanakan oleh Zuraini Ramli, Dahlia Janan, Husna Faredza Mohamed Redzwan dan Khairul Azam Bahari pada tahun 2009. Antara lainnya, kajian kesantunan berbahasa Indonesia dalam lingkungan keluarga misalnya telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan sosiopragmatik oleh Wa Ode Nurjamily pada tahun 2015.

2.3.5 Perspektif Ihsan dan Ibadah dalam Islam

Kesantunan berbahasa dari perspektif Islam berkait dengan sifat ihsan, iaitu suka melakukan kebaikan yang menjurus kepada aspek akhlak merupakan satu bentuk ibadah yang dituntut dan digalakkan dalam Islam dan sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berbuat baik. Prinsip utama agama Islam berkaitan dengan aspek kesantunan bahasa berhubung secara langsung dengan dua peranan utama manusia di muka bumi ini, iaitu (1) menyeru kebaikan (امر لمعروف amar ma'ruf) dan mencegah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemungkaran (نهى عن المنكر nahi mungkar). Dalam melaksanakan kedua-dua peranan ini, kesantunan bahasa diperlukan agar mesej (seperti dalam bentuk ajaran, nasihat, teguran) yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan meninggalkan kesan yang diharapkan serta tidak menyebabkan kemarahan, kebencian, dan permusuhan. Antara asas prinsip itu ialah ayat al-Quran yang berbunyi "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat." (Surah Taha, ayat 44) dan "Allah tidak suka akan perkataan-perkataan yang jahat yang keluar daripada mulut seseorang". (Surah Al-Nisa', ayat 148). Penekanan aspek kesantunan bahasa ini juga berkaitan dengan keperluan manusia memelihara hubungan sesama manusia (حبل من الناس hablumminannas) di samping hubungannya dengan Tuhan (حبل من الله hablumminallah) (Lihat Awang Sariyan, 2007). Dalam konteks inilah kesantunan bahasa amat penting diberi perhatian dalam kehidupan bermasyarakat dan dilihat amat penting diterokai dan terus dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Noriati A. Rashid (2013) misalnya turut mengaitkan aspek kesantunan dengan ajaran Islam menerusi kajiannya terhadap majlis pertunangan orang Melayu. Menurutnya, setiap perlakuan sopan harus bermula dengan niat yang tulus ikhlas dan datang dari hati yang suci bersih. Strategi kesantunan dikaitkan secara langsung dengan ajaran Islam dalam kajiannya ialah kategori Ungkapan Rabbani yang merangkumi Strategi Bismillah, Fatihah dan Doa; Strategi Alhamdulillah dan Bersyukur; Strategi Salam, Strategi Insya-Allah; dan Strategi Tawakal (Noriati A. Rashid, 2007; 2005). Kesantunan berbahasa secara dasarnya merupakan tingkah laku berbahasa yang dituntut dalam Islam. Noriati A. Rashid (2012, 2007), turut menggunakan teori-teori Barat seperti Grice (1975), Leech (1983) dan Brown dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Levinson (1987) (Lihat 2.3.2 dan 2.3.3) kerana pada pandangannya teori-teori tersebut serasi dengan ajaran agama Islam.

Amalan kesantunan merupakan salah satu aspek yang dipentingkan dalam agama Islam bagi membentuk hubungan yang bebas konflik, tenteram dan harmoni. Aspek ini dinyatakan dalam al-Quran bagi menjadi pegangan dan pedoman masyarakat Islam apabila berkomunikasi dan berhubung sesama mereka. Menurut Rusydi Room (2013) terdapat enam prinsip dan acuan berkaitan lakuan kesantunan berbahasa dalam al-Quran, iaitu pertama, *Qaulan Sadida* yang membawa maksud perkataan yang benar dan jujur (Surah an-Nisa: ayat 9). *Qaulan Sadida* ini berkaitan dengan perkara yang diperkatakan, iaitu medium bahasa yang digunakan oleh individu tersebut adalah benar. Kedua, *Qaulan Ma'rufa,* iaitu perkataan yang baik (Surah an-Nisa: ayat 8). *Qaulan Ma'rufa* ini bererti bahasa yang digunakan dalam sesebuah komunikasi ialah bahasa yang tidak menyinggung atau menyakiti perasaan rakan tutur atau pendengar yang sesuai dengan kriteria kebenaran, kejujuran dan tidak mempunyai kepura-puraan. Ketiga, *Qaulan Baligha* yang bermaksud tepat pada gagasan, yang komunikatif dan mudah dimengerti (Surah an-Nisa: ayat 63). Oleh itu, *Qaulan Baligha* membawa erti komunikasi dengan menggunakan ungkapan yang tepat mencapai sasaran dan tujuan atau membekas serta jelas dan berkesan. Keempat, *Qaulan Maysura,* iaitu perkataan yang ringkas (Surah al-Isra: ayat 28), iaitu berkomunikasi dengan baik dan tidak meleret-leret agar orang tidak merasa bosan atau jemu dengan komunikasi tersebut. Kelima, *Qaulan Karima*, iaitu perkataan yang mulia (Surah al-Isra: ayat 23). *Qaulan Karima* ini digunakan untuk berkomunikasi dengan menggunakan perkataan-perkataan yang mulia dan tersirat di dalamnya kata, isi dan pesan serta mempunyai tujuan yang baik, terpuji, penuh hormat. Keenam, *Qaulan Layyinan*, iaitu perkataan yang lembut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Surah Taha: ayat 44) yang bertujuan agar komunikasi dilaksanakan dengan sikap yang lemah-lembut.

Berdasarkan kepada kajian-kajian kesantunan dalam bahasa Melayu dan kehadirannya dalam al-Quran jelas menunjukkan kepentingan kesantunan ini dalam ajaran Islam. Bahasa Melayu yang digunakan oleh orang-orang Melayu sebagai penutur jatinya yang kelazimannya merupakan pengamal agama Islam turut menerapkan amalan agama dalam kehidupan seharian. Justeru, kepentingan kesantunan dalam kehidupan seharian tidak dipinggirkan kerana dalam al-Quran sendiri turut dinyatakan aspek ini menerusi beberapa ayat.

Bagi masyarakat Melayu, tingkah laku dalam berbudaya dan berbahasa dipengaruhi oleh akhlak yang merupakan sistem nilai yang dijadikan landasan untuk menentukan baik atau buruknya tindakan atau perilaku seseorang berdasarkan hukum hakam dalam agama Islam (Salinah Ja'afar, 2005). Seseorang yang mengamalkan budaya Melayu juga secara tidak langsung terikat dengan perkara yang disunah dan ditegah dalam Islam. Secara tidak langsung akidah dan sahsiah diri yang tinggi terbentuk dalam budaya beragama Islam itu sendiri (Siti Sarah Nadiah Aziz, 2015). Agama Islam yang mengutamakan akhlak dan kehalusan budi bahasa, dilihat serasi dengan budaya orang Melayu (Hashim Musa, 2006). Jelasnya, agama dan budaya saling berkaitan dalam amalan masyarakat seharian seperti amalan kesantunan dalam komunikasi. Oleh hal yang demikian, kajian ini meneliti kesantunan dalam komunikasi khususnya dalam penggunaan penanda pragmatik *ya* dengan berlandaskan Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (1983) dan Teori Kesantunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Brown dan Levinson (1978,1987) selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam dalam genre wawancara bertajuk *Selami Jiwa*.

2.3.6 Perspektif Ekspresi Pragmatik Berperantikan Penanda Pragmatik

Bahagian ini akan memfokuskan tentang (2.3.6.1) terminologi penanda pragmatik; (2.3.6.2) definisi penanda pragmatik; dan (2.3.6.2) pendekatan dan teori berkaitan penanda pragmatik.

2.3.6.1 Terminologi Penanda Pragmatik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi terminologi, terdapat pelbagai terma yang digunakan merujuk istilah penanda pragmatik. Kebanyakan terma yang digunakan menerima banyak tentangan. Namun, tiada satu istilahpun yang nampaknya lebih sesuai dan dalam masa yang sama inventori istilah ini tidak pernah disenaraipendekkan (cf. Aijmer, 2002; Schourup, 1999; Fraser 1999; Hansen, 1998; Brinton, 1996). Penanda pragmatik telah dibahaskan oleh sarjana bahasa di dunia dengan pelbagai terminologi. Terdapat kepelbagaian dalam terminologi yang sangat ketara merujuk penanda pragmatik. Terdapat pelbagai terma yang digunakan merujuk penanda pragmatik dan sering kali berlaku pertindihan dalam penyelidikan linguistik. Antaranya, menurut Lam (2007) misalnya, penanda pragmatik (Lam menggunakan terma partikel wacana) dan penanda wacana didapatinya berkongsi konotasi yang sama. Kedua-duanya merujuk perkara yang berfungsi pada peringkat wacana atau *discoursal* (ibid.).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain penanda pragmatik, terma partikel pragmatik turut digunakan (lihat, sebagai contoh, Fischer, 2006; Aijmer, 2002; Schourup 1985; Goldberg, 1980). Selain itu, partikel wacana juga antara terma yang biasa digunakan (lihat, sebagai contoh, Stenström 2006, 1994; Schourup, 1999; Schiffrin, 1987). Termasuk contoh-contoh lain yang tidak terhad seperti kata penghubung (lihat sebagai contoh, Bazzanella 1990; Fraser 1988), wacana pengendali (lihat, sebagai contoh, Redeker 1991), ungkapan pragmatik (lihat, sebagai contoh, Erman 1987), penanda pragmatik (lihat, sebagai contoh, Aijmer 2005; Brinton 1996) dan partikel ujaran (lihat, sebagai contoh, Luke 1990). Seperti yang ditunjukkan dalam Brinton (1996), inventori menamakan item penanda pragmatik sahaja terdiri daripada dua puluh terma. Perbezaan terma yang digunakan tidak begitu ketara antara satu sama lain dan penggunaan terma tersebut bergantung kepada pendekatan, reka bentuk penyelidikan yang digunakan dan minat serta kecenderungan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejak tahun 1970-an, kajian berkaitan penanda pragmatik telah menarik minat yang besar dalam kalangan ahli linguistik. Kepelbagaian istilah merujuk penanda pragmatik dalam literatur linguistik bergantung kepada pendirian teoritis dan pendekatan metodologikal yang digunakan oleh para pengkaji dalam meneroka bidang ini (Beeching, 2016). Kajian berkaitan penanda pragmatik telah dilaksana berasaskan pelbagai pendekatan dan teori contohnya, Anscrombre & Ducrot (1977) berasaskan Teori Penghujahan; Blakemore dan Gallei (2014), de Klerk (2005), Blakemore (2002, 2000, 1992, 1989, 1987), Jucker (1993) berasaskan Teori Relevans; Schiffrin (1987) berasaskan Teori Wacana; Sweetser (1990) berasaskan Teori Kognitif; Knott dan Sanders (1998), Knott dan Dale (1994), dan Fraser (1990) berasaskan Teori Koherens;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aijmer (2002), Trillo (2002), Watts (1989), berasaskan Teori Kesantunan; Aijmer (2002), Holmes (1995) berasaskan Teori Lakuan Tuturan.

Walaupun banyak kajian berkaitan penanda pragmatik telah dilaksanakan, namun masih wujud ketidaksepakatan terhadap isu-isu istilah yang asas ini (lihat Schourup, 1999). Sebaliknya, penyelidik-penyelidik telah melabel ungkapan yang sama dengan istilah yang berbeza. Malamud Makowski (1997) menjelaskan bahawa, perbezaan dalam penggunaan istilah merujuk kepada perkara yang sama secara berbeza bukanlah sesuatu yang luar biasa. Sebagai contoh, antara istilah lain yang juga merujuk kepada penanda pragmatik termasuklah partikel wacana (Schourup, 1985), partikel pragmatik (Östman, 1982), *connectives phatic* (Bazanella, 1990), dan penanda wacana (Schiffrin, 1987). Malah pengkaji sendiri memilih istilah penanda pragmatik dalam kajian ini kerana kajian *ya* diteliti dari sudut pragmatik. Oleh yang demikian istilah penanda pragmatik lebih sesuai merujuk *ya* sepertimana yang digunakan dalam kajian ini. Brinton (2017) memilih terma penanda (*marker*) kerana pendefinisiannya tidak terlalu bersifat membatas secara sintaktik dan lebih bersifat inklusif seperti partikel yang meliputi bentuk frasa dan klausa termasuklah item kata. Beliau juga memilih istilah pragmatik berbanding wacana kerana mendapat liputan yang lebih luas dari segi bentuk dan fungsinya. Selain itu, Beeching (2016) juga menggunakan terma penanda pragmatik kerana penggunaannya dari segi interpersonal berbanding tekstual adalah lebih menonjol kerana penanda pragmatik mempunyai makna prosedural.

Dér (2010) mengenal pasti bahawa sejumlah 42 terma berbeza dalam bahasa Inggeris merujuk penanda pragmatik. Menurut beliau lagi 4 terma yang paling biasa digunakan, iaitu penanda wacana (*discourse marker*), partikel wacana (*discourse*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

particle), penanda pragmatik (*pragmatic marker*) dan partikel pragmatik (*pragmatic particle*). Istilah tersebut yang turut digunakan oleh pengkaji lain berserta contohnya ditunjukkan dalam Jadual 2.1 berikut:

Jadual 2.1
Penanda Pragmatik dan Istilah Lain yang Diterima

Terma/ Istilah	Penulis/ Pengkaji	Contoh
Pragmatic marker	Beeching (2016)	*well, I mean, just, sort of, like and you know*
	Babanoğlu (2014).	*kind of, maybe, I mean*
	Aijmer (2013)	*well, in fact, actually*
	Han (2011)	*and, but, when, or*
	Feng (2011)	*queshi (indeed), xianran (obviously), dagai (probably).*
	Cuenca (2008)	*well*
	Erman (2001).	*you know*
Pragmatic particle	Miskovic-Lukovic (2009).	*kind of, sort of*
	King (2007)	*leh*
	Wouk (1999)	*kan, ya/iya*
	Gupta (1992)	*what, ma, lei, la, lo, ho*
	Östman (1982)	*In addition, nonetheless*
Discourse particle	Ramón (2015).	*oh*
	Maryam Alavia-Nia & Muhammad Mozaffari (2014)	*vaeli (lit. "but") x⊃b (lit. "well)*
	Starks & Thompson (2008)	*eh*
	Vivien (2001)	*meh*
Discourse Marker	Marmorstein (2016)	*marker yaʕni (lit. ''it means'')*
	Yeh dan Huang (2016)	*hao 'okay' dan dui 'right'*
	Smith-Christmas, Cassie (2016)	*you know/ Fios Agau, anyway/co-Dhiú*
	Gonen, Livnat dan Amir (2015)	*now/ axshav*
	Blakemore dan Gallai (2014)	*so, well*
	Tseng (2013) Taiwan	*dan (but)*
	Popescu-Belis dan Zufferey (2011)	*like, well*
	Wichman (2005)	*please*

2.3.6.2 Definisi Penanda Pragmatik

Pendefinisian penanda pragmatik pelbagai dan kompleks. Dalam bahagian ini, pengkaji mendefinisikan istilah penanda pragmatik berdasarkan pandangan sarjana yang awal dan terdahulu seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Östman (1981) ialah pengkaji pertama yang mengkaji penanda pragmatik (Östman menggunakan istilah partikel pragmatik), iaitu *you know*. Östman (1981) menegaskan bahawa penanda pragmatik secara implisitnya ialah pengikat (*anchor*) sesuatu ujaran mengikut situasi. Penanda pragmatik secara implisitnya juga menyampaikan atitud dan emosi penutur. Interpretasi lakuan komunikatif bergantung kepada konteks situasi, iaitu tempat hadirnya penanda pragmatik dalam sesuatu ujaran. Penanda pragmatik mampu menyampaikan hubungan yang bersesuaian terhadap konteks apabila diinterpretasikan. Östman (1995, 1986, 1982, 1981) menyatakan bahawa antara fungsi major bagi penanda pragmatik ialah mengisyaratkan interaksi dan menginsyaratkan atitud atau sikap serta penglibatan yang ada hubung kait dengan isu kesantunan dan menyelamatkan muka (*face-saving*). Pendefinisian penanda pragmatik oleh Östman (ibid.) berasaskan analisis pragmatik yang mengambil kira parameter yang berbeza yang mempengaruhi penggunaan bahasa, situasi pertuturan dan interaksi verbal antara penutur. Östman (ibid.) telah membahagikan parameter tersebut kepada tiga kategori, iaitu (1) koheren, (2) kesantunan dan (3) penglibatan. Tiga prinsip ini adalah aspek komunikasi yang perlu diamalkan oleh penutur dalam memastikan kejayaan sesebuah komunikasi.

Partikel pragmatik merupakan subkategori kepada penanda pragmatik. Aijmer, Foolen dan Simon-Vandenbergen (2006) mendefinisikan partikel pragmatik mengikut kategori yang lebih umum, iaitu penanda pragmatik. Aijmer dan rakan-rakan (ibid.) menganggap sekiranya satu-satu kata atau binaan dalam sesuatu ujaran tidak menyumbang kepada proposisi dan *'truth-conditional content'* itu sebagai penanda pragmatik. Hansen (2006), Fraser (1996) dan Foolen (1996) sepakat dalam mengatakan bahawa penanda pragmatik ialah terma yang paling umum dan kemudiannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disubklasifikasikan seterusnya secara fungsional dengan lebih terperinci seperti penanda santun, penanda pengorganisasi wacana, penanda hesitasi, partikel, adverba dan ekspresi pragmatik.

Kepelbagaian istilah dalam literatur linguistik bergantung kepada pendirian teoritikal dan pendekatan metodologikal pengkaji yang mengkajinya. Beeching sendiri menggunakan kedua-dua istilah, iaitu partikel pragmatik (Beeching, 2001) dan penanda pragmatik (Beeching, 2016) bergantung kepada kecenderungan teori dan metodologi kajian yang digunakan. Menurut beliau partikel pragmatik dan penanda pragmatik mempunyai kemiripan skop kajiannya tetapi berbeza pula dengan penanda wacana. Aijmer dan Simon-Vanderbergen (2006) memilih terma penanda pragmatik berbanding penanda wacana dan telah membuat perbandingan antara kedua-duanya, iaitu penanda wacana ialah terma yang digunakan semasa mendeskripsikan bagaimana penanda tertentu mengisyaratkan kekoheranan hubungan. Penanda pragmatik pula hanya berasosiasi dengan fungsi wacana dan tekstual tetapi dalam masa yang sama merupakan isyarat atau petanda dalam situasi komunikasi memandu atau membantu pendengar melakukan penginterpretasian. Terma ini juga boleh didefinisikan secara negatif sekiranya perkataan atau binaan ujaran didapati tidak menyumbang kepada proposisi, '*truth-functional content'*, perkataan atau binaan ujaran tersebut dikategorikan sebagai penanda pragmatik.

Fraser (1996) menggunakan terma penanda pragmatik dengan merangkum kedua-dua penanda wacana dan penanda pragmatik, dengan mengambil kira penanda wacana ialah subjenis kepada penanda pragmatik. Fraser (1999, ms.931) mendefinisikan penanda wacana seperti *so, and, furthermore, but* dan *after all* sebagai:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Signalling a relationship between the interpretation of the segment they introduce, S2, and the prior segment, S1. They have a core meaning which is procedural, not conceptual, and their more specific interpretation is 'negotiated' by the context, both linguistic and conceptual. There are two types: those that relate the explicit interpretation conveyed by S2 with some aspect associated with the segment, S1; and those that relate the topic of S2 to that of S1.*

Selain itu, pengkaji lain seperti Erman (2001, 1987, 1986), Andersen (2001, 2000, 1998), Aijmer dan Simon-Vandenbergen (2006) dan Brinton (1996), secara khususnya juga berminat mengkaji aspek interaksi sosial dan ekstralinguistik berbanding *connective qualities* bagi penanda yang mereka namakan sebagai penanda pragmatik.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan terma penanda pragmatik, berbanding partikel pragmatik mahupun penanda wacana, dengan memberikan tumpuan terhadap aspek interpersonal berbanding tekstual di samping mengiktiraf penanda pragmatik mempunyai makna prosedural mengikut interpretasi berbanding mempunyai makna proposisi.

2.3.6.3 Pendekatan dan Teori Berkaitan Penanda Pragmatik

Dengan peningkatan minat pengkaji terhadap kajian bahasa pengucapan dalam beberapa abad yang lalu, perkembangan dalam penyelidikan berasaskan penanda pragmatik juga meningkat. Penanda pragmatik telah dideskripsi dan dianalisis dengan menggunakan pelbagai kerangka teori dan model. Antaranya termasuklah kajian berasaskan teori relevans (2.3.6.3.1); teori koherens (2.3.6.3.2); teori lakuan tuturan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2.3.6.3.3); teori kesantunan berbahasa (2.3.6.3.4) dan yang terkini pendekatan linguistik korpus (2.3.6.3.5).

2.3.6.3.1 Kajian Berasaskan Teori Relevans

Teori relevans telah mempengaruhi dalam pendeskripsian dan penganalisisan penanda pragmatik. Seperti yang telah digariskan oleh Sperber dan Wilson (1995) teori relevans ialah teori umum komunikasi berasaskan prinsip kognitif. Teori relevans ialah sebuah model kos-faedah/manfaat (*cost-benefit model*) yang menimbang kos memproses sesuatu komunikasi terhadap kesan kontekstual yang diperoleh. Dalam erti kata lain, penutur berperanan memaksimumkan kesan kontekstual kepada pendengar untuk diproses sementara pendengar pula perlu menilai kesan kontekstual tersebut daripada set andaian yang wujud dengan meminimumkan kos memproses bagi memastikan komunikasi berlangsung secara efektif (Sperber dan Wilson, 1995). Salah satu cara untuk mengimbangi antara kesan dan kos adalah dengan menggunakan penanda pragmatik sebagai alat penjimatan kos.

Penanda pragmatik menjadi isyarat yang memudahkan pendengar menginterpretasi sesuatu ujaran dengan mengurangkan usaha memproses. Penanda pragmatik mendukung makna prosedural, iaitu tidak seperti kata nama dan kata kerja yang mempunyai makna konseptual. Penanda pragmatik memandu pendengar dalam usaha memahami sesuatu ujaran (Andersen, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun teori relevans bermanfaat dalam kajian penanda pragmatik, tetapi kajian berasaskan teori relevans sahaja tidak memadai untuk menerangkan penggunaan penanda pragmatik. Menurut Aijmer (1996) terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada penggunaan penanda pragmatik dalam sesuatu ujaran yang tidak berkaitan dengan unsur relevans. Antara faktor tersebut termasuklah unsur relevans tidak melibatkan pertimbangan terhadap faktor kesantunan sedangkan aspek ini ingin diteliti oleh pengkaji, modifikasi terhadap daya ilokusi dan pengurusan giliran berucap atau bertutur. Oleh yang demikian, bagi memperoleh pemahaman yang komprehensif tentang penanda pragmatik, kajian ini perlu disokong dengan pendekatan atau teori yang lain juga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.3.2 Kajian Berasaskan Teori Koherens

Satu lagi model yang biasanya diasosiasikan dengan kajian penanda pragmatik ialah elemen koheren. Wacana yang koheren mengambil kira bagaimana penutur dan pendengar berganding dalam mengintergrasikan bentuk, makna dan tindakan untuk memahami secara menyeluruh apa-apa yang diujarkan (Schiffrin 1987).

Schiffrin (1987) mengemukakan sebuah model kekoherenan wacana yang mengandungi lima 'planes of *talk'*, iaitu struktur ideasional (*ideational structure*), struktur tindakan atau lakuan (*action structure*), struktur penggantian (*exchange structure*), penyataan maklumat (*information state*) dan kerangka peserta (*participant framework*). Wacana yang koheren dapat dicapai dengan mengintegrasikan kelima-lima komponen tersebut. Menurut Schiffrin lagi, penanda pragmatik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dinamakannya sebagai penanda wacana menyumbang kepada penghasilan wacana yang koheren. Dalam erti kata lain, Fraser (1990) mengibaratkan penanda pragmatik yang dinamakannya sebagai penanda wacana sebagai '*a kind of discourse glue'* yang menggabungkan kelima-lima komponen yang berlainan itu bagi menghasilkan wacana yang koheren. Redeker (1991) dalam kajiannya menyatakan bahawa penanda pragmatik yang dinamakannya sebagai operator wacana digunakan bagi mewakili isyarat linguistik, iaitu sebagai penghubung koheren tekstual *(textual coherence link*).

Jelasnya, penanda pragmatik dilihat sebagai alat kohesif yang membantu untuk mencapai pengorganisasian wacana yang koheren (lihat Lam, 2007; Lenk, 1995; Redeker 1991). Selain kajian penanda pragmatik berasaskan pendekatan Teori Relevans, kajian penanda pragmatik melalui pendekatan teori koheren, didapati kurang memadai sekiranya diteliti hanya di bawah satu model sahaja kerana kurang memberi tumpuan terhadap kesan pelbagai faktor linguistik dan faktor interpretasi dalam penggunaan penanda pragmatik berdasarkan contoh-contoh yang bersifat autentik (Lam, 2007). Oleh yang demikian, bagi memperoleh pemahaman yang komprehensif tentang penanda pragmatik, kajian ini perlu disokong dengan pendekatan atau teori yang lain juga.

2.3.6.3.3 Kajian Berasaskan Teori Lakuan Tuturan

Penanda pragmatik banyak dikaji dalam teori lakuan tuturan. Kajian begini menjadi tumpuan dalam kalangan ahli teori lakuan tuturan kerana penanda pragmatik sangat bermakna tetapi dalam masa yang sama tidak bersyaratkan kebenaran (*non-truth*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

conditional). Dalam erti kata lain, penanda pragmatik yang hadir dalam sesuatu ujaran dikatakan tidak bersyaratkan kebenaran kerana penanda pragmatik tidak menyumbang kepada benar atau palsu sesuatu ujaran itu. Penanda pragmatik dikatakan bermakna kerana bukan disebabkan oleh sumbangannya terhadap isi kandungan proposisi sesuatu ujaran. Sebaliknya, penanda pragmatik menunjukkan daya atau niat penutur di sebalik kata yang diujarkan (Holmes, 1995), sebagai contohnya daya ilokusi dalam ujaran. Penanda pragmatik dianggap sebagai alat yang menunjukkan daya ilokusi dalam erti kata lain mengubah suai daya pragmatik yang dinyatakan melalui *mood* dalam ayat (Aijmer, 2002). Lebih tepat lagi, penanda pragmatik menunjukkan jenis lakuan tuturan yang digunakan melalui ujaran atau pendirian penutur melalui proposisi yang terkandung dalam ujaran tersebut (Rouchota, 1988).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada menjadi indeks kepada lakuan tuturan yang digunakan dalam pernyataan, penanda pragmatik juga mengisyaratkan sikap penutur terhadap proposisi yang diekspresikan. Antara sikap yang ditonjolkan melalui penggunaan penanda pragmatik ialah tahap komitmen terhadap proposisi. Dalam hal ini, penanda pragmatik digunakan sebagai pelentur atau pembatas (*hedge)* ke atas daya ilokusi apabila penutur sedar dirinya gagal memenuhi maksim (Aijmer, 2002). Penanda pragmatik *I think* misalnya, menunjukkan kelalaian maksim kualiti dan membayangkan penutur tidak bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebenaran yang terkandung dalam ujarannya. Begitu juga dengan penanda pragmatik *like,* yang selalu digunakan untuk mengisyaratkan bahawa apa-apa yang dituturkan tidak dapat diterjemahkan setepat apa-apa yang difikirkan oleh penutur (Andersen, 1998) seterusnya menjurus kepada kelalaian terhadap *maxim of manner*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun teori lakuan tuturan menjadi kerangka penting dalam menganalisis penanda pragmatik, masih wujud kelemahan dalam teori ini kerana kegagalannya dalam mengambil kira aspek konteks ujaran (Aijmer, 2002), yang menjadi asas dalam usaha memahami penanda pragmatik. Namun, pengkaji menggabung jalin teori lakuan tuturan dengan teori kesantunan bagi memantapkan pendeskripsian fungsi penanda pragmatik secara lebih komprehensif.

2.3.6.3.4 Kajian Berasaskan Teori Kesantunan Berbahasa

Satu lagi aspek penanda pragmatik yang dikaji sebagai indikator daya ilokusi ialah teori kesantunan. Sebagai fenomena pragmatik, kesantunan berkait rapat dengan strategi yang digunakan oleh penutur dalam mengekalkan interaksi yang harmoni (Holmes 1995). Konsep muka tidak dapat dielakkan daripada membicarakan aspek kesantunan. Menurut Brown dan Levinson (1987) *muka* merujuk imej kendiri individu yang boleh dibahagikan kepada dua, iaitu muka positif dan muka negatif. Lakuan ancaman muka (LAM) ialah lakuan tuturan yang memusnahkan muka seseorang. Dalam meminimumkan kesan lakuan ancaman muka dan mengekalkan hubungan (*rapport*) antara penutur dan pendengar, seseorang perlu memelihara muka pendengar dalam sesuatu interaksi.

Dalam teori kesantunan bahasa, pelentur (*hedge)* dilihat sebagai alat penyelamat muka *(face saving device)* yang membantu dalam memitigasi pemusnahan muka (*face damage*). Penanda pragmatik dengan fungsi *hedge* seperti *I guess* dan *I think* mengurangkan komitmen penutur terhadap proposisi yang diekpresikan. Penanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pragmatik digunakan sebagai mekanisme pelindung apabila penutur melakukan lakuan ancaman muka seperti mengkritik (Aijmer, 2002). Ini menujukkan bahawa penutur berhasrat membuat sesuatu dakwaan, pertuduhan atau penentangan dengan meminimumkan penegasan lakuan tersebut serta dalam masa yang sama cuba memelihara muka pendengar. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik melibatkan kesedaran linguistik melalui strategi kesantunan dengan memelihara muka negatif pendengar, iaitu kehendak untuk mempertahankan hak dan keinginan untuk tidak diganggu (Brown and Levinson, 1987).

Selain itu, penanda pragmatik boleh juga digunakan untuk memelihara muka positif pendengar. Muka positif mencerminkan kehendak individu untuk dihargai, dihormati dan diterima oleh pihak lain. Dalam kajian tentang penggunaan penanda pragmatik *eh* dalam bahasa Inggeris New Zealand, sebagai contohnya, didapati bahawa penanda tersebut digunakan oleh penutur bertujuan mewujudkan titik persamaan atau rasa kebersamaan dengan individu lain (Meyerhoff, 1992). Dalam kajian lain pula, penanda pragmatik seperti *you know* dan *you see* digunakan untuk meningkatkan muka positif pendengar dengan cuba untuk melibatkan pendengar dalam proses berfikir (Trillo, 2002).

Seperti yang ditunjukkan dalam dapatan di atas, ada antara penanda pragmatik berfungsi sebagai usaha memelihara muka pendengar atau sebagai alat mitigasi untuk meningkatkan kesan muka positif penutur atau untuk mengurangkan kemusnahan muka negatif pendengar. Dalam kajian ini, teori kesantunan turut digunakan bagi memantapkan pendeskripsian fungsi penanda pragmatik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.3.5 Kajian Berasaskan Pendekatan Linguistik Korpus

Perkembangan teknologi komputer secara mendadak beberapa dekad ini telah membawa kepada pertumbuhan yang besar dalam bidang linguistik korpus. Kemajuan dalam teknologi maklumat dan ketersediaan mesin yang berkuasa memudahkan penyusunan dan penggunaan korpora komputer. Kemudahan untuk mengakses dan memproses koleksi teks secara elektronik menyediakan peluang penyelidikan baru dalam kalangan sarjana yang berminat mengkaji aspek penanda pragmatik kerana unsur ini boleh diteliti dengan bantuan konkordans atau perisian komputer yang lain. Kebelakangan ini, kajian tentang penanda pragmatik berasaskan korpora komputer semakin meningkat dengan adanya kemudahan ini untuk menjalankan analisis secara kualitatif mahupun kuantitatif (Aijmer, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan data korpus berkomputer dan kajian penanda pragmatik berguna dalam interpretasi fungsinya berdasarkan kolokasi. Apabila *sort of* digunakan dalam korpus, didapati bahawa ekspresi selalunya hadir bersama-sama dengannya seperti kesan pelemahan (*down toning effect)* dalam *pretty* dan *probably* (Aijmer, 2002). Beliau turut menyatakan bahawa *sort of* bertindak sebagai alat pengubah daya ilokusi. Dalam analisis terhadap *final tag* seperti *and all that sort of thing*, beliau berpendapat bahawa penanda pragmatik berkolokasi dengan ungkapan *seperti you know* untuk mengkoordinasikan pandangan peserta dengan mewujudkan persefahaman dan kebersamaan. Dengan adanya korpus beranotasi dan kemudahan peralatan komputer, Aijmer (2002) mendemonstrasikan cara korpus boleh digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan pemahaman pengguna bahasa tentang penanda pragmatik yang sering diabaikan dengan berbantukan potensi teknologi komputer.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kajian tentang penanda pragmatik menggunakan korpora komputer baharu sahaja berkembang, namun dapat dilihat bahawa penggunaan data korpus mampu meningkatkan kualiti dan kecekapan penyelidikan berasaskan penanda pragmatik.

Seperti yang dinyatakan oleh Aijmer (2013; 2002) korpora mewakili prestasi sebenar dan menyediakan peluang untuk mengkaji distribusi dan fungsi penanda pragmatik dalam ekstrak teks daripada laras yang berbeza. Hasilnya, korpora dalam linguistik korpus adalah berdaya tinggi dalam menyediakan akaun yang bersifat autentik dan sahih berkaitan penggunaan penanda pragmatik dalam situasi kehidupan sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan sorotan literatur tentang teori dan pendekatan berkaitan kajian penanda pragmatik, didapati bahawa terdapat keterbatasan dan kekurangan dari segi pengaplikasian teori atau pendekatan yang lebih bersifat tunggal. Pengaplikasian satu teori atau satu pendekatan sahaja didapati kurang memadai untuk menggambarkan pemahaman secara komprehensif tentang penanda pragmatik khususnya merujuk kajian ini, iaitu dari segi pola, makna dan fungsi penanda pragmatik. Oleh itu, kajian ini menggunakan kombinasi dua teori, iaitu teori lakuan tuturan dan teori kesantunan berbahasa berbantukan pendekatan linguistik korpus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.4 Fitur Penanda Pragmatik

Sebelum membincangkan aspek fungsi penanda pragmatik, aspek fitur disentuh terlebih dahulu kerana kedua-duanya mempunyai hubung kaitan. Penanda pragmatik memiliki fitur yang tersendiri. Antara fitur atau ciri yang dimiliki oleh penanda pragmatik boleh diteliti dari beberapa aspek seperti (2.3.6.4.1) kandungan proposisi ujaran, (2.3.6.4.2) pilihan secara sintaktik, (2.3.6.4.3) indeksikaliti, (2.3.6.4.4) kepelbagaian fungsi, (2.3.6.4.5) posisi, (2.3.6.4.6) kepelbagaian sintaktik, (2.3.6.4.7) dan bercirikan lisan (orality).

2.3.6.4.1 Kandungan Proposisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan penyelidik mendakwa bahawa kehadiran penanda pragmatik dalam sesuatu ujaran tidak mempengaruhi kandungan proposisi. Sebagai contoh, menurut Östman (1982), salah satu daripada prinsip yang menepati elemen sebagai penanda pragmatik bukanlah berperanan secara langsung dalam kandungan proposisi sesuatu ujaran tetapi secara implisitnya mengukuh makna proposisi. Pandangan ini disusuli oleh Schriffin (1987) dengan menyatakan bahawa penanda pragmatik yang dinamakannya sebagai partikel wacana tidak mencipta hubungan proposisi, sebaliknya penanda pragmatik membantu pendengar memilih dan mempamerkan hubungan struktural antara ujaran. Aijmer, Foolen dan Simon-Vandenbergen (2006) menganggap penanda pragmatik ialah kata atau binaan dalam sesuatu ujaran yang bercirikan tidak menyumbang kepada proposisi dan *'truth-conditional content'*. Brinton (1996) pula berpandangan bahawa fitur semantik bagi penanda pragmatik adalah mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sedikit atau tiada makna proposisi. Sungguhpun begitu, Erman (2001, 1987) berhujah bahawa walaupun makna literal penanda pragmatik yang dinamakannya juga sebagai ekspresi hanya wujud dalam segelintir keadaan, namun tidak bermakna bahawa penanda pragmatik dalam semua keadaan lainnya, tidak mendukung sebarang makna. Kelihatan bahawa perbezaan pandangan terhadap penanda pragmatik secara semantik yang dianggap kosong makna tetapi secara pragmatiknya memberi kesan terhadap interpretasi ujaran telah menjadi titik tolak kepada penyelidikan tentang penanda pragmatik dengan lebih lanjut.

2.3.6.4.2 Pilihan Secara Sintaktik

Penanda pragmatik dalam kebanyakan kajian dilihat sebagai unsur pilihan secara sintaktik, dalam erti kata lain secara tatabahasanya suatu ujaran itu tidak terjejas dengan penyingkiran penanda pragmatik. Oleh itu, suatu teks yang betul tatabahasanya masih boleh difahami walaupun penanda pragmatik (yang dinamakan partikel wacana oleh Lam) digugurkan (Lam, 2007) dan didapati bahawa penanda selalunya berada di luar struktur sintaktik (Brinton, 1996). Disebabkan penanda pragmatik (yang dinamakan penanda wacana oleh Stenström) bersifat pilihan dalam sesuatu ujaran, maka penanda pragmatik ini sukar untuk dianalisis dari sudut sintaksis (Stenström, 1990). Pandangan tentang penanda pragmatik yang secara tatabahasanya adalah bersifat pilihan ini, tidak pula bermakna bahawa pengguguran penanda pragmatik tidak memberi kesan terhadap interpretasi sesuatu ujaran (Lam, 2007). Seperti yang ditegaskan oleh Schourup (1999) pengguguran penanda pragmatik (yang dinamakannya penanda wacana) akan turut menghilangkan isyarat kepada pendengar dalam menginterpretasi ujaran. Oleh yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

demikian, pengkaji bersetuju dengan Lam (2007) bahawa penanda pragmatik hanyalah bersifat pilihan secara sintaktik, namun penanda pragmatik memainkan peranan penting dalam melaksanakan fungsi pragmatiknya.

2.3.6.4.3 Indeksikaliti

Fungsi pragmatik bagi penanda pragmatik memenuhi ciri indeksikaliti (Aijmer, 2002) atau penghubung (*connectivity)* (Schourup, 1999) dalam menyampaikan isyarat *deiksis* bagi pendengar untuk menginterpretasi sesuatu ujaran. Menurut Lam (2007) penanda pragmatik (yang dinamakannya partikel wacana) dianggap sebagai alat yang menjadi indeks orientasi penutur terhadap pendengar atau terhadap ujaran. Contohnya, penggunaan penanda pragmatik mampu mengekspresi pendirian penutur sama ada penutur pasti atau tidak pasti tentang kandungan proposisi ujarannya dalam usaha menyampaikan makna yang afektif kepada pendengar.

Jurang antara makna linguistik sesuatu ujaran dalam bentuk kod dengan interpretasi yang dihasratkan dipenuhi dengan inferens pragmatik. Oleh yang demikian, tidak ada jaminan bahawa interpretasi oleh pendengar yang akan benar-benar menepati pemikiran penutur. Hanya penginterpretasian terhadap ujaran penutur daripada representasi yang dianggap sehingga pada satu tahap, mempunyai persamaan dengan pemikiran penutur sahaja yang berlaku (Blakemore dan Gallai, 2014). Namun, menurut Marcus (2009) penanda pragmatik (yang dinamakannya sebagai penanda wacana) ialah alat pragmatik yang berfungsi sebagai isyarat dalam sesebuah komunikasi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berupaya untuk membantu serta memudahkan pendengar menginterpretasi ujaran berdasarkan konteks.

Selain itu, Östman (1981, 1982, 1986, 1995) berpendapat penanda pragmatik (beliau menggunakan istilah partikel pragmatik) mempunyai fungsi major, iaitu mengisyaratkan interaksi dan mengisyaratkan atitud serta penglibatan yang ada hubung kait dengan isu kesantunan dan menyelamatkan muka (*face-saving*). Beeching (2016) pula menyatakan bahawa penanda pragmatik boleh jadi penanda secara sosiolinguistik (digunakan di daerah tertentu, oleh penutur dalam kelompok usis tertentu atau kumpulan sosial tertentu).

Sebagai contoh, *'fios agad'* dalam Gaelic (yang mempunyai makna yang sama dengan *'you know'* dalam bahasa Inggeris) digunakan sebagai penarik perhatian pendengar, berfungsi sebagai penegas yang menjadi indeks wujudnya kebersamaan (*shared knowledge)*, kebersamaan tentang perkara yang dirujuk, pengetahuan dan hakikat dunia yang dimiliki bersama (Smith-Christmas, 2016). Selain itu, *you know* berperanan juga sebagai alat menguji atau memantau kefahaman pendengar (Erman, 2001) dan turut digunakan apabila ingin mendapatkan ruang dan peluang bercakap semasa proses perundingan misalnya (Mac Aulay, 2002).

2.3.6.4.4 Kepelbagaian fungsi

Dalam kebanyakan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa penanda pragmatik mempunyai ciri multifungsi. Penanda pragmatik (dinamakannya sebagai partikel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wacana oleh Lam) dikatakan multifungsional secara pragmatik (Lam, 2007). Dalam erti kata lain, penanda pragmatik boleh menjalankan lebih daripada satu fungsi pragmatik. Di samping itu, penanda pragmatik juga boleh beroperasi pada tahap wacana yang berbeza pada masa yang sama (ibid.). Selain dianggap multifungsi, penanda pragmatik (dinamakannya sebagai partikel wacana oleh Fischer) didapati memiliki ciri polifungsional (Fischer, 2006) dan sering dideskripsikan secara prosedural berbanding konseptual mahupun sebagai item proposisi (Fraser, 2009; Blackmore, 1987). Penanda pragmatik (dinamakan oleh Lam sebagai partikel wacana) berbeza daripada kata kerana memiliki nilai pragmatik yang besar jumlahnya yang boleh berasosiasi dengan partikel itu sendiri (Aijmer, 2002).

Menurut Aijmer (2002), perbezaan antara penggunaan penanda pragmatik secara tekstual dan interpersonal berdasarkan terma oleh Halliday (1985) tidak bersifat eksklusif, iaitu penanda pragmatik boleh menjalankan metafungsi dari segi tekstual dan interpersonal secara serentak dalam wacana yang sama. Penanda pragmatik (dinamakan penanda wacana oleh Jucker dan Ziv) juga boleh beroperasi dalam beberapa domain tekstual, attitud, kognitif dan interaksional (Jucker dan Ziv, 1998). Selain itu, penanda pragmatik boleh dianalisis dari dimensi muka dan kesantunan (Aijmer, 2002) dan aspek ini juga akan dikaji oleh pengkaji sendiri.

Penanda pragmatik boleh memenuhi pelbagai fungsi komunikatif secara serentak. Sebagai contohnya *now* dalam bahasa Inggeris mempunyai sifat multifungsional (Lihat Schourup, 2011). Beliau merumuskan bahawa *now* berfungsi sebagai transisi kepada subjek atau subsubjek baru dalam wacana; transisi dari penyataan umum kepada yang lebih spesifik; penegasan kepada isi penting dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesebuah perdebatan atau satu keadaan yang menunjukkan perbezaan; mengubah semula penyataan sebelumnya; kembali kepada isu tertentu apabila berlaku gangguan; perubahan persepsi dan cubaan untuk mengambil giliran bercakap.

Penanda pragmatik beroperasi pada peringkat global seperti secara pragmatik dengan menjalankan fungsi secara tekstual dan interpersonal, iaitu mod interaktif (lihat 2.3.6.5.1) dan mod sikap (lihat 2.3.6.5.2). Dér (2010) meneliti kebanyakan pengklasifikasian penanda pragmatik berdasarkan kepada tiga fungsi utama. Contohnya, Erman (2001) mengenal pasti tiga fungsi penanda pragmatik, iaitu sebagai pemerhati teks (penanda penyuntingan, pembaikan, penanda keraguan), pemerhati sosial (penanda interaktif, penanda pemahaman), dan yang ketiga pula berfungsi sebagai pemerhati metalinguistik (penganggar '*approximator*', pembatas '*hedges*', penegas '*emphasizers*').

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak kajian tentang penanda pragmatik menunjukkan bahawa adalah sukar untuk membezakan penggunaannya terutama sekali dengan kompleksiti yang wujud dalam pengertiannya (Beeching, 2016). Melalui penelitian Aijmer dan Simon-Vandenbergen terhadap penanda pragmatik didapati bahawa terdapat pelbagai fungsi yang tidak terhingga dalam pelbagai konteks. Tambahan pula, wujudnya pertindihan fungsi dengan penanda pragmatik lain dalam sebahagian daripada makna yang didukunginya. Oleh yang demikian, dalam menjelaskan dan mengehadkan kepelbagaian fungsi penanda pragmatik adalah sesuatu yang mencabar. Dalam kajian ini, aspek kemultifungsian diteliti khususnya fungsi yang didukungi oleh penanda pragmatik *ya*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.4.5 Posisi

Berdasarkan kajian para pengkaji, didapati bahawa penanda pragmatik kerap hadir dalam posisi awal kata (Brinton, 1996). Namun begitu terdapat juga penanda pragmatik yang hadir pada posisi awal dan akhir kata atau ujaran (Beeching, 2002). Menurut Beeching (2016) penanda pragmatik hadir antara penutur dalam perbualan bercirikan interaksional seperti penggiliran bercakap yang pada kebiasaannya hadir pada posisi awal dan akhir ujaran. Posisi bebas atau fleksibel pula hanya berlaku bagi sesetengah penanda pragmatik sahaja. Contohnya, *however, actually* dan *you know* mempunyai posisi bebas (Lihat Macaulay 2002; Fraser 1988; Lenk 1988). Penanda pragmatik seperti *now* dan *well* pula hadir dalam posisi yang terhad dalam sesuatu ujaran. Penanda pragmatik *well* misalnya tidak hadir pada posisi akhir ujaran. Traugott (2016) dan Haselow (2013) pula memfokuskan penanda pragmatik pada posisi *right periphery*, seperti *then, though, anyway* dan *but.* Jelasnya, penanda pragmatik boleh jadi hadir dalam pelbagai posisi, sama ada pada awal, tengah atau akhir ujaran atau secara fleksibel. Dalam konteks bahasa Melayu penanda pragmatik *ya* boleh hadir pada awal, tengah mahupun akhir kata atau ujaran.

2.3.6.4.6 Kepelbagaian Sintaktik

Penanda pragmatik adalah bentuk marginal daripada pelbagai kelas kata (Lam, 2007). Kepelbagaian sintaktik (Schiffrin, 1987) digambarkan melalui penanda pragmatik dalam kelas kata atau frasa sebagai: adverba (contohnya, *now*), kata kerja (contohnya, *look*), unsur celahan (*interjection*, contohnya, *oh*), kata hubung gabungan (contohnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

and), dan frasa (contohnya, *the way I see it*). Kepelbagaian sintaktik ini melibatkan aspek ketatabahasaan yang membantu dalam menerangkan hubungan antara penggunaan penanda pragmatik secara literal dan penggunaannya pada peringkat wacana yang melibatkan perubahan makna semantik. Walau bagaimanapun, sesetengah pengkaji menghujahkan bahawa bukan aspek ketatabahasaan tetapi sebaliknya, iaitu aspek pragmatikalisasi adalah lebih tepat dalam menghuraikan makna penanda pragmatik (lihat sebagai contoh, Romero-Trillo, 2001; Brinton, 1999). Oleh yang demikian, pengkaji menjuruskan kajian penanda pragmatik, dari sudut pragmatik, iaitu menghuraikan makna pragmatiknya berbanding makna semantik secara literal.

2.3.6.4.7 Bercirikan Lisan (*Orality)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak kajian yang menunjukkan bahawa penanda pragmatik hadir secara produktif dalam lisan (Beeching, 2002; Brinton, 1996) atau perbualan bercirikan interaksional (Beeching, 2016) dan kehadirannya sering dikaitkan dengan pengucapan tidak formal (Brinton, 1996). Dari segi perancangan masanya juga, penggunaan penanda pragmatik dalam bentuk lisan lebih singkat semasa menghasilkannya (Brinton, 1996). Partikel seperti *by the way* misalnya diguna pakai kebanyakannya dalam pengucapan spontan (Schourup, 1999). Selain itu, dalam banyak kajian sebelum ini menunjukkan bahawa penanda pragmatik seperti *oh, well* dan *I mean* hadir secara prinsipnya dalam wacana pengucapan. Fox Tree (2015) menemukan bahawa semua penanda pragmatik pada kebiasaannya hadir dalam bahasa pengucapan berbanding penulisan terutamanya *like* dan *you know* yang menandai keadaan tahap kesedaran atau pengetahuan pendengar dan *fillers* seperti dalam contoh *um* dan *uh*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun hadirnya penanda pragmatik dalam wacana penulisan tidak pula dinafikan. *Moreover* dan *nonetheless* misalnya merupakan penanda pragmatik yang biasa hadir dalam penulisan bahasa Inggeris (Carter, Hughes dan McCarthy, 2000). Pertejo (2008) yang mengkaji tentang kepelbagaian fungsi penanda pragmatik *indeed* misalnya mengklasifikasikannya sebagai item adverbial dan dalam masa yang sama sebagai penanda pragmatik yang hadir dalam bahasa Inggeris lisan dan penulisan. Kehadiran penanda pragmatik dalam penulisan mesej di komputer dan dalam khidmat pesanan ringkas di telefon juga sudah menjadi kelaziman, walaupun garis pemisah antara kedua-dua bentuk penulisan mesej ini sukar dikenal pasti sama ada dalam bentuk penulisan atau lisan (Lam, 2007). Namun, boleh dikatakan bahawa penanda pragmatik lebih dominan dalam pengucapan lisan (ibid.). Walau bagaimanapun, dalam tesis ini pengkaji menjalankan kajian tentang penanda pragmatik berfokuskan interaksi lisan khususnya dalam genre wawancara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.5 Fungsi Penanda Pragmatik

Bahagian ini meninjau fungsi major partikel pragmatik yang tercatat dalam literatur, iaitu dalam (2.3.6.5.1) domain interpersonal mod interaktif dan (2.3.6.5.2) domain interpersonal mod atitud atau sikap seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.5.1 Domain Interpersonal Mod Interaktif

Dalam domain interpersonal, penanda pragmatik memenuhi keperluan interaktif dan sikap (*attitudinal*) (Östman, 1982). Dalam tahap interaktif, penanda pragmatik ialah sumber penting untuk memastikan kelancaran aliran komunikasi. Penutur yang menghadapi masalah dalam proses merancang, sebagai contohnya mereka boleh menggunakan elemen ini supaya sumbangan idea mereka tidak terhenti begitu sahaja. Apabila penutur sedang mencari perkataan yang betul atau menyusun struktur ayat yang betul, mereka boleh menggunakan ekspresi seperti *I mean* dan *you know* yang boleh menyebabkan fasa pemprosesan boleh dipanjangkan (Erman, 2001).

Penanda pragmatik juga memudahkan interaksi dengan bertindak sebagai alat pengambil giliran (*turn-taking*) dan pengekalan giliran (*floor holding*) (Aijmer, 2002). Penanda pragmatik boleh digunakan apabila penutur cuba untuk mengambil giliran daripada orang lain atau mengekalkan giliran bertutur daripada dicelah atau diganggu.

Fungsi seterusnya, bagi penanda pragmatik dari sudut interaktif adalah untuk mendapatkan kefahaman (Erman, 2001). Penutur boleh menggunakan penanda pragmatik seperti *okay* dan *right* dalam memastikan bahawa pertuturan mereka telah difahami oleh pendengar dengan tepat dan betul. Pada pihak pendengar pula, penanda penerimaan atau pengiyaan (*back-channel*) seperti *yeah* digunakan bagi menandakan bahawa mereka menerima output penutur (Knight dan Adolphs, 2008; Jucker dan Smith 1998; Brinton 1996) atau menggunakan penanda pragmatik *oh* sebagai tanda penerimaan maklumat (Heritage, 1984).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fungsi lain penanda pragmatik dalam interaksi ialah mendapatkan perhatian daripada pendengar atau peserta. Item *look* dan *listen*, sebagai contoh, ialah elemen penarik perhatian dalam usaha memulakan atau menyerlahkan mesej yang bakal disampaikan (Romero-Trillo, 2002).

2.3.6.5.2 Domain Interpersonal Mod Sikap

Satu lagi bidang penting dalam mod interpersonal dalam menganalisis penanda pragmatik adalah hubung kaitannya dengan sikap *(attitudinal*). Aspek sikap dalam kajian penanda pragmatik selalunya dikaji dengan menggunakan teori lakuan tuturan dan teori kesantunan. Penanda pragmatik menyediakan sumber terkumpul bagi penutur untuk mengekspresikan sikap penutur terhadap sesuatu subjek atau sesuatu perkara atau peserta lain atau pendengar. Contohnya, adverb seperti *frankly dan amazingly* yang dinamakan *commentary pragmatic markers* oleh Fraser (1990), mengisyaratkan posisi penutur terhadap mesej yang diujarkan. Penanda pragmatik seperti *I guess* dan *I think* menunjukkan tahap komitmen penutur ke atas kandungan proposisi ujarannya dan dengan itu penggunaan penanda pragmatik tersebut mengekspresikan sesuatu topik dengan pasti atau tidak. Selain itu, penanda pragmatik boleh menambahkan atau mengurangkan kesan terhadap sesuatu yang dinyatakan (Smith and Jucker, 2000). Contohnya, ekspresi seperti *just* dan *sort of* digunakan sebagai pelembut untuk melemahkan daya ilokusi sesuatu mesej (Aijmer, 2002). Makna ungkapan dengan cara menganggar ini menyebabkan mesej yang disampaikan kurang menonjol dan ancaman ke atas muka pendengar juga berkurangan. Oleh yang demikian, penggunaan ekspresi tersebut oleh penutur menunjukkan sikap dan keinginan penutur dalam memelihara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan yang harmoni dengan pendengar. Apabila penutur berkeinginan untuk mewujudkan kemesraan dengan orang lain, mereka menggunakan alat menyelamatkan muka pendengar seperti alat mitigasi (*down toners*) seperti *only* dan penanda berorientasikan pendengar seperti *you see* dan *you know* untuk meningkatkan penglibatan pendengar dan menjadikan interaksi kurang menakutkan atau mengancam (Jucker dan Smith, 1998).

Selain itu, penanda pragmatik *in fact* pula digunakan untuk memperkenalkan pernyataan yang lebih kukuh dan kuat daya pragmatiknya (Smith and Jucker, 2000). Seterusnya, penggunaan penanda pragmatik seperti penegas atau penguat (*intensifiers)* misalnya menegaskan kuasa yang ada pada penutur (Erman, 2001). Dalam kajian tentang penggunaan penanda pragmatik dalam kalangan kanak-kanak, didapati bahawa penanda pragmatik digunakan untuk menanda peranan status sosial (Andersen et al., 1999). Kesimpulannya, penanda pragmatik sangat membantu dalam menentukan sikap dari sudut perundingan dan hubungan sosial.

2.3.6.6 Kajian Penanda Pragmatik *lah*

Unit diminutif bahasa (*Diminutive language unit*), iaitu partikel telah dihuraikan secara ringkas dalam buku tatabahasa oleh Abdullah Hassan (2005b), Nik Safiah Karim (1995) dan Asmah Omar (1993). Didapati bahawa, dalam buku tatabahasa, partikel *lah* mengandungi fungsi nahuan sebagai penanda subjek dan partikel tersebut juga mengandungi unsur melembutkan ayat perintah yang secara tidak langsung ada kaitannya dengan aspek kesantunan bahasa. Selain fungsi nahuan, partikel *lah* juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut dilihat fungsinya secara pragmatik oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) dalam kalangan kanak-kanak secara ringkas. Sungguhpun aspek partikel ada dibincangkan dan dikaji dari aspek fungsinya secara nahuan dan pragmatik, namun kajian tersebut perlu dikaji secara lebih mendalam dan secara teoritikal khususnya dari segi pragmalinguistik dan sosiopragmatik.

Selain penanda pragmatik *lah* dikaji dalam bahasa Melayu di Malaysia, penanda pragmatik *lah* juga didapati dikaji dalam bahasa Inggeris Singapura standard dan kolokial. Penanda pragmatik *lah* antaranya dikaji sebagai penanda solidariti atau kesepaduan (Lam, 2007; Wee, 2004; Pakir, 1992; Plat, 1987; Bell dan Ser, 1983; Kwan-Terry, 1978; Richard dan Tay, 1977; Toungue, 1974), sebagai penanda penegas (Lam, 2007; Loke dan Low, 1988; Plat et.al., 1983; Richard dan Tay, 1977), sebagai penarik perhatian (Lam, 2007; Wee, 2004), penanda kemesraan dan keakraban (Lim, 2007; Richard dan Tay, 1977), penanda ketidakformalan (Lim, 2007; Tongue, 1974), dan penanda mitigasi yang melembutkan arahan (Lim, 2007).

Selain itu, penanda pragmatik *bah* yang dikatakan hampir menyerupai penanda pragmatik *lah* bahasa Melayu di Malaysia, dikaji di Brunei dalam bahasa Inggeris Brunei. Penanda pragmatik *bah* antaranya dikaji sebagai penanda empati yang mempunyai persamaan dengan penanda pragmatik *lah* dalam bahasa Melayu (Kimball, 1971 dalam Ozòg dan Martin, 1990). Menurut Ozòg dan Martin (ibid.), terdapat perbezaan antara penanda pragmatik *bah* dengan partikel pragmatik *lah* dalam bahasa Melayu, iaitu *bah* boleh berdiri sendiri manakala penanda pragmatik *lah* tidak boleh berdiri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahasa Melayu, *lah* diteliti secara nahuan dan dilihat sebagai partikel yang tidak dapat ditakrifkan dari segi makna dan hanya mempunyai fungsi (Asmah Omar, 2008) dan tidak boleh berdiri sendiri sebagai frasa yang minimal (Asmah Omar, 2014). Menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) partikel *lah* merupakan bentuk perkataan yang terbit daripada satu morfem yang kewujudannya disertai oleh perkataan yang lain untuk membentuk frasa. Menurut Abdullah Hassan (2005) pula *lah* ialah perkataan minor yang ditulis bergabung dengan perkataan major. *lah* juga dipanggil perkataan partikel atau perkataan serpihan, iaitu perkataan minor yang tidak dapat menjadi bentuk bebas terkecil sebab perkataan ini tidak dapat berdiri sendiri (Abdullah Hassan, 2005). Jelasnya, *lah* merupakan unsur bahasa terkecil yang tidak boleh berdiri sendiri dan memerlukan morfem bebas lain sekurang-kurangnya satu supaya dapat menonjolkan fungsi dan maknanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fungsi dan makna *lah* sering berkaitan. Secara jelasnya, semua pengkaji sependapat bahawa *lah* berfungsi sebagai penguat, iaitu menegaskan dan berfungsi juga sebagai melembutkan makna (Nik Safiah Karim et al., 2009; Asmah Omar, 2008; Abdullah Hassan, 2005); Za'ba, 2000). Selain itu, terdapat juga fungsi-fungsi lain bagi *lah*. Fungsi-fungsi *lah* dihuraikan selanjutnya berdasarkan pendapat ahli bahasa seperti yang berikut:

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) kata penegas yang disebut juga partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yag memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Kata penegas *–lah* hanya menegaskan hanya frasa predikat atau bahagiannya. Kehadiran *–lah* sebagai kata penegas frasa predikat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hanya berlaku apabila frasa predikat atau bahagian-bahagian yang ditegaskan itu mengalami proses pendepanan seperti contoh berikut: Orang itu*lah* bapanya.

Nik Safiah Karim et al. (2009) mengatakan bahawa ayat perintah yang terdiri daripada empat jenis, iaitu ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan boleh dilembutkan dengan kehadiran partikel *–lah* seperti yang berikut:

(1) Ayat suruhan boleh menggunakan partikel *–lah* untuk melembutkannya di samping menegaskan predikat. Contohnya: *Pujuklah budak yang menngis itu. Pergilah dari sini!* (ibid., ms.449)

(2) Ayat larangan dapat dilembutkan dengan menambahkan partikel *–lah.* Contohnya: *Janganlah/ Usahlah ambil harta orang.* (ibid., ms.450)

(3) Ayat silaan boleh dilembutkan dengan penggunaan partikel penegas *–lah.* Contohnya: *Silalah datang ke rumah saya, Jemputlah naik.*

(4) Ayat permintaan (ibid.). Tiada contoh disertakan.

Menurut Asmah Omar (2008) partikel tidak dapat ditakrifkan dari segi makna dan hanya mempunyai fungsi dalam mewujudkan unit frasa, yakni apabila berada dalam hubungan sintagmatik dengan salah satu kata penuh. Dengan demikian partikel disebut juga kata structural ada juga pakar linguistik yang menyebutnya kata tugas (*function word*), yakni kata yang kewujudan dan tugasnya hanya dilihat apabila berfungsi dalam struktur.

Menurut Asmah Omar (2008) dalam modalitas kemestian, *hendaklah* merupakan kata modalitas yang digunakan apabila memberi arahan atau perintah secara lembut, atau juga gesaan. Contohnya dalam ayat “Ibu bapa *hendaklah* mengajar anak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anak mereka bersopan santun.” Ayat yang menggunakan kata *hendaklah* ini lebih halus daripada ayat yang menggunakan *wajib, mesti* dan *harus*.

Menurut Asmah Omar (2008, ms. 157) lagi, -*lah* merupakan kata penegas dalam bahasa Melayu. Fungsinya dalam ayat ialah menegaskan atau juga melembutkan kata atau frasa yang mendahuluinya. Berdasarkan tempat letaknya, partikel-partikel ini tidal boleh disebut kata depan.Penegasan yang dibawa oleh *lah* jelas sekali apabila diletakkan selepas subjek ayat. Misalnya ”Orang itu*lah* yang datang tadi”. Dengan membawa makna penegasan, *lah* juga pada masa yang sama membawa suasana melembutkan. Makna ini dapat dikesan apabila *lah* diletakkan sesudah kata kerja dalam ayat suruhan, atau selepas kata larangan, kata ajakan, kata permintaan, kata silaan, dan kata harapan. (ibid.). Ayat suruhan tidak selalunya digunakan dalam keadaan penuh emosi. Ayat ini juga terdapat dalam pertuturan biasa antara kawan dalam kehidupan sehari-hari. Misalnya: Masuk*lah*, Cik Timah; Rasa*lah* dulu kuih saya ni. (Asmah Omar, 2008, ms. 211).

Menurut Asmah Omar (2008, ms.157 - ms.234) partikel *lah* merupakan penegas pada ayat berita dan ayat perintah. Yang ditegaskan dalam ayat berita ialah judul ayat, baik subjek, objek ataupun adverba. *lah* dalam ayat perintah, menegaskan unsur-unsur yang berbeza dalam ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan, ayat ajakan, ayat larangan, ayat harapan seperti berikut:

(1) Dalam ayat suruhan, *lah* menegaskan predikatnya, yakni kata kerja suruhan. Misalnya “Ambil**lah** buku itu.”

(2) Dalam ayat permintaan *lah* diletakkan pada kata permintaan (tolong) – Tolong**lah** buka pintu itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(3) Dalam ayat silaan, *lah* diletakkan pada kata silaan (Sila) – Silalah.

(4) Dalam ayat ajakan, *lah* diletakkan pada kata ajakan (Mari) – Marilah.

(5) Dalam ayat larangan *lah* diletakkan pada kata larangan (Jangan) – Janganlah.

(6) Dalam ayat harapan, *lah* diletakkan pada kata harapan (Moga-moga, mudah-mudahan) – Moga-mogalah/ Mudah-mudahanlah.

Selain itu, *lah* boleh menegaskan objek dalam ayat suruhan jika ayat perintah berkenaan merupakan ayat majmuk yang terdiri daripada gabungan ayat suruhan dan ayat larangan. Misalnya, "Ambil buku ini*lah*, jangan buku itu."

Menurut Abdullah Hassan (2005) -*lah* ditampilkan kehadirannya dalam ayat maklumat seperti dalam contoh "Baik*lah* awak boleh pulang sekarang. (keizinan)". -*lah* juga hadir dalam contoh ayat arahan. Walau bagaimanapun, fungsinya tidak dihuraikan oleh Abdullah Hassan (2005). Antara –*lah* yang hadir dalam ayat adalah seperti yang berikut:

(1) Sudi*lah* datang ke rumah kami apabila musim durian nanti. (Undangan)

(2) Jemput*lah* masuk, ayah ada di dalam. (Silaan)

(3) Cepat*lah* bawa budak ini ke hospital, sebelum sakitnya tambah teruk. (Gesaan)

(4) Mari*lah* kita melabur untuk masa depan anak-anak kita. (Ajakan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Za'ba (2000, ms.230) -*lah* ialah penambah di hujung yang mempunyai fungsi berikut:

(1) menguatkan makna atau kehendak perkataan yang dihubunginya itu. Misalnya: '*Itulah* anak saya' (yakni 'itu' sahaja bukan 'ini' atau yang lain-lain). Demikian pula '*Dialah* pergi, *pergilah*, *sememanglah, berbahagialah'*. Jika pada kata suruhan atau kata perintah, *–lah* itu tidaklah tertentu menguatkan sahaja, boleh jadi juga melembutkan, iaitu tergantung kepada gaya suara. Misalnya, *Ikutlah* pengajaran ibu bapa; *Ambillah* duit itu; *Duduklah* tuan'.

(2) memasukkan maksud 'kemudian', iaitu seolah-olah menunjukkan hal yang dikatakan itu berturut daripada suatu hal lain. Misalnya: 'Maka tali itu pun *putuslah*; Api pun *bermaharajalelalah*, Maka *banyaklah* orang-orang mati, *Terang-benderanglah* seluruh alam oleh cahayanya, Apabila dilihatnya saya datang *larilah* ia, Tiada berapa lama *besarlah* budak itu'. Maksud kemudian ini tidak terang, hanya terasa-rasa sahaja, istimewa jika -*lah* itu dipakai bertimbal dengan *pun*.

(3) memenuhi lapang dan menyedapkan rentak cakap semata-mata, supaya sama timbang jangan tempang rasanya. Misalnya '*Biarlah* ia mati, *Adalah* saya dengan hormatnya, Maka *besarlah* budak itu'. -*lah* pada 'hendaklah' boleh jadi kuasanya salah satu daripada tiga yang telah disebutkan ini. Maka 'hendak' di situ boleh jadi dengan maksud suruh atau wajib; dan boleh juga dengan maksud "berkehendak" atau "dikehendaki".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelasnya, *lah* antara contoh penanda pragmatik Bahasa Melayu yang lebih dikenali sebagai partikel di Malaysia yang masih kurang diberi penekanan bidang tumpuan kajiannya dari aspek pragmatik. Kajian di Malaysia berkaitan penanda pragmatik *lah* lebih tertumpu dari sudut kenahuan. Selain *lah* sebagai unit bahasa diminutif (Diminutive language unit) yang dikaji dari sudut kenahuan, terdapat juga unit bahasa diminutif lain yang dikaji dari sudut kenahuan seperti sintaksis enklitik -*nya* oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2015); dan kajian tentang sintaksis wacana *yang* dalam Bahasa Melayu oleh Azhar Simin misalnya. Sungguhpun begitu, pengkaji tidak berhasrat untuk membataskan kajian tentang unit bahasa dimunitif dari sudut kenahuan sahaja. Pengkaji ingin menerokai aspek unit bahasa diminutif, khususnya penanda pragmatik *ya* dari sudut pragmatik yang kurang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji di Malaysia setakat ini, khususnya hubung kaitannya dengan kesantunan berbahasa (Rujuk 2.3.6.7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.7 Kajian Penanda Pragmatik *ya*

Kajian tentang unit bahasa diminutif (*Diminutive language unit*), khususnya penanda pragmatik *ya* secara mendalam sangat kurang diberi tumpuan oleh pengkaji di Malaysia. Kajian tentang penanda pragmatik pernah dikaji oleh Husna Faredza Mohamed Redzwan (2013) khususnya penggunaan dan fungsi partikel *ya* dalam ranah kerjaya, iaitu dalam genre mesyuarat. Menurut beliau, sekecil partikel *ya* sekalipun turut terselit fungsi sosiopragmatik di dalamnya. Selain itu, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Norliza Jamaluddin (2018) mengkaji tentang penanda pragmatik *ya* sebagai alat kesantunan berbahasa menerusi strategi kesantunan positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan strategi kesantunan negatif Brown dan Levinson. Sepuluh rancangan Tanyalah Ustazah yang disiarkan di TV9 pada tahun 2016 hingga tahun 2017 menjadi korpus kajian. Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Khairul Azam Bahari (2019) turut mengkaji tentang penanda pragmatik *ya* sebagai alat kesantunan berbahasa dalam genre ceramah agama, *Tanyalah Ustazah* yang disiarkan di televisyen pada tahun 2017 dengan topiknya *Kebaikan dalam Masyarakat* dari perspektif pragmalinguistik. Kajian-kajian ini bersifat teoretikal namun perlu diperluaskan lagi.

Partikel wacana *ya* yang hadir dalam genre mesyuarat dikenal pasti mempunyai tujuh fungsi, iaitu sabagai unsur yang menyenangkan; pelentur daya ilokusi; mendapatkan pengiktirafan dan persetujuan; memancing tindak balas pendengar; mendapatkan kata sepakat; alat untuk menguji tahap kefahaman pendengar; dan strategi prapenutup topik bicara atau strategi membuat kesimpulan (Husna Faredza Mohamed Redzwan, 2013).

Dalam genre ceramah agama di televisyen, melalui kajian oleh Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Norliza Jamaluddin (2018) mendapati bahawa penanda pragmatik *ya* berfungsi sebagai alat kesantunan berbahasa dalam kesantunan positif dan kesantunan negatif. Penanda pragmatik *ya* hadir dalam strategi kesantunan positif seperti strategi mempelawa, mengendahkan kefahaman pendengar, mendapatkan kepastian atau persetujuan, melibatkan penutur dan pendengar, mengungkap penghargaan dan memberikan pujian. Penanda pragmatik *ya* juga dikenal pasti hadir dalam strategi kesantunan negatif seperti strategi memberikan nasihat, memancing perhatian pendengar dan memohon maaf. Penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai penegas, iaitu penguat daya ilokusi apabila penanda pragmatik *ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hadir dalam melaksanakan strategi kesantunan positif. Didapati juga bahawa penanda pragmatik *ya* berfungsi sebagai penegas, iaitu penguat daya ilokusi apabila penanda pragmatik *ya* hadir dalam melaksanakan strategi kesantunan positif.

Selain penanda pragmatik *ya* dikaji dalam bahasa Melayu di Malaysia, penanda pragmatik *ya* juga didapati dikaji dalam bahasa Inggeris Singapura standard dan kolokial. Penanda pragmatik *ya* antaranya dikaji sebagai penanda penguat daya ilokusi sesuatu pernyataan seperti mengisyaratkan keyakinan penutur terhadap pernyataannya yang pada penutur bukan sahaja betul dan benar malah turut mengisyaratkan kepada pendengar supaya tidak menyangkal pernyataannya itu (Wee, 2010). Selain itu, penanda pragmatik *ya* juga dikaji sebagai penanda peringatan atau pemeriksa sama ada pendengar memahami apa yang diujarkan oleh penutur (Wee, 2010; Deterding, 2007; Carter dan McCarthy, 2006; Wouk, 1999). Seterusnya, penanda pragmatik *ya* juga dikaji sebagai penanda kelangsungan ujaran atau penanda penyudah ujaran (Deterding, 2007; Wee, 2010) dan sebagai alat mitigasi ancaman muka negatif dan alat mitigasi ancaman muka positif (Wouk, 1999; Holmes 1995).

Selain itu, penanda pragmatik *ya* yang dikatakan hampir menyerupai penanda pragmatik *yeah* dalam bahasa Inggeris (lihat Deterding, 2007) penanda pragmatik ini turut dikaji dalam bahasa Indonesia. Penanda pragmatik *ya* antaranya dikaji sebagai penanda pengiyaan atau persetujuan, penanda yang mengisyaratkan hasrat penutur untuk menyambung ujarannya, sebagai penanda pertanyaan, penanda yang mencetuskan presuposisi atau andaian serta penanda yang mengisyaratkan kebersamaan (Wouk, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks bahasa Melayu *ya* dideskripsikan secara nahuan. Dalam kajian tatabahasa, *ya* merupakan tempelan (Asmah Omar, 2014, 2008); dipanggil kata pembenar (Nik Safiah Karim et al., 2009) dan merupakan jawapan pendek yang diperlukan dalam ayat tanya (Abdullah Hassan, 2005). Menurut Asmah Omar (2008) *ya* diperlukan dalam ayat tanya tertutup. Jelasnya *ya* pada peringkat ini didapati sangat terbatas pendeskripsiannya dalam konteks kenahuan sahaja oleh para ahli bahasa seperti yang dihuraikan berikut:

Menurut Asmah Omar (2014) *ya* boleh hadir dalam ayat tanya tertutup atau ayat tanya tempelan. Ayat tanya jenis ini terdiri daripada struktur ayat dasar yang ditempelkan dengan kata *ya*. Misalnya: Kau malas, *ya*? *Ya* hanya ditempelkan pada ayat yang subjeknya terdiri daripada ganti nama diri orang kedua. Di samping itu, ayat tanya tempelan dengan *ya* biasanya membawa makna negatif.

Menurut Asmah Omar (2014) lagi tempelan *ya* terdapat sesudah ayat perintah atau ayat berita. *Ya* dalam ayat ini merupakan pertanyaan yang menegaskan kenyataan. Ayat perintah dan *ya* memberi penegasan. Misalnya: “Nanti datang, *ya*?” *Ya* boleh diubah tempatnya seperti dalam ayat “Datang *ya*, nanti!” Fungsi *ya* sebagai penegas dalam ayat ini. Dalam ayat “Kau tak belajar, ya?” pula, *ya* menegaskan mesej yang terkandung dalam klausa sebelumnya. *Ya* boleh juga diletakkan sebelum akhir ayat seperti “Kau tak belajar, ya, Ali!” Oleh itu dapat disimpulkan bahawa *ya* ada kalanya merupakan pertanyaan tempelan, ada kalanya merupakan penegas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nik Safiah Karim et al. (2009) pula menyatakan bahawa *ya* ialah kata pembenar, iaitu perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan seperti dalam contoh ayat, "*Ya*, itulah orangnya."

Menurut Abdullah Hassan (2005) pula *ya* ialah jawapan pendek yang diperlukan dalam ayat tanya seperti yang ditunjukkan dalam ayat berikut:

(1) Ayat yang menggunakan kontor intonasi akhir menaik itu digunakan pada ayat berita yang dijadikan ayat tanya, misalnya: "Malaya diancam oleh komunis?" Ayat tanya begini hanya memerlukan jawapan *ya*.

(2) Ayat yang menggunakan kata tanya boleh dijawab *ya* atau *tidak* dan juga jawapan penuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6.8 Kajian Varian Penanda Pragmatik

Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan pelbagai jenis penanda pragmatik oleh beberapa pengkaji dalam bidang. Schweinberger (2018), dalam kajiannya yang bertajuk *The Discourse Particle eh in New Zealand English* telah mengkaji penanda pragmatik eh dalam bahasa Inggeris di New Zealand. Menerusi analisis secara *Binomial Mixed-Effects Regression Model*, didapati bahawa penutur muda lebih banyak menggunakan variasi bahasa begini berbanding penutur yang lebih berusia. Bentuk ini juga kerap diamalkan dalam pertuturan dalam kalangan pekerja yang terlibat dalam pekerjaan seperti perkeranian, akademik, pengurusan dan bidang profesional yang lain berbanding pekerja buruh. Dapatan secara analisis regresi ini membuktikan bahawa penggunaan penanda pragmatik *eh* ini dipengaruhi oleh interaksi antara jantina dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

etnik, antaranya *eh* lebih kerap digunakan oleh wanita dalam kalangan orang Pakeha, manakala *eh* lebih kerap digunakan oleh golongan lelaki pula dalam kalangan orang Maori (Meyerhoff, 1994). Kajian ini tidak sekadar meneliti aspek sosiolinguistik dari sudut angkubah umur, jantina, status sosial atau etnik penutur tetapi juga memasukkan variasi psikolinguistik. Kajian ini telah menunjukkan bahawa peranan penanda pragmatik tidak sekadar didasari oleh peranannya sebagai alat komunikasi tetapi juga berhubung dengan aspek bahasa dan tingkah laku dalam komunikasi yang mengambil kira peranannya yang perlu disokong degan faktor-faktor ekstralinguistik. Oleh yang demikian, kajian ini telah dapat memberi implikasi dalam kelompangan kajian bahawa terdapatnya justifikasi sokongan yang perlu diteliti dalam meneliti fungsi penanda pragmatik itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian seterusnya dijalankan oleh Ojwang (2016), yang bertajuk *A functional pragmatics analysis of conversation management strategies in Dhaluo*. Kajian ini bertujuan menyelidiki fungsi unik bagi kata atau frasa yang dari segi semantiknya tiada makna tetapi dari segi pragmatiknya begitu signifikan dalam memahami makna ujaran Dholuo, iaitu sebuah Bahasa di Afrika. Dalam kajian ini, Ojwang (2016) mendapati bahawa perbualan Dholuo, memerlukan penggunaan kata dan frasa yang fungsi uniknya mewujudkan kebersamaan dan mengekalkan interaksi antara peserta dalam sesebuah pengucapan yang mampu memotivasikan peserta, iaitu penyampai dan penerima. Dalam mewujudkan kelangsungan komunikasi, Hayashi (1999) mengemukakan bahawa penanda pragmatik ialah kelas item linguistik kecil, pendek dan berulang yang umumnya mempunyai fungsi pragmatik yang signifikan dalam perbualan (Ojwang, 2016). Lanjutan daripada itu, artikel ini menggunakan pendekatan fungsional-pragmatik untuk meneliti bentuk dan fungsi penanda pragmatik Dholuo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menyokong pandangan pengkaji lalu berkaitan fungsi penanda pragmatik ini yang antaranya adalah untuk mencerminkan latar belakang budaya dan bahasa penutur. Oleh itu, saluran latar budaya diamati menerusi giliran dalam proses berkomunikasi seperti menyebut *ya* atau *uh-uh* tanpa melepaskan giliran sebagai strategi pengurusan interaksi Dholuo.

Antara penanda pragmatik yang ditemui dalam bahasa Dhaluo ialah penanda pragmatik *kendo?* yang berfungsi sebagai penanda ekspresi terkejut bagi menggambarkan kejutan yang tidak dijangka dalam berkomunikasi. Dapatan ini membuktikan bahawa penanda pragmatik bersifat vokatif yang memiliki nilai emosi yang ekspresif. Ciri ini ditemui mempunyai persamaan fungsi seperti dalam gagasan oleh Fraser (1996) yang melengkapi parameter dan pengkategorian oleh Holker (1991). Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini membuktikan implikasi dari sudut nilai pragmatik mampu didukung oleh sesuatu penanda pragmatik, iaitu ditelusi menerusi konteks makna latar budaya penutur hasil pengekodan pelbagai maklumat ekstra linguistik termasuklah atitud penutur.

Troshchenkova dan Blinova (2020) dalam kajian mereka bertajuk *Pragmatic Markers in the Aspect of Communicative Alignment,* pula mengkaji penanda pragmatik menggunakan pendekatan dan perspektif yang berbeza ke atas komunikasi dialog harian dalam Bahasa Rusia menggunakan Model Penjajaran Komunikatif (*Communicative Alignment Model)*. Kajian ini berfokuskan pengenalpastian hubung kait antara penutur dengan tingkah laku berbahasa yang tidak hanya terbatas pada penggunaan leksim atau bentuknya dari segi nahu, tetapi lebih kepada bagaimana penanda pragmatic memainkan peranannya. Mereka berpendapat bahawa penanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pragmatik yang digunakan oleh salah seorang penutur dalam sesebuah dialog berupaya meningkatkan kemungkinan untuk penanda pragmatic yang sama turut digunakan oleh penutur lain. Dalam korpus lisan Rusia, iaitu *One Day of Speech* didapati bahawa 57 episod makro dalam komunikasi, penanda pragmatic *koroche* atau *koroche govorya* telah digunakan oleh pelbagai penutur, iaitu sejumlah 46 episod yang melibatkan dua orang penutur; dan sejumlah 11 episod melibatkan tiga orang penutur. Kajian ini telah membuktikan bahawa analisis terhadap penggunaan penanda pragmatik berasaskan parameter kuantitatif menggunakan Model Penjajaran Komunikatif menunjukkan bahawa frekuensi medium penggunaan penanda pragmatik meningkat apabila bilangan penutur meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Rumusan

Jelasnya terdapat kepelbagaian dari segi istilah, pencirian dan fungsi serta pendekatan dalam kajian penanda pragmatik. Fischer (2006:ms.1) menyatakan bahawa:

> *There are very many studies of discourse particles (DPs) on the market, and by now it is almost impossible to find one's way through the jungle of publications. For a newcomer to the field, it is furthermore often very difficult to find the bits and pieces that constitute an original model of the meanings and functions of DPs. Moreover, the studies available so far are hardly comparable: the approaches vary with respect to very many different aspects; the language(s) under consideration, the item taken into account, the terminology used, the functions considered, the problems focussed on, and the methodologies employed.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wujudnya kepelbagaian bahasa manusia adalah tanda kebesaran dan kekuasaan Allah, seperti yang disebut dalam al-Quran, iaitu:

> Dan antara tanda-tanda kebesarannya termasuklah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang tahu.
>
> (Surah al-Rum: ayat 22)

Menurut huraian Sayyid Muhammad Syeed (1989) dalam Awang Sariyan (2007), al-Quran bukan sahaja mengiktiraf wujudnya kepelbagaian bahasa manusia sebagai manifestasi kebesaran dan kekuasaan Allah. Malahan al-Quran menyajikan kemungkinan untuk manusia melakukan penelitian dan pemahaman terhadap kepelbagaian itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu daripada lima perspektif kesantunan berbahasa seperti yang dibincangkan di atas, telah banyak dilaksanakan namun aspek penanda pragmatik khususnya dari segi makna dan fungsinya masih kurang diteliti dan dikaji secara mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji memutuskan untuk mengkaji aspek yang dianggap remeh dan mempunyai stigma negatif, iaitu dianggap kecil sumbangannya dalam bidang linguistik, iaitu peranan penanda pragmatik *ya* dalam parameter dan spektrum kesantunan berbahasa.

Sungguhpun pengkaji terdahulu tidak menemui titik persamaan atau tidak sepakat secara bersama dalam banyak perkara berkaitan kajian penanda pragmatik, ini menjadi pencetus minat pengkaji untuk mengeksplorasi bidang penanda pragmatik yang banyak dikaji dan kian diminati oleh pengkaji dari luar negara tetapi kajian aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini di Malaysia didapati masih terbatas. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji penanda pragmatik *ya* dalam bahasa Melayu dengan memfokuskan terhadap hubung kaitannya dengan aspek kesantunan berbahasa secara teoretis dari sudut pragmalinguistik dan sosiopragmatik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan memfokuskan kajian dari aspek penanda pragmatik *ya* yang dikaji dari sudut kesantunan berbahasa dengan berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun yang menggabungkan tiga teori utama, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (1983) dan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Dalam kajian ini, tatacara kajian secara khusus, iaitu daripada cara mendapatkan data sehinggalah kepada proses penganalisisan data kajian dihuraikan. Penghuraian bab ini juga merangkumi (3.1) pendahuluan, (3.2) reka bentuk kajian, (3.3) sampel kajian, (3.4) instrumen kajian, (3.5) prosedur pengumpulan data, (3.6) kaedah penganalisisan data, (3.7) landasan teori, dan (3.8) rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif dalam kajian ini merujuk kepada usaha pengkaji menjawab perkara-perkara yang tidak dapat dijawab menerusi penyelidikan kuantitatif, iaitu yang tidak dapat diukur secara kuantiti. Menurut Noraini Idris (2013) elemen seperti perasaan, sikap dan tingkah laku manusia berbeza dalam situasi yang berlainan dan oleh itu unsur subjektiviti diambil kira dalam pendekatan kualitatif yang berfokuskan penelitian fenomena. Dalam kajian ini, kajian kesantunan berbahasa tidak lari daripada elemen perasaan, sikap dan tingkah laku penutur yang berkait rapat dengan domain interpersonal yang terdiri daripada mod interaksional dan mod sikap mengikut konteks ujaran yang berlimitasikan data dalam rancangan wawancara di televisyen, iaitu *Selami Jiwa*. Reka bentuk kajian ini berasaskan analisis kandungan melalui rakaman rancangan wawancara di televisyen, iaitu *Selami Jiwa*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian kualitatif ini juga menggunakan statistik mudah bagi menyokong data kualitatif. Hal ini demikian kerana data yang dikumpul dalam bentuk nombor, iaitu frekuensi dan peratusan menyokong dan menguatkan lagi dapatan kajian khususnya dari segi kehadiran penanda pragmatik *ya* mengikut fungsi yang didukunginya, keberadaan penanda pragmatik *ya* dalam pola kesantunan berbahasa dan juga kehadirannya dalam taksonomi lakuan tuturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel merujuk data korpus kajian yang dipilih bersumberkan sebuah rancangan wawancara yang dihoskan oleh Dato' Dr. Hj. Mohd Fadzilah Kamsah sebagai konteks mengkaji penanda pragmatik, iaitu *ya*. Rancangan wawancara di televisyen ini adalah di bawah terbitan TV9 berjudul *Selami Jiwa*. Siaran ini berlangsung selama 30 minit. Pengkaji membina atau membangunkan data korpus sendiri (*DIY Corpus*) berdasarkan rancangan wawancara tersebut.

Rancangan wawancara di televisyen ini adalah di bawah terbitan Astro Oasis berjudul *Selami Jiwa Musim Kedua* yang ditayangkan pada tahun 2013. Wawancara ini bertemakan *Rawat Rohani Perkasa Peribadi*. Siaran yang berlangsung selama 30 minit setiap episod terdiri daripada pemeran yang berbeza setiap minggu. Tujuan rancangan ini adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman untuk mendidik. Satu siri rancangan wawancara di televisyen yang bertajuk *Pasangan Kuat Merajuk* (Rujuk Lampiran 1) bersaiz korpus 3598 perkataan dengan kekerapan penanda pragmatik *ya* adalah sebanyak 110 yang dianotasikan sebagai SJY1 hingga SJY110 dijadikan data korpus kajian (Rujuk Lampiran 2).

Sampel kajian ini dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan pertimbangan pengkaji berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus kajian. Kajian kualitatif dikategorikan sebagai *particularistic* yang lebih menumpukan situasi, program dan fenomenon tertentu sahaja yang berpusatkan masalah dan berskala kecil (Meriam, 2001; Shaw, 1978).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rancangan wawancara di televisyen dipilih sebagai sampel kajian kerana genre ini mempunyai ciri yang autentik (Lihat 3.3.4.1), bercirikan lisan (Lihat 3.3.4.2), dan bercirikan korpus yang sarat nilai positif (Lihat 3.3.4.1) yang berkebarangkalian mengandungi penanda pragmatik *ya* dalam pelbagai konteks melalui peristiwa bahasa dengan lakuan tuturan yang pelbagai juga. Pada peringkat awal kajian, pengkaji telah meneliti data daripada genre wawancara, ceramah agama dan forum di televisyen yang bercirikan ketiga-tiga yang dibincangkan di atas. Namun, genre wawancara telah dipilih kerana pengkaji telah menemui data yang berkualiti dan kaya bagi menjelaskan kehendak dan objektif kajian ini.

Dalam erti kata lain, pemilihan sampel atau data kajian dijustifikasikan kepada beberapa kriteria, iaitu (1) kriteria representasi keberadaan data, (2) kriteria ketulenan data dan (3) kriteria korpora lisan. Kriteria representasi keberadaan data mewajarkan pengkaji meneliti beberapa jenis genre yang memiliki entiti penanda pragmatik *ya.* Selain aspek taburan penanda pragmatik *ya* dalam data korpus, kriteria keberadaan diteliti dari aspek variasinya dalam data. Sekiranya frekuensi representasi tinggi tetapi tidak menunjukkan variasi fungsi, data yang berkenaan tidak dipilih. Selain itu, kriteria ketulenan turut mewajarkan pengkaji untuk memilih data bukan bikinan. Sebaliknya, data sebenar yang bersifat natural dan sarat mengandungi nilai positif yang dipilih. Kriteria korpora lisan juga mewajarkan pengkaji untuk memilih data yang bersifat interaktif dan mengandungi elemen mencelah. Oleh yang demikian, genre wawancara di televisyen yang menepati ketiga-tiga kriteria tersebut sahaja yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Genre ceramah agama di televisyen tidak dipilih walaupun genre ini memiliki ketiga-tiga ciri, iaitu bercirikan autentik, lisan dan sarat nilai positif kerana data tersebut tidak dapat menjawab objektif kajian. Hal ini demikian kerana representasi keberadaan dalam bentuk kehadiran penanda pragmatik *ya* tidak muncul dalam taksonomi lakuan tuturan yang pelbagai kerana genre ceramah agama berbentuk komunikasi sehala dan kurang interaktif.

Selain genre ceramah agama tidak dipilih sebagai sampel kajian, pengkaji juga memutuskan untuk tidak memilih data daripada genre forum agama khususnya walaupun genre ini memiliki ketiga-tiga ciri, iaitu bercirikan autentik, lisan dan sarat nilai positif kerana struktur komunikasinya juga kurang interaktif dan kurang elemen mencelah (*less interactive and less interruptive*), iaitu representasi keberadaan penanda pragmatik *ya* yang menjadi subjek kajian melalui kepelbagaian taksonomi lakuan tuturan dalam pelbagai peristiwa bahasa kurang dapat ditonjolkan. Oleh yang demikian, pengkaji tidak menyaring data dengan lebih terperinci daripada genre forum agama kerana dari segi luarannya sudah menunjukkan data ini kurang berkualiti bagi menjawab soalan kajian ini.

Setelah penelitian pada peringkat permukaan dilaksanakan, pengkaji memilih data daripada genre wawancara dan genre ceramah agama untuk disaring bagi mendapatkan data yang benar-benar berkualiti dan kaya maklumat. Berikut ditunjukkan jumlah kehadiran penanda pragmatik *ya* serta saiz korpus bagi 8 episod daripada rancangan wawancara di televisyen, iaitu *Selami Jiwa* (Lihat Jadual 3.1) dan 8 episod lagi daripada rancangan ceramah agama di televisyen, iaitu *Tanyalah Ustazah* (Lihat Jadual 3.2). Setelah saringan data dilaksanakan, data yang dipilih melalui persampelan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertujuan adalah data korpus daripada satu episod dalam rancangan wawancara di televisyen, iaitu *Selami Jiwa* bertajuk *Pasangan Kuat Merajuk* yang mempunyai kekerapan kehadiran penanda pragmatik *ya* yang tertinggi, iaitu sejumlah 110. Jumlah *token* dengan jumlah penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam data korpus yang dipilih berpada kerana cukup untuk menerbitkan pola serta menjawab objektif kajian ini.

Jadual 3.1
Frekuensi Kehadiran Penanda Pragmatik ya dan Saiz Korpus Mengikut Episod dalam Genre Wawancara Selami Jiwa

Bil	Episod	Penanda Pragmatik *ya* (bil.)	Saiz Korpus (bil.)
1	Ibu dan bapa tunggal	26	3 063
2	Orang tua memang tak faham	57	3 377
3	Apa dosa kami?	43	2 773
4	Dilema Anak Angkat	53	3 679
5	Aduhai Anak Emak	102	4 055
6	Takdir Bukan Penamat	47	3 652
7	Masihkah Ada Sinar Buatku?	108	3 852
8	Pasangan Kuat Merajuk	110	3 598

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2
Frekuensi Kehadiran Penanda Pragmatik dan Saiz Korpus Mengikut Episod dalam Genre Ceramah Agama Tanyalah Ustazah

Bil	Episod	Penanda Pragmatik *ya* (bil.)	Saiz Korpus (bil.)
1	Selamatkah anak kita?	32	6455
2	Mencari Redha Allah	62	6935

(bersambung)

Jadual 3.2 *(sambungan)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Episod	Penanda Pragmatik *ya* (bil.)	Saiz Korpus (bil.)
3	Umrah Makbul	23	5110
4	Jangan Berkata ‘ah’	26	5807
5	Obses Nak Cantik	23	5274
6	Nikmat Berkat	44	5036
7	Kerja Berpahala	31	4205
8	Suis Kehidupan	50	3869

Pengkaji membina atau membangunkan data korpus sendiri (*DIY Corpus*) bersumberkan genre wawancara *Selami Jiwa* bertajuk *Pasangan Kuat Merajuk*. Dalam pembinaan data korpus, selain aspek pemilihan data korpus, saiz dan jumlah data korpus (3.3.1), perlu ditentukan juga dengan mengambil kira kepadaan saiz data korpus (3.3.2) dan pewajaran pemilihan data korpus tersebut (3.3.3).

3.3.1 Pemilihan Saiz dan Jumlah Data Korpus

Genre wawancara dipilih kerana genre ini tergolong dalam komunikasi lisan. Komunikasi lisan menjadi asas pengkajian terhadap penanda pragmatik berdasarkan beberapa kajian dalam bahasa Inggeris, iaitu penanda pragmatik bercirikan lisan (*orality)* yang kerap hadir dalam komunikasi lisan berbanding tulisan (lihat Leech, Rayson dan Wilson 2001; Lam, 2008). Jelasnya, asas pemilihan data ini adalah bertujuan mendapatkan data yang autentik dan berkualiti untuk diteliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, rancangan wawancara ini juga dipilih berdasarkan profiliti hos atau pengacaranya yang merupakan pakar komunikasi dan pakar motivasi dan mempunyai Ph.D. dalam bidang *Organisational Communication* dari Winsconsin USA tahun 1984. Rancangan wawancara ini juga dipilih kerana rancangan ini pernah dicalonkan dalam Anugerah Skrin pada tahun 2011 dan tahun 2013 di bawah kategori Penerbitan Rancangan Bual Bicara Terbaik. Rancangan ini telah mendapat tempat pertama pada tahun 2013. Jelasnya, asas pemilihan data ini adalah bertujuan mendapatkan data yang berkualiti dan kaya untuk dikaji dan diteliti.

3.3.2 Kepadaan Saiz Data Korpus

Menurut Biber et al., (1988) korpus adalah "*a collection of spoken or written language which is stored on a computer and available for analysis*". Banyak korpora berskala besar terdapat secara komersil mahupun secara percuma (lihat Lee, 2010; & O'Keefe et al., 2007). Korpora berskala besar antaranya termasuklah, The British National Corpus (BNC) bersaiz 100 juta kata, 10 juta daripadanya ialah bahasa Inggeris pengucapan. Menurut beliau lagi, "*However, to conduct research into pragmatics, one does not necessarily need to use a 'mega-corpus'. In fact a small 'home-made' corpus is often more valuable for pragmatics research because the researcher has access to all of contextual details and, because of its size, it can be used qualitatively and quantitatively"* (O'Keeffe et al., 2011, ms.28).

Korpora pengucapan pada kebiasaannya bersaiz lebih kecil berbanding korpus bertulis berikutan kesukaran mengakses data, kekangan masa dalam kerja merakam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mentranskripsi data sebenar, iaitu bahasa yang terhasil secara tabii (McCarthy, 1988, 1998 dalam Murphy, 2010). Korpora bersaiz besar tidak menjadi kemestian untuk menganalisis bahasa pengucapan moden (Müller, 2005). Korpus bersaiz kecil dilihat sebagai bukti yang relevan dan mempunyai kesahan sama ada dianalisis secara manual mahupun diproses dalam komputer dan sesudah itu diinterpretasi oleh penyelidik (Sinclair, 2001). Saiz korpus yang diperlukan bergantung pada frekuensi dan distribusi fitur linguistik dalam korpus tersebut (McEnery dan Wilson, 2001). Leech (1991) juga berpendapat bahawa korpora bersaiz kecil berpotensi mengandungi fitur linguistik yang memadai. Coxhead (2000) dalam Murphy (2010) mengatakan bahawa korpora bersaiz kecil mampu menghasilkan keputusan yang bermakna berdasarkan objektif kajian yang hendak dicapai. Biber (1990) dalam kajiannya dari aspek ketatabahasaan (*pronouns or tense*) juga telah membuktikan bahawa sampel bersaiz kecil, iaitu data yang terdiri daripada 1000 kata sudah cukup besar, memadai, mempunyai kesahan dan boleh dijadikan sandaran. Dalam kajian ini, data korpus bersaiz 3598 kata adalah memadai kerana data yang dipilih berpotensi dan mengandungi frekuensi dan distribusi fitur linguistik, iaitu penanda pragmatik *ya* yang berpada serta mampu untuk mencapai objektif kajian ini.

Jelasnya, data korpus lisan yang dipilih tidak semata-mata bergantung kepada saiz korpusnya atau jumlah durasi masa sahaja tetapi faktor keberadaan melalui kehadiran fitur linguistik yang hendak dikaji perlu dititikberatkan. Dalam kajian ini, keberadaan fitur linguitik, iaitu penanda pragmatik *ya* berjumlah 110 kekerapan adalah memadai. Hal ini demikian kerana Gonen, Livnat, Amir dan Noam (2015) mengkaji korpus yang melibatkan perbualan harian masyarakat Hebrew di Israel yang berdurasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5 jam, mengandungi 106 kata '*axshar*' (*now*). Berdasarkan korpus tersebut didapati bahawa 1/3 daripada jumlah tersebut dikenal pasti sebagai penanda pragmatik yang dinamakan penanda wacana oleh mereka, manakala selebihnya dikategorikan sebagai adverbial tempoh atau *temporal adverbials.*

3.3.3 Pewajaran Pemilihan Data Korpus

Data yang tersimpan sebagai korpus dalam bentuk elektronik menjadikan kerja-kerja pencarian, pemilihan, pengisihan dapat dilakukan dengan lebih mudah dan cepat. Dalam kajian ini, data dalam bentuk elektronik ini dapat dimanipulasikan dengan menggunakan perisian AntConc Versi 3.5.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri elektronik ini memberi kesan dari segi metodologi kerana ciri ini memberi dimensi baharu dalam penelitian linguistik. Data korpus berkomputer tidak sahaja dihuraikan secara kualitatif, malahan aspek kuantitatif (Biber et al., 1998; Norliza Jamaluddin, 2015) juga digunakan dan ini menjadikan kajian linguistik benar-benar bersifat empirikal dan dapat mengelakkan *human bias* dalam penganalisisan data (Norliza Jamaluddin, 2015). Korpus ialah sumber data yang memberikan sumbangan yang besar dalam pengkajian bahasa. Selain dapat dijadikan sampel yang mewakili satu populasi, generalisasi yang terbina juga dapat diakui kewibawaannya kerana sumbernya merupakan data sahih dan benar (Anida Sarudin dan Norhashimah Jalaluddin, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pemanfaatan korpus memaparkan keragaman ayat yang sudah tentu menunjukkan keragaman penggunaannya (Sinclair, 1991). Korpus juga merupakan sumber kajian yang penting dalam bidang pragmatik kerana bidang ini bergantung pada konteks (McEnery dan Wilson, 1996). Kajian ini bukanlah bebas konteks tetapi sensitif konteks.

3.3.4. Pewajaran Pemilihan Data Korpus Bersumberkan Genre Wawancara di Televisyen

Dalam kajian ini, data korpus lisan formal dalam bentuk rancangan wawancara di televisyen ini dipilih kerana bercirikan autentik (3.3.4.1), bercirikan lisan (3.3.4.2) dan bercirikan korpus yang sarat nilai (3.3.4.3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4.1 Bercirikan Autentik

Wawancara melibatkan wacana yang panjang. Pengkaji-pengkaji seperti Blum Kulka, 1990; Mills, 2002; Bousfield, 2006 menyatakan bahawa kesantunan perlu dianalisis pada peringkat wacana berbanding peringkat ayat. Tambahan pula penggunaan ekstrak yang lebih panjang untuk dianalisis mampu menjamin dapatan yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Dalam kajian ini, analisis dilakukan pada peringkat genre yang lengkap.

Autentik atau ketulenan bererti data yang dikumpul merupakan data sebenar yang dihasilkan dalam komunikasi sesama manusia. Hal ini menunjukkan bahawa data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diselidiki bukan direka oleh penghasil data korpus melainkan data tersebut ialah data yang terbentuk secara tabii (Norliza Jamaluddin, 2015) atau bukan data bikinan sendiri tetapi data korpus yang sahih tanpa mengalami sebarang perubahan (Anida Sarudin dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2017).

Mills (2002) dan Bousfield (2006) menyatakan bahawa tahap kebolehpercayaan dan kesahan lebih tinggi apabila mengkaji aspek kesantunan dalam konteks yang lebih panjang yang mempunyai persamaan dengan situasi sebenar dalam kehidupan. Bahasa dalam ceramah menyediakan data dalam bentuk komunikasi verbal yang autentik. Data ini dikatakan autentik kerana "*it involves real people, talking about real life experiences in real time*" (Wood, 2001, ms.65). Anida Sarudin (2011) juga berpandangan bahawa pemanfaatan data korpus menjadikan kajian itu lebih sahih dan dapatan akan dapat mewajarkan konteks sebenar bahasa bukan bikinan sendiri. Tambahan pula, bahasa pengucapan biasa (e.g. Hutchby 2005; Bell, 1991) mudah diakses sebagai sumber data bagi mendapatkan fitur bahasa yang hendak dikaji (Bell, 1991). Dalam penyelidikan ini, fitur bahasa yang dikaji adalah penanda pragmatik *ya* dengan menampilkan makna dan fungsinya.

Jelasnya, data yang bercirikan autentik ini penting dalam penyelidikan linguistik kerana data ini dapat menunjukkan perilaku atau gelagat sebenar, sebagai contoh dalam konteks kajian ini, penanda pragmatik *ya* digunakan. Oleh itu, data autentik ini menjadi sandaran utama dalam menghuraikan perilaku penanda pragmatik. Data korpus yang dijadikan sampel bahasa ini membolehkan pengkaji mendapat gambaran sebenar tentang penggunaan penanda pragmatik *ya* dengan menampilkan makna dan fungsinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4.2 Bercirikan Lisan

Pengkaji memilih rancangan wawancara *Selami Jiwa* di televisyen sebagai latar kajian dan sebagai data korpus untuk dianalisis kerana penanda pragmatik berpotensi tinggi diujarkan dalam bahasa pengucapan. Dalam erti kata lain, kebarangkalian hadirnya penanda pragmatik *ya* adalah tinggi dalam genre wawancara.

Bagi menjelaskan kemultifungsian penanda pragmatik tersebut, kajian ini menggunakan wawancara sebagai data kajian bagi membolehkan kajian ini bercirikan empirikal. Genre wawancara dipilih kerana wawancara tergolong dalam komunikasi lisan. Komunikasi lisan didapati menjadi asas pengkajian terhadap penanda pragmatik berdasarkan beberapa kajian terhadap bahasa Inggeris misalnya, iaitu penanda pragmatik kerap hadir dan popular dalam komunikasi lisan berbanding tulisan.

Stede dan Schmitz (2000) telah membuktikan bahawa apabila mereka membandingkan bahasa pengucapan dengan bahasa bertulis, penanda pragmatik, yang dinamakan partikel oleh mereka hadir dalam kuantiti yang banyak dalam bahasa pengucapan. Kehadiran partikel *well, oh, let's see* misalnya adalah merupakan fenomena dialog yang tipikal (*ibid.)*

Penanda pragmatik yang dinamakan penanda wacana oleh Baker (2010) merupakan salah satu elemen penting yang membezakan lisan dengan penulisan. Penanda pragmatik hadir dalam lisan dan jarang digunakan dalam penulisan. Penanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pragmatik ini mempunyai kaitan dengan pengurusan hubungan antara penutur dengan pendengar seperti wujudnya elemen kesantunan, basa-basi dan penghormatan (Baker, 2010). *Yeah* misalnya menandakan bentuk pengurusan timbal balas atau memberi respons dalam komunikasi, digunakan bukan sekadar tanda persetujuan, tetapi digunakan juga sebagai tanda penutur atau pendengar memahami perkara yang dibicarakan dan sebagai tanda memberi ruang dan peluang kepada penutur lain dalam penggiliran berbicara (Baker, 2010). Oleh sebab penanda pragmatik cenderung untuk hadir dalam penulisan, Baker (2010) menumpukan kajiannya tentang penanda pragmatik dalam korpus lisan sahaja.

Selain itu, pengkaji lain yang mengkaji penanda pragmatik dan menjadikan pengucapan lisan sebagai konteks kajian termasuklah Fuller (2002), Verdonik *et al.* (2008) dan Fuller (2002) mengkaji penggunaan penanda wacana, *you know, like, oh, yeah, well* dan *I mean* dalam dua konteks pengucapan lisan, iaitu dalam temu bual dan perbualan kasual. Verdonik *et al.* (2008) pula mengkaji penanda pragmatik dengan memfokuskan impak konteks penggunaannya dalam dua genre, iaitu perbualan di telefon dan temu bual di televisyen. Honeman (1995) dalam kajian Ph.D. beliau yang bertajuk *Simultaneous Functions of Discourse Marker OK in Daytime Television Talk Shows*' misalnya memilih *daytime television talk show* sebagai konteks untuk mengkaji penanda wacana *OK* yang dihoskan oleh Oprah Winfrey, Rickie Lake, Phil Danahue dan Moury Povich. Selain itu, Siti Nurbaya Mohd Nor (2012) pula mengkaji penanda wacana *well, now* dan *and* dalam pengucapan *interruptive* dalam wacana radio, yang hanya melibatkan siri rakaman wawancara di radio dalam rancangan ThraxFm terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4.3 Bercirikan korpus sarat nilai positif

Pengkaji berpandangan bahawa televisyen berfungsi sebagai media pendidikan. Mendidik tidak semestinya secara formal dalam kelas di sekolah, tetapi mendidik juga boleh berlangsung secara tidak formal termasuklah dengan menonton rancangan atau program di televisyen. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Shahizan Ali (2011), ke atas 1504 orang penuntut Melayu di sekolah-sekolah menengah di Semenanjung Malaysia, iaitu media memberi kesan terhadap penghayatan akhlak mereka sebanyak 25%. Berdasarkan kajian mereka, didapati bahawa adalah penting bagi mereka yang terlibat dengan media khususnya, memiliki akhlak yang baik dan terpuji kerana segala perkataan dan tingkah laku mereka menjadi perhatian awam khususnya remaja ketika mereka menjalani proses pembentukan diri. Hal ini demikian kerana umumnya, selain pendidikan formal di sekolah, remaja turut terdedah dengan input pendidikan daripada institusi tidak formal khususnya media penyiaran. Input-input yang merangsang perkembangan minda dan sahsiah diri remaja mampu membentuk bangsa dan negara yang sejahtera. Ab Halim Tamuri & Zarin Ismail (2009) juga berpendapat bahawa media penyiaran seperti televisyen memiliki hubungan yang signifikan dengan pembentukan budaya dan identiti remaja di Malaysia.

Media penyiaran yang menyediakan program televisyen seperti rancangan hiburan seharusnya mengandungi nilai-nilai tinggi dalam usaha mendidik khalayak pelbagai peringkat umur dan golongan dengan program pendidikan yang bermutu (Raja Masittah Raja Ariffin, 2013). Menurutnya lagi, langkah-langkah positif harus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diteruskan dalam usaha meningkatkan kesantunan berbahasa, termasuklah mutu bahasa Kebangsaan dalam media penyiaran. Kajian beliau lebih berfokus kepada kesantunan berbahasa yang meliputi ungkapan yang santun, yang tidak menyinggung perasaan pendengar atau orang lain, penggunaan intonasi, tingkah laku bukan bahasa dan termasuklah cara berbusana. Kajian beliau juga menyentuh aspek kata sapaan, kata ganti nama dan pemilihan kata ketika berujar dalam media penyiaran (ibid.).

Jelasnya, media penyiaran perlu menyogokkan bahan penyiaran yang baik dan murni sifatnya demi membentuk warga yang bermaruah dan berakhlak mulia. Bahasa Melayu yang baik dan betul yang digunakan oleh media penyiaran akan dapat membentuk sikap berhemah dan bersopan santun dalam berbicara (ibid.).

Program *Selami Jiwa* dipilih berbanding program-program lain di televisyen sebagai konteks kajian kerana program ini memiliki ciri-ciri motivasi, kerohanian dan keagamaan seperti mengajak dan mendidik penonton ke arah amalan kehidupan yang diredhai Allah, *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Program wawancara di televisyen ini juga dipilih kerana korpus ini berkebarangkalian tinggi mengandungi bahasa yang santun. Hal ini disebabkan, kajian tentang penanda pragmatik dari sudut kesantunan berbahasa yang dilaksanakan memerlukan data yang kaya dengan elemen santun. Data ini juga didapati sesuai dan mempunyai nilai positif dari segi isi kandungan dan cara penyampaiannya. Secara normanya program wawancara yang berkisarkan motivasi, sarat dengan nilai dan dalam masa yang sama turut kaya dengan elemen santun. Selain daripada itu, data ini juga mampu menjadi sumber untuk mendidik masyarakat khususnya dalam aspek santun berbahasa dalam usaha melahirkan audiens yang cemerlang akademik atau ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akliahnya serta cemerlang akhlaknya semasa bertutur sehingga mampu menjadi model ikutan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial.

Kesesuaian pemilihan data ini boleh diselarikan dengan pandangan Raja Masitah Raja Ariffin (2013), iaitu langkah-langkah positif harus diteruskan dalam usaha meningkatkan kesantunan berbahasa, termasuklah mutu bahasa kebangsaan dalam media penyiaran kerana media bukan sahaja berfungsi sebagai penyebar maklumat dan ilmu kepada pendengar dan penonton tempatan serta khalayak yang melangkaui sempadan, tetapi juga mendidik mereka menggunakan bahasa kebangsaan secara bersantun.

Ekoran daripada permasalahan ini, kajian ini cuba menerangkan tentang unit linguistik terkecil, iaitu penanda pragmatik *ya* dalam memainkan peranan dan fungsinya sebagai peranti kesantunan berbahasa khususnya dalam ranah media penyiaran. Dalam kajian ini, rancangan televisyen bergenre wawancara merupakan data korpus yang dipilih.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian dibangunkan bertujuan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Instrumen yang dibangunkan terdiri daripada instrumen senarai semak analisis data, instrumen jadual analisis data, dan instrumen jadual pencerapan. Ciri utama dalam menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan instrumen ini ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Bagi memastikan maklumat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperoleh dalam penyelidikan kualitatif lebih tepat dan sah dari segi konstruk serta boleh dipercayai, bukti daripada sumber maklumat yang berlainan ini sangat penting. Proses menentusahkan maklumat yang diperoleh melalui sumber yang berlainan, iaitu melalui proses triangulasi data telah dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai instrumen, iaitu instrumen senarai semak, instrumen jadual analisis data dan instrumen jadual pencerapan bagi mengupayakan data tersebut diinterpretasikan dengan tepat.

Dalam kajian ini, enam instrumen yang digunakan terdiri daripada (3.4.1) Instrumen 1: Senarai semak analisis kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam pola kesantunan berasaskan teori SK1- Prinsip Kerjasama Grice (1975); (3.4.2) Instrumen 2: Senarai semak analisis kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam pola kesantunan berasaskan teori SK2 – Prinsip Kesantunan Leech (1983); (3.4.3) Instrumen 3: Senarai semak analisis kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam pola kesantunan berasaskan teori SK3 – Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987); (3.4.4) Instrumen 4: Jadual analisis kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam pola kesantunan berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun; (3.4.5) Instrumen 5: Jadual Analisis fungsi penanda pragmatik *ya* berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun; dan (3.4.6) Instrumen 6: Jadual komprehensif pencerapan analisis kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi lakuan tuturan menerusi Kerangka Amalgamasi Santun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Instrumen 1: Senarai Semak Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Kesantunan Berasaskan Teori SK1- Prinsip Kerjasama Grice (Rujuk Lampiran 3)

Korpus data yang mengandungi penanda pragmatik *ya* yang dianotasi sebagai SJY1-SJY110, setiap satunya disaring dan dikenal pasti sama ada memiliki indikator maksim di bawah Prinsip Kerjasama Grice (1975). Indikator maksim tersebut terdiri daripada maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim cara dan maksim relevan. Senarai semak analisis ini bertujuan untuk membentuk pola asas kesantunan, sebelum melalui proses amalgamasi pola yang kompleks, iaitu pola teras dan pola khusus amalgamasi santun.

3.4.2 Instrumen 2: Senarai Semak Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Kesantunan Berasaskan Teori SK2 – Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014) (Rujuk Lampiran 4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Korpus data yang mengandungi penanda pragmatik *ya* yang dianotasi sebagai SJY1-SJY110, setiap satunya disaring dan dikenal pasti sama ada memiliki indikator maksim di bawah Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014). Indikator maksim tersebut terdiri daripada maksim kebijaksanaan, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dam maksim simpati. Senarai semak analisis ini dibangunkan bertujuan membentuk pola asas kesantunan, sebelum melalui proses amalgamasi pola yang kompleks, iaitu pola teras dan pola khusus amalgamasi santun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Instrumen 3: Senarai Semak Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Kesantunan Berasaskan Teori SK3 – Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) (Rujuk Lampiran 5).

Korpus data yang mengandungi penanda pragmatik *ya* yang dianotasi sebagai SJY1-SJY110, setiap satunya disaring dan dikenal pasti sama ada memiliki indikator kesantunan positif yang terdiri daripada 15 substrategi (KP1-KP15)) dan indikator kesantunan negatif yang terdiri daripada 10 substrategi (KN1-KN10). Senarai semak analisis ini dibangunkan bertujuan membentuk pola asas kesantunan, sebelum melalui proses amalgamasi pola yang kompleks, iaitu pola teras dan khusus amalgamasi santun.

3.4.4 Instrumen: Jadual Analisis Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Kesantunan Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun (Rujuk Lampiran 6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Korpus data yang mengandungi penanda pragmatik *ya* yang dianotasi sebagai SJY1-SJY110 yang telah disaring menggunakan instrumen senarai semak analisis 1, 2 dan 3 dipindahkan maklumatnya ke dalam instrumen jadual analisis 4. Pemindahan maklumat ini bertujuan membentuk Pola Teras dan Khusus Amalgamasi Santun. Instrumen 1, 2, 3 dan 4 berupaya menjawab soalan kajian 1 kajian ini.

3.4.5 Instrumen 5: Jadual Analisis Fungsi Penanda Pragmatik *ya* Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun (Rujuk Lampiran 7)

Instrumen 5 digunakan bertujuan mengenal pasti dan menyerlahkan fungsi pragmatik penanda pragmatik *ya*. Fungsi pragmatik *ya* diperoleh dengan berbantukan pola khusus amalgamasi santun yang telah dibentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.6 Instrumen 6: Jadual Komprehensif Pencerapan Analisis Kesan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Menerusi Kerangka Amalgamasi Santun (Rujuk Lampiran 8)

Instrumen 6 digunakan bertujuan untuk mengenal pasti penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai SJY 1- SJY110 yang berkolokasi dengan Taksonomi Lakuan Tuturan yang sepadan dengan fungsi pragmatik yang didukunginya. Proses ini dilaksanakan untuk meneliti kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi lakuan tuturan.


Menurut Fraenkel dan Wallen (1996) kesahan instrumen perlu mempunyai fitur seperti dapat dipertahankan (*defensibility*), mempunyai ketepatan (*accuracy*), mempunyai kesesuaian (*appropriateness)*, bermakna (*meaningfulness*) dan berkebolehgunaan (*usefulness*). Manakala kebolehpercayaan pula ialah ketekalan dan kestabilan sesuatu alat kajian (Sabitha Marican, 2005). Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah diperaku dan disahkan oleh penyelia dan tiga orang pakar bidang. Setelah semua hasil transkripsi dan instrumen disahkan, pengkaji menyusun tadbir data mengikut objektif kajian yang hendak dicapai menggunakan instrumen tersebut secara sistematik. Pengesahan instrumen daripada pakar bidang diperoleh bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian ini diperaku. Tambahan pula, menurut Cohen, Manion dan Morrison (2000) persetujuan pakar penting kerana pakar merupakan *interrater*. Kebolehpercayaan *interrater*s menunjukkan darjah persetujuan yang diperoleh secara konsensus yang wujud secara homogen dalam kalangan pakar bidang atau penilai (*raters*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data melibatkan pendokumentasian situasi sebenar, iaitu genre wawancara daripada sebuah rancangan televisyen, *Selami Jiwa terbitan TV9*. Data dirakam secara audio video. Rancangan ini mengandungi 3 fasa, iaitu pengenalan, kandungan dan penutup yang dikendalikan oleh seorang penceramah dengan mewawancara dua orang pemeran (tetamu atau panel undangan) di hadapan audiens, iaitu penonton di studio dan di rumah seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 3.1. Struktur Genre Wawancara

Data yang diperoleh kemudiannya ditranskripsi bagi memudahkan proses menganalisis dijalankan. Peranti atau perisian yang digunakan untuk penghasilan *wordlister* atau *concordancer* seperti senarai tatatingkat frekuensi dalam kajian ini ialah Perisian AntConc Versi 3.5.8. Perisian ini yang telah dibangunkan oleh Laurence Anthony daripada Faculty of Science and Engineering, Waseda University digunakan khususnya bagi membantu pengkaji mengumpul data korpus lisan formal yang telah ditranskripsi untuk diproses. Perisian ini dipilih kerana telah diiktiraf mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

autoriti atau kebolehpercayaan yang tinggi. Pada 29 September 2012, Laurence telah dianugerahkan The National Prize of the Japan Association of English Corpus Studies (JAECS) kerana sumbangannya dalam bidang linguistik korpus termasuklah sumbangannya mencipta perisian AntConc Versi 3.5.8.

Dengan menggunakan perisian AntConc 3.5.8 ini, penanda pragmatik *ya* yang telah dikenal pasti hadir dalam wawancara dalam bentuk konkordans dikodkan. Data perlu dikategorikan dan dikodkan sebelum dianalisis supaya proses penganalisisan menjadi lebih sistematik (Ary, Jacob dan Razavieh, 2002) dan bagi memudahkan proses pengenalpastian sumber data yang dianalisis. Data dikod berdasarkan nama rancangan dan penanda pragmatik yang ingin dikenal pasti kehadirannya dalam data korpus mengikut urutan. Misalnya, $SJY_1 \ldots Y_n$, *SJ* mewakili nama rancangan, iaitu *Selami Jiwa*; Y_1 pula mewakili penanda pragmatik *ya* yang kali pertama hadir dalam episod wawancara tersebut; dan Y_n pula mewakili penanda pragmatik *ya* yang hadir kali ke-*n*, iaitu urutan terakhir dalam episod wawancara tersebut.

3.6 Kaedah Penganalisisan Data

Data korpus berbentuk wawancara sebagai genre yang dikumpul itu diproses dan dianalisis secara kuantitatif bagi mendapatkan frekuensi dan mengesan kehadiran penanda pragmatik yang diisihkan dalam bentuk konkordans dengan lebih sistematik. Perisian AntConc (versi 3.5.8) sebagai *Wordlister* atau daftar kata membolehkan data dikira dengan mudah melalui paparan konkordans.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Biber et al. (1998:4), kajian berasaskan korpus bergantung pada teknik, iaitu secara kuantitatif dan kualitatif. Oleh yang demikian, data dalam kajian ini dianalisis secara kuantitatif dan disusuli dengan analisis secara kualitatif. Analisis kuantitatif dilaksanakan dengan menampilkan frekuensi dan peratusan kehadiran penanda pragmatik *ya*, iaitu (1) kehadirannya dalam bentuk konkordans (Lihat Rajah 3.2); (2) kehadirannya berdasarkan strategi kesantunan yang digunakan sehingga membentuk pola kesantunan berbahasa sama ada secara tunggalan mahupun secara berkombinasi menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun (Lihat Rajah 3.3) dalam menyerlahkan fungsi penanda pragmatik *ya*; dan (3) kehadirannya yang berkolokasi dengan lakuan tuturan (Lihat Rajah 3.4) dalam menyerlahkan fungsi penanda pragmatik *ya* khususnya kesan terhadap daya ilokusi implikatur lakuan tuturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam rancangan *Selami Jiwa* dalam bentuk konkordans ditunjukkan seperti dalam Rajah 3.2 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Hit	KWIC	File
1	, sombong, ada tak ustazah ya? ZH : Ada. FZ : Ya, a:: itu kecik hati. ZH : :: asyik rumah dia	SJ Ya.txt
2	ya :: ni saya senaraikan ya, ni:: ikut kajian ya ::. A::, rupanya bila orang perempuan senyap, bis	SJ Ya.txt
3	rupanya. SY : Ha:: ada:: FZ : One Drop Perfume ya, a:: untuk anda, yang tanya je, yang jawab	SJ Ya.txt
4	Salleh Yaakob. Tadi Saidina Ali, ni Al Syed ya :: aa:: Salleh Yaakob. Pernah tak empat-empat se	SJ Ya.txt
5	pulak, ya tak? SY: Bantal takpe. ZH : A::: ya ... ada setengah bantal tu takpe lagi, baling pi	SJ Ya.txt
6	beritahu kita yang bermaksud, orang perempuan ni ya , Allah jadikan dia dari tulang rusuk orang lelak	SJ Ya.txt
7	rumah, dengan isteri garang, dengan isteri orang ya :: Allah lembut. SY : A:: ada, ada. FZ : Ada	SJ Ya.txt
8	sate rusa, bila keluarga, keluarga isteri ya :: Ya Allah pisang goreng je::: Hahaha, punyer berbeza	SJ Ya.txt
9	tanya tentang perasaannya, Abang merajuk lagi ke? Ya? Allahhuakhbar, jangan tanya orang laki-laki, bi	SJ Ya.txt
10	: Dan kita rasa yang macam simple saja. FZ : Ya Allahuakhbar. ZH : Tak patutlah kan. FZ : Ya :: y	SJ Ya.txt
11	:: kemudian. Sabor, sabor. Ni balik pada ustazah ya, apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah	SJ Ya.txt
12	li ini sangat menarik, pasangan yang kuat merajuk ya , apakah punca-puncanya yang mereka merajuk dan y	SJ Ya.txt
13	pakai polistrin jelah Dato', senang. Tapi itulah ya banyak kes-kes sebenarnya Dato' ya . FZ : Em.	SJ Ya.txt
14	FZ : Cantik, cantik. ZH: Kalau mengaku salah saja ya barangkali mintak maaf. SY : Nanti tiga puluh tah	SJ Ya.txt
15	kek kegemaran dia ke, lagu kegemaran ke, whatever ya. Bercakap dari hati ke hati, boleh juga bawa	SJ Ya.txt
16	yang agak berat ya. Betul ke ustazah? ZH : Ya betul. FZ : A:: ZH : Sebab tak boleh cakap	SJ Ya.txt
17	tiba-tiba senyap tanda rajuk yang agak berat ya. Betul ke ustazah? ZH : Ya betul. FZ : A::	SJ Ya.txt
18	na yang Allah bagi, anugerahkan ini ibadah. FZ : Ya betul. SY : So kenapa nak buang masa dengan	SJ Ya.txt
19	erajuk, sebenarnya kita nak dapat perhatian. FZ : Ya betul. ZH : Apabila suami dah tanya, merajuk ke?	SJ Ya.txt
20	teri Salleh Yaakob la orang ambik sorang, sorang, ya cemburu. Ditempelak hingga ego terguris, larangan	SJ Ya.txt

Rajah 3.2. Sampel penganalisisan data menggunakan perisisan AntConc Versi 3.5.8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam rancangan *Selami Jiwa* mengikut pola kesantunan berbahasa dengan berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun menggabungkan tiga teori utama, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975) (SK1), Prinsip Kesantunan Leech (1983) (SK2) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1978,1987) (SK3). Penanda pragmatik *ya* boleh disaring dan dikenal pasti kehadirannya sama ada menempati pola asas kesantunan secara tunggalan atau secara amalgamasi yang terdiri daripada tujuh pola seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.3 berikut:




Rajah 3.3. Kehadiran Penanda Pragmatik dalam Pola Kesantunan Berbahasa Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun

Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam rancangan *Selami Jiwa* berkolokasi dengan lakuan tuturan dalam mencapai tujuan komunikatif boleh disaring sama ada daripada lakuan asertif, ekspresif, direktif, komisif mahupun deklaratif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.4. Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Taksonomi Lakuan Tuturan Searle (1969)

Mengujarkan sesuatu sama ada secara lisan atau bertulis adalah merupakan suatu perlakuan. Dengan perkataan lain, penutur tidak hanya mengujarkan sesuatu secara lisan mahupun tulisan tetapi juga mempersembahkan satu lakuan melalui ujaran (Austin, 1962 dalam Huang, 2007; Maslida Yusof dan Karim Harun, 2015; Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof, 2019). Menurut Saidatul Nornis Mahali (2015) lakuan bahasa merupakan penggunaan bentuk bahasa yang digunakan untuk mewujudkan atau menghasilkan tindakan atau perlakuan yang berlainan daripada ayat dan tidak dapat dikaitkan dengan tahap nahu. Di bawah taksonomi lakuan tuturan Searle (1969), lakuan tuturan dikelompokkan kepada lima jenis lakuan tuturan, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif (Lihat 1.7.4).

Data seterusnya dianalisis secara kualitatif, iaitu penanda pragmatik *ya* dikaji dan dihuraikan secara deskriptif berteraskan data korpus yang kontemporari dan autentik sifatnya, yang menggambarkan penggunaan sebenar oleh masyarakat penutur natif. Pengkaji akan mendeskripsikan rumus berdasarkan bahasa yang diguna, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bukannya mempreskripsikan rumus yang sepatutnya digunakan oleh pengguna bahasa. Dalam menghuraikan penanda pragmatik *ya*, pendekatan fungsional digunakan. Penekanan diberikan dari segi fungsi penanda pragmatik dalam sesuatu ujaran. Proses mendeskripsi fungsi penanda pragmatik melibatkan proses menerang. Menurut Baker (2010) proses menerang ialah aspek terpenting dalam analisis korpus. Analisis yang baik perlu dilaksanakan secara kualitatif, khususnya apabila melakukan analisis berasaskan konkordans. Perisian korpus boleh memaparkan atau mengisih data konkordans dalam pelbagai cara, tetapi perisian korpus tidak mampu menginterpretasikannya. Tugas menginterpretasi konkordans biasanya dilakukan oleh penganalisis (ibid.). Penilaian oleh penganalisis biasanya diperlukan khususnya apabila membuat keputusan seperti dalam pemilihan jenis teks dan ciri bahasa yang hendak dianalisis (Baker, 2010). Penganalisis juga yang perlu menginterpretasi dan menerangkan pola linguistik yang dipaparkan melalui proses yang berasaskan korpus (ibid.).

Oleh yang demikian, data yang telah diproses menggunakan perisian AntConc (Versi 3.5.8) ini seterusnya akan dianalisis, diinterpretasi dan dideskripsi menggunakan ekspresi pragmatik secara kualitatif yang terbahagi kepada dua, iaitu pragmalinguistik dan sosiopragmatik (Leech, 1983 dan Thomas, 1983). Dalam mengkaji fungsi penanda pragmatik yang dinamakan penanda wacana oleh Müller, bukan sahaja konteks leksikal tetapi merangkumi konteks pragmatik juga perlu diambil kira. Tugas ini tidak dapat dilaksanakan oleh komputer semata-mata, interpretasi pengkaji juga penting dan sangat diperlukan (Müller, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya data yang diperoleh dihuraikan melalui pendekatan naratif deskriptif yang menekankan kaedah secara kualitatif. Jelasnya, kajian ini berkaitan dengan kepelbagaian fungsi penanda pragmatik *ya* yang berkait dengan data korpus yang bersumberkan sebuah rancangan televisyen berbentuk wawancara ini sahaja dan kesimpulan yang diperoleh ini bagaimanapun tidak menggambarkan keseluruhan penanda pragmatik *ya* dalam bahasa Melayu. Oleh itu, genre ceramah ini menampakkan model penggunaan penanda pragmatik berserta fungsinya berdasarkan data korpus ini sahaja dan tidak menjelaskan penanda pragmatik *ya* dalam Bahasa Melayu seluruhnya. Hal ini demikian kerana aspek penanda pragmatik yang diteliti adalah berdasarkan data korpus ini sahaja dan data ini tidak mampu menggambarkan keseluruhan penanda pragmatik Bahasa Melayu yang hadir dalam pelbagai genre (lihat Norliza Jamaluddin, 2011; Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prosedur analitikal penganalisisan data berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun berkaitan kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam pola kesantunan, fungsi pragmatik penanda pragmatik *ya* dan kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap implikatur daya ilokusi lakuan tuturan terdiri daripada lima fasa yang berikut (Lihat Rajah 3.5):

Fasa 1 - mengenal pasti kehadiran penanda pragmatik *ya* dan mengira kekerapan kehadiran penanda pragmatik *ya* tersebut dalam rancangan wawancara *Selami Jiwa* dalam bentuk konkordans menggunakan perisian AntConc 3.5.8 (Rujuk Rajah 3.2). Penanda pragmatik *ya* tersebut dianotasikan sebagai $SJY_{1...n}$.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 2 - mengenal pasti strategi dan maksim kesantunan yang digunakan dalam lokusi ujaran yang mengandungi penanda pragmatik *ya* menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun secara saringan berperingkat sehingga membentuk pola asas, teras dan khusus amalgamasi kesantunan berbahasa. Instrumen yang digunakan adalah instrumen senarai semak analisis 1 (Rujuk 3.4.1 dan Lampiran 3), instrumen senarai semak analisis 2 (Rujuk 3.4.2 dan Lampiran 4), instrumen senarai semak analisis 3 (Rujuk 4.3.3 dan Lampiran 5), instrumen senarai jadual analisis 4 (Rujuk 4.3.4 dan Lampiran 6). Akhirnya, hasil daripada penggunaan instrumen 1, 2, 3, dan 4, pola asas, teras dan pola khusus amalgamasi santun berasaskan Kerangka Amalgamasi santun terbentuk.

Fasa 3 - menjelaskan fungsi penanda pragmatik *ya* berdasarkan Kerangka Amalgamasi Santun dari perspektif pragmatik, iaitu pragmalinguistik dan sosiopragmatik menerusi domain interpersonal, iaitu dalam mod interaksional dan mod sikap (*attitudinal*). Instrumen yang digunakan adalah instrumen 5 (Rujuk 4.3.5 dan Lampiran 7).

Fasa 4 - mengenal pasti lakuan tuturan yang berkolokasi dengan penanda pragmatik *ya* sama ada berimplikatur asertif, ekspresif, direktif, komisif atau deklaratif. Lakuan tuturan tersebut akan menjadi lakuan utama (*head act*) yang bersifat bebas manakala penanda pragmatik *ya* menjadi lakuan sokongan (*supportive act*) yang masing-masingnya bersifat terikat dan bebas. Instrumen yang digunakan adalah dalam Instrumen 6 (Rujuk 4.3.6 dan Lampiran 8).

Fasa 5 - mengenal pasti kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* melalui ekspresi pragmatik terhadap daya ilokusi lakuan tuturan mengikut konteks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaannya (berdasarkan instrumen yang sama dan input yang diperoleh daripada Fasa 4) menerusi manifestasi kesantunan positif dan negatif, iaitu instrumen 6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.5. Fasa Penganalisisan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Landasan Teori

Bahagian ini membincangkan teori-teori kesantunan yang digunakan dalam kajian tentang penanda pragmatik *ya* dari sudut kesantunan berbahasa berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun. Teori kesantunan yang digunakan dalam kajian ini adalah Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (2014. 1993, 1983) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) secara amalgamasi. Kerangka teoretis ketiga-tiga teori tersebut diperincikan. Pembentukan Kerangka Amalgamasi Santun seterusnya dibincangkan.

3.7.1 Teori Kesantunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori kesantunan terdiri daripada (3.7.1.1) Prinsip Kerjasama Grice (1975), (3.7.1.2) Prinsip Kesantunan Leech (2014, 1983), (3.7.1.3) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) secara amalgamasi.

3.7.1.1 Prinsip Kerjasama Grice (1975) SK1

Prinsip Kerjasama (SK1) diperkenalkan oleh Grice pada tahun 1975. Prinsip Kerjasama Grice ini ialah prinsip atau peraturan atau tatacara yang perlu dipatuhi oleh penutur agar komunikasi berkesan dapat dilahirkan hasil kerjasama pihak yang terlibat dalam sesebuah perbualan. Menurut Grice (1975) sesebuah perbualan itu tertakluk kepada Prinsip Kerjasama, iaitu mereka yang terlibat dalam sesebuah perbualan itu sebenarnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bekerjasama antara satu sama lain. Grice menggunakan maksim pertuturan bagi menggambarkan prinsip kerjasama tersebut. Terdapat empat maksim pertuturan, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim kerelevanan dan maksim cara.

Maksim Kuantiti

Maksim kuantiti bermaksud maklumat yang disampaikan oleh seseorang penutur dalam sesebuah perbualan perlu bersifat informatif, mencukupi dan tidak berlebih-lebihan daripada yang diperlukan. Misalnya, Grice (1975) memberikan satu analogi yang berkaitan dengan maksim kuantiti, iaitu andaikan bahawa anda sedang membantu saya membaiki sebuah kereta, saya menjangkakan apa-apa daripada anda tidak lebih atau tidak kurang daripada yang diperlukan sahaja. Sebagai contoh, saya meminta empat pemutar skru, saya menjangkakan anda memberikan saya empat pemutar skru sahaja, tidak kurang dan tidak lebih. Jelasnya, maksim kuantiti memberi penekanan dalam memberikan maklumat yang tepat dan sepertimana yang diperlukan sahaja. Dalam erti kata lain, maklumat yang disampaikan mesti memadai dan memenuhi kehendak soalan atau sesuatu permintaan. Maklumat yang berlebihan tidak diperlukan kerana maklumat tersebut akan membuatkan pendengar berasa bosan.

Maksim Kualiti

Maksim kualiti bermaksud maklumat yang disampaikan oleh seseorang penutur perlu bersifat benar dan berasaskan bukti yang lengkap. Grice (1975) memberikan analogi, iaitu saya menjangkakan sumbangan anda asli dan tidak palsu. Jika saya perlukan gula sebagai bahan untuk membuat kek, saya tidak akan menjangkakan anda akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberikan saya garam. Jika saya memerlukan sudu, saya tidak menjangkakan anda akan memberikan saya sudu palsu yang diperbuat daripada getah. Berdasarkan analogi tersebut jelas menunjukkan bahawa maksim kualiti yang dikemukakan oleh Grice mengutamakan kejujuran dan kebenaran dalam sesuatu maklumat yang hendak disampaikan, iaitu tidak mengatakan sesuatu yang kita percaya tidak benar dan tidak mengatakan sesuatu tanpa bukti yang sah, konkrit dan mencukupi. Empat perkara yang tidak mematuhi maksim kualiti ialah ironi, metafora, meiosis dan hiperbola (ibid.).

Maksim Relevan

Maksim relevan bermaksud maklumat yang disampaikan oleh seseorang penutur itu perlu bersifat relevan dengan subjek dan tujuan interaksi. Maksim relevan mementingkan jawapan yang relevan sepertimana dikehendaki oleh soalan yang diajukan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Grice (1975) mengemukakan analogi yang menggambarkan maksim relevan, iaitu saya sedang mencampurkan ramuan dalam adunan kek, saya tidak menjangkakan anda memberikan saya sebuah buku mahupun pakaian (ibid.). Maksim relevan penting kerana pendengar berpotensi berasa tersinggung sekiranya maklumat yang disampaikan tiada kaitan dengan topik perbualan.

Maksim Cara

Maksim kejelasan bermaksud maklumat yang disampaikan oleh seseorang penutur perlu bersifat langsung, iaitu tidak sepatutnya bersifat kabur atau meragukan. Maksim ini menekankan ujaran yang jelas agar perbualan mudah difahami dan menjadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesebuah komunikasi menjadi lancar. Maksim ini menyarankan agar penutur menghindari pengucapan yang kabur, taksa dan berbelit-belit. Jawapan penutur misalnya perlu menepati kehendak soalan dan tanpa berselindung. Pematuhan terhadap maksim kejelasan memerlukan penutur bertutur dengan teratur, memberi penegasan, penjelasan dan pengulangan sekiranya perlu supaya maklumat yang disampaikan jelas dan tidak kabur atau samar.

Kesimpulannya, dapat dijelaskan bahawa maksim-maksim yang diutarakan oleh Grice (1975) dapat ditunjukkan secara grafik seperti berikut:



Rajah 3.6. Prinsip Kerjasama Grice (1975)

Jelasnya, maksim-maksim yang diutarakan oleh Grice (1975) berperanan untuk menjadikan sesebuah komunikasi lebih berkesan dengan wujudnya kerjasama antara penutur. Kajian ini akan mengaplikasikan keempat-empat maksim yang diutarakan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Grice sebagai pelengkap kepada teori kesantunan yang dibentuk secara kombinasi, iaitu Kerangka Amalgamasi Santun.

3.7.1.2 Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014) SK2

Leech (1983, 2014) telah memperkenalkan model kesantunan yang dinamakannya Prinsip Kesantunan Leech dengan berlandaskan enam maksim, iaitu maksim kebijaksanaan (*Tact*), maksim kedermawanan/ kemurahan hati (*generosity*), maksim sokongan/ penerimaan (*approbation*), maksim kerendahan hati (*modesty*), maksim persetujuan (*agreement*) dan maksim simpati (*sympathy*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksim Kebijaksanaan

Maksim kebijaksanaan menjurus kepada ungkapan seperti menyampaikan pendapat yang mengandungi elemen adab sopan dan sama sekali menolak ungkapan yang bersifat biadab. Maksim ini tergolong dalam skala kos manfaat. Maksim kebijaksanaan ini boleh dilihat daripada dua sisi, iaitu kesantunan positif dan kesantunan negatif. Kesantunan positif memberikan manfaat yang maksimum kepada pendengar manakala kesantunan negatif ialah ujaran yang mengimplikasikan kos yang minimum kepada pendengar. Bagi meminimumkan kos kepada pendengar, penutur dianjurkan supaya mengurangkan atau memendamkan pendapat yang berkos tinggi, merugikan atau sukar diterima oleh pendengar. Oleh yang demikian, penutur sedaya upaya cuba mengujarkan pendapat yang bersifat minimum kosnya agar tidak menyinggung atau membebankan pendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelasnya, dalam maksim kebijaksanaan yang mengandungi interaksi atau pendapat yang berkos tinggi ialah pendapat yang bersifat memaksa atau tidak mengandungi unsur pilihan kepada pendengar sehingga menyebabkan pendengar keberatan untuk menerima pendapat tersebut. Interaksi yang bersifat minimum kosnya pula merupakan kaedah bagi mengelakkan pendengar rasa tersinggung dan dalam masa yang sama dapat memelihara hubungan dalam sesebuah komunikasi.

Dalam interaksi yang memaksimumkan manfaat kepada pendengar pula menunjukkan penutur cuba memenuhi kehendak atau menyatakan secara langsung pendapat yang membawa keuntungan kepada pendengar. Pendapat atau ujaran yang memaksimumkan manfaat kepada pendengar ini akan memberikan keselesaan kepada pendengar dan seterusnya pendengar juga mendapat faedah daripada interaksi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksim Kedermawanan

Maksim kedermawanan dikelaskan dalam skala kos manfaat. Ujaran dilihat lebih santun jika penuturnya meminimumkan keuntungan diri sendiri. Maksim ini menganjurkan penutur agar meminimumkan keuntungan diri sendiri meskipun berhak demi mengelakkan daripada pendengar menanggung kos, kerugian atau bebanan yang tinggi. Maksim ini hadir dalam lakuan ilokusi impositif dan komisif. Impositif merujuk kepada lakuan memberikan arahan seperti menyuruh, memerintah dan menasihat. Komisif pula merujuk kepada lakuan beramah tamah seperti menjemput, mempelawa dan memberikan ucapan tahniah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksim Sokongan

Maksim sokongan dikelaskan dalam skala pujian cacian. Maksim ini menganjurkan penutur menggunakan kata-kata berunsurkan pujian atau sanjungan yang menyenangkan hati pendengar. Penutur seharusnya mengelakkan diri daripada mengujarkan perkataan yang berunsurkan cacian, kata-kata kesat dan kasar semasa berinteraksi. Penutur dianggap melanggar maksim sokongan dan dikategorikan sebagai biadap apabila mengujarkan cacian dan ungkapan yang kurang sopan kepada pendengar. Penggunaan kata-kata pujian dalam interaksi mempamerkan kesantunan seseorang penutur. Maksim sokongan hadir dalam lakuan ekspresif dan penegasan seperti memberikan ucapan terima kasih, tahniah dan kata pujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksim Kerendahan Hati

Maksim kerendahan hati dikelaskan dalam skala pujian cacian yang lebih berpusatkan kepada diri penutur itu sendiri dalam mengujarkan ungkapan santun. Penutur dianggap sebagai seorang yang merendah diri, tidak sombong dan baik hati apabila mengekspresikan maksim ini. Apabila penutur memohon maaf misalnya, penutur dianggap telah memaksimumkan cacian terhadap dirinya sendiri. Lakuan merendah diri dengan mengaku dan menyesali kesilapan memperlihatkan kesantunan penutur. Sebaliknya, penutur dianggap sombong dan ego apabila pentutur melanggar maksim ini. Sikap mengakui kesilapan dan kelemahan diri serta menolak pujian merupakan lakuan yang santun kerana penutur dianggap merendah diri dan tidak bermegah-megah dengan pujian. Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ekspresif dan penegasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksim Persetujuan

Maksim persetujuan dikelaskan dalam skala persetujuan dan dipatuhi oleh penutur dalam usaha untuk meminimumkan perbalahan walaupun pada hakikatnya penutur tidak bersetuju dengan sesuatu pandangan atau penyataan. Ujaran yang berunsurkan persetujuan yang dilahirkan secara langsung mempunyai tahap kesantunan yang tinggi. Dengan tidak mematuhi maksim ini, penutur dianggap biadab apabila mengemukakan rasa tidak setuju dengan mengujarkannya secara langsung atau berterus-terang. Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ilokusi penegasan seperti mengumumkan, mengarahkan dan menyatakan sesuatu.

Maksim Simpati


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksim simpati dikelaskan dalam skala simpati. Maksim ini dipatuhi apabila penutur meminimumkan ujaran atau pendapat yang menimbulkan antipati (rasa benci) dan memaksimumkan rasa belas dan kasihan atau simpati kepada seseorang yang mengalami musibah atau kesusahan. Contohnya, ucapan takziah diujarkan kepada seseorang yang ditimpa musibah. Kesantunan berbahasa tidak akan dicapai apabila penutur melanggar maksim ini. Maksim ini hadir dalam lakuan ilokusi penegasan yang bersifat neutral.

Ringkasnya, Prinsip Kesantunan Leech (1983) dapat ditunjukkan dalam Rajah 3.7 dan 3.8 yang masing-masingnya mengklasifikasikan prinsip tersebut berdasarkan maksim dan skala yang diketengahkan oleh Leech.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.7. Prinsip Kesantunan Leech (1983)

Seterusnya, Leech (1983) mengklasifikasikan enam maksim ini kepada empat skala kesantunan yang terdiri daripada skala kerugian dan keuntungan atau skala kos dan manfaat, skala pujian dan cacian yang kedua-duanya bersifat dwikutub. Maksim kebijaksanaan dan maksim kedermawanan tertakluk di bawah skala kos manfaat. Maksim sokongan dan maksim kerendahan hati tertakluk di bawah skala pujian cacian. Skala yang seterusnya merangkumi skala persetujuan dan skala simpati yang bersifat ekakutub, iaitu maksim persetujuan tertakluk di bawah skala persetujuan dan maksim simpati pula tertakluk di bawah maksim simpati. Empat skala tersebut ditunjukkan dalam rajah berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.8. Empat Skala Kesantunan Leech (1983)

Jelasnya, maksim-maksim yang diutarakan oleh Leech (1983) menjurus kepada aspek kesantunan berbahasa melalui interpretasi terhadap konteks peristiwa bahasa dan lakuan tuturan. Kajian ini akan turut mengaplikasikan keenam-enam maksim yang diutarakan oleh Grice sebagai pelengkap kepada teori kesantunan yang dibentuk secara kombinasi, iaitu Kerangka Amalgamasi Santun. Hal ini demikian kerana Prinsip Kesantunan Leech sesuai diaplikasikan memandangkan prinsip ini mengandungi unsur menyenangkan pendengar dengan ujaran yang beradab.

3.7.1.3 **Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987, 1978) SK3**


Brown dan Levinson (1987) mengaitkan kesantunan sebagai usaha untuk mengurangkan kesan Lakuan Ancaman Muka (*Face Threatening Act)* kepada 5 strategi utama, iaitu berterus terang atau strategi langsung (*Bald on Record),* kesantunan positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Positive Politeness), kesantunan negatif *(Negative Politeness),* tidak berterus terang atau strategi tidak langsung *(Off Record)* dan memilih untuk tidak melakukan sebarang lakuan ancaman muka.

Menurut Brown dan Levinson, antara strategi kesantunan dalam perkaitannya dengan aspek Lakuan Ancaman Muka (LAM) adalah seperti yang berikut:



Disesuaikan daripada Brown dan Levinson (1987:69)

Rajah 3.9. Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987)


Menurut Brown dan Levinson (1987, ms. 60) "*Given the following set of strategies, the more an act threatens S's or H's face, the S will want to choose a higher-numbered-strategy; this by virtue of the fact that these strategies afford payoffs of increasingly minimized risk".*

Jelasnya, semakin tinggi risiko ancaman muka apabila melakukan sesuatu lakuan, maka lebih tinggi tahap strategi kesantunan yang akan dipilih oleh penutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, penggunaan penanda pragmatik hanya melibatkan strategi yang ada hubung kaitannya dengan strategi kesantunan positif dan kesantunan negatif. Hal ini demikian kerana penggunaan penanda pragmatik *ya* tidak dapat dikenal pasti apabila penutur tidak melakukan sebarang lakuan tuturan seperti dalam strategi 5. Strategi kesantunan langsung atau secara berterus terang tanpa penyesuaian juga tidak relevan dibincangkan kerana penggunaan penanda pragmatik itu sendiri menunjukkan bahawa telah terdapat penyesuaian dalam ujaran dengan menggunakan strategi tidak langsung atau berterus-terang. Kedua-dua strategi yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan bersama-sama strateginya seperti dalam Rajah 3.10.



Rajah 3.10. Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang diaplikasi dalam kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inti pati Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) berlandaskan tanggapan sosiologikal Goffman (1967) adalah tentang muka. Secara mudahnya, muka ialah imej umum yang setiap ahli dalam komuniti mahu pertahankan (Brown dan Levinson, 1987). Dari sudut lain pula, muka bermakna secara kasarnya harga diri individu. Kerangka Kesantunan Brown dan Levinson (1987) menjelaskan bahawa setiap manusia mempunyai muka yang merujuk imej kendiri individu, iaitu muka positif dan muka negatif.

Muka positif bermaksud keinginan individu untuk disukai dan diterima oleh khalayak atau dalam erti kata lainnya, pendengar mempunyai keinginan untuk dihargai termasuklah keinginan untuk dihormati, diberi perhatian dan difahami. Kesantunan positif menggerakkan pemeliharaan muka positif orang lain. Apabila seseorang menggunakan strategi kesantunan positif, seseorang itu akan memilih strategi bahasa yang akan menekankan perpaduan individu dengan penutur. Strategi ini termasuklah menuntut titik persamaan dengan pendengar, menyampaikan mesej bahawa penutur dan pendengar bersekutu, dan memenuhi kehendak pendengar (Brown dan Levinson, 1987).

Muka negatif pula bermaksud keinginan individu untuk tidak dihalang atau diganggu oleh orang lain. Kesantunan negatif berorientasikan pengekalan muka negatif orang lain. Apabila seseorang menggunakan kesantunan negatif, seseorang itu cenderung untuk memilih strategi bahasa yang menekankan penghormatan kepada pendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelasnya, muka dianggap idea universal dalam mana-mana masyarakat. Sebagai agen rasional, peserta perbualan akan secara idealnya cuba untuk memelihara muka penutur dan pendengar (interlocutor) dalam interaksi lisan (Huang, 2015).


Dalam kajian ini, muka merujuk kepada kehendak yang terbahagi kepada dua, iaitu kehendak muka positif dan kehendak muka negatif. Muka positif bermaksud keinginan individu untuk disukai dan diterima oleh khalayak atau dalam erti kata lainnya, pendengar mempunyai keinginan untuk dihargai termasuklah keinginan untuk dihormati, diberi perhatian dan difahami. Muka negatif pula bermaksud keinginan individu untuk tidak dihalang atau diganggu oleh orang lain. Dalam usaha memelihara muka, strategi kesantunan diaplikasikan dalam komunikasi lisan khususnya dalam kajian ini merujuk komunikasi dalam wawancara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, strategi menyelamatkan muka khususnya daripada lakuan ancaman muka melibatkan strategi kesantunan positif dan strategi kesantunan negatif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.11.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(Disesuaikan daripada: Brown dan Levinson, 1987)

Rajah 3.11. Strategi Kesantunan Positif dan Strategi Kesantunan Negatif Brown dan Levinson (1987)

Dalam kajian ini, Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) turut digunakan. Setiap kekurangan yang terdapat dalam ketiga-tiga teori kesantunan perlu ditampung. Korpus kajian ini memerlukan ketiga-tiga teori ini secara amalgamasi untuk dipadankan. Oleh itu, kajian ini akan membina satu teori kesantunan berbahasa secara berkombinasi yang dinamakan Kerangka Amalgamasi Santun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.7.2 Pembentukan Kerangka Amalgamasi Santun

Kerangka Amalgamasi Santun dibentuk dengan tujuan untuk melengkapkan pola-pola sedia ada berdasarkan gabungan ketiga-tiga teori kesantunan, iaitu Prinsip Kerjasanama yang diperkenalkan oleh Grice (1975), Prinsip Kesantunan yang diperkenalkan oleh Leech (1983) dan Stategi Kesantunan melalui Teori Kesantunan yang diperkenalkan oleh Brown dan Levinson (1987). Terdapat 7 pola kesantunan utama yang dihasilkan melalui gabungan ketiga-tiga teori tersebut sehingga membentuk Kerangka Amalgamasi Santun (Lihat Rajah 3.3 dan 3.12).

Kombinasi ketiga-tiga teori ini dilakukan berdasarkan keperluan dan kesesuaian untuk menganalisis data kajian. Gabungan ini juga dilakukan setelah mengambil kira faktor keupayaan maksim-maksim dan strategi kesantunan yang memerlukan kombinasi tersebut. Gagasan Grice yang mementingkan kerjasama, gagasan Leech yang mementingkan adab dan gagasan Brown dan Levinson yang mengutamakan penjagaan muka positif dan negatif dapat mempamerkan kesantunan berbahasa secara komprehensif berdasarkan lakuan tuturan dalam sesebuah konteks peristiwa bahasa dan bukan sekadar berdasarkan satu ayat sahaja. Ternyata kombinasi ketiga-tiga teori ini sehingga membentuk *Kerangka Amalgamasi Santun* bukanlah berlaku secara sewenang-wenangnya, sebaliknya atas faktor keperluan dan kesesuaiannya dengan data yang dianalisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.12. Pola Asas Kesantunan Bahasa dalam Kerangka Amalgamasi Santun

Petunjuk
SK1 Prinsip Kerjasama Grice
SK2 Prinsip Kesantunan Leech
SK3 Strategi Kesantunan Brown dan Levinson

3.8 Rumusan

Dalam kajian ini, penanda pragmatik *ya* dalam bahasa Melayu diteliti berdasarkan data korpus sebenar yang dibangunkan sendiri. Data korpus sejumlah 3598 patah perkataan adalah memadai kerana frekuensi distribusi kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam rancangan wawancara *Selami Jiwa* dapat menjelaskan gelagatnya secara tabii sehingga dapat diinterpretasi makna pragmatik dan fungsinya secara pragmalinguistik dan sosiopragmatik dari sudut kesantunan berbahasa. Jelasnya, fungsi penanda pragmatik dapat ditonjolkan melalui pengaplikasian Kerangka Amalgamasi Santun yang diketengahkan. Tiga teori kesantunan, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975), Prinsip Kesantunan Leech (1983) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang digunakan dalam menganalisis data. Kajian ini memerlukan ketiga-tiga teori tersebut atas dasar keperluan, kesesuaian dan mempunyai ciri saling melengkapi dan saling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menampung untuk menganalisis korpus kajian secara komprehensif. Oleh yang demikian, kajian ini mengaplikasikan *Kerangka Amalgamasi Santun* hasil gabungan ketiga-tiga teori tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

PENANDA PRAGMATIK YA SEBAGAI PERANTI KESANTUNAN BERBAHASA BERASASKAN KERANGKA AMALGAMASI SANTUN

4.1 Pendahuluan


Bab ini dimulai dengan pendahuluan (4.1) dan seterusnya menganalisis dan menghuraikan dapatan kajian berasaskan penggunaan pola kesantunan berbahasa secara amalgamasi dalam ujaran yang mengandungi penanda pragmatik *ya* yang terdiri daripada tiga pola, iaitu pola asas, pola teras dan pola khusus amalgamasi santun (Lihat 4.2). Dalam bab ini juga, penanda pragmatik *ya* dianalisis dan seterusnya dibincangkan serta dideskripsi dari aspek fungsi pragmatik (Lihat 4.3, 4.4 dan 4.5). Seterusnya, penanda pragmatik *ya* diteliti dari segi kehadirannya dalam taksonomi lakuan tuturan sama ada asertif, direktif, ekspresif, komisif mahupun deklaratif. Dalam kajian ini, penanda pragmatik *ya* hanya hadir dalam lakuan asertif, direktif dan ekspresif. Oleh yang demikian, dapatan kajian hanya menumpu kepada lakuan tuturan tersebut sahaja (Lihat 4.6) dan akhirnya bab ini dirumuskan (Lihat 4.7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Amalgamasi Santun

Dalam bahagian ini, Kerangka Amalgamasi Santun (Rujuk Rajah 3.10) dideskripsikan daripada 3 jenis pola (Rujuk Rajah 4.1), iaitu pola asas, pola teras dan pola khusus.



Rajah 4.1. Pola Asas, Pola Teras dan Pola Khusus Kesantunan Berbahasa Penanda Pragmatik *Ya* Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun

Petunjuk

P1	*Prinsip Kerjasama Grice (SK1)*	*P7*	*P1 + P2 + P3*
P2	*Prinsip Kesantunan Leech (SK2)*	*KP*	*Kesantunan Positif*
P3	*Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (SK3)*	*KN*	*Kesantunan Negatif*
P4	*P1 + P2*	*( )*	*Berunsurkan pilihan*
P5	*P1 + P3*	*+*	*plus*
P6	*P2 + P3*	*-*	*minus*

Pola asas amalgamasi santun terbentuk hasil kombinasi tiga pola kesantunan tunggalan yang terdiri daripada Pola 1 (P1), iaitu (SK1) Prinsip Kerjasama Grice (1975); Pola 2 (P2), iaitu (SK2) Prinsip Kesantunan Leech (1983, 2014); dan Pola 3 (P3), iaitu (SK3) Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Pola kesantunan secara amalgamasi yang melibatkan mana-mana kombinasi daripada pola 1, 2 dan 3 akan membentuk Pola 4 (P4), iaitu kombinasi Pola 1 dan 2; Pola 5 (P5), iaitu hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kombinasi Pola 1 dan 3; Pola 6 (P6), iaitu hasil kombinasi Pola 2 dan 3; dan Pola 7 (P7), melibatkan kombinasi Pola 1, 2 dan 3 (Rujuk Rajah 3.10). Oleh kerana penanda pragmatik *ya* hadir secara amalgamasi dalam korpus yang dikaji, data dianalisis dan dideskripsi secara amalgamasi, iaitu yang melibatkan Pola 5, 6 dan 7 sahaja (Lihat 4.2.2).

4.2.1 Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Asas Kesantunan Berbahasa

Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam pola asas kesantunan berbahasa adalah secara amalgamasi, iaitu terbitan daripada pola kesantunan secara tunggalan, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (P1), Prinsip Kesantunan Leech (P2) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (P3). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* hanya hadir dalam P5 hasil amalgamasi P1 dan P3 (1.8%), P6 hasil amalgamasi P2 dan P3 (1.8%) dan majoritinya hadir dalam P7 hasil amalgamasi P1, P2 dan P3 (96.4%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1
Kehadiran Penanda Pragmatik ya dalam Pola Asas Kesantunan

Pola Asas Santun		Jumlah (Bil)	Peratus (%)	Anotasi Data
Tunggalan	P1	-	-	-
	P2	-	-	-
	P3	-	-	-
Amalgamasi	P4	-	-	-
	P5	2	1.8	SJY32, SJY36
	P6	2	1.8	SJY2, SJY30
	P7	106	96.4	SJY1, SJY3-29, SJY31, SJY33-35, SJY37-110
Jumlah	7	110	100.0	110

Petunjuk:

P1	*Prinsip Kerjasama Grice (SK1)*	*P5*	*P1 + P3*
P2	*Prinsip Kesantunan Leech (SK2)*	*P6*	*P2 + P3*
P3	*Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (SK3)*	*P7*	*P1 + P2 + P3*
P4	*P1 + P2*	*SJY*	*Wawancara Selami Jiwa, Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Teras Amalgamasi Santun

Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola Teras Amalgamasi Santun dapat ditonjolkan melalui 18 pola seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2
Penanda Pragmatik ya dalam Pola Teras Amalgamasi Santun

Bil	Pola	Pola Teras Amalgamasi Santun	Bil.	Peratus (%)	Anotasi Data (SJY)
1	A	SK1(1), SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	3	2.73	94, 95, 96
2	B	SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP)	8	7.27	25, 63, 80, 83, 102, 105, 106, 108
3	C	SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	7	6.36	81, 82, 84, 85, 86, 87, 107
4	D	SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP)	1	0.91	103
5	E	SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP), (KN)	1	0.91	27
6	F	SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP)	1	0.91	1
7	G	SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	2	1.82	92,93
8	H	SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP)	27	24.54	6, 8, 9, 10, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 33, 35, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 50, 54, 58, 59, 79, 98, 99, 100, 101
9	I	SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)	18	16.35	21, 22, 23, 24, 25, 28, 29, 31, 39, 40, 57, 66, 75, 76, 77, 88, 104, 110
10	J	SK1(3) + SK2(1) + SK3(KN)	3	2.73	12, 51, 90
11	K	SK1(3) + SK2(3) + SK3(KP)	2	1.82	78, 109
12	L	SK1(3) + SK2(5) + SK3(KP)	2	1.82	37, 56
13	M	SK1(3) + SK3(KP)	2	1.82	32, 36
14	N	SK1(4) + SK2(1) + SK3(KP)	8	7.27	3, 52, 60, 61, 62, 67, 68, 89
15	O	SK1(4) + SK2(4) + SK3(KN)	1	0.91	4
16	P	SK1(4) + SK2(5) + SK3(KP)	21	19.10	5, 7, 11, 14, 20, 26, 34, 38, 41, 49, 53, 55, 64, 65, 70, 71, 72, 73, 74, 91, 97
17	Q	SK1(4) + SK2(6) + SK3(KP)	1	0.91	69
18	R	SK2(1) + SK3(KP)	2	1.82	2, 30
Jumlah	7	18	110	100.00	110

Petunjuk:

SK1	*Prinsip Kerjasama Grice*	*SK2 (3)*	*Maksim sokongan*
SK1 (1)	*Maksim kualiti*	*SK2 (4)*	*Maksim kerendahan hati*
SK1 (2)	*Maksim kuantiti*	*SK2 (5)*	*Maksim persetujuan*
SK1 (3)	*Maksim cara*	*SK2 (6)*	*Maksim simpati*
SK1 (4)	*Maksim relevan*	*SK3*	*Strategi kesantunan Brown & Levinson*
SK2	*Prinsip Kesantunan Leech*	*SK3(KP)*	*Kesantunan positif*
SK2 (1)	*Maksim kebijaksanaan*	*SK3(NP)*	*Kesantunan negatif*
SK2 (2)	*Maksim Kedermawanan*	*SJY*	*Wawancara Selami Jiwa, Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa terdapat 18 pola teras amalgamasi santun. Majoriti penanda pragmatik *ya* hadir dalam pola H, iaitu SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP) yang mencatatkan kekerapan sebanyak 27 daripada 110 (24.57%). Kekerapan kedua tertinggi dicatatkan oleh pola P, SK1(4) + SK2(5) + SK3(KP), iaitu sebanyak 21 daripada 110 keseluruhan jumlah penanda pragmatik *ya* (19.10%). Kekerapan ketiga tertinggi pula dicatatkan oleh pola I, iaitu SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), (KN) berjumlah 18 daripada 110 (16.35%).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa semua penanda pragmatik *ya* hadir secara amalgamasi dengan mengaplikasikan ketiga-tiga strategi kesantunan di bawah Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1, SK2 dan SK3, kecuali SJY2 dan SJY30 yang menempati dan mematuhi pola R yang mengaplikasikan SK2 dan SK3. Selain itu, SJY32 dan SJY36 pula menempati dan mematuhi pola M yang mengaplikasikan SK1 dan SK3 sahaja. Kesimpulannya, penanda pragmatik *ya* hadir secara amalgamasi dalam data korpus kajian, iaitu tiada satu pun hadir secara tunggalan.

4.2.3 Representasi Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Pola Teras dan Pola Khusus Amalgamasi Santun

Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat 18 pola teras kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu yang menempati Pola A sehingga Pola R seperti yang berikut:

Pola A

SK1(1), SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola A sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(1) maksim kualiti + SK1(2) maksim kuantiti + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu memberi cadangan dan menasihati adalah seperti yang ditunjukkan dalam ekstrak 1, 2 dan 3. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola A secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Ekstrak 1

> FZ: "Buat perkara yang buat dia happy, buat apa-apa yang dia happy, tak kisah lah, apa yang dia happy buat, mungkin kek kegemaran dia ke, lagu kegemaran ke, whatever ***ya (SJY94).***"

Ekstrak 2

> FZ: "a:: ni, ni penting jugak, saya, isteri, tinggal-tinggalkan. So, salah satu cara memujuk suami merajuk ialah izinkan dia "ber'uzlah" jauhkan diri **ya *(SJY95),*** ya *(SJY96).*"

Ekstrak 3

> FZ: "a:: ni, ni penting jugak, saya, isteri, tinggal-tinggalkan. So, salah satu cara memujuk suami merajuk ialah izinkan dia "ber'uzlah" jauhkan diri ya*(SJY95),* **ya *(SJY96).***"

Jadual 4.3
Pola A – SK1(1), SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY94	P7	SK1(1) Maksim kualiti SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12 KP15	KN2
SJY95	P7	SK1(1) Maksim kualiti SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12 KP15	KN2

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 (*sambungan*)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY96	P7	SK1(1) Maksim kualiti SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12 KP15	KN2

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KP15	*Mengerti (memandu kefahaman pendengar)*
KN2	*Hedge/ batas/ mitigasi*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa, Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Jadual 4.3 menunjukkan pembangunan Pola A yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola A teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(1), SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN), dengan pemerincian secara khusus terhadap Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian pendengar (KP3), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15) dan penggunaan substrategi kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) KN2 merujuk data SJY94, 95 dan 96 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola B

SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola B sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(1) maksim kualiti + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu memberi cadangan dan menasihati adalah seperti yang ditunjukkan dalam ekstrak 4, 5 dan 6. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola B secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Ekstrak 4

> FZ: “Isteri-isteri SY la orang ambik sorang, sorang, ***ya (SJY80)*** cemburu”.

Ekstrak 5

> FZ: “Jadi, tu dia tuan-tuan, puan-puan, adik-adik dan anak-anak. Mengikut kajian, rajuk laki-laki paling lama dua jam **ya (SJY105).** Cukuplah tu.”

Ekstrak 6

> FZ: “Rajuk perempuan biasanya antara dua minit hingga 48 jam. Biasanyalah ya(SJY106), paling tinggi dua hari. Lebih dari tu dah memang, memang nak cari nahas ya(SJY107). Rugi, rugi, rugi **ya (SJY108)**.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4
Pola B – SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY80	P7	SK1(1) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP8 KP12	-
SJY 105	P7	SK1(1) Maksim kualiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP3 KP12 KP15	-
SJY108	P7	SK1(1) Maksim kualiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12 KP15	-

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP8	*Menggunakan elemen gurauan*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KP15	*Mengerti (memandu kefahaman pendengar)*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa- Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Jadual 4.4 menunjukkan pembangunan Pola B yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola B teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrateginya di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian pendengar (KP3), menggunakan elemen gurauan (KP8), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15). Ujaran dalam SJY80 mengaplikasikan substrategi kesantunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

positif, iaitu KP2, KP3, KP8 dan KP12. SJY105 mengaplikasikan substrategi kesantunan positif KP3, KP12 dan KP15 dan SJY 108 pula mengaplikasikan substrategi kesantunan positif KP2, KP3, KP12 dan KP15 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Pola C

SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola C sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(1) maksim kualiti + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan 174itab ol ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, adalah seperti yang ditunjukkan dalam ekstrak 7, 8 dan 9, iaitu masing-masingnya dalam lakuan tuturan mencadangkan, menasihati dan mengingatkan. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola C secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.5.

Ekstrak 7

> FZ: “Laki-laki cukup sedih kalau, a:: abang ni kenapa tak macam, macam anak si Aziz tu si Aaron tu, **ya (SJY81).**”

Ekstrak 8

> FZ: “Ha, itu dibandingkan, jangan bandingkan. Bandingkan boleh, tapi dengan orang yang sudah mati tak pe, mati dah, **ya (SJY82)**.”

Ekstrak 9

> FZ: “Isteri abaikan ibu bapa suami, kecik hati suami, **ya (SJY84)**.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5
Pola C – SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim(1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY81	P7	SK1(1) Maksim kualiti SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	KN2
SJY82	P7	SK1(1) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	KN2
SJY84	SK1(1) Maksim kualiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	KN2	SK1(1) Maksim kualiti

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KN2	*Hedge/ batas/ mitigasi*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5. Jadual 4.5 menunjukkan pembangunan Pola C yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola C teras yang sepunya dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(1) + SK2(1) + SK3(KP), (KN) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian pendengar (KP3), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15) dan penggunaan substrategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) KN2 merujuk data SJY81, 82 dan 84 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5.

Pola D

SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola D sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(1) maksim kualiti + SK2(3) maksim sokongan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur ekspresif, iaitu menghargai dan memuji adalah seperti yang ditunjukkan dalam ekstrak 10. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola D secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekstrak 10

> FZ: “Ini, ini untuk merawat rajuk ni, untuk persembahan yang luar biasa, dua orang, ada, ada hadiah, bukan yang bertanya aje. Ustazah **ya** (SJY103).”

Jadual 4.6
Pola D – SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY103	P7	SK1(1) Maksim kualiti	SK2(3) Maksim sokongan	KP5 KP6	–

Petunjuk:

KP5	*Memancing persetujuan*
KP6	*Menghindari ketidaksetujuan*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Jadual 4.6 menunjukkan pembangunan pola D yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada pola D teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP), dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memancing persetujuan (KP5) dan menarik perhatian pendengar (KP3), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan menghindari ketidaksetujuan (KP6) merujuk data SJY106 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola E

SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP), (KN)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola E sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(1) maksim kualiti + SK2(3) maksim sokongan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur ekspresif, iaitu memuji adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 11. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola E secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.7.

Ekstrak 11

FZ: “Innalillah, hebat **ya (SJY27)**, itulah laki-laki remehkan perasaannya.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7
Pola E- SK1(1) + SK2(3) + SK3(KP), (KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY27	P7	SK1(1) Maksim kualiti	SK2(3) Maksim sokongan	KP1 KP2 KP15	KN2

Petunjuk:

KP1	*Menyedari kesukaan pendengar*
KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP15	*Memberikan pujian*
KP2	*Hedge/ Batasan*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7. Jadual 4.7 menunjukkan pembangunan Pola E yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola E teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(1), SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN), dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu menyedari kesukaan pendengar (KP1), memperbesarkan perhatian (KP2), mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15) dan penggunaan substrategi kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) KN2 merujuk data SJY27 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola F

SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola A sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(2) maksim kuantiti + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur asertif, iaitu memperkenalkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 12. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola F secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Ekstrak12

> FZ: "… dan Episod kali ini sangat menarik, pasangan yang kuat merajuk **ya (SJY1)."**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8
Pola F- SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan: SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson: Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson: Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY1	P7	SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2	-

Petunjuk:
KP2 *Memperbesarkan perhatian*
SJY *Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8. Jadual 4.8 menunjukkan pembangunan Pola F yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khusus, iaitu terbitan daripada Pola F teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2) merujuk data SJY1 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Pola G

SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola G sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(2) maksim kuantiti + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu menasihati adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 13 dan 14. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola G secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

Ekstrak 13

> FZ: “Ikut senarai yang saya, saya apa nama, itu orang perempuan, tu memang betul lah, nak memujuk laki-laki mengikut kajian yang saya buat, pertama doa agar Allah rawat suami **ya (SJY92)**.”

Ekstrak 14

> FZ: “So orang perempuan jangan cuba nak pujuk suami, seperti mana you harapkan suami pujuk you bila merajuk, sebab laki-laki tidak suka dipujuk, beri sokongan, galakan pada suami, elak tanya tentang perasaannya, Abang merajuk lagi ke? **Ya (SJY93)?”**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9
Pola G- SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY92	P7	SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	KN2
SJY93	P7	SK1(2) Maksim kuantiti	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	KN2

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KN2	*Hedge/ batas*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9. Jadual 4.9 menunjukkan pembangunan Pola G yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola G teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(2) + SK2(1) + SK3(KP), (KN) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian pendengar (KP3), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) penggunaan substrategi kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) KN2 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola H

SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola H sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(3) maksim cara + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu menarik perhatian pendengar adalah seperti yang ditunjukkan dalam ekstrak 15 dan yang mengandungi implikatur ekspresif, iaitu menghargai seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 16 dan 17. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola H secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Ekstrak15

> FZ: “Saya nampak tadi, itulah, kita nak raikan audiens yang dalam studio ni, ada yang nak bertanya pada, pada abang Salleh ni, **ya**:: **(SJY54).”**

Ekstrak 16

> FZ: “Alhamdullilah, terima kasih, syukur ya(SJY78) kerana masih bersama kami di segmen yang terakhir **ya (SJY79)** Selami Jiwa Musim Kedua, kita bercakap-cakap tentang pasangan yang kuat merajuk.”

Ekstrak 17

> FZ: “Itu sebenarnya kalau kia boleh rumuskan salah satu cara **ya (SJY98)** ustazah ya(SJY99)…”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10
Pola H- SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY54	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP1 KP3 KP11 KP12	-
SJY79	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	_
SJY98	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP12 KP15	_

Petunjuk:

KP1	*Menyedari kesukaan pendengar*
KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP11	*Bersikap optimistik*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KP15	*Memberi penghargaan*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Jadual 4.10 menunjukkan pembangunan Pola H yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola H teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), dengan pemerincian secara khusus terhadap Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian pendengar (KP3), bersikap 183itab oleh (KP11) dan melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) merujuk data SJY54; memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendengar (KP3) dan melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) merujuk data SJY79; memperbesarkan perhatian (KP2), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15) merujuk data SJY98 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Pola I

SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola I sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(3) maksim cara + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu memohon pandangan adalah seperti yang ditunjukkan dalam ekstrak 18; implikatur direktif, iaitu menasihati seperti dalam Ekstrak 19; dan implikatur asertif, iaitu memaklumkan seperti dalam Ekstrak 20. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola I secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

Ekstrak18

> FZ: “Pada pandangan ustazah pengalaman mengkaunsel ribuan kes ni yang agaknya kita boleh pakai **ya(SJY66)** ustazah.”

Ekstrak 19

> ZH: “Ha:: itu yang jadi bergaduh tu **ya(SJY75)** tak, jadi isu yang tak bagi hadiah tu takpe dah, tak kisah dah, tapi soalnya di jawapan tu.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekstrak 20

> FZ: “Kita raikan lagi mereka yang ada dalam studio ni, siapa yang nak bertanya, soal ***ya*** **(SJY88)** pada panel kita ya (SJY89).”

Jadual 4.11
Pola I- SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), (KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY66	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2	KN2
SJY75	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP3 KP5 KP6 KP12	KN2
SJY88	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP1 KP10 KP15	KN2 KN4

Petunjuk:

KP1	*Menyedari kesukaan pendengar*
KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik minat H*
KP5	*Memancing persetujuan*
KP6	*Menghindar ketidaksetjuan*
KP10	*Menawarkan janji*
KP12	*Melibatkan H dalam interaksi atau aktiviti*
KP15	*Memberi penghargaan*
KN2	*Hedge/ batas*
KN4	*Meminimumkan imposisi*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11. Jadual 4.11 menunjukkan pembangunan Pola I yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola I teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(3) + SK2(1) + SK3(KP), (KN) dengan pemerincian secara khusus terhadap Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987), iaitu contoh yang pertama dari aspek penggunaan substrategi di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2) dan penggunaan substrategi kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) KN2 merujuk data SJY66; yang kedua penggunaan substrategi kesantunan positif, iaitu menarik perhatian pendengar (KP3), (KP5), KP6), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan penggunaan substrategi kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) KN2 merujuk data SJY75; dan yang ketiga penggunaan substrategi kesantunan positif, iaitu menyedari kesukaan pendengar (KP1), menawarkan janji (KP10), mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15) dan penggunaan substrategi kesantunan negatif, iaitu penggunaan pembatas atau mitigator (*hedge*) (KN2) dan meminimumkan imposisi atau bebanan (KN4) merujuk SJY88 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola J

SK1(3) + SK2(1) + SK3(KN)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola J sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(3) maksim cara + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KN) kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu mohon respons adalah seperti dalam Ekstrak 21 dan 22 dan mengujarkan permintaan seperti dalam Ekstrak 23. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola J secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.12.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekstrak 21

> FZ: "Sebenarnya ustazah, kita mintaklah **ya (SJY12)**, mungkin ramai yang tak berapa pasti hukumnya rajuk ni, kalau boleh sebut satu kes ni, yang paling berat yang ustazah pernah jumpa yang berkaitan dengan rajuk."

Ekstrak 22

> **FZ: "Ya (SJY51),** tidak, tak pasti?"

Ekstrak 23

> P2: "Saya Puan Zunaidah daripada Batang Kali Hulu Selangor nak bertanyakan soalan pada ustazah Zawiyah **ya (SJY90)**."

Jadual 4.12
Pola J- SK1(3) + SK2(1) + SK3(KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY12	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	-	KN2
SJY51	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	_	KN2 KN4
SJY90	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	_	KN2 KN4

Petunjuk:
KN2 *Hedge/ Batas/ Mitigasi*
KN4 *Meminimumkan bebanan*
SJY *Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.12. Jadual 4.12 menunjukkan pembangunan Pola J yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola J teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(3) + SK2(1) + SK3(KN)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan negatif, iaitu penggunaan mitigator (*hedge*) KN2 merujuk data SJY12, SJY51 dan SJY90 serta penggunaan substrategi meminimumkan imposisi atau bebanan merujuk data SJY51 dan SJY90 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.12.

Pola K

$$\frac{}{\text{SK1(3) + SK2(3) + SK3(KP)}}$$

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola K sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(3) maksim cara + SK2(3) maksim sokongan + SK3(KP), (KN) kesantunan positif dan kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur ekspresif, iaitu menyatakan penghargaan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 24 dan 25. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola K secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.13.

Ekstrak 24

> FZ: “Alhamdullilah, terima kasih, syukur **ya (SJY78)** kerana masih bersama kami…”

Ekstrak 25

> FZ: “So kita ucapkan terima kasih kepada ustazah Zawiyah Hassan Al-Hajah, terima kasih kepada Salleh Yaakob, terima kasih kepada penonton dalam studio, terima kasih kepada penonton di seluruh negara **ya (SJY109).”**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13
Pola K - SK1(3) + SK2(3) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan: SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim(1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson: Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson: Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY78	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(3) Maksim sokongan	KP1 KP2 KP3 KP12 KP15	-
SJY109	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(3) Maksim sokongan	KP1 KP2 KP3 KP12 KP15	_

Petunjuk:

KP1	*Menyedari kesukaan pendengar (mengumpamakan H)*
KP2	*Memperbesarkan penghargaan*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KP15	*Memberikan penghargaan*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13. Jadual 4.13 menunjukkan pembangunan Pola K yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola K teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(3) + SK2(3) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu menyedari kesukaan pendengar (KP1), memperbesarkan perhatian (KP2), menarik perhatian pendengar (KP3), melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman pendengar (KP15) merujuk data SJY78 dan SJY109 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13.

Pola L

SK1(3) + SK2(5) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola L sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(3) maksim cara + SK2(5) maksim persetujuan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur asertif, iaitu menyampaikan maklumat adalah seperti dalam Ekstrak 26 dan menyatakan kefahaman seperti dalam Ekstrak 27. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola L secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.14.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekstrak 26

> FZ: “Hahaha, punyer berbeza **ya (SJY37)**.”

Ekstrak 27

> P: “A:: ya(SJY55). Saya ada soalan untuk abang Salleh, jadi saya nak tanyalah bagaimana cara a:: abang Salleh memujuk isteri-isteri abang Salleh yang selalunya cara macam mana yang menjadi dan sampaikan isteri ni tak jadi nak merajuk.”
>
> FZ: **“Ya (SJY56)**.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14
Pola L- SK1(3) + SK2(5) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY37	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2(5) Maksim persetujuan	KP3 KP12	-
SJY56	P7	SK1(3) Maksim cara	SK2 (5) Maksim persetujuan	KP7	_

Petunjuk:

KP3	*Menarik minat pendengar*
KP7	*Menggunakan basa-basi*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti (mengumpamakan H)*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14. Jadual 4.14 menunjukkan pembangunan Pola L yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola L teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(3) + SK2(5) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu menarik perhatian pendengar (KP3), menggunakan basa-basi (KP7) dan melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) merujuk data SJY37 dan SJY56 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14.

Pola M

SK1(3) + SK3(KP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola M sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(3) maksim cara + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur ekspresif, iaitu mengkritik adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 28 dan 29. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola M secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

Ekstrak 28

> FZ: "Laki-laki yang makhluk yang dua alam, ertinya kat rumah, dengan isteri garang, dengan isteri orang **ya:: (SJY32)** Allah lembut."

Ekstrak 29

> FZ: A:::: itulah dia, bila keluarga dia, dia belikan sate rusa, bila keluarga, keluarga isteri ya:: (SJY35) **Ya (SJY36)** Allah pisang goreng je::: Hahaha, punyer berbeza ya(SJY37).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15
Pola M- SK1(3) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY32	P5	SK1(3) Maksim cara	-	KP2 KP12	-
SJY36	P5	SK1(3) Maksim cara	_	KP2 KP12	_

Petunjuk:
KP2 *Memperbesarkan perhatian*
KP12 *Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
SJY *Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15. Jadual 4.15 menunjukkan pembangunan Pola M yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola M teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(3) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2) dan melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) merujuk data SJY32 dan SJY36 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

Pola N

SK1(4) + SK2(1) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola N sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(4) maksim relevan + SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu memohon respons adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 30 dan 31. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola N secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.16.

Ekstrak 30

> FZ: “Ni balik pada ustazah ya(SJY60), apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah memujuk orang perempuan, saya nak, ustazah **ya (SJY61)…”**

Ekstrak 31

> FZ: “Sebab orang perempuan, kena tanya orang perempuanlah **ya (SJY62)** kaedah memujuk orang perempuan, saya buat kajian..”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16
Pola N- SK1(4) + SK2(1) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY61	P7	SK1(4) Maksim releven	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP15	_
SJY62	P7	SK1(4) Maksim relevan	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP13 KP15	-

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan perhatian dan minat pendengar*
KP13	*Memberikan alasan*
KP15	*Memberikan penghargaan, memberikan giliran, mengerti keperluan pendengar, memandu kefahaman pendengar*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.16. Jadual 4.16 menunjukkan pembangunan Pola N yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola N teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(4) + SK2(1) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2) dan memberikan alasan (KP13) merujuk data SJY62 dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (memberi giliran) (KP15) merujuk data SJY61 dan SJY62 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.16.

Pola O

SK1(4) + SK2(4) + SK3(KN)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola O sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(4) maksim relevan + SK2(4) maksim kerendahan hati + SK3(KN) kesantunan negatif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur direktif, iaitu memohon maaf adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 32. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola O secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Ekstrak 32

> FZ: "… maaflah **ye (SJY4)**, dalam yang empat-empat tu ada yang merajuk tak?"

Jadual 4.17
Pola O- SK1(4) + SK2(4) + SK3(KN)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY4	P7	SK1(4) Maksim relevan	SK2(4) Maksim kerendahan hati	-	KN6

Petunjuk:
KN6 *Memohon maaf*
SJY *Wawancara Selami Jiwa – Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.17. Jadual 4.17 menunjukkan pembangunan Pola O yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola O yang teras dan sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(4) + SK2(4) + SK3(KN) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bawah kesantunan negatif, iaitu memohon maaf (KN6) merujuk data SJY4 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Pola P

SK1(4) + SK2(5) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola P sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(4) maksim relevan + SK2(5) maksim persetujuan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur asertif, iaitu menyatakan persetujuan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 33, 34 dan 35. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola P secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekstrak 33

ZH: “A::: **ya (SJY14)** … ada setengah bantal tu takpe lagi.”

Ekstrak 34

ZH: “Belum ambil, belum ambil. Betul dak?”

FZ: **“Ya (SJY70)**, ya(SJY71).”

Ekstrak 35

ZH: Tak patutlah kan.

Ya::(SJY73) **ya (SJY74).**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18
Pola P- SK1(4) + SK2(5) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY14	P7	SK1(4) Maksim relevan	SK2(5) Maksim persetujuan	KP15	-
SJY70	P7	SK1(4) Maksim releven	SK2(5) Maksim persetujuan	KP7 KP15	_
SJY74	P7	SK1(4) Maksim releven	SK2(5) Maksim persetujuan	KP2 KP7 KP15	_

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan persetujuan*
KP7	*Menggunakan basa-basi*
KP15	*Menyatakan/ memberikan persetujuan*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18. Jadual 4.18 menunjukkan pembangunan Pola P yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola P teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(4) + SK2(5) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2) merujuk data SJY74, menggunakan basa-basi (KP7) merujuk data SJY 70 dan 74 dan mengerti keperluan pendengar dengan memandu kefahaman pendengar (KP15) merujuk data SJY4, 70 dan 74 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola Q

SK1(4) + SK2(6) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola Q sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK1(4) maksim relevan + SK2(6) maksim simpati + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur asertif, iaitu menzahirkan rasa simpati adalah seperti dalam Ekstrak 36. Keberadaan penanda pragmatik *ya* dalam Pola Q secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.19.

Ekstrak 36

ZH: “Dia orang perempuan mudah lembut hati.”

FZ: “O:: **ye**ke **(SJY69)**.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19
Pola Q- SK1(4) + SK2(6) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice Maksim (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech Maksim (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif Substrategi (1-15)	Kesantunan Negatif Substrategi (1-10)
SJY69	P7	SK1(4) Maksim relevan	SK2(6) Maksim simpati	KP7 KP15	-

P*etunjuk:*
KP7 *Menggunakan basa-basi*
KP15 *Menyatakan/ memberikan persetujuan/ rasa simpati*
SJY *Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19. Jadual 4.19 menunjukkan pembangunan Pola Q yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola Q yang teras dan sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK1(4) + SK2(6) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu menggunakan basa-basi (KP7) dan mengerti keperluan pendengar (rasa simpati) terhadap pendengar (KP15) merujuk data SJY69 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19.

Pola R

SK2(1) + SK3(KP)

Penanda pragmatik *ya* yang mematuhi dan menempati Pola R sebagai kerangka pola teras dan sepunya berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu SK2(1) maksim kebijaksanaan + SK3(KP) kesantunan positif ketika mengujarkan lakuan tuturan yang mengandungi implikatur asertif, iaitu menyatakan tajuk wawancara dan implikatur direktif, iaitu menasihati dengan nada gurauan adalah seperti yang ditunjukkan masing-masing dalam Ekstrak 37 dan 38. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam Pola R secara khusus pula ditunjukkan dalam Jadual 4.20.

Ekstrak 37

FZ: “Padan muka, **ya (SJY2).”**

Ekstrak 38

FZ: “A:: Salleh kena jamah semua masakan dan dia, **ya (SJY30)**.”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20
Pola R- SK2(1) + SK3(KP)

Anotasi Data	Pola	Strategi Kesantunan			
		SK1 Prinsip Kerjasama Grice (1-4)	SK2 Prinsip Kesantunan Leech (1-6)	SK3 Strategi Kesantunan Brown & Levinson	
				Kesantunan Positif (1-15)	Kesantunan Negatif (1-10)
SJY2	P6	-	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP2 KP3 KP12	-
SJY30	P6	_	SK2(1) Maksim kebijaksanaan	KP8 KP12	_

Petunjuk:

KP2	*Memperbesarkan perhatian*
KP3	*Menarik perhatian pendengar*
KP12	*Melibatkan pendengar dalam aktiviti*
KP2	*Memperbesarkan perhatian*
SJY	*Wawancara Selami Jiwa - Penanda Pragmatik ya*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun didapati bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam ujaran yang mengaplikasikan strategi dan substrategi kesantunan berbahasa bagi mencapai tujuan komunikatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.20. Jadual 4.20 menunjukkan pembangunan Pola R yang lebih khusus, iaitu terbitan daripada Pola R teras yang sepunya, dengan mengaplikasikan strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi, iaitu SK2(1) + SK3(KP) dengan pemerincian secara khusus terhadap pengaplikasian Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dari aspek penggunaan substrategi di bawah kesantunan positif, iaitu memperbesarkan perhatian (KP2) dan menarik perhatian pendengar (KP3) merujuk data SJY2; menggunakan elemen gurauan (KP8) merujuk data SJY30; dan melibatkan pendengar dalam aktiviti atau interaksi (KP12) merujuk data SJY2 dan 30 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.20.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Fungsi Penanda Pragmatik *ya*

Berdasarkan analisis, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 16 fungsi penanda pragmatik *ya* menerusi analisis Kerangka Amalgamasi Santun berdasarkan lakuan tuturan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengacara dan tetamu undangan atau dikenali juga sebagai pemeran dalam rancangan wawancara *Selami Jiwa* di televisyen mengaplikasikan Kerangka Amalgamasi Santun dalam usaha meminimumkan lakuan ancaman muka (LAM) dan memenuhi kehendak muka positif dan muka negatif pendengar dengan menggunakan penanda pragmatik *ya* sebagai peranti kesantunan berbahasa.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sejumlah 16 fungsi penanda pragmatik *ya* (Rujuk Lampiran 10) yang telah dikenal pasti wujud dalam data korpus kajian merangkumi penanda pragmatik *ya* yang menjalankan fungsinya sebagai penanda penegasan (4.3.1); penanda mesra (4.3.2); penanda basa-basi, fatis, *backchanneling* (4.3.3); penanda pembatas, pelunak, mitigasi (*hedge*) (4.3.4); penanda persetujuan (4.3.5); penanda penarik perhatian (4.3.6); penanda pengorganisasian giliran berbicara (4.3.7); penanda mengumpamakan dan mengendahkan pendengar (4.3.8); penanda ketulusan atau keikhlasan (4.3.9); penanda optimis (4.3.10) penanda memandu kefahaman pendengar (4.3.11); penanda memperbesarkan perhatian, penghargaan atau persetujuan (4.3.12); penanda penghargaan (4.3.13); penanda spontan (4.3.14); penanda simpati (4.3.15) dan penanda fasilitatif, menyenangi, menyedari kesukaan pendengar (4.3.16) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21
Kekerapan dan Peratusan Fungsi Penanda Pragmatik ya mengikut Taksonomi Lakuan Tuturan

Bil	Fungsi	Taksonomi Lakuan Tuturan Bilangan/ Bil.					Jumlah	
		LT1	LT2	LT3	LT4	LT5	Bil	Peratus (%)
1	Penegasan	14	25	13	-	-	52	22.71
2	Mesra	1	2	-	-	-	3	1.31
3	Fatis/ basa-basi/ *backchannelling*	14	-	-	-	-	14	6.11
4	Mitigasi, pelunak, *hedge*	-	37	3	-	-	40	17.47
5	Persetujuan	19	-	-	-	-	19	8.29
6	Penarik perhatian	15	14	1	-	-	30	13.10
7	Pengorganisasian giliran berbicara	-	8	-	-	-	8	3.49
8	Mengumpamakan, mengendahkan H	10	11	5	-	-	26	11.35
9	Ketulusan, keikhlasan	3	7	6	-	-	16	6.99
10	Optimis	-	1	-	-	-	1	0.44
11	Memandu kefahaman	1	-	-	-	-	1	0.44
12	Memperbesarkan penghargaan/ perhatian	3	1	-	-	-	4	1.75
13	Penghargaan	1	3	-	-	-	4	1.75
14	Spontan	-	2	-	-	-	2	0.87
15	Simpati	1	-	-	-	-	1	0.44
16	Menyenangi/fasilitatif	-	-	8	-	-	8	3.49
	JUMLAH	82	111	36	-	-	229	100.00

Petunjuk:
LT1 *Asertif*
LT2 *Direktif*
LT3 *Ekspresif*
LT4 *Komisif*
LT5 *Deklaratif*

Data yang dikaji berjumlah 110 penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam ujaran yang dianotasikan sebagai SJY1-SJY110, namun jumlah fungsi yang telah dikenal pasti menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun adalah sebanyak 229 (100.00%). Hal ini demikian kerana fungsi penanda pragmatik *ya* bukan sahaja hadir dan menonjolkan fungsinya secara monofungsional tetapi penanda pragmatik *ya* juga didapati berpotensi dalam menjalankan fungsinya secara multifungsional (Rujuk Lampiran 11, 12 dan 13). *Ya* sebagai kata tugas yang dideskripsikan fungsinya oleh ahli tatabahasa dari sudut nahuan sebelum ini agak terhad sebagai kata pembenar atau kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persetujuan, namun kajian ini akan mendeskripsikan fungsi *ya* sebagai penanda pragmatik dari sudut pragmatik merangkumi 16 fungsi kesemuanya.

Jadual 4.21 menunjukkan bahawa fungsi penegasan bagi penanda pragmatik *ya* mencatatkan kekerapan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 52 (22.71%), diikuti dengan fungsi mitigasi yang mencatatkan kekerapan sebanyak 40 (17.47%). Fungsi penanda pragmatik *ya* yang ketiga tertinggi dicatatkan oleh fungsinya sebagai penarik perhatian, iaitu 30 kekerapan (13.10%). Fungsi mengumpakan atau mengendahkan pendengar mencatatkan 26 kekerapan (11.35%) dan diikuti dengan fungsi penanda persetujuan yang mencatatkan sebanyak 19 kekerapan (8.29%). Fungsi penanda pragmatik *ya* sebagai penanda ketulusan atau keikhlasan mencatatkan 16 kekerapan (6.99%) dan diikuti *ya* berfungsi sebagai penanda basa-basi pula mencatatkan 14 kekerapan (6.11%). Sungguhpun penanda pragmatik *ya* dikenali sebagai kata pembenar atau persetujuan dalam bidang ilmu tatabahasa, namun fungsi utama tersebut didapati mencatatkan kekerapan yang kelima tertinggi dalam menjalankan fungsi pragmatik melalui interaksi dalam wawancara ini. Fungsi penanda pragmatik *ya* yang terendah dicatatkan oleh penanda pragmatik *ya* yang berfungsi sebagai penanda optimis, penanda memandu kefahaman pendengar dan penanda simpati yang ketiga-tiganya mencatatkan kekerapan sebanyak sekali sahaja, iaitu bersamaan dengan 0.44%.

4.3.1 Penanda penegasan

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda penegasan dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam 52 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak 14 kekerapan, lakuan tuturan direktif sebanyak 25 kekerapan dan lakuan tuturan ekspresif sebanyak 13 kekerapan. Dalam Jadual 4.22 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda penegasan dengan diwakili oleh satu contoh ujaran daripada setiap lakuan tuturan, iaitu penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam data merujuk lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif tersebut.

Jadual 4.22
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Penegasan

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
39	Asertif memperkenalkan	FZ:	Assalamualaikum wbt, alhamdulillah syukur terima kasih, tahniah kerana sudi bersama-sama saya untuk menjalani majlis ilmu yang santai, Selami Jiwa Musim Kedua. Kita di sini tidak nak cari siapa yang salah, kita nak cari apa yang tak betul, kita sama-sama nak betulkan, dan episod kali ini sangat menarik, pasangan yang kuat merajuk ***ya(SJY1),*** apakah punca-puncanya yang mereka merajuk dan yang paling penting bagaimana nak menangani pasangan yang merajuk, jom bersama-sama saya untuk selami jiwa, rawat rohani, perkasa peribadi.
40	Direktif Mohon respons	FZ:	Apa khabar ***ya(SJY8)*** ustazah, sila, sila, sila, sila, sila.
41	Ekspresif Memberi pujian	SY: FZ:	Saya bagi payung. Hahaha:: Astaghfirullah, payung mas. Innalillah, hebat ***ya(SJY27)***, itulah laki-laki remehkan perasaannya. A:: Itu pon nak merajuk, itu pon nak merajuk. A:: meremehkan. Lepas tu terlupa hari-hari istimewa, betul ye(SJY28), ustazah ye(SJY29).

Jadual 4.22 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif memperkenalkan, lakuan tuturan direktif memohon respons dan lakuan tuturan ekspresif memberi pujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.22, konteks dalam Ekstrak 39 mengandungi maklumat, iaitu pengacara atau hos (FZ) memperkenalkan tajuk wawancara sebagai pengenalan dan permulaan rancangan yang dikendalikannya. Melalui pengamatan terhadap konteks data Ekstrak 39 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati memberikan implikatur ilokusi fungsinya sebagai penegas dalam lakuan tuturan asertif memperkenalkan tajuk, iaitu penegas kepada tajuk yang menjadi pilihan yang patut diberi fokus dan difikirkan penting untuk dibincangkan dalam wawancara tersebut yang merupakan manifestasi kesantunan positif. Hal ini demikian kerana usaha hos menarik perhatian pendengar dalam memberi fokus terhadap tajuk tersebut mempamerkan kesungguhan hos melibatkan pendengar dengan aktiviti sekali gus memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks bagi Ekstrak 40 pula adalah hos (FZ) berbasa-basi dengan bertanya khabar kepada tetamu undangan, iaitu Ustazah Zawiyah (ZH) semasa membuka bicara. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 40 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi fungsi *ya* sebagai penegas dalam lakuan tuturan direktif, mendapatkan respons atau timbal balas, iaitu penegas terhadap keikhlasan pengacara terhadap upaya ingin tahu semasa bertanya khabar kepada tetamu jemputannya yang merupakan manifestasi kesantunan positif. Hal ini demikian kerana penggunaan penanda pragmatik *ya* mampu mempamerkan ketulusan dan keikhlasan hos sekali gus memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks dalam Ekstrak 41 pula adalah berlatarkan hos (FZ) yang sedang membincangkan isu punca perempuan merajuk, iaitu suami tidak peka akan keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

isteri, seperti emas dan gelang contohnya. Seterusnya, tetamu undangan (SY) pula menambah dan memberi respons dengan mengatakan beliau memberikan payung emas yang dianggapnya sebagai keperluan isteri dan sebenarnya payung itu melambangkan *isteri baharu* dengan nada bergurau, yang kemudiannya disambut oleh hos dengan memberikan pujian dengan elemen penegasan. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 41 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penegas dalam lakuan tuturan ekspresif memberikan pujian melalui ujaran … *hebat **ya**.*.. secara eksplisit yang merupakan manifestasi kesantunan positif kerana lakuan tersebut memenuhi kehendak muka positif pendengar khususnya dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Penanda mesra

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda mesra dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam tiga konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak satu kekerapan dan lakuan tuturan direktif sebanyak dua kekerapan. Dalam Jadual 4.23 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda mesra dengan diwakili oleh dua contoh ujaran daripada lakuan tuturan asertif dan satu contoh daripada lakuan tuturan direktif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Mesra

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
42	Asertif Mengulas tajuk	FZ:	Bercakap tentang merajuk ni, memang semua orang merajuk, orang laki-laki merajuk, orang perempuan biasalah kan. Dan ikut kajian, rajuk orang perempuan ni macam '*emotional black mail'*. Ia macam satu ugutan supaya suami mengalah.hihi. Padan muka, **ya(SJY2).**
43	Direktif Mengajak fikirkan bersama	ZH:	A:: orang perempuan ni kadang-kadang dia walaupun, dia kadang-kadang dia salah pon dia merajuk.
		FZ:	Oo..
		ZH:	**Ya(SJY67)**, dak?
		FZ:	Pulok.
44	Direktif Mohon persetujuan	ZH:	Dia salah kadang-kadang dia merajuk, kadang-kadang dalam hal ini suami merasakan dia mintak maaf, aa:: jadi maknanya padahal suami tak salah pon.
		FZ:	A::
		ZH:	**Ya(SJY68)** dak? Tapi suami tu kata sorrylah abang mintak maaf kalau abang salah.

Jadual 4.23 menunjukkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif mengulas tajuk, lakuan tuturan direktif mengajak pendengar untuk memikirkan bersama dan lakuan tuturan direktif memohon persetujuan.

Berdasarkan Jadual 4.23, konteks dalam Ekstrak 42 mengandungi maklumat, iaitu dengan nada santai dan bergurau, hos (FZ) mengulas tajuk bual bicara dengan mengaitkan orang perempuan yang selalu merajuk yang perlu dihadapi oleh para suami. Melalui penelitian terhadap konteks data Ekstrak 42 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda mesra dalam lakuan asertif mengulas tajuk wawancara, iaitu dengan menyisipkan elemen gurauan …*padan muka ya*… apabila hos (FZ) mengaitkan rajuk isteri sebagai satu ugutan supaya suami mengalah atau sebagai *emotional blackmail*. Elemen gurauan dizahirkan dengan kehadiran penanda pragmatik *ya* yang merupakan manifestasi kesantunan positif, iaitu dalam menyerlahkan lagi suasana mesra sosial dan bebas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konflik sekali gus memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal. Tanpa kehadiran *ya*, ujaran …*padan muka*… memberikan implikatur ilokusi lakuan yang boleh diinterpretasikan sebagai berunsurkan makian.

Konteks bagi Ekstrak 43 pula adalah Ustazah ZH selaku panel undangan menyatakan bahawa perempuan kadang-kadangnya yang melakukan kesalahan yang juga menyebabkan dirinya sendiri merajuk. Melalui penelitian terhadap konteks data Ekstrak 43 tersebut, dapat dikenal pasti bahawa penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur fungsi *ya* sebagai penanda mesra apabila ZH secara spontan dan santai mencuit perhatian pendengar untuk sama-sama memikirkan pernyataannya, iaitu menurut beliau perempuan juga merajuk walaupun dirinya sendiri yang melakukan kesalahan yang merupakan manifestasi kesantunan positif dalam mengurangkan daya ilokusi lakuan ancaman muka negatif direktif mengajak pendengar berfikir secara bersama dengan menggunakan strategi melibatkan pendengar dalam interaksi dan memancing persetujuan mereka yang sekali gus memenuhi kehendak muka positif pendengar.

Konteks dalam Ekstrak 44 pula adalah berlatarkan panel jemputan (ZH) menyatakan bahawa kadang-kadang isteri yang merajuk tetapi suami yang meminta maaf walaupun kesalahan atau punca rajuk isteri bukan disebabkan oleh suami. Melalui penelitian terhadap konteks data Ekstrak 44 tersebut, didapati bahawa penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda mesra yang berasosiasi dengan tingkah laku spontan, bersahaja dan tidak kaku dalam melaksanakan lakuan ancaman muka negatif direktif, iaitu dengan mengajak pendengar fikirkan bersama serta dalam masa yang sama memancing persetujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Penanda mesra ini dari sisi mod sikap domain interpersonal menzahirkan manifestasi kesantunan positif dengan meminimumkan daya ilokusi lakuan ancaman muka direktif tersebut.

4.3.3 Penanda basa-basi, fatis atau *backchannelling*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda basa-basi dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam 14 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak 14 kekerapan. Dalam Jadual 4.24 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda basa-basi dengan diwakili oleh tiga contoh penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam data merujuk lakuan tuturan asertif sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.24
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Basa-basi

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
45	Asertif Memberi respons	FZ: SY: FZ:	Waalaikumussalam, duduk,sila-sila. SY, SY. Waras? Waras, waras, waras. Baru habis merajuk. Ha.ha. **Ya(SJY3)**,
46	Asertif Menyatakan persetujuan	SY: FZ: SY:	Kadang-kadang merajuk tu satu teguran lah. Bila orang merajuk ya(SJY6), hati tak bersih. **Ya(SJY7)**.
47	Asertif Menyatakan persetujuan	ZH: FZ:	Tapi bila kamu nak betul dengan cepat, dia akan patah. **Ya(SJY49)**.

Jadual 4.24 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif memberi respons, menyatakan persetujuan dan memberikan persetujuan terhadap pandangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.24, konteks dalam Ekstrak 45 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) menggunakan basa-basi dengan menyahut atau menyambut gurauan tetamu undangan (SY) yang menyatakan beliau baru sahaja lepas merajuk yang ada kaitan dengan tajuk wawancara. Melalui penelitian terhadap konteks data dalam Ekstrak 45 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda basa-basi (*backchanneling*) dalam lakuan tuturan asertif memberi respons yang merupakan manifestasi kesantunan positif atas sahutan bersahaja daripada hos (FZ) yang mengandungi elemen fatis dan lebih santun. Hal ini demikian kerana, penggunaan basa-basi memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks bagi Ekstrak 46 pula adalah tetamu undangan (SY) bersetuju dengan pernyataan hos (FZ) yang menyatakan bahawa orang yang merajuk, tidak bersih hatinya. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 46 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsi *ya* sebagai penanda basa-basi dalam lakuan tuturan asertif menyatakan persetujuan (*backchanneling*) terhadap pernyataan hos rancangan yang mempamerkan manifestasi kesantunan positif sekali gus memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks dalam Ekstrak 47 adalah berlatarkan hos (FZ) mengiyakan atau bersetuju dengan fakta yang dikongsi oleh tetamu undangan, Ustazah (ZH) apabila beliau memberikan respons dengan panjang lebar terhadap soalan yang diajukan oleh hos (FZ) tentang cara yang Nabi Muhammad SAW sarankan untuk memujuk pasangan apabila merajuk. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 47 tersebut, penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda basa-basi dalam lakuan asertif, iaitu menyatakan persetujuan terhadap pandangan (ZH) secara eksplisit yang merupakan manifestasi kesantunan positif dalam berbasa-basi yang bercirikan fatis dari sisi mod sikap domain interpersonal, iaitu memenuhi kehendak muka positif pendengar.

4.3.4 Penanda pembatas, pelunak, mitigasi dan *hedge*

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda mitigasi dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam 40 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif sebanyak 37 kekerapan dan lakuan tuturan ekspresif sebanyak 3 kekerapan. Dalam Jadual 4.25 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda mitigasi dengan diwakili oleh dua contoh ujaran daripada lakuan tuturan direktif dan satu contoh ujaran daripada lakuan tuturan ekspresif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

Jadual 4.25
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Mitigasi

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
48	Direktif Memberi cadangan	FZ:	A:: kadang ini kecik hati suami, dibanding-bandingkan dengan lelaki lain. Laki-laki cukup sedih kalau, a:: abang ni kenapa tak macam, macam anak si Aziz tu si Aaron tu, **ya(SJY81)**. Contohlah, contoh.
49	Direktif mengingatkan	FZ:	Suami kedekut sangat, a:: penat, suami kedekut sangat, saya tunjuk je, bukan awak. Suami kedekut sangat, dia merajuk, suka perintah-perintah, tapi tak nak bantu, a:: mesti ingat ni **ya(SJY31)** merajuk. Keluar dan balik lewat tapi tak bagitahu isteri, tapi kau nak bagitahu yang mana satu.ok.
		SY:	Hahaha.

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25 (*sambungan*)

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
50	Ekspresif mengkritik	FZ:	Aa:: tu tu biasa tu. A:: Laki-laki yang makhluk yang dua alam, ertinya kat rumah, dengan isteri garang, dengan isteri orang **ya:: (SJY32)** Allah lembut.
		SY:	A:: ada, ada.

Jadual 4.25 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif memberi cadangan dan mengingatkan serta lakuan tuturan ekspresif mengkritik.

Berdasarkan Jadual 4.25, konteks dalam Ekstrak 48 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) menjelaskan serta mengingatkan bahawa antara faktor lelaki berkecil hati adalah apabila isteri membandingkan suami dengan lelaki lain dengan nada bergurau. Melalui penelitian terhadap konteks data Ekstrak 48 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati memberikan implikatur ilokusi makna dalam menjalankan fungsinya sebagai penanda mitigasi dalam lakuan tuturan direktif memberikan cadangan yang merupakan manifestasi kesantunan negatif dari sisi mod sikap domain interpersonal dengan memitigasikan daya ilokusi lakuan ancaman muka negatif direktif, iaitu memberi cadangan menjadi lebih lunak.

Konteks bagi Ekstrak 49 pula adalah hos (FZ) yang merupakan seorang pakar motivasi mengingatkan para suami tentang faktor-faktor para isteri merajuk. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 49 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsi penanda pragmatik *ya* sebagai penanda mitigasi dalam lakuan ancaman muka direktif mengingatkan melalui ujaran …*mesti ingat ni ya.*… yang sekali gus mempamerkan manifestasi kesantunan negatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memitigasikan atau melemahkan daya ilokusi lakuan ancaman muka negatif, iaitu mengingatkan dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks dalam Ekstrak 50 adalah berlatarkan hos (FZ) mengkritik para suami yang mempunyai tingkah laku negatif yang menjadi faktor isteri merajuk. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 50 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda mitigasi dalam lakuan ancaman muka negatif ekspresif, iaitu mengkritik yang merupakan manifestasi kesantunan negatif dalam melenturkan daya ilokusi lakuan ancaman muka negatif mengkritik tersebut. Dalam masa yang sama rasa kepedulian dalam memahami situasi yang wujud dalam rumahtangga yang perlu diberi perhatian memanifestasikan kesantunan positif diserlahkan dari sisi mod sikap domain interpersonal yang turut berupaya meminimumkan daya ilokusi lakuan mengkritik tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Penanda persetujuan

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda persetujuan dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam 19 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak 19 kekerapan. Dalam Jadual 4.26 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda persetujuan dengan diwakili oleh tiga contoh ujaran lakuan tuturan asertif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.26
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Persetujuan

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
51	Asertif Menyatakan persetujuan	SY:	Jadi kita kena buat sesuatu yang lebih, lebih lagi lah. Yang saya nampak merajuk ni, satunya bila datang bulan, a:: tu gangguan.
		FZ:	Oo.
		SY:	A:: gangguan, kat situ je.
		FZ:	Untunglah kalau dah menopause **ya(SJY41)**.
52	Asertif Menyatakan persetujuan berganda	SY:	Beli kunci je:: beli kunci je. hahaha.
		FZ:	Boleh, kunci ataupun toys kecik tu, yang ketiga kita layan lebih baik daripada biasa, ajak makan kat luar, ajak mertua datang ke rumah a:: suruh anak pujuk, bantu buat kerja rumah, a:: mainkan lagu kegemaran isteri.
		SY:	Ya (SJY64), **ya(SJY65).**
53	Asertif Menyatakan persetujuan	SY:	Duduk berkepit je tak makan minum, macam mana, macam mana pon masing-masing kena berpisah, maknanya kita ni pinjam pinjaman. Jadi kesempatan yang ada ni, nyawa kita tak tahu, jangan besok dalam merajuk dah meninggal. Huk, huk, apa nak dikejar.
		FZ:	**Ya(SJY97).**

Jadual 4.26 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif menyatakan persetujuan.

Berdasarkan Jadual 4.26, konteks dalam Ekstrak 51 mengandungi maklumat, iaitu tetamu undangan (SY) menambah faktor rajuk seorang isteri dengan mengatakan bahawa datang bulan merupakan satu faktor yang mendorong kepada rajuk isteri. Setelah hos (FZ) mendengar pandangan tersebut, beliau menambah dengan mengatakan bahawa isteri yang sudah menopause beruntung kerana satu faktor rajuk isteri dapat dikurangkan yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa hos (FZ) bersetuju dengan fakta tersebut. Melalui penelitian terhadap konteks data Ekstrak 51 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda persetujuan dalam lakuan tuturan asertif yang merupakan manifestasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesantunan positif kerana memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks bagi Ekstrak 52 pula, tetamu undangan (SY) menerima dan bersetuju dengan cadangan atau kaedah memujuk isteri yang dikemukakan oleh hos (FZ). Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 52 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsi *ya* sebagai penanda persetujuan dalam lakuan tuturan asertif menyatakan persetujuan secara berganda yang sekali gus mempamerkan manifestasi kesantunan positif melalui penegasan pada tahap keikhlasan dalam menerima serta bersetuju secara berganda dengan kaedah yang dicadangkan. Hal ini demikian kerana lakuan asertif menyatakan persetujuan berganda memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks dalam Ekstrak 53 berlatarkan hos (FZ) menyahut dan bersetuju dengan nasihat terakhir atau wasiat terakhir tetamu undangan (SY) untuk mereka yang kerap merajuk, sebab menurut hos (FZ), SY mempunyai banyak pengalaman. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 53 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda persetujuan dalam lakuan asertif yang merupakan manifestasi kesantunan positif bersetuju terhadap pandangan yang dikongsikan. Hal ini demikian kerana lakuan asertif menyatakan persetujuan memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.6 Penanda penarik perhatian

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda penarik perhatian dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam 30 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak 15 kekerapan, lakuan tuturan direktif sebanyak 14 kekerapan dan lakuan tuturan ekspresif sebanyak satu kekerapan. Dalam Jadual 4.27 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda penarik perhatian dengan diwakili oleh satu contoh ujaran daripada setiap lakuan tuturan, iaitu penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam data merujuk lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.27
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Penarik Perhatian

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
54	Asertif Menyatakan maklumat	FZ:	A:::: itulah dia, bila keluarga dia, dia belikan sate rusa, bila keluarga, keluarga isteri **ya:: (SJY35)** Ya(SJY36) Allah pisang goreng je::: Hahaha, punyer berbeza ya(SJY37).
55	Direktif Mengajak fikir bersama	ZH:	A:: orang perempuan ni kadang-kadang dia walaupun, dia kadang-kadang dia salah pon dia merajuk.
		FZ:	Oo..
		ZH:	**Ya(SJY67)**, dak?
		FZ:	Pulok.
56	Ekspresif Menghargai/ memuji	FZ:	Ini, ini untuk merawat rajuk ni, untuk persembahan yang luar biasa, dua orang, ada, ada hadiah, bukan yang bertanya aje. Ustazah **ya(SJY103)**.
		ZH:	Terima kasih.

Jadual 4.27 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam lakuan tuturan asertif menyatakan maklumat, lakuan tuturan direktif mengajak pendengar fikir bersama dan lakuan tuturan ekspresif menghargai dan memuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.27, konteks dalam Ekstrak 54 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) menyatakan dan menyampaikan maklumat dengan menceritakan peristiwa atau pengalaman beliau melalui pemerhatian terhadap sikap berat sebelah yang membezakan atau melebihkan keluarga suami berbanding keluarga isteri. Melalui penelitian terhadap konteks data Ekstrak 54 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsinya sebagai penanda penarik perhatian dalam lakuan tuturan asertif menyampaikan maklumat dengan menceritakan peristiwa atau pengalaman melalui pemerhatian yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif dengan melibatkan pendengar dengan interaksi yang sedang berlangsung. Hal ini demikian kerana lakuan menarik perhatian dalam lakuan tuturan asertif memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks bagi Ekstrak 55 pula adalah hos (FZ) memohon pandangan daripada tetamu undangan, ustazah (ZH) tentang panduan yang boleh digunakan dalam menangani rajuk berdasarkan ribuan kes kaunseling yang telah dikendalikan. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 55 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsi *ya* sebagai penanda penarik perhatian dalam lakuan ancaman muka direktif mengajak pendengar sama-sama memikirkan perkara yang sedang dikupas. Fungsi *ya* sebagai penanda penarik perhatian dalam lakuan ancaman muka direktif mempamerkan manifestasi kesantunan positif dari sisi mod sikap domain interpersonal oleh hos sebagai penutur sekali gus mencerminkan sikap beliau yang mengumpamakan pendengar dengan melibatkan pendengar dalam interaksi dan dalam masa yang sama memancing persetujuan pendengar. Dalam masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sama lakuan tuturan direktif dapat diminimumkan daya ilokusinya melalui strategi kesantunan positif tersebut.

Konteks dalam Ekstrak 56 adalah berlatarkan hos (FZ) memuji dan menghargai kedua-dua panel sebagai persembahan yang luar biasa sambil menghulurkan hadiah kepada panel jemputan, iaitu Ustazah ZH dengan mengambil perhatiannya dengan menyapa beliau. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 56 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi makna dan fungsi penanda pragmatik *ya* sebagai penanda penarik perhatian dalam lakuan ekspresif, iaitu memberikan penghargaan secara material dan bukan material dengan menyampaikan hadiah dan memberikan pujian yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Manifestasi strategi kesantunan positif terserlah dari sisi mod sikap domain interaksional kerana menarik perhatian pendengar yang secara tidak langsung melibatkan pendengar dalam interaksi memenuhi kehendak muka positif pendengar.

4.3.7 Penanda pengorganisasian giliran berbicara

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda pengorganisasian giliran berbicara dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam lapan konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif sebanyak lapan kekerapan. Dalam Jadual 4.28 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda pengorganisasian giliran berbicara dengan diwakili oleh tiga contoh ujaran yang kesemuanya daripada implikator ilokusi lakuan tuturan direktif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Pengorganisasian Giliran

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
57	Direktif Mohon respons	FZ:	**Ya(SJY9)** ustazah sendirilah, dalam ya: (SJY10) menolong yang merajuk tu, ustazah sendiri ada merajuk tak? Betul tak?
58	Direktif Pengorganisasian Giliran Bicara *Floor holding*	FZ:	Bila saya buat kajian ustazah, ni:: ni:: apa nama ustaz Salleh pernah berucap, punca perempuan merajuk, isteri merajuk, orang perempuan merajuk, **ya:(SJY21)** ya::(SJY22) ni saya senaraikan ya(SJY23), ni:: ikut kajian ya::(SJY24). A::, rupanya bila orang perempuan senyap, bising-bising tiba-tiba senyap tanda rajuk yang agak berat ya(SJY25). Betul ke ustazah?
		ZH:	Ya(SJY26**)** betul.
59	Direktif Memberi giliran	FZ:	Ni balik pada ustazah **ya(SJY60),** apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah memujuk orang perempuan, saya nak, ustazah ya (SJY61), pernah kata tu highlightkan ataupun kata orang tu untuk berikan tumpuan yang, yang paling mustajab. Sebab orang perempuan, kena tanya orang perempuanlah ya(SJY62) kaedah memujuk orang perempuan, saya buat kajian pertama, mintak maaf sungguh-sungguh, lepas tu beri hadiah, bunga rose, Rolls Royce, Porsche ya(SJY63). Tengok kemampuan la, tengok kemampuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif, iaitu memohon respons, mengorganisasi giliran bicara dan memberi atau memperuntukkan giliran.

Berdasarkan Jadual 4.28, konteks dalam ekstrak 57 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) bertanya kepada tetamu undangan (ZH) dalam kesibukan beliau mengendalikan masalah klien yang merajuk, hos ingin tahu sama ada ustazah ZH ada merajuk juga atau tidak. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam ekstrak 57 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda pengorganisasian giliran berbicara dalam lakuan ancaman muka direktif memohon respons daripada tetamu undangan (ZH) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan manifestasi strategi kesantunan positif kerana mengumpamakan tetamu undangan (ZH) dengan mengkhususkan pertanyaan tersebut kepada beliau dengan menggunakan strategi menarik perhatian. Dari sisi mod sikap domain interpersonal, hos memenuhi kehendak muka positif pendengar dengan memberikan giliran khusus buat tetamu undangan (ZH) berdasarkan kepakarannya. Dalam masa yang sama, penanda pragmatik *ya* memanifestasikan kesantunan negatif dari sisi mod sikap domain interpersonal juga, iaitu dengan meminimumkan daya ilokusi lakuan ancaman muka direktif memohon respons. Selain itu, apabila diteliti dari sisi mod interaksional domain interpersonal pula memanifestasikan kesantunan positif kerana interaksi dalam wawancara menjadi terorganisasi dengan baik dan lancar.

Konteks bagi Ekstrak 58 pula adalah hos (FZ) berkongsi hasil kajiannya berkaitan orang perempuan yang kebiasaannya bising dalam erti kata banyak bercakap tetapi secara tiba-tiba senyap menandakan rajuknya agak berat. Dalam masa yang sama hos perlu bijak mengorganisasikan penggiliran kerana suasana wawancara agak rancak dan meriah. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 58 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai pengorganisasi penggiliran berbicara dalam lakuan ancaman muka direktif secara implisit, iaitu mengekalkan perhatian pendengar dalam penggiliran statik, *floor holding*. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan negatif melalui strategi meminimumkan daya ilokusi mengorganisasikan penggiliran dalam domain interpersonal khususnya mod interaksional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks dalam Ekstrak 59 adalah berlatarkan hos (FZ) membuka bicara dengan memberi giliran kepada tetamu undangan (ZH). Seterusnya, tetamu undangan Ustazah (ZH) memberi respons tentang kaedah memujuk orang perempuan apabila Ustzah ZH diminta untuk memberi respons berkaitan topik tersebut. Hos memulakan beberapa cadangan sebelum tetamu undangan (ZH) memberi pandangan. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 59 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda penggiliran dalam pengorganisasian giliran bicara dari sisi mod interaksional. Dalam masa yang sama lakuan tersebut sekali gus mencerminkan kecenderungan hos memberi keutamaan giliran berasaskan kepakaran tetamu undangan dari sisi mod sikap menerusi domain interpersonal yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.8 Penanda mengumpama dan mengendahkan pendengar

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda mengumpama dan mengendahkan pendengar dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam 26 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak 10 kekerapan, lakuan tuturan direktif sebanyak 11 kekerapan dan lakuan tuturan ekspresif sebanyak 5 kekerapan. Dalam Jadual 4.29 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda mengumpama dan mengendahkan pendengar dengan diwakili oleh satu contoh ujaran daripada setiap lakuan tuturan, di posisi penanda pragmatik *ya* hadir dalam data merujuk lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif yang terlibat sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.29
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Mengumpamakan Pendengar

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
60	Asertif Memberi respons	ZH: FZ:	Ok, lah kalau kita merujuk kepada satu hadis nabi **ya(SJY46)**, nabi beritahu kita yang bermaksud, orang perempuan ni ya(SJY47), Allah jadikan dia dari tulang rusuk orang lelaki ya::(SJY48) yang paling atas sekali. Erm:: hm::
61	Direktif Memberi nasihat	FZ:	Enggan fahami karenah laki-laki, tak dapat belaian, hati-hati, **ya(SJY86).**
62	Ekspresif Memberi penghargaan	FZ:	FZ: Itu sebenarnya kalau kita boleh rumuskan salah satu cara **ya(SJY98)** ustazah ya(SJY99), ustazah dah sebut dalam ceramahnya, untuk mendamaikan suami isteri merajuk, suami jadi imam, isteri, isteri, isteri jadi makmum, masya-Allah. Lepas tu salam-salam, lepas tu peluk, masya-Allah. Tu satu ya(SJY100).

Jadual 4.29 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif memberi respons, lakuan tuturan direktif memberi nasihat dan lakuan tuturan ekspresif memberikan penghargaan.

Berdasarkan Jadual 4.29, konteks dalam Ekstrak 60 mengandungi maklumat, iaitu panel jemputan (ZH) memberikan respons selepas ditanya oleh hos (FZ) tentang cara yang Nabi Muhammad SAW sarankan untuk memujuk pasangan apabila merajuk. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam ekstrak 60 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda mengumpamakan atau mengendahkan pendengar dengan melibatkan pendengar dengan menarik perhatian mereka terhadap fakta yang disampaikan dalam lakuan tuturan asertif memberikan respons terhadap soalan yang diajukan oleh hos (FZ) yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Hal ini demikian kerana fungsi penanda pragmatik *ya* ini mempamerkan penutur memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks bagi Ekstrak 61 pula adalah hos (FZ) menasihati pendengar, iaitu tetamu jemputan, penonton di studio dan di rumah supaya berhati-hati sekiranya isteri enggan memahami karenah lelaki dalam mendapatkan belaian. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 61 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda mengumpamakan pendengar dengan melibatkan pendengar dalam interaksi. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan positif dalam domain interpersonal khususnya mod sikap apabila mengumpamakan pendengar yang mencerminkan sikap hos yang mengambil berat dan mempunyai kepedulian terhadap situasi ini. Selain itu, penanda pragmatik *ya* juga menonjolkan manifestasi kesantunan negatif kerana diteliti berupaya meminimumkan daya ilokusi lakuan ancaman muka negatif direktif memberikan peringatan mesra.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks dalam Ekstrak 62 pula adalah berlatarkan hos (FZ) yang mengumpamakan tetamu undangan (ZH) dengan menarik perhatiannya sebelum menghargainya dengan memetik pandangan beliau dalam ceramahnya untuk dikongsi kepada audiens sebagai rumusannya. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 62 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda mengumpamakan tetamu undangan dari sisi domain interpersonal mod sikap. Dalam masa yang sama lakuan tersebut sekali gus mencerminkan sikap hos yang tulus, ikhlas dan mempunyai rasa hormat dengan mengumpamakan tetamu undangan yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.9 Penanda ketulusan dan keikhlasan

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda ketulusan dan keikhlasan dapat ditonjolkan telah dikenal pasti hadir dalam 16 konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi akuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak tiga kekerapan, lakuan tuturan direktif sebanyak tujuh kekerapan dan lakuan tuturan ekspresif sebanyak enam kekerapan. Dalam Jadual 4.30 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda ketulusan dan keikhlasan dengan diwakili oleh satu contoh ujaran daripada setiap implikatur ilokusi lakuan tuturan, iaitu penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam data merujuk lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.30
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Ketulusan

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
63	Asertif Menyatakan persetujuan berganda	ZH: FZ: SY: ZH: FZ:	Hadiah beli dah tinggal kat pejabat. A:: Ceh! Tapi belum bayar lagi, tak boleh bawak balik. Hahaha. Belum ambil, belum ambil. Betul dak? **Ya(SJY70)**, **ya(SJY71).**
64	Direktif Mendapatkan respons/ maklumat	SY: FZ:	Saya bagi payung. Hahaha:: Astaghfirullah, payung mas. Innalillah, hebat ya(SJY27), itulah laki-laki remehkan perasaannya. A:: Itu pon nak merajuk, itu pon nak merajuk. A:: meremehkan. Lepas tu terlupa hari-hari istimewa, betul **ye(SJY28),** ustazah ye(SJY29).
65	Ekspresif Memohon maaf	FZ:	Mudah-mudahan Allah memberikan kita hidayah, dan kita dapat mengawal rajuk kita, mintak ampun mintak maaf **ya(SJY110)**, kita terus selami jiwa, kita rawat rohani, perkasa peribadi. Wassalamulaikum wbt.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.30 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif menyatakan persetujuan berganda, lakuan tuturan direktif mendapatkan respons dan lakuan tuturan ekspresif memohon maaf.

Berdasarkan Jadual 4.30, konteks dalam Ekstrak 63 mengandungi maklumat, iaitu tetamu undangan (SY) menerima dan bersetuju dengan cadangan dan nasihat yang diberikan oleh Ustazah (ZH), apabila berkongsi pengalaman mengendalikan masalah rumahtangga yang berpunca daripada suami yang lupa akan tarikh hari jadi isteri dan menerima respons yang tidak dijangka setelah diberitahu yang suaminya tidak ingat tarikh hari jadinya. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 63 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda ketulusan atau keikhlasan dalam lakuan tuturan asertif dengan menyatakan persetujuan dan mengiyakan merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Penanda pragmatik *ya* yang berfungsi sebagai penanda ketulusan atau keikhlasan kerana merupakan masnifestasi strategi kesantunan positif kerana dari sisi mod sikap domain interpersonal, tetamu undangan (SY) menerima dan mempunyai kebersamaan serta memahami situasi ditambah pula ujaran yang menyatakan persetujuan itu berlaku secara berganda memenuhi kehendak muka positif pendengar.

Konteks bagi Ekstrak 64 pula adalah hos (FZ) mengatakan bahawa salah satu punca isteri merajuk termasuklah terlupa hari-hari istimewa. Hos seterusnya mendapatkan kepastian daripada tetamu undangan (ZH) akan kebenaran fakta tersebut. Selain itu, hos juga menunjukkan kesungguhan untuk mengetahui pandangan daripada Ustazah ZH. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 64 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketulusan atau keikhlasan, iaitu bersungguh-sungguh dalam menunjukkan minat untuk mengetahui lebih lanjut pandangan (ZH) tentang kealpaan suami tentang tarikh istimewa sehingga menjadi punca rajuk isteri. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan positif dalam lakuan ancaman muka negatif memohon respons melalui strategi meminimumkan daya ilokusi lakuan direktif tersebut dengan menggunakan strategi kesantunan positif mempamerkan ketulusan dan keikhlasan menerusi domain interpersonal khususnya mod interaksional tersebut.

Konteks dalam Ekstrak 65 adalah berlatarkan hos (FZ) memohon ampun dan maaf sebelum menamatkan rancangan *Selami Jiwa* dengan temanya *Kita rawat rohani, perkasa peribadi*. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 65 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda ketulusan atau keikhlasan dari sisi mod interaksional domain interpersonal dalam lakuan tuturan asertif memohon maaf atas kekurangan atau kesilapan sepanjang mengendalikan wawancara. Dalam masa yang sama lakuan tersebut sekali gus mencerminkan kecenderungan hos (FZ) meminimumkan lakuan ancaman muka negatif menerusi strategi ketulusan semasa mengujarkan kemaafan dari sisi mod sikap menerusi domain interpersonal yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Dari sisi mod interaksional pula hos menutup rancangan secara teratur, terancang dan tidak mendadak melalui ujaran maaf yang tulus tersebut bagi menandakan rancangan wawancara sudah sampai ke penghujungnya memenuhi kehendak muka positif pendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.10 Penanda optimis

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda optimis dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam satu konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif sebanyak satu kekerapan. Dalam Jadual 4.31 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda optimis dengan diwakili oleh satu contoh ujaran sahaja daripada implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

Jadual 4.31
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Optimis

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Eksplikatur Lokusi Ujaran	
66	Direktif Mohon perhatian	FZ:	Saya nampak tadi, itulah, kita nak raikan audiens yang dalam studio ni, ada yang nak bertanya pada, pada abang Salleh ni, **ya:: (SJY54).** Mana, tadi? A:: sila,sila,sila.
		SY:	Tapi dah penuh dah.

Jadual 4.31 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif memohon atau menarik perhatian pendengar.

Berdasarkan Jadual 4.31, konteks dalam Ekstrak 66 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) secara optimistik, yakin ada dalam kalangan audiens di studio yang hendak bertanya soalan kepada tetamu undangan (SY) dan meminta audiens yang berhajat untuk bertanya mengemukakan soalan. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 66 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda optimis dalam lakuan ancaman muka direktif memohon atau menarik perhatian audiens dalam keadaan hos yakin dan pasti ada dalam kalangan audiens yang ingin bertanya soalan kepada tetamu undangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang merupakan manifestasi strategi kesantunan negatif dari sisi mod sikap domain interpersonal kerana fungsi penanda pragmatik *ya* didapati berupaya meminimumkan daya ilokusi lakuan tuturan direktif tersebut.

4.3.11 Penanda memandu kefahaman pendengar

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda memandu kefahaman pendengar dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam satu konteks ujaran sahaja, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak satu kekerapan sahaja. Dalam Jadual 4.32 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda memandu kefahaman pendengar dengan diwakili oleh satu contoh ujaran daripada implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

Jadual 4.32
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Memandu Kefahaman Pendengar

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
67	Asertif Menerangkan cara	SY:	Sebenarnya tu lah tadi, kerana merajuk ni adalah satu hasutan yang datang daripada perasaan, yang gelap **ya(SJY58),** yang mempengaruhi pemikiran, dan isteri saya yang merajuk tiga hari tadi, baru tiga hari, dia dah tak tahan, call saya mintak maaf dan kemudian dia mintak ampun dengan saya tadi baru saya dapat selesaikan. Biar penyakit dia hilang, tergerak dan terpancar ketika itu dia kata masa itu ada 300 setan atas kepala dia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.32 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif menerangkan cara.

Berdasarkan Jadual 4.32, konteks dalam Ekstrak 67 mengandungi maklumat, iaitu tetamu undangan (SY) menjawab soalan yang diajukan oleh penonton di studio berkaitan cara yang menyebabkan isterinya tidak jadi merajuk dengan memberi penegasan kepada punca rajuk terlebih dahulu, iaitu daripada satu hasutan yang datang daripada perasaan yang gelap yang mempengaruhi pemikiran. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 67 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda memandu kefahaman pendengar dalam lakuan asertif menerangkan cara yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Hal ini demikian kerana dari sisi mod sikap domain interpersonal, tetamu undangan (SY) melayan atau menyempurnakan atau memenuhi kehendak muka positif pendengar dengan memandu kefahaman pendengar apabila mengujarkan lakuan asertif menerangkan cara.

4.3.12 Penanda memperbesarkan perhatian, penghargaan atau persetujuan

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda memperbesarkan perhatian, penghargaan atau persetujuan dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam empat konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak tiga kekerapan dan lakuan tuturan direktif sebanyak satu kekerapan sahaja. Dalam Jadual 4.33 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperbesarkan perhatian, penghargaan atau persetujuan dengan diwakili oleh dua contoh ujaran lakuan tuturan asertif dan satu contoh ujaran lakuan tuturan direktif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

Jadual 4.33
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Memperbesarkan Perhatian, Penghargaan dan Persetujuan

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
68	Asertif memberitahu	FZ:	Em:: Salleh terima kasih dan untuk yang bertanya ni ada hadiah rupanya.
		SY:	Ha:: ada::
		FZ:	One Drop Perfume **ya(SJY59)**, a:: untuk anda, yang tanya je, yang jawab ni:: a:: kemudian. Sabor, sabor.
69	Asertif menyatakan persetujuan	ZH:	Tak patutlah kan.
		FZ:	Ya::(SJY73) **ya(SJY74).**
70	Direktif mengingatkan	FZ:	Rajuk perempuan biasanya antara dua minit hingga 48 jam. Biasanyalah ya(SJY106), paling tinggi dua hari. Lebih dari tu dah memang, memang nak cari nahas ya(SJY107). Rugi, rugi, rugi **ya(SJY108)**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.33 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam dua implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif, iaitu memberitahu dan menyatakan persetujuan serta dalam satu implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif mengingatkan.

Berdasarkan Jadual 4.33, konteks dalam Ekstrak 68 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) memaklumkan bahawa penonton di studio yang bertanya diberikan hadiah, iaitu One Drop Perfume sebagai penghargaan. Dalam masa yang sama hos (FZ) menegaskan dan menarik perhatian pendengar dengan memaklumkan bahawa hadiah tersebut adalah tajaan daripada One Drop Perfume. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 68 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda memperbesarkan penghargaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam lakuan asertif memberitahu atau memaklumkan hadiah yang akan diterima oleh penonton di studio yang bertanya sebagai tanda penghargaan yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif kerana ujaran *terima kasih* memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks bagi Ekstrak 69 pula adalah tetamu undangan Ustazah (ZH) memancing persetujuan pendengar apabila mengulas tentang suami yang memberi respons tidak wajar apabila isteri tidak berpuas hati kerana suaminya terlupa tarikh hari jadinya. Hos (FZ) menerima dan bersetuju dengan pandangan Ustazah (ZH) dengan pernyataan persetujuan berganda. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 69 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda memperbesarkan persetujuan dalam lakuan asertif menyatakan persetujuan berganda *(double agreement)*. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan positif kerana lakuan asertif menyatakan persetujuan berganda *(double agreement)* memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

Konteks dalam Ekstrak 70 adalah berlatarkan hos (FZ) mengingatkan dengan memberikan pesanan kepada audiens tentang kesan merajuk dalam tempoh yang terlalu lama adalah sangat merugikan kepada golongan perempuan. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 70 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda memperbesarkan perhatian. Dalam masa yang sama lakuan tersebut sekali gus mencerminkan kecenderungan hos mempamerkan rasa peduli yang ternyata memenuhi kehendak muka positif pendengar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari sisi mod sikap menerusi domain interpersonal yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif.

4.3.13 Penanda penghargaan

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda penghargaan dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam empat konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif yang mencatatkan sebanyak satu kekerapan sahaja dan lakuan tuturan direktif sebanyak tiga kekerapan. Dalam Jadual 4.34 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda penghargaan dengan diwakili oleh satu contoh ujaran lakuan tuturan asertif dan dua contoh ujaran lakuan tuturan direktif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

Jadual 4.34
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Penghargaan

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
71	Asertif Menyatakan kefahaman	P:	A:: ya(SJY55). Saya ada soalan untuk abang Salleh, jadi saya nak tanyalah bagaimana cara a:: Abang Salleh memujuk isteri-isteri Abang Salleh yang selalunya cara macam mana yang menjadi dan sampaikan isteri ni tak jadi nak merajuk.
		FZ:	**Ya (SJY56)**.
72	Direktif Beri giliran memberi respons	FZ:	Ni balik pada ustazah **ya (SJY60),** apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah memujuk orang perempuan, saya nak, ustazah ya (SJY61), pernah kata tu highlightkan ataupun kata orang tu untuk berikan tumpuan yang, yang paling mustajab. Sebab orang perempuan, kena tanya orang perempuanlah ya(SJY62) kaedah memujuk orang perempuan, saya buat kajian pertama, mintak maaf sungguh-sungguh, lepas tu beri hadiah, bunga rose, Rolls Royce, Porsche ya(SJY63). Tengok kemampuan la, tengok kemampuan.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.34 (*sambungan*)

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
73	Direktif Beri giliran memberi respons	FZ:	Ni balik pada ustazah ya(SJY60), apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah memujuk orang perempuan, saya nak, ustazah **ya (SJY61),** pernah kata tu highlightkan ataupun kata orang tu untuk berikan tumpuan yang, yang paling mustajab. Sebab orang perempuan, kena tanya orang perempuanlah ya(SJY62) kaedah memujuk orang perempuan, saya buat kajian pertama, mintak maaf sungguh-sungguh, lepas tu beri hadiah, bunga rose, Rolls Royce, Porsche ya(SJY63). Tengok kemampuan la, tengok kemampuan.

Jadual 4.34 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif menyatakan kefahaman dan implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif memberi atau memperuntukkan giliran memberi respons.

Berdasarkan Jadual 4.34, konteks dalam Ekstrak 71 mengandungi maklumat, iaitu penonton di studio bertanyakan soalan yang ditujukan kepada panel jemputan (SY) berkaitan cara yang menyebabkan isterinya tidak jadi merajuk, kemudian hos (FZ) mengiyakan soalan tersebut sebagai tanda memahami dan dalam masa yang sama memberi ruang masa dan peluang sekiranya ada soalan lagi yang ingin diajukan. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 71 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda penghargaan dalam lakuan asertif menyatakan kefahaman dan kepedulian yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif kerana mengumpamakan atau memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks bagi Ekstrak 72 pula adalah hos (FZ) membuka bicara dengan memberi giliran kepada panel jemputan, Ustazah (ZH) memberi respons tentang kaedah memujuk orang perempuan. Hos memulakan beberapa cadangan sebelum panel menjawab. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 72 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda penghargaan dalam lakuan ancaman muka negatif direktif memberi respons. Penggunaan penanda pragmatik *ya* sebagai penanda penghargaan mempamerkan manifestasi kesantunan positif dalam bentuk strategi memberikan atau memperuntukkan giliran buat tetamu undangan secara khusus kerana mengumpamakan kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal. Dalam masa yang sama, daya ilokusi lakuan direktif permintaan untuk memberikan respons dalam domain interpersonal khususnya mod interaksional dapat diminimumkan dengan disulami dengan lakuan strategi kesantunan positif memberi penghargaan tersebut.

Konteks dalam Ekstrak 73 adalah berlatarkan sama dengan konteks dalam Ekstrak 72 di atas, iaitu hos (FZ) membuka bicara dengan memberi giliran kepada panel jemputan, Ustazah (ZH) untuk memberi respons tentang kaedah memujuk orang perempuan. Hos memulakan beberapa cadangan sebelum tetamu undangan (ZH) menjawab. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 73 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda penghargaan, iaitu kesinambungan tujuan komunikatif dalam Ekstrak 72, dalam lakuan ancaman muka negatif direktif memberi respons. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan positif melalui strategi memberikan atau memperuntukkan giliran buat tetamu undangan secara khusus, diberi keutamaan dan giliran atas kepakaran kerana mengumpamakan kehendak muka positif pendengar dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sisi mod sikap domain interpersonal. Dalam masa yang sama, daya ilokusi lakuan direktif permintaan untuk memberikan respons dalam domain interpersonal khususnya mod interaksional dapat diminimumkan.

4.3.14 Penanda spontan

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda spontan dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam dua konteks ujaran, iaitu kedua-duanya dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif. Dalam Jadual 4.35 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda spontan dengan diwakili oleh dua contoh ujaran daripada lakuan tuturan direktif tersebut di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.35
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Spontan

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
74	Direktif Mohon fikirkan bersama	ZH:	A:: orang perempuan ni kadang-kadang dia walaupun, dia kadang-kadang, dia salah pon dia merajuk.
		FZ:	Oo..
		ZH:	**Ya(SJY67)**, dak?
		FZ:	Pulok.
75	Direktif Mohon fikirkan bersama	ZH:	Dia salah kadang-kadang dia merajuk, kadang-kadang dalam hal ini suami merasakan dia mintak maaf, aa:: jadi maknanya padahal suami tak salah pon.
		FZ:	A::
		ZH:	**Ya(SJY68)** dak? Tapi suami tu kata sorrylah abang mintak maaf kalau abang salah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.35 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif memohon atau mengajak pendengar memikirkan bersama sesuatu isu yang dikupas atau dibincangkan.

Berdasarkan Jadual 4.35, konteks dalam Ekstrak 74 mengandungi maklumat, iaitu tetamu undangan (ZH) menyatakan bahawa perempuan kadang-kadangnya yang melakukan kesalahan juga menyebabkan dirinya sendiri merajuk. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 74 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda spontan dalam lakuan ancaman muka direktif memohon pendengar memikirkan bersama. Penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam ujaran lakuan ancaman muka direktif tersebut seterusnya mewujudkan suasana spontan yang berasosiasi dengan keadaan bersahaja sehingga mewujudkan situasi mesra sosial, iaitu merapatkan jurang atau jarak sosial antara penutur dengan pendengar yang merupakan manifestasi kesantunan positif kerana mengumpamakan kehendak muka positif pendengar. Dalam masa yang sama dari sisi mod sikap domain interpersonal, daya ilokusi lakuan ancaman muka direktif dapat diminimumkan dengan menarik perhatian pendengar dalam bentuk permintaan agar pendengar turut sama memikirkan pernyataannya melalui ujaran *ya dak?*, sekali gus melibatkan pendengar dalam interaksi.

Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 75 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* juga berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda spontan. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan positif kerana mengumpamakan kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal, iaitu pendengar dilibatkan sama dalam interaksi melalui ujaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ya dak? melalui strategi meminimumkan daya ilokusi mengorganisasikan penggiliran dalam domain interpersonal khususnya mod interaksional.

4.3.15 Penanda simpati

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda simpati dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam satu konteks ujaran sahaja, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif. Dalam Jadual 4.36 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda simpati dengan diwakili oleh satu contoh ujaran lakuan tuturan asertif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.36
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Simpati

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
76	Asertif Menzahirkan rasa simpati	ZH:	Dia orang perempuan mudah lembut hati.
		FZ:	O:: **ye**ke**(SJY69)**.
		ZH:	Mengalah bukan beerti kita kalah, saya ingat satu kisah Dato' pukul sebelas malam seorang isteri telefon saya.

Jadual 4.36 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif menzahirkan rasa simpati.

Berdasarkan Jadual 4.36, konteks dalam Ekstrak 76 mengandungi maklumat, iaitu semasa tetamu undangan (ZH) berkongsi pengalaman dalam mengendali kes rumahtangga berkaitan isteri merajuk, ZH menjelaskan juga bahawa ungkapan maaf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada suami walaupun suami tidak bersalah boleh melembutkan hati isteri kerana perempuan mudah lembut hatinya. Selanjutnya, hos (FZ) menyahut dengan ujaran *O:: **ye** ke* memancarkan rasa tersentuh hati dan bersimpati. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 76 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda simpati dalam lakuan asertif berbasa-basi (*backchanneling*) yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Hal ini demikian kerana lakuan tuturan hos (FZ) menyahut tersebut memancarkan rasa simpati, iaitu tersentuh hati, mencerminkan rasa peduli dan memahami situasi yang menunjukkan lakuan tuturan tersebut memenuhi kehendak muka positif pendengar.

4.3.16 Penanda fasilitatif, menyenangi, menyedari kesukaan pendengar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, gelagat penanda pragmatik *ya* sebagai penanda fasilitatif, menyenangi atau menyedari kesukaan pendengar dapat ditonjolkan dan telah dikenal pasti hadir dalam lapan konteks ujaran, iaitu dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan ekspresif. Dalam Jadual 4.37 ditunjukkan representasi fungsi penanda pragmatik *ya* tersebut sebagai penanda fasilitatif, menyenangi atau menyedari kesukaan pendengar dengan diwakili oleh tiga contoh ujaran lakuan tuturan ekspresif di posisi penanda pragmatik *ya* hadir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.37
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya sebagai Penanda Fasilitatif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan		Eksplikatur Lokusi Ujaran
77	Ekspresif Memberi penghargaan	FZ:	Alhamdullilah, terima kasih, syukur **ya(SJY78)** kerana masih bersama kami di segmen yang terakhir ya(SJY79) *Selami Jiwa Musim Kedua*, kita bercakap-cakap tentang pasangan yang kuat merajuk.
78	Ekspresif Memberi penghargaan	FZ:	Itu sebenarnya kalau kita boleh rumuskan salah satu cara **ya(SJY98)** ustazah ya(SJY99), ustazah dah sebut dalam ceramahnya, untuk mendamaikan suami isteri merajuk, suami jadi imam, isteri, isteri, isteri jadi makmum, masya-Allah. Lepas tu salam-salam, lepas tu peluk, masya-Allah. Tu satu ya(SJY100).
79	Ekspresif Memberi penghargaan	FZ:	Kedua, bak kata ustazah tadi **ya(SJY101)**, Salleh pun ada implikasinya bermaaf-maafan kalau boleh sebelum tidur. Tu yang saya cuba buat sejak 25 tahun yang lepas, saya bermaafan dengan isteri saya tiap-tiap malam.

Jadual 4.37 memperlihatkan penggunaan penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan ekspresif memberi dan menyatakan penghargaan.

Berdasarkan Jadual 4.37, konteks dalam Ekstrak 77 mengandungi maklumat, iaitu hos (FZ) menyampaikan rasa syukur dan penghargaan beliau kerana audiens masih tidak berganjak dan masih setia dalam segmen akhir rancangan bual bicara *Selami Jiwa Musim Kedua* yang membincangkan isu berkaitan kuat merajuk. Melalui penelitian terhadap konteks yang terkandung dalam Ekstrak 77 tersebut, penanda pragmatik *ya* didapati berperanan memberikan implikatur ilokusi ujaran sebagai penanda fasilitatif, menyenangi, menyedari kesukaan pendengar dalam lakuan ekspresif menyatakan atau menyampaikan rasa penghargaan yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif kerana memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal yang mencerminkan kesungguhan hos dalam menyatakan penghargaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan darjah keikhlasan tinggi yang mampu menimbulkan suasana fasilitatif dan menyenangkan pada pendengar kerana rasa dihargai.

Konteks bagi Ekstrak 78 pula adalah hos (FZ) mengumpamakan panel jemputan (ZH) dengan menarik perhatiannya dan seterusnya menghargainya secara implisit iaitu dengan memetik pandangan beliau dalam ceramahnya untuk dikongsi kepada audiens sebagai rumusannya. Jika diamati dalam konteks data Ekstrak 78 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berperanan dalam memberikan implikatur ilokusi lakuan tuturan ekspresif menyatakan atau menyampaikan penghargaan sebagai penanda fasilitatif, menyenangi, menyedari kesukaan pendengar. Penggunaan penanda pragmatik *ya* mempamerkan manifestasi kesantunan positif kerana hos memenuhi kehendak muka positif pendengar dari sisi mod sikap domain interpersonal yang mencerminkan kesungguhan hos apabila memetik semula pandangan tetamu undangan (ZH) memperlihatkan secara implisit bentuk penghargaan yang mampu menimbulkan suasana fasilitatif dan menyenangkan pada pendengar kerana rasa dihargai.

Konteks dalam Ekstrak 79 adalah berlatarkan hos (FZ) mengumpamakan panel jemputan dengan menarik perhatiannya (*double attention getter*) dan seterusnya menghargainya dengan memetik pandangan beliau dalam ceramahnya untuk dikongsi kepada audiens. Jika diteliti dalam konteks data Ekstrak 79 tersebut, penggunaan penanda pragmatik *ya* berfungsi dalam memberikan implikatur ilokusi sebagai penanda fasilitatif, menyenangi, menyedari kesukaan pendengar dari sisi mod sikap menerusi domain interpersonal yang merupakan manifestasi strategi kesantunan positif. Hal ini demikian kerana lakuan tuturan menyampaikan penghargaan mampu menimbulkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

suasana fasilitatif dan menyenangkan pada pendengar kerana rasa dihargai dan diumpamakan.

4.4 Kemultifungsian Penanda Pragmatik *ya*


Berasaskan analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, didapati bahawa terdapat 16 fungsi penanda pragmatik *ya* yang telah dikenal pasti. Kerangka Amalgamasi Santun tidak terhad penggunaannya dengan meneliti jaringan berpolakan interstrategi santun secara amalgamasi, iaitu antara Prinsip Kerjasama Grice (SK1), Prinsip Kesantunan Leech (SK2) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (SK3). Secara lebih khususnya, Kerangka Amalgamasi Santun juga secara praktisnya diaplikasi dalam jaringan berpolakan intrastrategi santun secara amalgamasi melalui rincian secara internal, iaitu SK3 (KP) meliputi substrategi kesantunan positif (KP1-KP15) dan SK3 (KN) pula meliputi substrategi kesantunan negatif (KN1-KN10) sehingga menerbitkan fenomena multifungsional. Setelah data disaring, daripada 15 kesantunan positif tersebut, penanda pragmatik *ya* hadir dalam 13 substrategi, iaitu hanya melibatkan substrategi menyedari kesukaan pendengar (KP1); memperbesarkan perhatian, persetujuan dan simpati (KP2); menarik minat pendengar (KP3); memancing persetujuan (KP5); menghindari ketidaksetujuan (KP6); praandaian; kesamaan melalui basa-basi (KP7); menggunakan elemen gurauan (KP8); mengambil kira keinginan pendengar (KP9); menawarkan janji (KP10); bersikap optimistik (KP11); melibatkan pendengar dalam aktiviti (KP12); memberi penghargaan, kerjasama, simpati (KP13); dan memberi alasan (KP15). Tiga strategi kesantunan negatif yang dimanifestasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula termasuklah menggunakan *hedge* atau pembatas atau mitigasi (KN2); meminimumkan bebanan atau imposisi (KN4); dan meminta maaf (KN6).

Jaringan interstrategi dan intrastrategi amalgamasi santun tersebut ditunjukkan dalam Rajah 4.2 berikut:



Rajah 4.2
Jaringan Interstrategi dan Intrastrategi Menerusi Kerangka Amalgamasi Santun

Petunjuk

SK1	*Prinsip Kerjasama Grice (P1)*	*KP6*	*Menghindari ketidaksetujuan*
SK2	*Prinsip Kesantunan Leech (P2)*	*KP7*	*Praandaian, kesamaan melalui basa-basi*
SK3	*Strategi Kesantunan Brown & Levinson (P3)*	*KP8*	*Menggunakan elemen gurauan*
M1	*Maksim Kualiti*	*KP9*	*Mengambil kira keinginan H*
M2	*Maksim Kuantiti*	*KP10*	*Menawarkan janji*
M3	*Maksim Cara*	*KP11*	*Bersikap optimistik*
M4	*Maksim Relevan*	*KP12*	*Melibatkan H dalam aktiviti*
M1a	*Maksim Kebijaksanaan*	*KP13*	*Memberi alasan*
M2a	*Maksim Kedermawanan*	*KP14*	*Menyatakan hubungan timbal balik*
M3a	*Maksim Sokongan*	*KP15*	*Memberi penghargaan, kerjasama, simpati*
M4a	*Maksim Merendahkan Hati*	*KN1*	*Ungkapan tidak langsung*
M5a	*Maksim Persetujuan*	*KN2*	*Menggunakan hedge, batas*
M6a	*Maksim Simpati*	*KN3*	*Bersikap optimistik*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KP	*Kesantunan Positif*	*KN4*	*Meminimumkan bebanan*
KN	*Kesantunan Negatif*	*KN5*	*Memberi penghormatan*
KP1	*Menyedari Kesukaan H*	*KN6*	*Meminta maaf*
KP2	*Memperbesarkan perhatian, persetujuan, simpati.*	*KN7*	*Menggunakan ungkapan berbentuk impersonal*
KP3	*Menarik minat H*	*KN8*	*Lakuan tuturan bersifat umum*
KP4	*Menggunakan penanda identity sekelompok*	*KN9*	*Nominalisasi*
KP5	*Memancing persetujuan*	*KN10*	*Mengungkap rasa terhutang budi*

Hakikatnya, penanda pragmatik *ya* mempunyai kepelbagaian fungsi dan berfiturkan multifungsional, iaitu sejumlah 16 fungsi yang telah dikenal pasti. Jadual 4.38 menunjukkan contoh kemultifungsian penanda pragmatik *ya* dalam lokusi ujaran, iaitu merangkumi Ekstrak 80 hingga 88. Setiap kepelbagaian fungsi bagi penanda pragmatik *ya* didapati hadir dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif (Rujuk Jadual 4.38), lakuan tuturan direktif (Rujuk Jadual 4.39) dan lakuan tuturan ekspresif (Rujuk Jadual 4.40). Setiap penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam setiap implikatur ilokusi lakuan tuturan tersebut diwakili oleh tiga contoh lokusi ujaran seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.38
Representasi Kemultifungsian Penanda Pragmatik ya dalam Lakuan Tuturan Asertif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data		Eksplikatur Lokusi Ujaran
80	Asertif Menerangkan cara	SJY58	SY:	Sebenarnya tu lah tadi, kerana merajuk ni adalah satu hasutan yang datang daripada perasaan, yang gelap **ya(SJY58),** yang mempengaruhi pemikiran, dan isteri saya yang merajuk tiga hari tadi, baru tiga hari, dia dah tak tahan, call saya mintak maaf dan kemudian dia mintak ampun dengan saya tadi baru saya dapat selesaikan.
81	Asertif Menzahirkan rasa simpati	SJY69	ZH: FZ: ZH:	Dia orang perempuan mudah lembut hati. O:: **ye**ke**(SJY69)**. Mengalah bukan beerti kita kalah, saya ingat satu kisah Dato' pukul sebelas malam seorang isteri telefon saya.
82	Asertif Menyatakan persetujuan berganda	SJY71	ZH: FZ: SY: ZH: FZ:	Hadiah beli dah tinggal kat pejabat. A:: Ceh! Tapi belum bayar lagi, tak boleh bawak balik. Hahaha. Belum ambil, belum ambil. Betul dak? Ya(SJY70), **ya(SJY71).**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi secara multifungsional dalam lakuan tuturan asertif. Sebagai contohnya, Jadual 4.38 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY58) dalam lakuan tuturan asertif *menerangkan cara* yang hadir dalam Ekstrak 80 berfungsi sebagai penanda penarik perhatian pendengar, penanda penegasan, penanda melibatkan pendengar dalam interaksi atau aktiviti dan penanda memandu kefahaman pendengar. Dalam lakuan tuturan asertif *menzahirkan rasa simpati* pula penanda pragmatik *ya* (SJY69) yang hadir dalam Ekstrak 81 berfungsi sebagai penanda memahami situasi, penanda simpati dan penanda basa-basi. Manakala dalam lakuan asertif *menyatakan* pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY71) yang hadir dalam Ekstrak 82 menjalankan fungsinya sebagai penanda penerimaan berganda, penanda penegasan atau penanda penguat keikhlasan dan penanda basa-basi atau fatis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.39
Representasi Kemultifungsian Penanda Pragmatik ya dalam Lakuan Tuturan Direktif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data	Eksplikatur Lokusi Ujaran	
83	Direktif Menasihati	SJY30	FZ:	A:: Salleh kena jamah semua masakan dan dia, **ya(SJY30)**.
84	Direktif Mendapatkan respons	SJY39	FZ:	Tapi langsung tak puji tak appreciate, tak sebut, tak. Ha:: ni dia yang saya senaraikan, so banyak betul **ya(SJY39)** ustazah ya(SJY40)?
			ZH:	Memang banyak.
85	Direktif Peringatan mesra	SJY87	FZ:	itulah, aa:: kena, **ya**lah**(SJY87),** tak dapat, tak dapat. A:: tak dapat belaian, a:: tak faham sudah.

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi secara multifungsional dalam lakuan tuturan direktif. Sebagai contohnya, Jadual 4.39 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY30)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam lakuan tuturan direktif menasihati yang hadir dalam Ekstrak 83 berfungsi sebagai penanda penegasan dan penanda penarik perhatian tetamu undangan. Dalam lakuan tuturan direktif mendapatkan respons dan maklumat pula penanda pragmatik *ya* (SJY39) yang hadir dalam Ekstrak 84 berfungsi sebagai penanda penegasan ketulusan, penanda mitigasi dan penanda melibatkan pendengar dalam interaksi. Manakala dalam lakuan direktif memberikan peringatan mesra pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY87) yang hadir dalam Ekstrak 85 menjalankan fungsinya sebagai penanda mitigasi, penanda mengumpamakan pendengar, penanda penegasan dan penanda menarik perhatian pendengar.

Jadual 4.40
Representasi Kemultifungsian Penanda Pragmatik ya dalam Lakuan Tuturan Ekspresif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data	Eksplikatur Lokusi Ujaran	
86	Ekspresif Mengkritik	SJY32	FZ: SY:	Aa:: tu tu biasa tu. A:: Laki-laki yang makhluk yang dua alam, ertinya kat rumah, dengan isteri garang, dengan isteri orang **ya:: (SJY32)** Allah lembut. A:: ada, ada.
87	Ekspresif Menghargai	SJY101	FZ:	Kedua, bak kata ustazah tadi **ya(SJY101)**, Salleh pun ada implikasinya bermaaf-maafan kalau boleh sebelum tidur.
88	Ekspresif Memohon maaf	SJY110	FZ:	Mudah-mudahan Allah memberikan kita hidayah, dan kita dapat mengawal rajuk kita, mintak ampun mintak maaf **ya(SJY110)**, kita terus selami jiwa, kita rawat rohani, perkasa peribadi. Wassalamulaikum wbt.

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi secara multifungsional dalam lakuan tuturan ekspresif. Sebagai contohnya, Jadual 4.40 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY32) dalam lakuan tuturan ekspresif mengkritik yang hadir dalam Ekstrak 86 berfungsi sebagai penanda penegasan semasa menunjukkan rasa peduli dan penanda mengumpamakan pendengar dan penanda mitigasi. Dalam lakuan tuturan ekspresif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghargai pula penanda pragmatik *ya* (SJY101) yang hadir dalam Ekstrak 87 berfungsi sebagai penanda penegasan dan penanda mengumpamakan tetamu undangan. Manakala dalam lakuan ekspresif memohon maaf pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY110) yang hadir dalam Ekstrak 88 menjalankan fungsinya sebagai penanda penegasan keikhlasan, penanda mengumpamakan pendengar, penanda menarik perhatian pendengar dan penanda mitigasi.

4.5 Fungsi Interpersonal Penanda Pragmatik *ya*

Penanda pragmatik *ya* dapat dilihat dari sudut domain interpersonal mendokong fungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod interaksional (4.5.1) dan mod sikap (4.5.2).

4.5.1 Mod Interaksional

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam usaha memastikan komunikasi berjalan lancar dalam mod interaksioanal menerusi lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif seperti yang ditunjukkan masing-masingnya dalam contoh lokusi ujaran merujuk kepada Jadual 4.41, Jadual 4.42 dan Jadual 4.43.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.41
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya dalam Mod Interaksional Lakuan Tuturan Asertif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data		Eksplikatur Lokusi Ujaran
89	Asertif Menyatakan	SJY6	SY: FZ:	Kadang-kadang merajuk tu satu teguran lah. Bila orang merajuk **ya(SJY6)**, hati tak bersih.
90	Asertif Memberi respons	SJY47	ZH: FZ:	Ok, lah kalau kita merujuk kepada satu hadis nabi ya(SJY46), nabi beritahu kita yang bermaksud, orang perempuan ni **ya(SJY47)**, Allah jadikan dia dari tulang rusuk orang lelaki ya::(SJY48) yang paling atas sekali. Erm:: hm::
91	Asertif Menyatakan persetujuan	SJY70	ZH: FZ: SY: ZH: FZ:	Hadiah beli dah tinggal kat pejabat. A:: Ceh! Tapi belum bayar lagi, tak boleh bawak balik. Hahaha. Belum ambil, belum ambil. Betul dak? **Ya(SJY70)**, ya(SJY71).

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, dari sudut domain interpersonal, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod interaksional menerusi lakuan tuturan asertif. Sebagai contohnya, Jadual 4.41 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY6) dalam lakuan tuturan asertif menyatakan yang hadir dalam Ekstrak 89 berfungsi sebagai penanda penegasan menarik perhatian pendengar. Dalam lakuan tuturan asertif memberi respons dengan mengekalkan giliran dalam pengorganisasian giliran berbicara pula penanda pragmatik *ya* (SJY47) yang hadir dalam Ekstrak 90 berfungsi sebagai penanda penarik perhatian pendengar dan penanda mengekalkan perhatian pendengar. Manakala dalam lakuan asertif menyatakan persetujuan pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY70) yang hadir dalam Ekstrak 91 menjalankan fungsinya sebagai penanda pemberi giliran berbicara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.42
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya dalam Mod Interaksional Lakuan Tuturan Direktif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data		Eksplikatur Lokusi Ujaran
92	Direktif Menarik perhatian pendengar	SJY16	ZH:	Sekarang dah pakai polistrin jelah Dato', senang. Tapi itulah **ya(SJY16)** banyak kes-kes sebenarnya Dato' ya(SJY17).
93	Direktif Mengekalkan giliran	SJY21-24	FZ:	Bila saya buat kajian ustazah, ni:: ni:: apa nama ustaz Salleh pernah berucap, punca perempuan merajuk, isteri merajuk, orang perempuan merajuk, **ya:(SJY21)** ya::(SJY22) ni saya senaraikan ya(SJY23), ni:: ikut kajian ya::(SJY24). A::, rupanya bila orang perempuan senyap, bising-bising tiba-tiba senyap tanda rajuk yang agak berat ya(SJY25). Betul ke ustazah?
			ZH:	Ya(SJY26**)** betul.
94	Direktif Memohon respons	SJY60-63	FZ:	Ni balik pada ustazah **ya(SJY60),** apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah memujuk orang perempuan, saya nak, ustazah ya (SJY61), pernah kata tu highlightkan ataupun kata orang tu untuk berikan tumpuan yang, yang paling mustajab. Sebab orang perempuan, kena tanya orang perempuanlah ya(SJY62) kaedah memujuk orang perempuan, saya buat kajian pertama, mintak maaf sungguh-sungguh, lepas tu beri hadiah, bunga rose, Rolls Royce, Porsche ya(SJY63). Tengok kemampuan la, tengok kemampuan.

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, dari sudut domain interpersonal, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod interaksional menerusi lakuan tuturan direktif. Sebagai contohnya, Jadual 4.42 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY16) dalam lakuan tuturan direktif menarik perhatian pendengar semasa memberi respons yang hadir dalam Ekstrak 92 berfungsi sebagai penanda menarik perhatian pendengar. Dalam lakuan tuturan direktif mengekalkan giliran dalam pengorganisasian giliran berbicara pula penanda pragmatik *ya* (SJY21-24) yang hadir dalam Ekstrak 93 berfungsi sebagai penanda menarik perhatian pendengar dan penanda pengorganisasian penggiliran berbicara, iaitu mengekalkan giliran. Manakala dalam lakuan direktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memohon respons pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY60-63) yang hadir dalam Ekstrak 94 menjalankan fungsinya sebagai penanda memberi dan mengkhususkan giliran berbicara kepada tetamu undangan.

Jadual 4.43
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya dalam Mod Interaksional Lakuan Tuturan Ekspresif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data		Eksplikatur Lokusi Ujaran
95	Ekspresif Menyatakan penghargaan	SJY78	FZ:	Alhamdullilah, terima kasih, syukur **ya(SJY78)** kerana masih bersama kami di segmen yang terakhir ya(SJY79) Selami Jiwa Musim Kedua, kita bercakap-cakap tentang pasangan yang kuat merajuk.
96	Ekspresif Menyampaikan penghargaan	SJY103	FZ: ZH:	Ini, ini untuk merawat rajuk ni, untuk persembahan yang luar biasa, dua orang, ada, ada hadiah, bukan yang bertanya aje. Ustazah **ya(SJY103)**. Terima kasih.
97	Ekspresif Memohon maaf	SJY110	FZ:	Mudah-mudahan Allah memberikan kita hidayah, dan kita dapat mengawal rajuk kita, mintak ampun mintak maaf **ya(SJY110)**, kita terus selami jiwa, kita rawat rohani, perkasa peribadi. Wassalamulaikum wbt.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, dari sudut domain interpersonal, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod interaksional menerusi lakuan tuturan ekspresif. Sebagai contohnya, Jadual 4.43 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY78) dalam lakuan tuturan ekspresif menyatakan penghargaan yang hadir dalam Ekstrak 95; penanda pragmatik *ya* (SJY103) dalam lakuan tuturan ekspresif menyampaikan penghargaan; dan penanda pragmatik *ya* (SJY110) yang hadir dalam Ekstrak 97 dalam lakuan tuturan memohon maaf kesemuanya menjalankan fungsi sebagai penanda penarik perhatian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Mod Sikap

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod sikap menerusi lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif adalah seperti yang ditunjukkan masing-masingnya dalam contoh lokusi ujaran merujuk kepada Jadual 4.44, Jadual 4.45 dan Jadual 4.46.

Jadual 4.44
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya dalam Mod Sikap dalam Lakuan Tuturan Asertif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data	Eksplikatur Lokusi Ujaran	
98	Asertif Menyatakan persetujuan	SJY20	ZH: FZ:	Apabila kita merajuk, sebenarnya kita nak dapat perhatian. **Ya(SJY20)** betul.
99	Asertif Menzahirkan rasa simpati	SJY69	ZH: FZ: ZH:	Dia orang perempuan mudah lembut hati. O:: **ye**ke**(SJY69)**. Mengalah bukan beerti kita kalah, saya ingat satu kisah Dato' pukul sebelas malam seorang isteri telefon saya.
100	Asertif Memberi maklumat	SJY105	FZ:	Jadi, tu dia tuan-tuan, puan-puan, adik-adik dan anak-anak. Mengikut kajian, rajuk laki-laki paling lama dua jam **ya(SJY105).** Cukuplah tu.

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, dari sudut domain interpersonal, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod sikap menerusi lakuan tuturan asertif. Sebagai contohnya, Jadual 4.44 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY20) dalam lakuan tuturan asertif menyatakan persetujuan yang hadir dalam Ekstrak 98 berfungsi sebagai penanda persetujuan. Dalam lakuan tuturan asertif menzahirkan rasa simpati pula penanda pragmatik *ya* (SJY69) yang hadir dalam Ekstrak 99 berfungsi sebagai penanda memahami situasi, penanda kepedulian dan simpati dan penanda basa-basi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam lakuan asertif menyatakan dan memberikan maklumat pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY105) yang hadir dalam Ekstrak 100 menjalankan fungsinya sebagai penanda memandu kefahaman pendengar dan mengendahkan pendengar.

Jadual 4.45
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya dalam Mod Sikap dalam Lakuan Tuturan Direktif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data		Eksplikatur Lokusi Ujaran
101	Direktif Mengekalkan giliran	SJY28	SY: FZ:	Saya bagi payung. Hahaha:: Astaghfirullah, payung mas. Innalillah, hebat ya(SJY27), itulah laki-laki remehkan perasaannya. A:: Itu pon nak merajuk, itu pon nak merajuk. A:: meremehkan. Lepas tu terlupa hari-hari istimewa, betul **ye(SJY28),** ustazah ye(SJY29).
102	Direktif Mohon respons	SJY60	FZ:	Ni balik pada ustazah **ya(SJY60),** apa nama saya buat kajian sikit tentang kaedah memujuk orang perempuan, saya nak, ustazah ya (SJY61), pernah kata tu highlightkan ataupun kata orang tu untuk berikan tumpuan yang, yang paling mustajab. Sebab orang perempuan, kena tanya orang perempuanlah ya(SJY62) kaedah memujuk orang perempuan, saya buat kajian pertama, mintak maaf sungguh-sungguh, lepas tu beri hadiah, bunga rose, Rolls Royce, Porsche ya(SJY63). Tengok kemampuan la, tengok kemampuan.
103	Direktif Mengingatkan	SJY84	FZ:	Isteri abaikan ibu bapa suami, kecik hati suami, **ya(SJY84)**.

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, dari sudut domain interpersonal, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod sikap menerusi lakuan tuturan direktif. Sebagai contohnya, Jadual 4.45 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY28) dalam lakuan tuturan direktif mengekalkan giliran dalam pengorganisasian penggiliran berbicara yang hadir dalam Ekstrak 101 berfungsi sebagai penanda mitigasi daya ilokusi lakuan tuturan direktif mengekalkan giliran, penanda melibatkan pendengar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam interaksi, penanda penegasan ketulusan. Dalam lakuan tuturan direktif mohon respons pula penanda pragmatik *ya* (SJY60) yang hadir dalam Ekstrak 102 berfungsi sebagai penanda penghormatan dan penanda penegasan kerana hos (FZ) bersungguh-sungguh tahap ingin tahunya. Manakala dalam lakuan direktif mengingatkan pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY84) yang hadir dalam Ekstrak 103 menjalankan fungsinya sebagai penanda mitigasi daya ilokusi lakuan tuturan direktif mengingatkan dan penanda penegasan tahap kepedulian.

Jadual 4.46
Representasi Fungsi Penanda Pragmatik ya dalam Mod Sikap dalam Lakuan Tuturan Ekspresif

Ekstrak	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Anotasi Data		Eksplikatur Lokusi Ujaran
104	Ekspresif Memuji	SJY27	SY:	Saya bagi payung. Hahaha::
			FZ:	Astaghfirullah, payung mas. Innalillah, hebat **ya(SJY27)**, itulah laki-laki remehkan perasaannya. A:: Itu pon nak merajuk, itu pon nak merajuk. A:: meremehkan. Lepas tu terlupa hari-hari istimewa, betul ye(SJY28), ustazah ye(SJY29).
105	Ekspresif Menyatakan penghargaan	SJY99	FZ:	Itu sebenarnya kalau kita boleh rumuskan salah satu cara ya(SJY98) ustazah **ya(SJY99)**, ustazah dah sebut dalam ceramahnya, untuk mendamaikan suami isteri merajuk, suami jadi imam, isteri, isteri, isteri jadi makmum, masya-Allah. Lepas tu salam-salam, lepas tu peluk, masya-Allah. Tu satu ya(SJY100).
106	Ekspresif Menyampaikan penghargaan	SJY103	FZ:	Ini, ini untuk merawat rajuk ni, untuk persembahan yang luar biasa, dua orang, ada, ada hadiah, bukan yang bertanya aje. Ustazah **ya(SJY103)**.
			ZH:	Terima kasih.

Menerusi analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun, dari sudut domain interpersonal, penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam mod sikap menerusi lakuan tuturan ekspresif. Sebagai contohnya, Jadual 4.46 menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY27) dalam lakuan tuturan ekspresif memuji yang hadir dalam Ekstrak 104 berfungsi sebagai penanda penegasan keikhlasan. Dalam lakuan tuturan ekspresif menghargai pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda pragmatik *ya* (SJY99) yang hadir dalam Ekstrak 105 berfungsi sebagai penanda penegasan ketulusan dan penanda melibatkan pendengar dalam interaksi. Manakala dalam lakuan ekspresif menyampaikan penghargaan pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* (SJY103) yang hadir dalam Ekstrak 106 menjalankan fungsinya sebagai penanda penegasan atau penguat tahap keikhlasan.

4.6 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Taksonomi Lakuan Tuturan

Daripada 5 taksonomi lakuan tuturan Searle (1969), iaitu asertif, direktif, deklaratif, ekspresif dan komisif dapatan kajian menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* hanya hadir menerusi tiga taksonomi lakuan tuturan sahaja, iaitu taksonomi lakuan tuturan asertif (Rujuk Lampiran 14), direktif (Rujuk Lampiran 15) dan ekspresif (Rujuk Lampiran 16) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.47.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.47
Kehadiran penanda pragmatik ya mengikut taksonomi dan implikatur ilokusi lakuan tuturan

Bil	Taksonomi Lakuan Tuturan	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Bil.	Peratus (%)	Jumlah Kumulatif Bil.	Jumlah Kumulatif Peratus (%)
1	Asertif	Memperkenalkan	4	8.70	46	41.82
		Menyatakan persetujuan	20	43.48		
		Menyatakan, menzahirkan rasa simpati	1	2.17		
		Menyatakan, memberitahu, menyampaikan maklumat, menjelaskan, menerangkan	16	34.78		
		Memberi respons	4	8.70		
		Merumuskan	1	2.17		
2	Direktif	Mohon respons, pandangan, persetujuan	18	33.96	53	48.18
		Menarik perhatian	7	13.21		
		Mengekalkan giliran, Mengorganisasi giliran berbicara	4	7.55		
		Menasihati	5	9.43		
		Mencadangkan	5	9.43		
		Memberi amaran, mengingatkan	7	13.21		

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.47 (*sambungan*)

Bil	Taksonomi Lakuan Tuturan	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan	Bil.	Peratus (%)	Jumlah Kumulatif Bil.	Jumlah Kumulatif Peratus (%)
		Meminta	4	7.55		
		Melarang	1	1.89		
		Mengajak	2	3.77		
3	Deklaratif	-	-	-	-	-
4	Ekspresif	Memuji	1	9.09	11	10.00
		Mengkritik	2	18.18		
		Menghargai	7	63.64		
		Memohon maaf	1	9.09		
5	Komisif	-	-	-	-	-
	JUMLAH		110	-	110	100.00

Jadual 4.47 menunjukkan taburan kehadiran penanda pragmatik *ya* mengikut taksonomi dan implikatur ilokusi lakuan tuturan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, taburan tertinggi dicatatkan oleh penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam taksonomi lakuan tuturan direktif, iaitu berjumlah 53 kekerapan (48.18%), diikuti dengan taksonomi lakuan tuturan asertif, iaitu berjumlah 46 kekerapan (41.82%) dan taburan terendah adalah taksonomi lakuan tuturan ekspresif yang mencatatkan taburan sebanyak 11 kekerapan (10.00%).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam taksonomi lakuan tuturan direktif berdasarkan sembilan kategori yang telah dikenal pasti. Kategori memohon respons, pandangan dan persetujuan daripada pendengar mencatatkan kekerapan yang teringgi, iaitu sebanyak 18 kali (33.96%). Dalam enam kategori di bawah taksonomi lakuan tuturan asertif pula, dapatan menunjukkan bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* mencatatkan kekerapan tertinggi dalam lakuan menyatakan persetujuan, iaitu sebanyak 20 kali (43.48%) diikuti oleh lakuan menyatakan, memberitahu, menyampaikan maklumat, menjelaskan dan menerangkan sebanyak 16 kali (34.78%). Daripada empat kategori di bawah taksonomi lakuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tuturan ekspresif pula, didapati bahawa penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam lakuan menghargai mencatatkan kekerapan paling tinggi, iaitu sebanyak tujuh kali (63.64%). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* tidak hadir dalam lakuan tuturan deklaratif dan komisif. Hal ini demikian kerana lakuan tuturan tersebut juga tidak muncul dalam genre wawancara yang dijadikan korpus kajian ini.

4.6.1 Fungsi Penanda pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Asertif

Lakuan tuturan asertif merupakan satu bentuk pemberitahuan dan penyampaian maklumat yang dikenali juga sebagai lakuan tuturan representatif. Lakuan ini merujuk kepada tingkah laku memberikan tanggungjawab ke atas penutur akan kebenaran proposisi yang diujarkan. Didapati bahawa penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai SJY42, SJY11, SJY69, SJY25, SJY3 dan SJY100 didapati hadir dalam lakuan tuturan asertif seperti yang ditunjukkan melalui contoh lokusi ujaran dalam Ekstrak 107 hingga Ekstrak 112.

Jadual 4.48
Representasi kehadiran penanda pragmatik ya dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan asertif

Bil	Implikatur ilokusi Lakuan Tuturan Asertif	Ekstrak	Anotasi Data *ya*		Eksplikatur Lokusi Ujaran
1	Memperkenalkan	107	SJY42	FZ:	Alhamdulillah, terima kasih, terima kasih kerana masih bersama saya dengan Encik Salleh Yaakob, dengan ustazah Zawiyah Hassan **ya(SJY42).** Kita membincangkan tentang bila pasangan kuat merajuk ya(SJY43), dalam Selami Jiwa Musim Kedua ni ya(SJY44).
2	Menyatakan persetujuan	108	SJY11	FZ:	Paling lama merajuk berapa, berapa lama ustazah?
				ZH:	Err. Tak boleh lama Dato'.
				FZ:	**Ya(SJY11).**
				ZH:	Rugi.
				FZ:	Hahaha.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.48 (*sambungan*)

Bil	Implikatur ilokusi Lakuan Tuturan Asertif	Ekstrak	Anotasi Data *ya*		Eksplikatur Lokusi Ujaran
3	Menyatakan, menzahirkan rasa simpati	109	SJY69	ZH: FZ: ZH:	Dia orang perempuan mudah lembut hati. O:: **ye**ke**(SJY69)**. Mengalah bukan bererti kita kalah, saya ingat satu kisah Dato', pukul sebelas malam seorang isteri telefon saya.
4	Menyatakan, memberitahu, menyampaikan maklumat, menjelaskan, menerangkan	110	SJY25	FZ: ZH:	Bila saya buat kajian ustazah, ni:: ni:: apa nama ustaz Salleh pernah berucap, punca perempuan merajuk, isteri merajuk, orang perempuan merajuk, ya:(SJY21) ya::(SJY22) ni saya senaraikan ya(SJY23), ni:: ikut kajian ya::(SJY24). A::, rupanya bila orang perempuan senyap, bising-bising tiba-tiba senyap tanda rajuk yang agak berat **ya(SJY25).** Betul ke ustazah? Ya(SJY26**)** betul.
5	Memberi respons	111	SJY3	FZ: SY: FZ:	Waalaikumussalam, duduk,sila-sila. SY, SY. Waras? Waras, waras, waras. Baru habis merajuk. Ha.ha. **Ya(SJY3)**,
6	Merumuskan	112	SJY100	FZ:	FZ: Itu sebenarnya kalau kita boleh rumuskan salah satu cara ya(SJY98) ustazah ya(SJY99), ustazah dah sebut dalam ceramahnya, untuk mendamaikan suami isteri merajuk, suami jadi imam, isteri, isteri, isteri jadi makmum, masya-Allah. Lepas tu salam-salam, lepas tu peluk, masya-Allah. Tu satu **ya(SJY100).**

Berdasarkan Jadual 4.48, jelas menunjukkan representasi kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam lakuan tuturan asertif berimplikatur ilokusi lakuan tuturan kategori memperkenalkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam contoh data yang dianotasikan sebagai (SJY42); menyatakan persetujuan (SJY11); menyatakan dan menzahirkan rasa simpati (SJY69); menyampaikan maklumat (SJY25); memberi respons (SJY3); dan merumuskan (SJY100).

Melalui penelitian terhadap data-data tersebut, didapati bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka positif pendengar dengan memanifestasikan strategi kesantunan positif, iaitu sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda mengumpamakan pendengar dengan melibatkan mereka dalam interaksi seperti yang ditunjukkan dalam lokusi ujaran yang mengandungi penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai (SJY42) dan (SJY100); penanda persetujuan (SJY11); penanda memahami situasi yang menyerlahkan rasa peduli penutur (SJY69); penanda memandu kefahaman pendengar terhadap isi penting yang disampaikan oleh penutur (SJY25); dan penanda basa-basi seperti dalam (SJY3). Seterusnya, dapat juga dijelaskan bahawa penanda pragmatik *ya* memberi implikatur dan boleh diidentifikasikan sebagai penguat daya ilokusi lakuan tuturan asertif melalui manifestasi kesantunan positif. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik *ya* berperanan sebagai indikator dan peranti kesantunan berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.2 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif

Lakuan direktif ialah lakuan yang berupaya dan berpotensi dalam menggerakkan pendengar melakukan sesuatu tindakan seperti yang dihasratkan atau dihajati oleh penutur. Penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai SJY12, SJY16, SJY22, SJY76, SJY94, SJY107, SJY90, SJY93 dan SJY102 didapati hadir dalam lakuan tuturan direktif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.48 melalui contoh lokusi ujaran dalam Ekstrak 113 hingga Ekstrak 121.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.49
Representasi kehadiran penanda pragmatik ya dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif

Bil.	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif	Ekstrak	Anotasi Data *ya*		Eksplikatur Lokusi Ujaran
1	Mohon respons, pandangan, persetujuan	113	SJY12	FZ:	Sebenarnya ustazah, kita mintaklah **ya(SJY12)**, mungkin ramai yang tak berapa pasti hukumnya rajuk ni, kalau boleh sebut satu kes ni, yang paling berat yang ustazah pernah jumpa yang berkaitan dengan rajuk.
2	Menarik perhatian	114	SJY16	ZH:	Sekarang dah pakai polistrin jelah Dato', senang. Tapi itulah **ya(SJY16)** banyak kes-kes sebenarnya Dato' ya(SJY17).
3	Mengekalkan giliran, Mengorganisasikan giliran "Floor holding"	115	SJY22	FZ:	Bila saya buat kajian ustazah, ni:: ni:: apa nama ustaz Salleh pernah berucap, punca perempuan merajuk, isteri merajuk, orang perempuan merajuk, ya:(SJY21) **ya::(SJY22)** ni saya senaraikan ya(SJY23), ni:: ikut kajian ya::(SJY24). A::, rupanya bila orang perempuan senyap, bising-bising tiba-tiba senyap tanda rajuk yang agak berat ya(SJY25). Betul ke ustazah?
				ZH:	Ya(SJY26**)** betul.
4	Menasihati	116	SJY76	ZH:	Kalau mengaku salah saja **ya(SJY76)** barangkali mintak maaf.
5	Mencadangkan	117	SJY94	FZ:	Allahhuakhbar, jangan tanya orang laki-laki, bila tanya tentang perasaan, dia tak tau apa nak jawab. Buat perkara yang buat dia happy, buat apa-apa yang dia happy, tak kisah lah, apa yang dia happy buat, mungkin kek kegemaran dia ke, lagu kegemaran ke, whatever **ya(SJY94)**.
6	Mengingatkan	118	SJY107	FZ:	Rajuk perempuan biasanya antara dua minit hingga 48 jam. Biasanyalah ya(SJY106), paling tinggi dua hari. Lebih dari tu dah memang, memang nak cari nahas **ya(SJY107).** Rugi, rugi, rugi ya(SJY108).
7	Meminta, membuat permintaan	119	SJY90	P2:	Saya Puan Zunaidah daripada Batang Kali Hulu Selangor nak bertanyakan soalan pada ustazah Zawiyah **ya(SJY90)**.
8	Melarang	120	SJY93	FZ:	So orang perempuan jangan cuba nak pujuk suami, seperti mana you harapkan suami pujuk you bila merajuk, sebab laki-laki tidak suka dipujuk, beri sokongan, galakan pada suami, elak tanya tentang perasaannya, Abang merajuk lagi ke? **Ya(SJY93)?**

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.49 (*sambungan*)

Bil.	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Direktif	Ekstrak	Anotasi Data *ya*		Eksplikatur Lokusi Ujaran
9	Mengajak	121	SJY102	FZ:	…janji, tiap-tiap malam saya maafkan awak, awak maafkan saya sampai kita mati, tiap-tiap malam sebelum tidur sebab itu pesan nabi “Barang siapa yang bermaafan sebelum tidur **ya(SJY102)**, maka pintu langit akan terbukak, malaikat rahmat akan turunkan hidayah, pintu syurga akan terbukak, pintu neraka akan tetutup”, so bermaaf-maafan.

Berdasarkan Jadual 4.49 jelas menunjukkan representasi kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan direktif berimplikatur ilokusi lakuan tuturan kategori memohon respons, pandangan dan persetujuan seperti yang ditunjukkan dalam contoh data yang dianotasikan sebagai (SJY12); menarik perhatian (SJY16); mengekalkan giliran dalam pengorganisasian giliran (SJY22); menasihati (SJY76); mencadangkan (SJY94); memberi amaran, mengingatkan (SJY107); meminta atau membuat permintaan (SJY90); melarang (SJY93) dan mengajak (SJY102).

Melalui penelitian terhadap data-data tersebut, kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka negatif pendengar dengan memanifestasikan strategi kesantunan negatif, iaitu dengan memberi implikatur dan boleh diidentifikasikan sebagai pembatas (*hedge*) yang meminimumkan atau memitigasikan darjah magnitud imposisi dan daya ilokusi lakuan tuturan direktif melalui manifestasi strategi kesantunan negatif. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik *ya* menjadi indikator dan peranti kesantunan berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penanda pragmatik *ya* didapati berfungsi dalam meminimumkan darjah magnitud imposisi dan daya ilokusi lakuan tuturan direktif dalam kategori yang sama. Sebagai contohnya, penanda pragmatik *ya* (SJY120) meminimumkan daya ilokusi lakuan tuturan direktif yang berimplikatur memohon respons, pandangan dan persetujuan, iaitu sehingga menjadikan lakuan tersebut lebih lunak dan kurang memaksa seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 113. Begitu juga yang berlaku apabila penanda pragmatik *ya* (SJY16) hadir menerusi lakuan menarik perhatian dalam Ekstrak 114; *ya* (SJY22) menerusi lakuan mengekalkan giliran melalui pengorganisasian giliran berbicara (*floor holding*) dalam Ekstrak 115; *ya* (SJY90) menerusi lakuan meminta dalam Ekstrak 119; dan *ya* (SJY93) menerusi lakuan melarang dalam Ekstrak 120 dan ya(SJY102) menerusi lakuan mengajak dalam Ekstrak 121.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada berfungsi meminimumkan atau memitigasikan darjah magnitud imposisi dan daya ilokusi lakuan tuturan direktif dalam kategori yang sama, penanda pragmatik *ya* juga didapati memitigasikan magnitud imposisi dan daya ilokusi lakuan tuturan direktif merentas dua darjah daya ilokusi lakuan tuturan direktif yang berlainan kategori. Dalam erti kata lain, perubahan dua darjah daya ilokusi lakuan tuturan direktif berlainan kategori melibatkan lakuan ancaman muka direktif yang lebih tinggi darjah intensitinya kepada lakuan ancaman muka direktif yang lebih rendah darjah intensitinya dalam spektrum kesantunan negatif. Contohnya, lakuan direktif kategori mencadang berubah kepada kategori menasihati apabila penanda pragmatik *ya* (SJY76) hadir dalam Ekstrak 116; permintaan kepada mencadang apabila penanda pragmatik *ya* (SJY94) hadir dalam Ekstrak 117; amaran kepada mengingatkan apabila penanda pragmatik *ya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(SJY107) hadir dalam Ekstrak 118; dan melarang kepada menasihat apabila penanda pragmatik *ya* (SJY107) hadir dalam Ekstrak 118.

4.6.3 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesan Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif

Lakuan tuturan ekspresif ialah lakuan yang memperlihatkan luahan perasaan. Penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai SJY27, SJY36, SJY109 dan SJY110 didapati hadir dalam lakuan tuturan ekspresif seperti yang ditunjukkan melalui contoh lokusi ujaran dalam Ekstrak 122 hingga Ekstrak 125.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.50
Representasi kehadiran penanda pragmatik ya dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan ekspresif

Bil	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif	Ekstrak	Anotasi Data *ya*		Eksplikatur Lokusi Ujaran
1	Memuji	122	SJY27	SY: FZ:	Saya bagi payung. Hahaha:: Astaghfirullah, payung mas. Innalillah, hebat **ya(SJY27)**, itulah laki-laki remehkan perasaannya. A:: Itu pon nak merajuk, itu pon nak merajuk. A:: meremehkan. Lepas tu terlupa hari-hari istimewa, betul ye(SJY28), ustazah ye(SJY29).
2	Mengkritik	123	SJY36	FZ:	A:::: itulah dia, bila keluarga dia, dia belikan sate rusa, bila keluarga, keluarga isteri ya:: (SJY35) **Ya(SJY36)** Allah pisang goreng je::: Hahaha, punye berbeza ya(SJY37).

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.50 (*sambungan*)

Bil	Implikatur Ilokusi Lakuan Tuturan Ekspresif	Ekstrak	Anotasi Data *ya*		Eksplikatur Lokusi Ujaran
3	Menghargai	124	SJY109	FZ:	So kita ucapkan terima kasih kepada ustazah Zawiyah Hassan Al-Hajah, terima kasih kepada Salleh Yaakob, terima kasih kepada penonton dalam studio, terima kasih kepada penonton di seluruh negara **ya(SJY109).**
4	Memohon maaf	125	SJY110	FZ:	Mudah-mudahan Allah memberikan kita hidayah, dan kita dapat mengawal rajuk kita, mintak ampun mintak maaf **ya(SJY110)**, kita terus selami jiwa, kita rawat rohani, perkasa peribadi. Wassalamulaikum wbt.

Berdasarkan Jadual 4.50 jelas menunjukkan representasi kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan ekspresif berimplikatur ilokusi lakuan tuturan kategori memuji seperti yang ditunjukkan dalam contoh data yang dianotasikan sebagai (SJY27); mengkritik (SJY36); menghargai (SJY109) dan memohon maaf (SJY110).

Melalui penelitian terhadap data-data tersebut, didapati bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka positif pendengar dengan memanifestasikan strategi kesantunan positif, iaitu penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai (SJY27) berfungsi sebagai penanda penegas keikhlasan semasa mengujarkan lakuan ekspresif memuji seperti yang ditunjukkan dalam lokusi ujaran dalam Ekstrak 122. Penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai (SJY109) juga dikenal pasti berfungsi sebagai penanda penegas tahap keikhlasan tetapi semasa mengujarkan lakuan ekspresif menghargai seperti yang ditunjukkan dalam lokusi ujaran Ekstrak 124. Penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai (SJY110) juga dikenal pasti berfungsi sebagai penanda penegas tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keikhlasan tetapi semasa mengujarkan lakuan ekspresif memohon maaf seperti yang ditunjukkan dalam lokusi ujaran Ekstrak 125. Selain itu, penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan sebagai (SJY36) pula dikenal pasti berfungsi sebagai penanda penegas tahap kepedulian semasa mengujarkan lakuan ekspresif mengkritik seperti yang ditunjukkan dalam lokusi ujaran dalam Ekstrak 123.

Seterusnya, dapat juga dijelaskan bahawa penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur dan boleh diidentifikasikan sebagai penguat daya ilokusi lakuan tuturan ekspresif melalui manifestasi kesantunan positif. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik *ya* berupaya menjadi indikator dan peranti kesantunan berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Rumusan

Berdasarkan analisis berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun, dapat disimpulkan bahawa penanda pragmatik *ya* hadir dalam pola strategi kesantunan berbahasa secara amalgamasi. Bertitik tolak daripada Pola Asas Amalgamasi Santun, diikuti pula dengan proses penerbitan Pola Teras Amalgamasi Santun didapati 18 pola dapat dikelompokkan. Seterusnya pula, penanda pragmatik *ya* diteliti kehadirannya dengan terperinci menerusi Pola Khusus Amalgamasi Santun. Bermula daripada perincian kehadiran penanda pragmatik *ya* melalui gelagat dan makna yang didukunginya dalam Pola Khusus Amalgamasi Santun terdapat 16 fungsi penanda pragmatik dikenal pasti. Melalui pola Khusus Amalgamasi Santun, manifestasi strategi kesantunan positif dan strategi kesantunan negatif didapati berupaya meningkatkan upaya dalam menzahirkan dan menyerlahkan fungsi penanda pragmatik *ya*, iaitu bukan sahaja secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

monofungsional tetapi meliputi fungsinya secara multifungsional. Fungsi penanda pragmatik *ya* juga selanjutnya ditelusuri melalui kehadirannya dalam implikatur ilokusi lakuan tuturan, iaitu dalam taksonomi lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif. Tuntasnya, mekanisme-mekanisme yang terkandung dalam Kerangka Amalgamasi Santun dan Teori Lakuan Tuturan menerusi disiplin ilmu pragmatik dengan bukti-bukti linguistik merealisasikan penyerlahan fungsi penanda pragmatik *ya*, iaitu daripada sejumlah 110 kehadirannya dalam data korpus kajian, semuanya berhubung kait dengan strategi santun berbahasa dalam kalangan penutur. Kajian-kajian sebelum ini hanya membicarakan aspek penggunaan penanda pragmatik *ya* secara permukaan dalam hubung kaitannya dengan kesantunan berbahasa. Namun, kajian ini berupaya menonjolkan sedikit kelainan dari segi perbincangan, idea dan pendekatan selain dapat menyajikan informasi menerusi dapatan baharu berkenaan penggunaan penanda pragmatik *ya* sebagai peranti kesantunan berbahasa. Dari sisi lain pula, kesantunan berbahasa dapat ditingkatkan darjah spektrum kesantunannya dengan berperantikan penanda pragmatik *ya*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Kajian ini dapat menunjukkan bahawa ilmu pragmatik dapat mendeskripsikan gelagat penanda pragmatik sebagai peranti kesantunan berbahasa dalam data korpus bersumberkan Rancangan Televisyen bergenre wawancara *Selami Jiwa Musim Kedua* bertajuk *Pasangan Kuat Merajuk* bersaiz korpus 3598 perkataan dengan kekerapan penanda pragmatik *ya* adalah sebanyak 110 yang dianotasikan sebagai (SJY1-SJY110) dijadikan data korpus kajian. Menerusi analisis yang dijalankan dengan menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun beberapa penemuan baharu dapat diserlahkan. Penemuan ini dapat menambah kosa ilmu dan koleksi kajian berkaitan penanda pragmatik dan kesantunan berbahasa. Selain itu, Kerangka Amalgamasi Santun didapati berupaya dan dapat dibuktikan sesuai dimanfaatkan untuk mengenal pasti pola kesantunan berbahasa secara amalgamasi pada posisi penanda pragmatik *ya* hadir dalam lokusi ujaran; menganalisis fungsi dan makna penanda pragmatik *ya*; dan menghurai kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi implikatur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lakuan tuturan. Seterusnya bahagian ini akan merumuskan perbincangan di atas serta dapatan baharu, saranan masa hadapan dan kesimpulan.

5.2 Pola Kesantunan Bahasa yang Diduduki oleh Penanda Pragmatik *ya* Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua penanda pragmatik *ya* hadir secara amalgamasi dengan mengaplikasikan ketiga-tiga strategi kesantunan di bawah Kerangka Amalgamasi Santun, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (SK1), Prinsip Kesantunan Leech (SK2) dan Strategi Kesantunan Brown dan Levinson (SK3) kecuali penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan dalam data korpus sebagai SJY2 dan SJY30 yang menduduki atau menempati dan mematuhi pola R yang mengaplikasikan SK2 dan SK3. Selain itu, penanda pragmatik *ya* yang dianotasikan dalam data korpus sebagai SJY32 dan SJY36 pula menduduki atau menempati dan mematuhi pola M yang mengaplikasikan SK1 dan SK3 sahaja. Kesimpulannya, penanda pragmatik *ya* hadir secara amalgamasi dalam data korpus kajian, iaitu tiada satu pun hadir secara tunggalan. Penanda pragmatik *ya* begitu rencam kehadirannya dalam pola kesantunan berbahasa. Daripada 18 pola teras amalgamasi santun sepunya yang telah dikenal pasti, seterusnya diklasifikasikan lagi secara khusus dengan pemerincian terhadap manifestasi strategi kesantunan positif dan kesantunan negatif sehingga membentuk pola khusus amalgamasi santun. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 13 strategi kesantunan positif yang telah dimanifestasikan termasuklah menyedari kesukaan pendengar; memperbesarkan perhatian, persetujuan dan simpati; menarik minat pendengar; memancing persetujuan; menghindari ketidaksetujuan; praandaian; kesamaan melalui basa-basi; menggunakan elemen gurauan; mengambil kira keinginan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendengar; menawarkan janji; bersikap optimistik; melibatkan pendengar dalam aktiviti; memberi penghargaan, kerjasama, simpati; dan memberi alasan. Tiga strategi kesantunan negatif yang dimanifestasikan pula termasuklah menggunakan *hedge* atau pembatas atau mitigasi; meminimumkan bebanan atau imposisi; dan meminta maaf.

Melalui analisis menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun yang berpola khusus berasaskan strategi kesantunan positif dan kesantunan negatif inilah telah menyumbang kepada dapatan baharu, iaitu memungkinkan 16 fungsi penanda pragmatik *ya* diserlahkan. Ini menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* secara keseluruhannya mempunyai hubung kait dengan aspek kesantunan berbahasa dan menunjukkan potensi dalam menjalankan fungsinya sebagai peranti kesantunan berbahasa seperti yang diperincikan dalam (5.3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.3 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sejumlah 16 fungsi penanda pragmatik yang telah dikenal pasti wujud dalam data korpus kajian merangkumi penanda pragmatik *ya* yang menjalankan fungsinya sebagai penanda penegasan (F1); penanda mesra (F2); penanda fatis, basa-basi, *backchanneling* (F3); penanda mitigasi, pembatas atau pelunak (*hedge*) (F4); penanda persetujuan (F5); penanda penarik perhatian (F6); penanda pengorganisasian giliran (F7); penanda mengumpamakan, mengendahkan atau memperdulikan pendengar (F8); penanda ketulusan atau keikhlasan (F9); penanda optimis (F10) penanda memandu kefahaman pendengar (F11); penanda memperbesarkan penghargaan dan perhatian (F12); penanda penghargaan (F13);

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda spontan (F14); penanda simpati (F15) dan penanda menyedari kesukaan pendengar, menyenangi, fasilitatif (F16) seperti yang ditunjukkan peratusannya dalam Rajah 5.1 dan perincian kekerapan fungsi penanda pragmatik *ya* mengikut taksonomi lakuan tuturan pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.2.




Rajah 5.1. Peratusan Pragmatik *ya* Mengikut Fungsi

Petunjuk:

F1	*Penegasan*	*F9*	*Ketulusan, keikhlasan*
F2	*Mesra*	*F10*	*Optimis*
F3	*Fatis/ basa-basi/ backchannelling*	*F11*	*Memandu kefahaman*
F4	*Mitigasi, pelunak, hedge*	*F12*	*Memperbesarkan penghargaan/ perhatian*
F5	*Persetujuan*	*F13*	*Penghargaan*
F6	*Penarik perhatian*	*F14*	*Spontan*
F7	*Pengorganisasian giliran berbicara*	*F15*	*Simpati*
F8	*Mengumpamakan, mengendahkan H*	*F16*	*Menyenangi/fasilitatif*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



	F1	F2	F3	F4	F5	F6	F7	F8	F9	F10	F11	F12	F13	F14	F15	F16
LT1	14	1	14	0	19	15	0	10	3	0	1	3	1	0	1	0
LT2	25	2	0	37	0	14	8	11	7	1	0	1	3	2	0	0
LT3	13	0	0	3	0	1	0	5	6	0	0	0	0	0	0	8

Rajah 5.2. Kekerapan Kehadiran Penanda Pragmatik *ya* dalam Taksonomi Lakuan Tuturan Mengikut Kategori Fungsi

Petunjuk

F1 *Penegasan*
F2 *Mesra*
F3 *Fatis/ basa-basi/ backchannelling*
F4 *Mitigasi, pelunak, hedge*
F5 *Persetujuan*
F6 *Penarik perhatian*
F7 *Pengorganisasian giliran berbicara*
F8 *Mengumpamakan, mengendahkan H*
F9 *Ketulusan, keikhlasan*
F10 *Optimis*
F11 *Memandu kefahaman*
F12 *Memperbesarkan penghargaan/ perhatian*
F13 *Penghargaan*
F14 *Spontan*
F15 *Simpati*
F16 *Menyenangi/fasilitatif*
LT1 *Asertif*
LT2 *Direktif*
LT3 *Ekspresif*

Selain itu, menerusi kajian ini juga membuktikan bahawa penanda pragmatik *ya* bukan sahaja terhad fungsinya seperti diperihalkan dari segi kenahuan dan dari segi konseptualnya (semantik) mempunyai fungsi sebagai kata pembenar (Asmah Omar 2008; 2006), iaitu perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan (Nik Safiah Karim et al., 2015) atau kata yang digunakan dalam menyatakan persetujuan. Perkataan *ya* juga mendukung makna mengiyakan (Nik Safiah Karim et al., 2009) dan merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jawapan pendek yang diperlukan dalam ayat tanya tertutup (Abdullah Hassan, 2005; Asmah Omar, 2008).

Dalam erti kata lain, kajian ini telah menyumbangkan dapatan baharu dengan memberi nilai tambah dalam pendeskripsian fungsi penanda pragmatik *ya* dalam Bahasa Melayu menerusi Kerangka Amalgamasi Santun melalui ekspresi pragmatic yang telah dibuktikan berpotensi menjalankan fungsi pragmatik, iaitu sebanyak 16 fungsi kesemuanya (Rujuk Rajah 5.1 dan 5.2) di bawah payung peranti kesantunan berbahasa.


5.4 Fungsi Penanda Pragmatik *ya* dan Kesannya Kehadirannya Terhadap Daya Ilokusi Lakuan Tuturan Berasaskan Kerangka Amalgamasi Santun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada 5 taksonomi lakuan tuturan Searle (1969), iaitu asertif, direktif, deklaratif, ekspresif dan komisif dapatan kajian menunjukkan bahawa penanda pragmatik *ya* hanya hadir menerusi tiga taksonomi lakuan tuturan sahaja, iaitu lakuan asertif, direktif dan ekspresif. Daripada 110 penanda pragmatik *ya*, peratusan tertinggi dicatatkan oleh penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam taksonomi lakuan tuturan direktif, iaitu 48.18%, diikuti oleh taksonomi lakuan tuturan asertif, iaitu 41.82% dan peratusan terendah adalah taksonomi lakuan tuturan ekspresif yang mencatatkan 10.00% seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.3. Perincian setiap kategori lakuan tuturan di mana posisi penanda pragmatik *ya* hadir tersebut ditunjukkan pula dalam Rajah 5.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3. Peratus kehadiran penanda pragmatik *ya* mengikut taksonomi lakuan tuturan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



	A1	A2	A3	A4	A5	A6	D1	D2	D3	D4	D5	D6	D7	D8	D9	E1	E2	E3	E4
Peratus (%)	8.7	43.5	2.17	34.8	8.7	2.17	34	13.2	7.55	9.43	9.43	13.2	7.55	1.89	3.77	9.09	18.2	63.6	9.09
Bilangan	4	20	1	16	4	1	18	7	4	5	5	7	4	1	2	1	2	7	1

Rajah 5.4. Kekerapan dan peratusan kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam taksonomi lakuan tuturan mengikut kategori implikatur ilokusi lakuan tuturan

Petunjuk

A *Asertif*
D *Direktif*
E *Ekspresif*
A1 *Memperkenalkan*
A2 *Menyatakan persetujuan*
D4 *Memandu kefahaman*
D5 *Menasihati*
D6 *Mencadangkan*
D7 *Memberi amaran, mengingatkan*
D8 *Meminta*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A3	*Menyatakan, menzahirkan rasa simpati*	*D9*	*Melarang*
A4	*Menyatakan, memberitahu*	*E1*	*Memuji*
A5	*Memberi respons*	*E2*	*Mengkritik*
A6	*Merumuskan*	*E3*	*Menghargai*
D1	*Mohon respons, pandangan, persetujuan*	*E4*	*Memohon maaf*
D2	*Menarik perhatian*		
D3	*Mengekalkan giliran, Mengorganisasi giliran berbicara*		

Rajah 5.4 menunjukkan kehadiran penanda pragmatik *ya* mengikut taksonomi, iaitu asertif, direktif dan ekspresif mengikut kategori berasaskan implikatur ilokusi lakuan tuturan. Dalam taksonomi asertif, kehadiran pragmatik *ya* mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 43.50 % dalam kategori implikatur ilokusi lakuan tuturan menyatakan persetujuan. Dalam taksonomi direktif pula, kehadiran pragmatik *ya* mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 31.00% dalam kategori implikatur ilokusi lakuan tuturan memohon respons, pandangan dan persetujuan. Dalam taksonomi ekspresif pula, kehadiran pragmatik *ya* mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 63.60% dalam kategori implikatur ilokusi lakuan tuturan menghargai.

Berdasarkan kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam lakuan tuturan asertif, direktif dan ekspresif, didapati bahawa gelagat penanda pragmatik *ya* dikenal pasti telah memberi kesan kepada daya ilokusi setiap lakuan tuturan tersebut. Kesan terhadap daya ilokusi dalam lakuan asertif adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.5, lakuan ekspresif dalam Rajah 5.6 dan lakuan direktif dalam Rajah 5.7.

Melalui penelitian terhadap gelagat penanda pragmatik *ya* dalam lakuan tuturan asertif, didapati bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka positif pendengar melalui lakuan asertif seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memperkenalkan; menyatakan persetujuan; menyatakan dan menzahirkan rasa simpati; menyampaikan maklumat; memberi respons; dan merumuskan.

Didapati bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka positif pendengar dengan memanifestasikan strategi kesantunan positif, iaitu sebagai penanda mengumpamakan pendengar dengan melibatkan mereka dalam interaksi; penanda persetujuan; penanda memahami situasi yang menyerlahkan rasa peduli penutur; penanda memandu kefahaman pendengar terhadap isi penting yang disampaikan oleh penutur; dan penanda basa-basi.

Seterusnya, dapat juga dijelaskan bahawa penanda pragmatik *ya* memberi implikatur dan boleh diidentifikasikan sebagai intensifier, iaitu penguat daya ilokusi lakuan tuturan asertif melalui manifestasi strategi kesantunan positif seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.5. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik *ya* berperanan sebagai intensifier yang menjadi indikator dan peranti kesantunan berbahasa apabila hadir dalam ujaran asertif, seperti A1 memperkenalkan; A2 menyatakan persetujuan; A3, menyatakan, menzahirkan rasa simpati; A4, menyatakan atau memberitahu; A5 memberi respons; dan A6 merumuskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.5. Kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi lakuan tuturan asertif

Petunjuk

PP ya	*Penanda Pragmatik ya*	*A2*	*Menyatakan persetujuan*
A	*Asertif*	*A3*	*Menyatakan, menzahirkan rasa simpati*
DILT	*Daya Ilokusi Lakuan Tuturan*	*A4*	*Menyatakan, memberitahu*
INT	*Intensifier/ Penguat*	*A5*	*Memberi respons*
A1	*Memperkenalkan*	*A6*	*Merumuskan*


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui penelitian terhadap gelagat penanda pragmatik *ya* dalam lakuan tuturan ekspresif, didapati bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka positif pendengar dengan memanifestasikan strategi kesantunan positif, iaitu *ya* dikenal pasti berfungsi sebagai penanda penegas tahap keikhlasan semasa mengujarkan lakuan ekspresif menghargai, memuji dan memohon maaf. Selain itu, penanda pragmatik *ya* juga didapati berfungsi sebagai penanda penegas tahap kepedulian semasa mengujarkan lakuan ekspresif mengkritik. Seterusnya, dapat juga dirumuskan bahawa penanda pragmatik *ya* memberikan implikatur dan boleh diidentifikasikan sebagai intensifier, iaitu penguat daya ilokusi lakuan tuturan ekspresif melalui manifestasi strategi kesantunan positif seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.6. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik *ya* berperanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai intensifier yang berupaya menjadi indikator dan peranti kesantunan berbahasa apabila hadir dalam ujaran yang mengandungi implikatur lakuan tuturan espresif, iaitu E1 memuji; E2 mengkritik; E3 menghargai; dan E4 memohon maaf.



Rajah 5.6. Kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi lakuan tuturan ekspresif

Petunjuk


PP ya	*Penanda Pragmatik ya*	*E1*	*Memuji*
E	*Ekspresif*	*E2*	*Mengkritik*
DILT	*Daya Ilokusi Lakuan Tuturan*	*E3*	*Menghargai*
INT	*Intensifier/ Penguat*	*E4*	*Memohon maaf*

Melalui penelitian terhadap gelagat penanda pragmatik *ya* dalam lakuan tuturan direktif pula, didapati bahawa kehadiran penanda pragmatik *ya* menyerlahkan fungsinya dalam memenuhi kehendak muka negatif pendengar dengan memanifestasikan strategi kesantunan negatif, iaitu dengan memberi implikatur dan boleh diidentifikasikan sebagai mitigator, iaitu pembatas (*hedge*) yang meminimumkan atau memitigasikan darjah magnitud imposisi dan daya ilokusi lakuan tuturan direktif. Dalam erti kata lain, penanda pragmatik *ya* berperanan sebagai mitigator yang menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

indikator dan peranti kesantunan berbahasa apabila hadir dalam ujaran berimplikatur lakuan tuturan direktif, iaitu D1 mohon respons, pandangan atau persetujuan; D2 menarik perhatian; D3 mengekalkan giliran atau mengorganisasikan giliran berbicara; D4 memandu kefahaman; D5 menasihati; D6 mencadangkan; D7 memberi amaran atau mengingatkan; D8 meminta; dan D9 melarang.



Rajah 5.7. Kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi lakuan tuturan direktif

Petunjuk


PP ya	*Penanda Pragmatik ya*	*D4*	*Memandu kefahaman*
D	*Direktif*	*D5*	*Menasihati*
DILT	*Daya Ilokusi Lakuan Tuturan*	*D6*	*Mencadangkan*
MIT	*Mitigator/ Pelunak/ Hedge/ Pelemah*	*D7*	*Memberi amaran, mengingatkan*
D1	*Mohon respons, pandangan, persetujuan*	*D8*	*Meminta*
D2	*Menarik perhatian*	*D9*	*Melarang*
D3	*Mengekalkan giliran, Mengorganisasi giliran berbicara*		

Tuntasnya, kajian ini telah memanfaatkan data korpus yang penyelidik bangunkan sendiri daripada rancangan wawancara. Berdasarkan limitasi tersebut, iaitu berpandukan kajian ini sahaja, kajian ini telah menyumbang dapatan baharu, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penanda pragmatik *ya* yang hadir dalam lakuan tuturan asertif dan ekspresif mendokong fungsi intensifier, iaitu sebagai penguat daya ilokusi lakuan asertif dan ekspresif. Kehadiran penanda pragmatik *ya* dalam lakuan direktif pula, didapati berfungsi sebagai mitigator, iaitu pelemah daya ilokusi lakuan ancaman muka direktif (Rujuk Rajah 5.8). Setiap fungsi tersebut dianalisis dengan menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun.



Rajah 5.8. Kesan kehadiran penanda pragmatik *ya* terhadap daya ilokusi lakuan tuturan asertif, ekspresif dan direktif

Petunjuk

A1	*Memperkenalkan*	*D5*	*Menasihati*
A2	*Menyatakan persetujuan*	*D6*	*Mencadangkan*
A3	*Menyatakan, menzahirkan rasa simpati*	*D7*	*Memberi amaran, mengingatkan*
A4	*Menyatakan, memberitahu*	*D8*	*Meminta*
A5	*Memberi respons*	*D9*	*Melarang*
A6	*Merumuskan*	*E1*	*Memuji*
D1	*Mohon respons, pandangan, persetujuan*	*E2*	*Mengkritik*
D2	*Menarik perhatian*	*E3*	*Menghargai*
D3	*Mengekalkan giliran, Mengorganisasi giliran berbicara*	*E4*	*Memohon maaf*
D4	*Memandu kefahaman*		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Saranan Masa Hadapan

Terdapat beberapa saranan yang diusulkan agar kajian yang memfokuskan penanda pragmatik *ya* dari sudut kesantunan berbahasa khususnya dari aspek pragmatik ini terus berkembang. Kajian ini boleh diperluaskan lagi melalui penerokaan terhadap aspek pragmalinguistik dan sosiopragmatik dengan mengaitkan faktor kuasa, jarak sosial dan darjah imposisi. Kajian ini juga boleh dilaksanakan dengan mengkajinya dari pelbagai genre selain genre wawancara, seperti ceramah, pengajaran dan pembelajaran, perkuliahan, mesyuarat dan komunikasi dalam media sosial.

Selain itu, kajian ini mempunyai limitasi, iaitu hanya menumpukan penggunaan penanda pragmatik *ya* sahaja. Pada masa akan datang, kajian ini boleh dilanjutkan lagi dengan menerokai penggunaan penanda pragmatik selain *ya* seperti *lah* dan *kan* misalnya dengan meneliti hubung kaitannya dengan amalan kesantunan berbahasa. Kajian juga boleh diperluas dengan membuat kajian secara perbandingan.

Kajian ini telah berjaya mengimplementasikan Kerangka Amalgamasi Santun dalam memerihalkan gelagat dan mewajarkan fungsi penanda pragmatik *ya* bersumberkan data korpus yang berpada. Namun, sumber korpus yang terbatas kepada sebuah genre wawancara ini boleh dipelbagaikan lagi dan diperluaskan skalanya pada masa akan datang. Korpus yang berskala besar boleh digunakan bagi memungkinkan dapatan yang lebih rencam, luas, pelbagai dan lebih tinggi frekuensinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Rumusan

Jelasnya, kajian ini berjaya memberi sumbangan pada bidang pragmatik, kesantunan berbahasa dan penanda pragmatik. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa sekecil penggunaan penanda pragmatik *ya* sebagai unit diminutif bahasa (*diminutive language unit*) sekali pun, jelas menyerlahkan peranannya yang penting sebagai peranti kesantunan berbahasa yang mempunyai keupayaan dalam mencetuskan, menjana dan seterusnya melahirkan masyarakat yang harmoni, berbudi bahasa, saling menghormati dan bebas konflik dengan menggunakan Kerangka Amalgamasi Santun. Jelasnya, dalam upaya mewujudkan suasana bebas konflik tidak semestinya dicetuskan dengan usaha yang besar. Peranan yang dianggap kecil ini tidak seharusnya dipinggirkan akan kepentingannya. Wacana yang berdaya tinggi yang bagaimanakah yang menjadi pilihan kita demi memartabatkan bahasa kita? Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih, tepuk dada tanya selera. Melalui rancangan televisyen khususnya wawancara juga dilihat mampu menjadi salah satu wadah atau sumber utama dalam usaha mendidik masyarakat berakhlak mulia memberi kesan keteladanan yang tinggi dan mengadabkan insan dengan berkomunikasi menggunakan bahasa yang santun dan mempunyai nilai yang boleh dipertanggungjawabkan. Tegasnya, santun dan keunggulan akhlak tidak dapat dipisahkan.

Hal ini demikian kerana Rasulullah SAW sendiri pun pernah bersabda "Sesungguhnya Allah maha indah dan mencintai keindahan" (HR Muslim). Hadis ini mengandungi dua unsur landasan Islam yang agung, iaitu (1) kita mengenal Allah SWT dengan sifat maha indah yang tidak ada satu makhlukpun yang menyerupainya, dan (2) kita beribadah kepada Allah SWT dengan sifat indah yang dicintai-Nya, dalam ucapan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbuatan dan akhlak. Tuntasnya, kesantunan berbahasa berperantikan penanda pragmatik *ya* walaupun dianggap sebagai satu unit bahasa yang kecil tetapi dilihat berupaya dan berpotensi menyumbang kepada amalan santun berbahasa, iaitu merupakan indikator dan fitur indah dalam ucapan yang dicintai Allah SWT yang mencerminkan citra individu yang berakhlak sekali gus menjadi satu ibadah. Oleh yang demikian, kajian ini diharap turut menyumbang kepada pembinaan akhlak mulia melalui pelestarian amalan kesantunan berbahasa menerusi penggunaan penanda pragmatik *ya* secara berpada dan serasi budaya dan agama serta sesuai mengikut konteks penggunannya, iaitu hasil manifestasi strategi kesantunan positif dan negatif yang diterapkan. Akhirnya, lagi banyak strategi dan substrategi kesantunan positif dan negatif yang digunakan dalam santun berbahasa maka semakin meningkat magnitud spektrum kesantunan sesuatu ujaran dalam mencapai tujuan komunikatifnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab Halim Tamuri & Zarin Ismail (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *Sari 27*, 199-212.

Abdul Ganing Laengkang. (2015). *Analisis kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah.* Serdang: Penerbit Adam Muslim.

Abdullah Hassan (2005a). Tatabahasa sosial: Peraturan kesantunan bahasa Kebangsaan. Kertas kerja dalam *Wacana Ilmu* di Auditorium, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Abdullah Hassan (2006). *Morfologi.* Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan (2005b). *Linguistik Am*. Bentong: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Agung Pramujiono. (2011, 9-12 Oktober). *Representasi kesantunan positif-negatif Brown dan Levinson dalam wacanadDialog di televisi*. [Pembentangan Artikel] Kongres Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI), Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) Bandung.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2011). Media penyiaran: Implikasinya dalam pembentukan akhlak penutut-penuntut Melayu di SMK di Malaysia. *Akademia, 81*(3), 3-8.

Aijmer K. (2015). *Well* in an English-Swedish and English-French contrastive perspective. Dalam Beeching K., Woodfield H. (Pnyt.) *Researching Sociopragmatic Variability.* London: Palgrave Macmillan.

Aijmer, K. (2013). *Understanding pragmatic markers a variational pragmatic approach.* Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

Aijmer, K. (2005). Evaluation and pragmatic markers. In Tognini-Bonelli, E. & Del Lungo Camiciotti, G. (Pnyt.) *Strategies in academic discourse*, (ms. 83-96). Amsterdam: John Benjamins.

Aijmer, K. (2002). *English discourse particles: Evidence from a corpus*. Amsterdam; Philadelphia: John Benjamins.

Aijmer, K. (1996). *Conversational routines in English: Convention and creativity*. London; New York: Longman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aijmer, K., & Andersen, G. (2011). Introducing the pragmatics of society. Dlm. Andersen, G. & Aijmer, K. (pnyt.). *Pragmatics of Society* (ms. 1-28). Berlin, Boston: De Gruyter Mouton. doi: https://doi.org/10.1515/9783110214420.1

Aijmer, K., & Vandenbergen, A.-M. (2011). Pragmatic markers. Dlm. J. Zienkowski, J.-O. Östman, & J. Verschueren (pnyt.), *Discursive pragmatics* (Vol. 8, ms. 223–247). Amsterdam, The Netherlands: John Benjamins.

Aijmer, K., Foolen, A., & Simon-Vandenbergen, Anne-Marie (2006). Pragmatic markers in translation: A methodological proposal. Dlm. Fischer, K. (pnyt.). *Approaches to discourse particles* (ms. 101-114). Oxford: Elsevier.

Al-Hindawi, F. H., & Alkhazaali, M. A. (2016). A critique of politeness theories. *Theory & Practice in Language Studies*, *6*(8), 1537-1545.

Amat Juhari Moain (1992). *Panduan utamakanlah kesantunan berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, *10,* 37-74. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.5.2019.

Andersen, E. S., Brizuela, M., DuPuy, B., & Gonnerman, L. (1999). Cross-linguistic evidence for the early acquisition of discourse markers as register variables. *Journal of Pragmatics, 31*, 1339-1351.

Andersen, G. (2001). *Pragmatic markers and sociolinguistic variation. A relevance theoretic approach to the language of adolescents.* Amsterdam; Philadelphia: John Benjamins.

Andersen, G. (2000). The role of the pragmatic marker like in utterance interpretation. In Andersen, G., & Fretheim, T. (eds.). *Pragmatic markers and propositional attitude*. (ms. 17–38). Amsterdam: John Benjamins.

Andersen, G. (1998). The pragmatic marker like from a relevance-theoretic perspective. Dlm. Jucker, A. H. & Ziv, Y. (Pnyt.) *Discourse markers: Descriptions and theory*, (ms. 147-170). Amsterdam; Philadelphia: John Benjamins.

Anida Sarudin (2011). *Perluasan makna kata serapan Bahasa Arab: Analisis Semantik Kognitif.* Tesis Ph.D., Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017). *Kata serapan Arab-Melayu: analisis sematik kognitif.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Anscrombre, J.C., & Ducrot, O. (1977). Deux mais en francais? *Lingua, 43*. 23-40.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Anthony, L. (2019). AntConc (Version 3.5.8) [Computer Software]. Tokyo, Japan: Waseda University. Available from https://www.laurenceanthony.net/software

Arina Johari & Indirawati Zainal (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *Gema Online Journal of Language Studies, 16* (2), 73-94.

Arndt, H. & Janney, R. (1985). Politeness revisited. *IRAL*. *23*(4):282-300.

Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education* (6th ed.). USA: Belmont Thomson Learning.

Asmah Omar (2014). *Nahu Melayu Terkini (Edisi Kelima*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Asmah Omar (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (2002). *Setia dan santun bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Asmah Omar (2000). Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (1992) *Bahasa dan alam pemikiran Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar (1992). *The Linguistics Scenery Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmiaty Amat & Saidatul Nornis Mahali (2015). Eufemisme sebagai kesantunan berbahasa. Dlm. Asmiaty Amat & Ismail Ali (pynt.). Dlm. *Randau pemikiran dalam pendidikan* (ms. 35-48). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Austin, J. L. (1962). *How to do things with words.* Oxford: Clarendon Press.

Awang Sariyan (2014). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Batu Caves: PTS Akademia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Awang Sariyan (2012). *Kesantunan bahasa asas pembentukan adab bangsa*. Kertas kerja untuk Ceramah Bahasa bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan Singapura 2012, anjuran Kelab Masyarakat Fuchun, dengan kerjasama Majlis Bahasa Melayu Singapura, pada 14 Julai 2012 http://kembarabahasa.blogspot.my/2012/07/kesantunan-bahasa-asas-pembentukan-adab.html

Awang Sariyan (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan (2000). Proses pembakuan Bahasa Melayu dan pembinaan negara. Dlm. *Warna dan Suasana perancangan Bahasa Melayu di* Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan &Laila @ Liang Yan (2012). Perbandingan kesantunan bahasa dalam aspek sistem sapaan dan ungkapan fatis antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Cina. Dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof (pnyt). *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (ms.82-112). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Babanoğlu, M. P. (2014). A corpus-based study on the use of pragmatic markers as speechlike features in Turkish EFL learners' argumentative essays. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 136*, 186 – 193.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Baker, P. (2010). *Corpora and sociolinguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Bazzanella, C. (1990). Phatic connectives as interactional cues in contemporary spoken Italian. *Journal of Pragmatics*, *14*, 629-647.

Beeching K., & Woodfield, H. (2015). *Researching sosiopragmatic variability: Perspectives from variational interlanguage and contrastive pragmatics.* London: Palgrave MacMillan.

Beeching, K. (2016). *Pragmatic markers in British English. Meaning in social interaction.* Cambridge: Cambridge University Press.

Beeching, K. (2002). *Gender, politeness and pragmatic particles in French*. Pragmatics & Beyond New Series. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.

Beeching, K. (2001). Repair strategies and social interaction in spontaneous spoken French: the pragmatic particle enfin. *Journal of French Language Studies, 11*(1): 23 – 40. *11(01).* doi:10.1017/s0959269501000126

Bell, A. (1991). *The language of news media*. Oxford: Blackwell.Benjamins.

Bell, R. T., & Ser, Larry Peng Quee (1983) 'To-day la?' 'Tomorrow la!': the LA particle in Singapore English. *RELC Journal*, *14*(2), 1–18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Biber, D. (1990). Methodological issues regarding Corpus-based Analyses of Linguistic Variation. *Literary and Linguistic Computing*, *5*: 257-69.

Biber, D., Conrad, S., & Reppen, R. (1998). *Corpus linguistics: Investigating language structure and use.* Cambridge: Cambridge University Press.

Blakemore, D. (2002). *Relevance and linguistic meaning: The semantics and pragmatics of discourse markers.* Cambridge: New York: Cambridge University Press.

Blakemore, D. (2000). Indicators and procedures: nevertheless and but. *Journal of Linguistics*, *36*(3), 463-486.

Blakemore, D. (1992). *Understanding utterances*. Oxford: Blackwell.

Blakemore, D. (1989). Denial and contrast: a relevance-theoretic analysis of 'but'. *Linguistics and Philosophy, 12*(1), 15-37.

Blakemore, D. (1988). So as a constraint on relevance. Dlm. Kempson, R. M. (ed.) *Mental representations. The interface between language and reality* (ms. 183-195). Cambridge: Cambridge University Press.

Blakemore, D. (1987). *Semantic constraints on relevance*. Oxford: Blackwell.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Blakemore, D., & Gallai, F. (2014). Discourse markers in free indirect style and interpreting. *Journal of Pragmatics, 60*, 106—120.

Blum-Kulka, S. (1997) Discourse Pragmatics. Dlm. van Dijk, T. A. (Pnyt.), *Discourse as social interaction: Discourse Studies: A multidiscipline introduction,* 2, (ms. 38-63). London: Sage Publication.

Blum-Kulka, S. (1991). Interlanguage pragmatics: The case of requests. Dlm. Phillipson, R., Kellerman, E., Selinker, L., M.Sharwood & Swain, M (Pynt.). *Foreign/second language pedagogy research* (ms.255-272). Clevedon, UK: Multilingual Matters.

Blum-Kulka, S. (1990). You don't touch lettuce with your fingers: Parental politeness in family discourse. *Journal of Pragmatics*. *14*(2), 259-288.

Bousfield, D. (2006). The grand debate: Where next for politeness research? *Culture, Language and Representation*. *3*, 9-15. Retrieved from http://www.raco.cat/index.php/CLR/article/viewFile/106055/148020

Brinton, L. J. (2017). *The evolution of pragmatic markers in English: Pathway of change.* Cambridge: Cambridge University Press.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Brinton, L. J. (1996). *Pragmatic markers in English: Grammaticalization and discourse functions*. Berlin; New York: Mouton de Gruyter.

Brinton, L. J. (1996). *Pragmatic markers in English: grammaticalization and discourse functions*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter.

Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals In language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.

Brown, P., & Stephen C. L. (1978). Universals in language usage: Politeness phenomena. Dlm. Esther N. G. (pynt.), *Questions in politeness* (ms. 56–289). Cambridge: Cambridge University Press.

Caballero, J. A., Vergis, N., Jiang, X., & Pell, M.D. (2018). The sound of im/politeness. *Speech Communication*. *102*, 39-53.

Carter, R. (1998). Orders of reality: CANCODE, communication, and culture. *ELT Journal*, *52*(1), 43-56.

Carter, R., & McCarthy, M. (2006). *Cambridge grammar of English: A comprehensive guide.* Cambridge: Cambridge University Press.

Carter, R., Hughes, R., & McCarthy, M. (2000). *Exploring grammar in context. Upper-intermediate and advanced.* Cambridge: Cambridge University Press.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education. 5th Edition*. London: Routledge Falmer.

Coupland, N., Grainger, K., Coupland, J., & Agar, M. (1988). Politeness in context: Intergenerational issues (Review Article). *Language in Society*, *17*(2), 253-262.

Crystal, D. (1985). *A dictionary of linguistics and phonetics*. 2nd edition. Oxford: Blackwell.

Cuenca, Maria-Josep (2008). Pragmatic markers in contrast: The case of well. *Journal of Pragmatics, 40*, 1373–1391.

Cutting, J. (2015). Pragmatics 3rd edition. London: Routledge Taylor and Francis Group.

Dahlia Janan, Khairul Azam Bahari, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Zuraini Ramli (2012). Amalan kesantunan berbahasa dalam memartabatkan Bahasa Melayu. Dlm. Abdul Hamid Mahmood, Siti Saniah Abu Bakar, Sanat Md. Nasir (pnyt.). *Memartabatkan Bahasa Melayu: Pengajian Bahasa* (ms.34-45). Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka **Available at** http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=551&VertSectionID=25&CurLocation=238&IID=&Page=1

de Klerk, V. (2005). Procedural meanings of well in corpus of Xhosa English. *Journal of Pragmatics*, 37,1183-205.

Dér, C. L. (2010). On the status of discourse markers. *Acta Linguistic Hungarica*, *57*(1), 3-38.

Deterding, D. (2007). *Singapore English*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Diane Blakemore, Fabrizio Gallai (2014). Discourse markers in free indirect style and interpreting. *Journal of Pragmatics, 60*, 106—120.

Donghong Han (2011). Utterance production and interpretation: A discourse-pragmatic study on pragmatic markers in English public speeches. *Journal of Pragmatics, 43*, 2776–2794.

Dörnyei, Z. (2011). *Research methods in Applied Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.

Eades, D. (1982). 'You gotta know how to talk ... : information seeking in South-East Queensland Aboriginal Society'. *Australian Journal of Linguistics*, *2*(1), 61-82.

Eelen, G. (2001). *A critique of politeness theories*. Manchester: St Jerome Publishing.

Erman, B. (2001). Pragmatic markers revisited with a focus on you know in adult and adolescent talk. *Journal of Pragmatics*, *33*, 1337-1359.

Erman, B. (1987*). Pragmatic expressions in English: A study of' you know, you see and I mean in face-to-face conversation*. Stockholm studies in English Stockholm: Almqvist & Wiksell.

Erman, B. (1986). Some pragmatic expressions in English conversation. Dlm. Gunnel Tottie & Ingegerd Biicklund, (eds.). *English in speech and writing: A symposium*, 131-147. Acta Universitatis Upsaliensis, Studia Anglistica Upsaliensia 60. Uppsala: Textgruppen i Uppsala AB.

Fareed, H. Al-Hindawi & Musaab A. Rahman Alkhazaali (2016). A critique of politeness theories. Theory and practice. *Language Studies*, *6*(8), 1537-1545.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2015). *Sintaksis enklitik -nya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2012). *Pemantapan dan pembinaan ilmu Linguistik berasaskan korpus.* Bangi: Penerbit UKM.

Feng, Guangwu (2011). A neo-Gricean pragmatic analysis of Chinese pragmatic markers. *Language Sciences, 33*, 417–434.

Ferenčik, M. (2017). I'm not Charlie: (Im) politeness evaluations of the Charlie Hebdo Attack in an internet discussion forum. *Journal of Pragmatics*, *111*, 54–71.

Fischer, K. (2006). Towards an understanding of the spectrum of approaches to discourse particles: Introduction to the volume. In Fischer, K. (Pnyt.) *Approaches to discourse particles* (ms. 1-20). Amsterdam: Elsevier.

Foolen, A. (1996). Pragmatic Particles. In Verschuren, J. et al., (Pnyt.). *Handbook of Pragmatics*. Ansterdam: Benjamins.

Fox Tree, J. E. (2015). Discourse marking in writing. *Discourse Studies*, *17*(1), 62-82.

Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (1996). *How to design and evaluate research*. USA: Mc Fraw-Hill Inc.

Fraser, B. (2009). An account of discourse markers. *Rev. Pragmatic*, *1,* 1-28.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Fraser, B. (2006). Towards a theory of discourse markers. In Fischer, K. (Pnyt.) *Approaches to discourse particles* (ms. 189-204). Amsterdam: Elsevier.

Fraser, B. (1999). What are discourse markers? *Journal of Pragmatics*, *31*, 931-952.

